

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[02 ZULKAEDAH 1447H / 20HB APRIL 2026]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING
5.	YB DATO' UST HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
6.	YB TUAN UST HJ MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
7.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

8.	YB DATO' HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>D.J.M.K, J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
9.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
10.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M., A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
11.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.J.M.K, D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
12.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K., D.J.M.K., S.M.K., J.P.</i>	PASIR PEKAN
13.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
14.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
15.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
16.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K., A.K.</i>	PANTAI IRAMA
17.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
18.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>J.M.K, A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
19.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
20.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH <i>S.M.K.</i>	WAKAF BHARU

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

21.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN S.M.K	DABONG
22.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
23.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN J.M.K.	KELABORAN
24.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD A.K.,J.S.M.	MELOR
25.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD J.S.M.	GUAL PERIOK
26.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH A.S.K.	CHEMPAKA
27.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
28.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
29.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
30.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
31.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN A.K.	BUNUT PAYONG
32.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.	KUALA BALAH
33.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
34.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL S.M.K.	SALOR
35.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
36.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
37.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
38.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

- | | | |
|-----|---|------------------|
| 39. | YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ.
ABDUL GHANI
<i>D.S.M. (Melaka)</i> | NENGGIRI |
| 40. | YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM | KOTA LAMA |
| 41. | YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM
<i>D.J.M.K., J.M.K.</i> | GALAS |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | |
|----|--|-----------------|
| 1. | YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB
RAHMAN
<i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian,
Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | KEMAHANG |
| 2. | YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN
<i>D.J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air
& Pembangunan Luar Bandar) | KIJANG |
| 3. | YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR
<i>D.J.M.K., J.M.K.</i> | KADOK |
| 4. | YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN
<i>D.P.T.J.</i> | PALOH |

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ
BIN TENGKU FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
A.S.K.

**DEWAN NEGERI
KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ISTIADAT PEMBUKAAN
PENGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2026**

=====

[ISNIN]

[02 ZULKAEDAH 1447H BERSAMAAN 20HB. APRIL 2026]

**PERSIDANGAN DEWAN DIMULAKAN SEBAIK SAHAJA YANG MAHA
MULIA PEMANGKU RAJA BERANGKAT TIBA DAN BERSEMAYAM DI
MAJLIS DALAM.**

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa.

[BERDOA SAMBIL BERDIRI]

**II. .. PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KETIGA
(BELANJAWAN), BAGI TEMPOH PENGAL YANG KETIGA,
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS.**

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Pengesahan
Peringatan Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal
Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

YB DATO' SPEAKER : Minta cadangan...

YB HJ AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم ،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peringatan Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu 15, 18, 19, 20 dan 21 Jamadil Awal 1447H bersamaan 06hb, 09hb, 10hb, 11hb dan 12hb November 2025 supaya diterima dan disahkan.

YB DATO' SPEAKER : Sokongan...

YB MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم ،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu 15, 18, 19, 20 dan 21 Jamadil Awal 1447H bersamaan 06hb, 09hb, 10hb, 11hb dan 12hb November 2025 supaya diterima dan disahkan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

Peringatan Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu 15, 18, 19, 20 dan 21

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

Jamadir Awal 1447H bersamaan 06hb, 09hb, 10hb, 11hb dan 12hb November 2025 diterima dan disahkan.

**[PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN), BAGI
TEMPOH PENGGAL KETIGA, DEWAN NEGERI KELANTAN
KELIMABELAS DISAHKAN]**

**[SETIAUSAHA MENGANGKAT TEKS PERINGATAN TERSEBUT
KEPADA YB DATO' SPEAKER]**

III. .. TITAH UCAPAN D'RAJA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Titah Ucapan D'Raja.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan Dewan akan ditempohkan buat seketika bagi memberi ruang kepada saya dan Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar meninggalkan Dewan Persidangan untuk menyambut dan seterusnya mengiringi keberangkatan masuk Yang Maha Mulia Pemangku Raja ke Dewan Persidangan bagi Istiadat Pembukaan Penggal Yang Keempat, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

*[JURU ACARA DARI URUSETIA PENERANGAN AKAN MENGAMBIL ALIH TUGAS
SEBAGAI JURU ACARA
DAN MENGISYTIHARKAN SUSUNAN MAJLIS DAN ATURCARA MENGIKUT
SUSUNAN URUSAN ATURCARA
UPACARA MAJLIS PERASMIAN SETERUSNYA]*

*[SETIAUSAHA DEWAN AKAN MENGAMBIL TEMPAT BERSAMA-SAMA DENGAN
PELAPOR DEWAN DAN BENTARA DEWAN]*

*[YB DATO' SPEAKER DAN DATIN, YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG
MENTERI BESAR DAN DATIN MENINGGALKAN DEWAN PERSIDANGAN]*

*[YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA BERANGKAT MASUK KE MAJLIS
PERSIDANGAN]*

*[JURUACARA ISYTIHAR "BAHAWA YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA AKAN
BERTITAH]*

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

*[YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG MENTERI BESAR MENGAMBIL,
MEMBAWA DAN SETERUSNYA MENYEMBAH TEKS TITAH UCAPAN D'RAJA
KEPADA YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA]*

[YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA BERTITAH]

بسم الله الرحمن الرحيم ،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Segala Puji Dan Syukur Kepada Allah Jua.
Beta Rafakkan Ke Hadrat Allah

Subhanahu Wataala, Yang Telah Melimpahkan Rahmat Dan Kurniannya,
Mengizinkan Beta menyempurnakan Majlis Istiadat Pembukaan Penggal
Bagi Tempoh Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima
Belas, Tahun Dua Ribu Dua Puluh Enam Pada Hari Ini.

Selawat Dan Salam Beta Persembahkan Kepada Junjungan Besar Nabi
Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kepada ahli keluarga baginda,
para sahabat dan para pengikut Baginda hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Beta merakamkan penghargaan atas segala usaha dan komitmen yang
telah ditunjukkan oleh semua pihak dalam melaksanakan amanah yang
diberikan oleh rakyat. Beta berharap agar semua Ahli Yang Berhormat
dan seluruh jentera Kerajaan Negeri serta rakyat Negeri Kelantan dapat
terus memberikan khidmat dan komitmen yang terbaik demi kemajuan
dan kesejahteraan Negeri Kelantan Darul Naim.

Dunia kini berhadapan dengan perubahan global yang semakin
dinamik dan mencabar. Ketidaktentuan ekonomi antarabangsa,
perubahan iklim serta ketegangan geopolitik antara kuasa besar
memberikan kesan langsung kepada rantai bekalan, keterjaminan
sumber makanan dan kos kehidupan di seluruh dunia. Perkembangan
ini turut memberikan implikasi kepada negara kita dan negeri-negeri
termasuk Kelantan.

Sehubungan dengan itu, dalam menghadapi cabaran global yang
semakin kompleks ini, Beta menyeru seluruh rakyat dan Kerajaan
Negeri Beta supaya dapat menumpukan usaha-usaha meningkatkan

keupayaan ekonomi, dan kekal memelihara keharmonian sosial, menghormati nilai keagamaan dan menghargai perpaduan masyarakat selari dengan dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi dasar induk kerajaan Negeri Kelantan.

Beta ingin menegaskan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memelihara suasana yang aman dan harmoni dengan menjunjung tinggi undang-undang, peraturan serta garis panduan yang telah ditetapkan dalam setiap aspek kehidupan, termasuk di dalam perkara sensitif merangkumi pembinaan rumah atau tempat ibadat yang menjadi perhatian ramai ketika ini. Kepatuhan ini bukan sahaja mencerminkan kematangan sivik, malah menjadi asas penting dalam mengelakkan sebarang bentuk pertelingkahan dan ketidakharmonian.

Sebarang tindakan yang mencemar kesucian agama atau menimbulkan ketegangan antara kaum tidak boleh diterima sama sekali. Undang-undang perlu dilaksanakan secara adil dan tegas serta disusuli dengan pelaksanaan program kesedaran bagi memastikan keamanan awam serta keharmonian negeri ini terus terpelihara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta menyambut baik usaha berterusan Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh daya tahan ekonomi negara melalui pelbagai dasar pembangunan dan inisiatif strategik yang turut memberikan manfaat kepada Negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim Perdana Menteri Malaysia di atas kerjasama strategik bersama kerajaan negeri yang telah menyumbangkan kejayaan dalam pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di negeri ini.

Beta berasa sukacita atas pengoperasian Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang telah siap dinaik taraf sepenuhnya. Beta juga

menzahirkan harapan agar kerjasama pihak Persekutuan dan Negeri diteruskan dengan pelaksanaan Projek Kota Bharu Sentral melalui integrasi pembangunan laluan rel pantai timur (ECRL) sebagai hab transit moden yang bakal menjadi pemangkin ekonomi setempat.

Beta melihat keadaan infrastruktur di Negeri Kelantan masih lagi perlu ditambah baik agar tidak ketinggalan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Oleh itu, Beta amat berharap agar kerajaan negeri mengambil berat terhadap perancangan dan pelaksanaan infrastruktur di negeri ini dengan pelibatan langsung Kerajaan Persekutuan. Pembangunan infrastruktur yang menyeluruh ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak perancangan pembangunan pada masa akan datang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Kekuatan sesebuah negeri bermula dengan kecekapan pentadbirannya. Justeru, Beta ingin menegaskan bahawa kepentingan tadbir urus yang cekap, berintegriti dan telus hendaklah sentiasa menjadi teras dalam setiap urusan rasmi kerajaan. Para penjawat awam hendaklah terus memperkukuh integriti, meningkatkan produktiviti serta memastikan penyampaian perkhidmatan awam dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Hal ini amat penting bagi memelihara keyakinan rakyat dan pelabur terhadap pentadbiran negeri ini agar sentiasa bebas daripada sebarang isu rasuah serta pelanggaran integriti dalam kalangan penjawat awam. Pernerkaan pemahaman dan penghayatan kepada konsep Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) juga perlulah diterapkan dengan lebih mendalam dalam kalangan semua penjawat awam.

Beta juga ingin menegaskan bahawa setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan hendaklah mematuhi dokumen perancangan yang telah diluluskan. Pematuhan ini amat penting bagi memastikan pembangunan dapat dilaksanakan secara sistematik dan mampan. Kerajaan Negeri juga hendaklah terus memperkasa sektor-sektor ekonomi berimpak tinggi bagi merangsang pertumbuhan

ekonomi negeri.

Pada masa yang sama, pembangunan Tok Bali Industrial Park sebagai hab perindustrian baharu berpotensi menarik pelaburan dalam sektor pembuatan, pemprosesan makanan, logistik serta industri marin. Peluang yang terhasil daripada pembangunan kawasan industri baharu ini wajar direbut dan diberikan perhatian oleh setiap lapisan rakyat Beta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Sektor pelancongan turut menjadi pemangkin penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Beta bersyukur kerana Negeri Kelantan Darul Naim dianugerahkan keindahan alam semula jadi, warisan budaya serta tradisi yang unik, sekali gus menjadikan negeri Beta sebagai destinasi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Oleh itu, Beta menyeru kerajaan negeri agar terus mempergiat usaha menaik taraf kemudahan pelancongan serta memperluas promosi pelancongan selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026. Sebagai sebuah negeri yang turut menampilkan keunikan gastronomi sebagai tarikan utama pelancongan, dalam konteks pengurusan makanan khususnya Beta menggesa pihak yang terlibat termasuk penyedia makanan perlu memastikan makanan yang dijual adalah halal, bersih, dijual pada harga berpatutan dan seharusnya memberikan layanan mesra sebagai identiti hospitaliti di Negeri Kelantan. Sehubungan dengan aspek melibatkan makanan juga, khususnya sebagai input kepada penyediaan makanan, kerajaan negeri sewajarnya memperkukuh bidang pertanian secara lebih strategik bagi memastikan bekalan makanan negeri kekal mencukupi dan berkualiti.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Beta juga ingin menegaskan bahawa Negeri Kelantan hendaklah memantapkan sistem pendidikan yang holistik dan seimbang,

merangkumi pendidikan arus perdana, pendidikan agama serta pendidikan kemahiran. Sistem pendidikan yang mantap akan melengkapi generasi muda dengan ilmu pengetahuan, akhlak dan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa. Hal ini penting bagi melahirkan modal insan yang berkualiti serta kukuh pegangan rohani dan nilai akhlaknya, sekali gus menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan Negeri Kelantan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Beta amat prihatin dengan tahap kesihatan fizikal dan mental rakyat Beta. Justeru, Beta menggesa Kerajaan Negeri agar dapat mewujudkan platform sokongan khidmat psikologi, sokongan sosial, sokongan persekitaran dan sokongan kerohanian, seperti penyediaan taman-taman rekreasi dan kemudahan sukan. Beta juga ingin menekankan kepentingan kerajaan Beta bagi menilai semula bantuan kebajikan yang bersesuaian, meningkatkan capaian kepada pusat kaunseling komuniti dan pemerkasaan institusi agama sebagai instrumen kesejahteraan rakyat Beta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Beta menaruh keyakinan bahawa melalui perpaduan, kerjasama dan komitmen semua pihak, Negeri Kelantan akan terus melangkah maju sebagai sebuah negeri yang makmur, sejahtera dan diberkati.

Marilah kita bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha bagi memastikan setiap perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara berterusan dan memberi manfaat kepada generasi masa hadapan. Akhirnya, semoga segala usaha ini sentiasa mendapat keberkatan Ilahi.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim Beta dengan ini merasmikan Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Ke 15 Bagi Tahun 2026.

HARI ISTIADAT PERMBUKAAN

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*[YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG MENTERI BESAR TAMPIL DAN
MENYAMBUT TEKS TITAH UCAPAN D'RAJA DARIPADA YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA]*

*[SETELAH COKMAR BERADA DIHADAPAN SUSUNAN BENDERA, JURUACARA
ISYTIHAR "BAHAWA YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA AKAN BERANGKAT
MENINGGALKAN DEWAN PERSIDANGAN KE BILIK REHAT DI RAJA"]*

[LAGU SELAMAT SULTAN DIMAINKAN]

*[YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA AKAN BERJALAN KAUS KE PINTU UTAMA
DEWAN NEGERI UNTUK SESI BERGAMBAR]*

*[YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA MENINGGALKAN MAJLIS UNTUK
BERANGKAT PULANG]*

*[YB DATO' SPEAKER DAN YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG
MENTERI BESAR MASUK KE MAJLIS PERSIDANGAN]*

* * *

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah Istiadat Pembukaan telah pun selesai dan sekarang saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan Dewan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Selasa 03 Zulkaedah 1447 Hijriah bersamaan 21hb. April 2026 bermula pada jam 9.00 pagi. Semua Ahli Yang Berhormat dijemput ke ruang Pintu Utama Dewan Negeri Kelantan untuk sesi bergambar bersama YMM Pemangku Raja dan selepas itu ke Jamuan Makan Tengahari di Dewan Bunga Teratai.

Marilah sama-sama kita menutup persidangan pada pagi ini dengan membaca Tasbih Kaffarah dan Surah wal 'Asr.

[PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN]

[MAJLIS BERSURAI]

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[03 ZULKAEDAH 1447H / 21HB APRIL 2026]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING
5.	YB DATO' UST HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
6.	YB UST TUAN HJ MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
7.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

8.	YB DATO' HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>D.J.M.K, J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
9.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
10.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M., A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
11.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.J.M.K, D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
12.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K., D.J.M.K., S.M.K., J.P.</i>	PASIR PEKAN
13.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
14.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
15.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
16.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K., A.K.</i>	PANTAI IRAMA
17.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
18.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>J.M.K, A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
19.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
20.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH <i>S.M.K.</i>	WAKAF BHARU

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

21.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN S.M.K	DABONG
22.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
23.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN J.M.K.	KELABORAN
24.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD A.K.,J.S.M.	MELOR
25.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD J.S.M.	GUAL PERIOK
26.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH A.S.K.	CHEMPAKA
27.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
28.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
29.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
30.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
31.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN A.K.	BUNUT PAYONG
32.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.	KUALA BALAH
33.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
34.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL S.M.K.	SALOR
35.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
36.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
37.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
38.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

- | | | |
|-----|---|------------------|
| 39. | YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ.
ABDUL GHANI
<i>D.S.M. (Melaka)</i> | NENGGIRI |
| 40. | YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM | KOTA LAMA |
| 41. | YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM
<i>D.J.M.K., J.M.K.</i> | GALAS |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | |
|----|--|-----------------|
| 1. | YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB
RAHMAN
<i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian,
Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | KEMAHANG |
| 2. | YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN
<i>D.J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air
& Pembangunan Luar Bandar) | KIJANG |
| 3. | YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR
<i>D.J.M.K., J.M.K.</i> | KADOK |
| 4. | YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN
<i>D.P.T.J.</i> | PALOH |

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ
BIN TENGKU FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
A.S.K.

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS
PADA 03, 04 DAN 05 ZULKAEDAH 1447 H
[21HB, 22HB DAN 23HB APRIL 2026/ SELASA, RABU DAN KHAMIS]**

=====

SETIAUSAHA :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Pertama, Bagi Tempoh Penggal Keempat, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

الفاتحه ...

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, doa ...

[BERDOA SAMBIL BERDIRI]

II. .. UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER.

SETIAUSAHA: Susunan urusan Persidangan Yang Kedua, Ucapan Oleh Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya bagi pihak Dewan Negeri Kelantan merafak sembah setinggi-tinggi tahniah kehadapan Yang Maha Mulia Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra di atas Pemashyuran sebagai Pemangku Raja Kelantan.

Saya juga merafak sembah setinggi-tinggi tahniah Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan di atas pelantikan sebagai Pengerusi Surahanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan yang baru pada 09 Syawal 1447H bersamaan 29hb Mac 2026.

Ahli-Ahli Dewan dan seluruh rakyat Negeri Kelantan mendoakan YMM Tuanku agar sentiasa berada dalam peliharaan Allah hendaknya,

bersemayam di atas takhta kebesaran dengan penuh kedaulatan dan terus teguh memayungi sekalian rakyat di negeri ini dengan Syariat Ilahi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya telah menerima beberapa surat permohonan untuk tidak menghadiri Persidangan pada 20-23 April 2026 daripada Yang Berhormat Dato' Mejar (B) Hj Md. Anizam Bin Ab. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia Perdagangan dan Keusahawanan Negeri, Yang Berhormat Dato' Dr. Izani Bin Hj Husin Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kadok dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Paloh atas sebab-sebab kesihatan. Dengan ini saya meluluskan permohonan tersebut. Terima kasih.

III - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Kertas-Kertas Yang Dibentang Di atas Meja.

Kertas-Kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil. 1 tahun 2026 hingga Kertas Dewan Bil. 08 Tahun 2026 sebagaimana yang dibentang di atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat.

- | | | |
|-----------------------------|----|--|
| 1. Kertas Dewan Bil.01/2026 | .. | Anggaran Tambahan Kedua Tahun 2025 di bawah Kepala Perbelanjaan Tanggungan. |
| 2. Kertas Dewan Bil.02/2026 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Dabong Bagi Tahun 2024. |
| 3. Kertas Dewan Bil.03/2026 | .. | Penyata Kewangan Yayasan Islam Kelantan bagi tahun berakhir 31/12/2025 yang telah diaudit. |

- | | | |
|-----------------------------|----|---|
| 4. Kertas Dewan Bil.04/2026 | .. | Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Bagi Tahun 2024. |
| 5. Kertas Dewan Bil.05/2026 | .. | Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Kelantan bagi tahun berakhir pada 31/12/2024. |
| 6. Kertas Dewan Bil.06/2026 | .. | Laporan Ketua Audit Negara Siri 1/2026 Negeri Kelantan. |
| 7. Kertas Dewan Bil.07/2026 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Tumpat Bagi Tahun 2024. |
| 8. Kertas Dewan Bil.08/2026 | .. | Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam Bagi Tahun 2024. |

IV - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, Soalan-soalan Yang Akan Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Bertulis**.

Soalan-soalan oleh:

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN

YB TUAN HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD

YB TUAN HJ SAIZOL BIN ISMAIL
YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HJ ABDUL GHANI
YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM

Jawapan-jawapan bagi soalan-soalan tersebut adalah sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut**.

Soalan-soalan oleh:-

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH
YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM
YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN
YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD
YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE
YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH
YB HJ SAIZOL BIN ISMAIL
YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD
YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS
YB TUAN HJ HARUN BIN ISMAIL
YB TUAN HJ MOHD HUZAIFY BIN CHE HUSIN
YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG
YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD
YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN
YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN
YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH
YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR
YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR
YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN

YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN

YB TUAN MOHD ASMAWI FIKRI BIN HJ ABDUL GHANI

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM

[YB DATO' SPEAKER AKAN MENGAMBIL ALIH SETERUSNYA....]

YB DATO' SPEAKER : Sekarang saya menjemput Yang Berhormat ADUN Chetok.

YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya mengutip hasil tanah sebanyak RM 380 juta bagi tahun 2025. apakah faktor kejayaan dan bagaimana Kerajaan Negeri memastikan prestasi ini konsisten di semua jajahan pada tahun 2026?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Chetok,

قال الله تعالى

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّحِيبٌ

Maksudnya: Dia lah Allah SWT yang mencipta kamu daripada bumi yakni daripada tanah dan ia memerintah kamu supaya kamu mengimarahkan memakmurkan bumi ini oleh kerana itu hendaklah kamu sentiasa beristighfar kepadaNYA memohon keampunan kepadaNYA dan juga

bertaubat rujuk kembali kepadaNYA sesungguhnya Tuhan itu amat dekat lagi memperkenankan permohonan hamba-hambanya.

Kerajaan Negeri bersyukur atas kejayaan mencatat kutipan hasil tanah berjumlah RM380 juta bagi tahun 2025 yang merupakan satu pencapaian memberangsangkan. Hasil usaha bersepadu Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan bersama Pejabat Tanah dan Jajahan di seluruh negeri.

Kejayaan ini didorong oleh beberapa faktor utama, antaranya:

1.Pengukuhan tadbir urus dan pemantauan kutipan hasil

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian telah memperkemaskan mekanisme pemantauan dengan menetapkan sasaran kutipan yang jelas kepada setiap Pejabat Tanah dan Jajahan serta melaksanakan pemantauan prestasi secara berkala.

2.Peningkatan kecekapan Pentadbiran Pejabat Tanah dan Jajahan

Prosesan permohonan berkaitan tanah seperti pemberimilikan, tukar syarat dan pecah sempadan diproses secara lebih sistematik.

3.Pemeriksaan Sistem Pembayaran dan Perkhidmatan Digital

Penyediaan kemudahan pembayaran hasil tanah secara atas talian serta pendigitalan sistem pentadbiran tanah telah mempercepatkan proses perkhidmatan disamping meningkatkan ketelusan serta keberkesanan pengurusan kutipan hasil.

Bagi memastikan prestasi kutipan hasil tanah ini dapat dikekalkan dan dipertingkatkan di semua jajahan pada tahun ini 2026, kerajaan negeri akan meneruskan beberapa langkah strategik seperti berikut:

- 1. Menetapkan KPI Kutipan Hasil** yang jelas kepada setiap Pejabat Tanah dan Jajahan, selaras dengan potensi hasil di kawasan masing-masing.
- 2. Mengoptimumkan penggunaan tanah kerajaan** melalui pembangunan strategik, pajakan atau kerjasama pembangunan yang berpotensi menjana premium dan hasil berkaitan tanah.
- 3. Meningkatkan kesedaran dan pematuhan pembayar cukai** melalui pelbagai saluran komunikasi agar pemilik tanah

memahami kepentingan menjelaskan bayaran cukai tanah tepat pada masanya.

4. Memperkukuh Kapasiti Sumber Manusia melalui latihan berterusan bagi meningkatkan profesionalisme dan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam pengurusan hasil tanah.

5. Mempertingkatkan penguatkuasaan di bawah Kanun Tanah Negara bagi memastikan pematuhan undang-undang serta mengelakkan sebarang ketirisan hasil negeri.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER : Sila Chetok.

YB TUAN HJ ZUR Aidin Bin Abdullah :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, dan terima kasih kepada YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Soalan tambahan saya adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan satu sistem yang lebih mesra pembayar seperti memperkenalkan sistem peringatan digital berjadual supaya kutipan cukai lebih terus stabil dan juga mampan dan kita juga tidak terus bergantung kepada notis dan juga tindakan penguatkuasaan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Chetok di atas soalan tambahan sekejap tadi. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menambah baik kaedah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat termasuk dalam urusan kutipan hasil tanah agar lebih mudah, cepat dan mesra pengguna. Sebagaimana negeri-negeri lain pengurusan kutipan cukai tanah di Negeri Kelantan juga dilaksanakan berasaskan peruntukan Kanun Tanah Negara yang tidak memperuntukkan kewajipan kepada pentadbir tanah untuk mengemukakan peringatan kepada pemilik tanah bagi tujuan pembayaran cukai tanah.

Walaupun notis peringatan ini secara bersasar dan hebahan umum melalui pelbagai saluran maklumat dan hebahan semasa sentiasa disediakan melalui portal rasmi, media sosial jabatan serta saluran

komunikasi sedia ada bagi memudahkan rakyat mendapatkan maklumat berkaitan pembayaran cukai tanah.

Pejabat Tanah sentiasa menggalakkan pemilik tanah supaya membuat bayaran lebih awal. Sikap proaktif dan berdisiplin dalam menjelaskan cukai tanah boleh mengelakkan apa-apa tindakan penguatkuasaan dan penalti berdasarkan peraturan sedia ada.

Kerajaan Negeri akan terus meneliti ruang penambahbaikan dari semasa ke semasa agar sistem penyampaian perkhidmatan ini sentiasa selari dengan keperluan semasa, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ok sila Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato' MB kerana atas jawapan. Dato' Speaker dalam buku Bajet Kelantan hasil tanah dianggarkan RM379 juta atau 38 % daripada hasil negeri pada tahun 2024. Peningkatan sebanyak RM2 juta daripada 2024 atau 0.5% yang saya anggap kecil. Jadi apakah sebenarnya strategi baru kerajaan negeri dalam meningkatkan hasil negeri secara mampan? Apakah Kerajaan Negeri sekadar bergantung kepada sumber lama dan menumpukan kepada kutipan rakyat ini sedangkan isu tanah terbiar, pentadbiran tanah dan pengurusan *premium* mungkin masih belum ditangani sepenuhnya, terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Lama atas soalan tambahan. Bagi saya RM2 juta itu pun banyak doh. Sebenarnya peningkatan hasil ini dari setahun ke setahun dari segi kutipan ini telah meningkat dan kesedaran rakyat untuk membayar cukai tanah lebih awal itupun sudah meningkat. Cuma apa yang di soalan tambahan tadi apakah apa nama yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi kutipan hasil. Saya dah jelaskan dalam jawapan kepada Chetok sekejap tadi boleh rujuk dalam jawapan saya.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah strategi kerajaan negeri bagi memastikan Integriti setiap kakitangan awan tetap terpelihara.?]

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kelaboran kerana telah mengutarakan soalan. Ini menunjukkan bahawa keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap soal integriti dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Jadi bagi kerajaan negeri soal integriti adalah antara perkara yang paling diutamakan. untuk memastikan integriti penjawat awam sentiasa terpelihara, kerajaan negeri melaksanakan beberapa strategi utama antaranya adalah :

Yang pertama, Pengukuhan Tadbir Urus Yang Baik ataupun dalam istilah yang biasa digunakan adalah (*Good Governance*) ataupun tata kelola pentadbiran yang baik iaitulah dengan kita sentiasa menekankan pematuhan kepada Kod Etika Perkhidmatan Awam itu, yang pertama.

Yang keduanya tidak lari daripada nilai agama iaitulah penerapan nilai Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (U.M.I), pelaksanaan SOP yang jelas serta pemantauan melalui audit dalaman bagi memastikan pentadbiran yang telus, berakauntabiliti dan juga berintegriti.

Yang kedua, adalah pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Melalui pelaksanaan plan di jabatan dan agensi negeri bagi mengenal pasti risiko rasuah, melaksanakan langkah pencegahan serta pemantauan berkala terhadap pelaksanaannya.

Seterusnya kerajaan juga mengadakan kerjasama strategik dengan Agensi Penguatkuasaan iaitu dengan cara memperkukuh kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui program pendidikan integriti, pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR), khidmat nasihat serta audit integriti bagi menambah baik sistem pentadbiran.

Yang seterusnya mengadakan Latihan, Pendidikan dan Pembudayaan Integriti seperti kita mengadakan kursus, seminar dan program pembangunan kepimpinan bagi meningkatkan kesedaran serta membudayakan integriti dalam kalangan penjawat awam.

Antaranya lagi Memperkasakan Mekanisme Aduan dan Perlindungan Pemberi Maklumat ataupun (*Whistleblower*). Kita menyediakan platform aduan di dalam talian (Sistem e-Integra, Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, BITU melalui Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, BPTM, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat selaras dengan peruntukan undang-undang seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblower*). Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kelaboran.

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya adakah semua jabatan diwajibkan menyediakan laporan tahunan integriti dan adakah audit integriti dijalankan oleh pihak bebas atau dalaman sahaja?

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Terima kasih Kelaboran. Tidak semua, ya. Tidak semua jabatan diwajibkan menyediakan laporan tahunan integriti. Walaubagaimanapun kita mempunyai dua pelaporan integriti yang perlu disediakan setiap tahun melalui Bahagian Integriti Dan Tadbir Urus, BITU kepada SPRM dan juga JPA iaitulah pelaporan aktiviti jabatan ataupun agensi unit integriti agensi dan juga pelaporan peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti.

Selain daripada itu, pihak Audit Integriti juga dijalankan dan ianya tidak terhad kepada audit dalaman sahaja. Ianya juga melibatkan audit pihak luar sebenarnya yang mana perlaksanaan audit dalam dan audit luaran diperincikan antaranya melalui Pengurusan Antirasuah Pejabat SUK Negeri Kelantan, Khidmat Nasihat dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sistem Pengurusan Integriti dan juga *governance*, prosedur kewangan dan juga audit bebas, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan input yang diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM pecahan tangkapan kes rasuah mengikut perolehan dan projek Kerajaan Persekutuan dan negeri nampaknya kakitangan Kerajaan Negeri kita juga tidak terkecuali daripada terlibat dalam kes-kes yang melibatkan SPRM.

Soalan tambahan saya dalam konteks pelantikan ke jawatan penting dalam GLC negeri, apakah jaminan bahawa pelantikan dibuat mengikut merit dan bukan melalui kabel politik yang mungkin boleh menjejaskan integriti sistem pentadbiran di negeri kita ini, terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Terima kasih Galas di atas soalan tambahan ya. Sekiranya ada laporan maka ada siasatan oleh SPRM tetapi bila siasatan dilakukan oleh SPRM bukan bermaksud ada kesalahan, itu mesti difahami. Siapa saja boleh melaporkan dan bila ada laporan maka ada siasatan. Apabila ada siasatan Alhamdulillah biasanya siasatan itu tidak perlu kepada pendakwaan kerana ianya tidak terbukti ada kesalahan walaupun bagaimanapun kalau ada kesalahan sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat maklum telah pun dilaporkan dan telahpun menjalani proses perundangan yang sewajarnya.

Berhubung dengan perlantikan GLC ni ada yang mempunyai enakmen dan sebagainya. Dan enakmen itu sebenarnya telah menentukan siapakah yang sepatutnya dilantik. Kita tidak boleh lantik sebarangan, dia ada ahli-ahli tetap seumpamanya saya maksudkan adalah umpamanya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kemudian EXCO yang berkaitan kemudian Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Pegawai Undang-Undang dan juga Dato' PKN.

Kemudian ianya dilantik daripada ketua-ketua jabatan yang terlibat dan biasanya ahli professional dan juga ahli politik. Memang ada ketetapan begitu bukan kita boleh melantik sembarangan. Dan ahli professional ini kita akan lihat dan kita akan tapis mengikut CV dan juga kemahiran pengalaman yang ada kepadanya. Dan daripada masa ke semasa kita akan sentiasa menilai ya, menilai apa kita panggil istilahnya adalah *performance* dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker daripada masa ke semasa. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Dengan segala hormatnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon untuk mendapatkan jawapan bagi soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah transformasi utama yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memodenkan serta memaksimumkan penggunaan tanah pertanian di Negeri Kelantan, dan apakah hasil utama yang telah dicapai setakat ini.]

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Chempaka. Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pendekatan transformasi sektor pertanian secara menyeluruh merangkumi aspek pengoptimuman tanah pemodenan teknologi, pembangunan modal insan, pemerkasaan institusi dan juga projek kerjasama dengan agensi-agensi persekutuan.

Bagi memastikan sektor ini lebih produktif, berdaya saing dan mampan di mana pendekatan ini boleh dilihat melalui tujuh strategi berikut :

1. Pengoptimuman tanah dan peningkatan guna tanah, pelaksanaan Projek Pembangunan Tanah Terbiar bagi menukar tanah yang tidak diusahakan kepada kawasan pertanian produktif. Di mana melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan sepanjang RMK-12 dengan peruntukan Kerajaan Negeri hampir RM3 juta berjaya membangunkan tanah-tanah terbiar seluas 264.46 hektar melibatkan pembangunan usahawan tani seramai 270 petani.
2. Pemerkasaan Komoditi Strategik dan pertanian bernilai tinggi. Pembangunan pelbagai komoditi utama bagi memperkukuh sekuriti makanan dan meningkatkan pendapatan petani melalui pembangunan komoditi asas seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan kelapa, juga tanaman bernilai tinggi seperti durian telung, kelapa pandan, fertigasi *premium*. Di mana dengan strategi ini kita telah berjaya mengalihkan fokus pertanian negeri kepada pertanian komersial berimpak tinggi.

3. Pemodenan Teknologi dan mekanisasi pertanian, penggunaan teknologi moden dipergiat untuk meningkatkan kecekapan dan hasil melalui perbanyakkan penggunaan sistem fertigasi dan Rumah Pelindung Hujan (RPH) dikenakan mekanisasi pertanian varieti tanaman berkualiti tinggi, aplikasi teknologi pintar IOT dan automasi, program pemindahan teknologi hasil R&D dan khususnya dari MARDI kepada masyarakat petani. Di mana kita nampak impak keluaran lebih stabil, kos jangka panjang lebih efisien dan kurang kebergantungan kepada tenaga buruh.
4. Strategi keempat ialah Pembangunan Usahawan Tani dan Agro Niaga Muda penekanan kepada pembangunan modal insan melalui latihan, bimbingan dan sokongan kewangan di mana sepanjang tahun 2024 dan 2025 program Geran Agropreneur Muda (GAM) telah berjaya membangunkan 15 usahawan tani dengan peruntukan hampir RM400 000.00.

Membangunkan minimal pengurusan tani Al-Falah DUN setiap tahun dibawah pemantauan Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN seluruh Negeri Kelantan di mana hasil utama ialah berjaya melahirkan agro primuda baru dan meningkatkan penglibatan belia juga beliawanis dalam sektor pertanian.

5. Transformasi berasaskan nilai dan pembangunan insan melalui perlaksanaan dasar “Bertani Satu Ibadah” dan gerakan pertanian Al- Falah sebagai pendekatan pembangunan insan dalam sektor pertanian. Di mana kita telah membuat penekanan kepada pembentukan nilai disiplin dan integriti petani. Pembinaan *mindset* keusahawanan moden. Penglibatan komoditi melalui program di peringkat DUN dan juga para petani memahami kewajipan mereka dan menunaikan zakat pertanian.
6. Pemeriksaan GLC pertanian sebagai ejen perubahan Kerajaan Negeri. Memperkukuh peranan GLC pertanian sebagai pemacu transformasi sektor pertanian iaitu melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan yang telah membangunkan banyak projek-projek baru dan tanah-tanah terbiar.

Yang kedua, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad anak syarikat PKINK. Yang ketiga, Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd anak syarikat PMBK. Dan Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd. Di mana peranan GLC tersebut ialah melaksanakan projek-projek berskala komersial, pemacu teknologi dan inovasi, pemantau projek-projek rakyat, penghubung kerajaan petani dan pelabur. Yang mana kita lihat impaknya ialah mempercepatkan transformasi melalui pendekatan pertanian yang lebih komersial.

7. Strategi ketujuh ialah memperhebatkan kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan melalui agensi-agensi kerjasama dan agensi persekutuan di mana seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan telah berjaya membangunkan tahun lepas lebih 300 tanah ekar tanah terbiar dan tahun ini In Shaa Allah lebih banyak tanah-tanah terbiar dibangunkan dengan projek penanaman nanas dan juga melalui agensi-agensi Persekutuan yang lain seperti KADA, IADA yang juga sedang berusaha membangunkan tanah-tanah terbiar dengan lebih berstrategi. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Chempaka.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Alhamdulillah dengan jawapan yang kita dapat kita dapat melihat secara jelas transformasi utama yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Dan kita berdoa semoga dengan transformasi yang dijalankan tersebut Titah Tuanku semalam dapat dilaksanakan dan direalisasikan daripada segi keterjaminan makanan.

Cuma soalan saya Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, soalan tambahan berkaitan dengan ini daripada segi pengeluaran pertanian negeri bolehkah jika sekiranya Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dapat menerangkan kepada dewan ini jenis tanaman apakah yang merupakan pengeluaran utama Negeri Kelantan yang menyumbang kepada pengeluaran di peringkat negara?

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Chempaka. Antara pengeluaran hasil utama Negeri Kelantan mengikut statistik tahun 2024 yang menyumbang kepada pengeluaran diperingkat kebangsaan atau negara ialah tembikai di mana Kelantan berada pada tempat pertama di Malaysia dengan pengeluar sebanyak 64 827 metrik tan.

Yang kedua, durian tempat ketiga di Malaysia. Dengan pengeluaran sebanyak 66 800 metrik tan. Seterusnya manggis tempat pertama di Malaysia. Orang Kelantan kata buah setor, manggis. Dengan pengeluaran sebanyak 8849 metrik tan. Yang ketiga ciku juga ada tempat. Tempat ketiga di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 186 metrik tan.

Seterusnya tomato tempat kedua di Malaysia dengan pengeluaran 16 335 metrik tan. Juga limau manis tempat ketiga di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 622 metrik tan. Seterusnya cili tempat pertama di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 17 415 metrik tan. Juga timun tempat kedua di Malaysia dengan pengeluaran 20 565 metrik tan. Labu manis tempat pertama di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 20 041 metrik tan. Ubi keledek, ubi stelo juga tempat pertama di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 27 907 metrik tan. Juga tebu kuning telah meningkat dulu tempat tidak pertama. Dengan analisa terkini tempat pertama di Malaysia dengan pengeluaran 4 444 metrik tan. Yang terkini kita telah naik tangga iaitu madu lebah kelulut. Dulu tempat ketiga, sekarang tempat pertama di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 297.60 metrik tan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, mana dulu... 3 orang, hok tengoh tu pakai baju melayu tu ...

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih Dato' Speaker, dan terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada EXCO Pertanian yang telah berjaya melonjakkan Negeri Kelantan sebagai saya kira sebagai hub pengeluar makanan utama di negara ini Alhamdulillah.

Jadi soalan tambahan saya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan lagi bajet ataupun peruntukan bagi keterjaminan makanan ini selari dengan Kelantan sebagai hub pengeluaran makanan utama di Malaysia ini. Terima kasih.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Kemuning. Alhamdulillah kalau kita tengok dalam bajet, pembentangan bajet tahun lepas untuk tahun ini memang ada penambahan. Dan kita telah berjaya membuat kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian Dan keterjaminan makanan dengan membangunkan banyak projek kerjasama negeri dengan KPKN ini yang mana tahun lepas kita dapat bajet lebih RM9 jutalah.

Kemudian tahun ini dah sampai bajet untuk fasa pertama daripada kementerian lebih RM4 juta. Dan juga termasuk yang ada penambahan ialah melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan. Tahun ini bajet yang telah diperolehi untuk lembaga ini membangunkan tanah-tanah tanaman nanas di Kelantan ialah sebanyak RM5.8 juta. Maknanya bajet negeri pun bertambah, bajet persekutuan untuk sektor pertanian juga bertambah, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ada cadangan nak bagi *free* ke kat Ahli-Ahli Dewan?

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Ada hari ni Dato' ... hari ni melon manis, melon madu Kelantan ...

YB DATO' SPEAKER :

Aaa ... terima kasih.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Hari Khamis ni MD2, MD2 nanas hari Khamis ni...

YB DATO' SPEAKER :

Saya minat madu kelulut ... Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan Negeri dalam melahirkan Kelantan Future Leader yang berpotensi dalam Ilmu, akhlak serta mempunyai Visi yang jelas dalam memartabatkan Islam untuk masa akan datang serta berapakah data base pemuda yang telah di latih sehingga kini.]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih YB Pengkalan Pasir atas soalan yang diberikan. Kerajaan Negeri amat komited dalam pembangunan modal insan khususnya di kalangan belia.

Antara inisiatif strategik yang sedang dilaksanakan adalah *Kelantan Future Leaders Institute* yang mana matlamat utama KLFI ini adalah untuk melahirkan pemimpin belia yang bukan sahaja kompeten dari segi ilmu pengetahuan tetapi juga unggul dari sudut akhlak, mempunyai visi yang jelas dan komited dalam memartabatkan islam dalam setiap aspek kehidupan termasuk keluarga, masyarakat dan juga negara.

Dalam konteks perancangan strategik Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa teras strategik dan panduan silibus kurikulum perlaksanaan KLFI. Asas kepada perancangan ini adalah firman Allah Taala dari Surah Al-Naml ayat 39 yang bermaksud,

"Ifrit dari golongan jin berkata akulah yang membawanya kepadamu sebelum engkau berdiri dari singgahsana mu. Sesungguhnya aku benar-benar kuat lagi dapat dipercayai."

Seterusnya dalam surah ayat yang seterusnya dalam surah Al-Qasas, ayat 26.

"Salah seorang daripada kedua perempuan itu berkata "Wahai ayahku ambillah dia bekerja sesungguhnya sebaik-baik orang yang engkau ambil bekerja adalah orang yang kuat lagi dapat dipercayai".

Bagi mencapai hasrat tersebut penekanan diberikan kepada tiga perkara. Pertama pembangunan ilmu dan kepakaran. *Knowledge and competency development*, dengan izin.

Program seperti *Kelantan Future Leaders Camp, Bootcamp* dan juga akademi serta ADUN Belia telah dilaksanakan mengikut peringkat umur belia dengan modul intelektual kemahiran kepimpinan pengurusan projek dan juga pembangunan diri yang sistematik. Setiap program direka untuk melahirkan pemimpin yang berdaya saing berfikiran kritis dan mampu membuat keputusan berasaskan data serta ilmu syariah yang baik.

Yang kedua pembangunan akhlak dan juga nilai islam. *Character and value buildings* dengan izin.

Semua peserta menjalani modul akhlak termasuk Tazkiyatun Nafs kepimpinan berintegriti dan juga khidmat masyarakat. Pendedahan praktikal seperti tugas komuniti *mentoring* dan program komuniti sosial membina nilai kepimpinan yang berlandaskan islam serta berorientasikan perkhidmatan masyarakat.

Yang ketiga, pengukuhan visi pemimpin masa depan, *vision and strategic orientation* dengan izin. Peserta di ajar untuk merangka plan tindakan peribadi dan juga komuniti selaras dengan visi Kelantan Sejahtera 2033. Program ini bertujuan supaya belia mempunyai pemikiran strategik, memahami peranan mereka dalam pembangunan negeri dan menjadi agen perubahan dalam masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai *database*. Peserta yang telah dilatih sehingga kini Kerajaan Negeri melalui KLFI ini telah berjaya melatih seramai 1040 orang belia melalui 7 program *flagship* utama daripada Januari 2025 sehinggalah Mac 2026. Jumlah alumni ataupun yang aktif yang terkumpul setakat ini adalah seramai 604 orang yang terdiri daripada 306 orang lelaki dan juga 298 perempuan. Mereka ini terdiri daripada belia seluruh negeri, seluruh DUN, seluruh parlimen merangkumi pelajar sekolah mahasiswa universiti dan juga belia lepasan pengajian tinggi.

Semua peserta ini didaftarkan dalam sistem pengkalan data rasmi di KLFI.my membolehkan pemantauan yang berterusan. Pemantauan perkembangan impak program dan juga penilaian kompetensi secara berterusan. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan indeks kompetensi belia yang akan menjadi mekanisme berasaskan data untuk menilai pencapaian ilmu akhlak dan juga kepimpinan peserta. Sekaligus membolehkan kita mengenal pasti pelapis pimpinan berpotensi untuk masa depan, In Shaa Allah. Kesemua ini merupakan sebahagian daripada komitmen strategik Kerajaan Negeri untuk memastikan Kelantan memiliki generasi pemimpin yang kompeten, amanah dan mampu memartabatkan islam serta memacu pembangunan negeri berdasarkan "Membangun Bersama Islam".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin melalui pendekatan berstruktur dan juga berimpak tinggi ini *Kelantan Future Leaders Institute* bukan sahaja slogan tetapi realiti yang mampu melahirkan

pemimpin masa depan yang berintegriti dan juga berwawasan iaitu melahirkan negarawan Al-Qawiiyun Amin. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ok sila Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' EXCO yang apa ni yang telah memberikan satu penjelasan yang cukup *detail*. Saya sebenarnya ada soalan tambahan tapi setelah diberikan penjelasan yang detail ni cumanya saya nak tanya dari segi keberkesanan program-program sebegini sebab kalau kita lihat dari segi realitinya masih lagi dikalangan pemuda-pemuda kita walaupun ada dikalangan mereka yang berpotensi tapi dari segi mengimarahkan masjid dan sebagainya. Kalau boleh pemantauan yang jelas maknanya bagaimana kita nak menilai keberkesanan projek ini bagi pemuda-pemuda ini dapat menjadi agen perubahan kepada masyarakat.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih atas soalan tambahan. Dia pertama sekali kita melihat beberapa skop ataupun berapa segmen. So secara asasnya KLFI ini menumpukan pada pemimpin. Jadi fokus adalah melahirkan kepimpinan yang kompeten, yang beramanah dan juga pemimpin yang komprehensif yang boleh merangkumi semua bidang. Itu fokus *Kelantan Future Leaders*. Maknanya apabila mereka mampu menjadi pemimpin maka mereka akan mampu memimpin rakan-rakan yang lain.

Cuma lanjutan kepada soalan tadi kita sebenarnya ada segmen yang lain yang kita panggil anak muda rakan Al-Quran. Yang mana sasarannya lebih umum yang mana dalam konteks anak muda rakan Al-Quran ini mereka adalah agen-agen perubahan dibawah yang lebih rapat dibawah. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Wakaf Bharu.

YB TUAN HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan melalui EXCO anak muda yang cakna kepada anak muda. Antara program yang hebat ADUN Belia Kelantan dan kursus kepimpinan.

Soalan tambahan saya, apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri untuk memastikan kesinambungan pembangunan kepimpinan ini agar relevan dengan cabaran masa depan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Wakaf Bharu atas soalan tambahan. Secara umumnya perancangan jangka panjang kerajaan negeri adalah seperti berikut:

Pertamanya adalah eko sistem berstruktur. Maknanya *talent pipeline*. Sebab itulah kita ada dalam KLFi tadi kita bermula dengan *kem*, *bootcamp*, Akademi, ADUN Belia dan In Shaa Allah yang akan datang Felo Darul Naim.

Melalui *Kelantan Future Leaders Institute*, pembangunan kepimpinan disusun mengikut peringkat umur. Seperti mana yang saya sebut tadi. Sekolah bermula pada pelajar sekolah, mahasiswa dan belia profesional bagi memastikan kesinambungan yang jelas dan berterusan.

Yang kedua, ko-kurikulum masa depan yang mana *future leaders skill*. Penekanan kepada ekonomi digital, teknologi data inovasi dan juga keusahawanan moden agar belia kekal relevan dengan cabaran global.

Yang ketiga, adalah pendekatan *hands-on*. Ataupun *experiential learning*. Di mana perlaksanaan terutamanya program yang kita akan In Shaa Allah kita akan laksanakan dalam penggal ataupun separuh penggal kedua nanti adalah perlaksanaan Felo Darul Naim yang memberi pendedahan langsung kepada pentadbiran kerajaan dan juga proses dasar, proses pembuatan dasar.

Yang keempat adalah jaringan strategik ataupun *strategic collaboration*, kerjasama antara agensi, industri, universiti dan rakan antarabangsa untuk memperluaskan pendedahan global belia. Maknanya program kita ini kita bekerjasama dengan agensi pusat dan juga agensi-agensi negeri serta NGO-NGO yang berkenaan.

Dan yang kelimanya pendekatan berasaskan data ataupun *data driven*. Di mana pembangunan pengkalan data bersepadu belia ini bagi tujuan pemantauan, penilain impak dan juga pembangunan bakat secara sistematik.

So, secara kesimpulannya segala ini adalah bagi memastikan pembangunan *Kelantan Future Leaders* kekal relevan berdaya saing dan juga berteraskan nilai islam selari dengan cabaran ekonomi digital dan juga globalisasi. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan untuk soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperuntukkan bantuan kepada bapa tunggal sebagaimana Skim Bantuan Armalah?]

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Tendong di atas soalan yang dikemukakan dan kecaknaan terhadap golongan bapa tunggal.

Di peringkat Kerajaan Negeri setakat ini tiada lagi sistem, tiada lagi satu skim khusus untuk bapa tunggal sebagaimana yang kita laksanakan

kepada Armalah iaitu Skim Bantuan Armalah. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri mempertimbangkan permohonan daripada bapa tunggal yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagaimana kes ibu tunggal ataupun armalah.

Pertimbangan ini sebagai satu sokongan sosial kepada bapa tunggal yang layak dan terpaksa menguruskan anak-anak yang ramai secara bersendirian sebelum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Kita amat memahami situasi kehilangan dan keperluan sokongan segera khususnya bantuan kewangan untuk mengurus nak-anak dan keluarga. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada pihak kerajaan atas jawapan sebentar tadi. Saya amat terujalah apabila walaupun tidak ada *skill* khusus kepada bapa tunggal ini tetapi daripada jawapan daripada pihak kerajaan tadi daripada EXCO menampakkan bukan saja Armalah yang menjadi pembelaan kepada kerajaan tetapi juga kepada bapa tunggal.

Mungkin kalau ada skim kepada bapa tunggal ini mungkin tidak disebut bapa tunggallah mungkin boleh cari istilah yang lebih sesuai. Cuma tadi tidak ada skim yang khusus kepada bapa tunggal. Jadi adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan skim ini dan yang soalan keduanya selain daripada skim ini apa manfaat apa ni manfaat-manfaat lain yang telah di sedia ada sekarang ini dan kita bagi kepada bapa tunggal ini. Yang kita tahu sekarang ini ada setengah bapa tunggal kehilangan isteri ataupun kematian tetapi faktor ekonomi yang juga memerlukan kepada bantuan pihak kerajaan, terima kasih.

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih kepada soalan tambahan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi setakat ini kita belum lagi bersedia untuk mengadakan Skim Bapa Tunggal tetapi kita tetap menerima beberapa permohonan daripada bapa

tunggal sebagaimana yang disebut tadi yang mengikut kriteria yang kita tetapkan sebagaimana armalah dan sehingga pada tahun ini bermula kita bagi bantuan kepada bapa tunggal 2025 seramai 12 borang daripada bapa tunggal yang kita telah terima. Dan In Shaa Allah kita akan cuba memberi bantuan setakat mana yang kita mampu. Berbanding dengan permohonan daripada armalah yang kita berikan setiap tahun hampir RM30 ribu setahun. Bantuan yang selain daripada yang dikatakan skim tadi sebagaimana biasa, Kerajaan Negeri tetap memberikan bantuan kebajikan sama ada bantuan kebajikan dan bantuan ekonomi kepada semua. Tak kira bapa tunggal ko ibu tunggal ko keluarga miskin yang tepat dengan syarat yang kita berikan In Shaa Allah kita akan berikan bantuan kepada semua yang memerlukan. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kota Lama:

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih kepada Dato' Speaker, terima kasih kepada EXCO atas jawapan tersebut. Topik ini menarik minat saya jugak. Mungkin dari pengalaman EXCO saya nampak tadi 12 berbanding dengan RM30 000, jadi nampak macam Tendong kita kena ada skim lain ataupun saya fahamlah bila bapa tunggal ni dia cepat nak cari mungkin ya berbanding dengan ibu tunggal tu ya *replacement* tu dengan izin.

Jadi soalan saya adalah dari pengalaman EXCO 30 ribu bilangan ibu tunggal daripada kebelakangan ini adakah dia meningkat. Kita tahu bahawa armalah ni, ibu tunggal ni tak semestinya dia tidak upaya ya ada jugak ibu tunggal yang mungkin kaya contohnya. Pengalaman EXCO lagumana bilangan ni, adakah meningkat bagaimana kita sentiasa duduk dalam data kita ataupun di sana ada peluang sebagaimana jugak inisiatif kita yang lain untuk mengeluarkan mereka ini memberdaya mereka supaya keluar daripada kesusahan mereka? Terima kasih.

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih soalan tambahan. Sebelum saya jawab soalan bantuan *one-off* untuk armalah ini pada tahap awal. Ianya bagaimana diarahkan ataupun di keluarkan untuk menjadi *one-off* kepada armalah. Arwah Tok Guru ni dia kata saya nak dua golongan armalah dan anak yatim yang ada dalam Negeri Kelantan ambo nok suruh wi bantuan walaupun samah sriya. Itu asas. Jadi pemikir-pemikir dia kata kita bagi *one-off* Tok Guru, *one-off*. Setakat mana rezeki yang kita boleh bagi kepada mereka ini kita akan bagi. Samah ko, sriya ko. Dan pada permulaannya kita memberikan kepada semua wanita yang bertittle armalah. Tok kiro dio geley sekat ni ko (paras lengan), takdok geley ko, susoh ko, kita akan berikan. Itu asas permulaannya.

Jadi bila hari ke sehari golongan armalah ini didaftarkan semakin ramai. Sehingga sekarang kalau tak silap saya 56 000 armalah telah didaftarkan untuk mendapat bantuan *one-off*. Dan kadar bantuan ini mengikut keadaan situasi bilangan armalah di DUN masing-masing dan penilaian daripada pihak ADUN itu sendiri.

Dari sudut pengukuran sejauh mana dia dapat merubah kehidupan dia daripada hok susoh kepada senang. Kita bukan sahaja golongan ini kita bergantung 100% bergantung kepada bantuan *one-off*. Kita ada berbagai-bagai lagi bantuan iaitu bantuan sosio-ekonomi, bantuan TUW, Tabung Usahawan Wanita, bantuan daripada pihak EXCO-EXCO usahawan untuk wanita, tok kiro wanita ko armalah ko kita wi belako.

Jadi bukan ini sabagai satu *key* utama kita membantu meningkatkan keupayaan wanita khususnya armalah di Negeri Kelantan. Sekian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Ada cadangan ke untuk menemukan bapa tunggal dengan ibu tunggal? Supaya kita boleh selesai masalah tunggal-tunggal ni.

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Dia kita alu-alu sokmo. Sentiasa kita mengalu-alukan. Macam dalam DUN saya, saya bagi dua kategori. Nok napok, nok suruh nampak perbezaan armalah 60 ke atas dan 60 ke bawah. Dari sudut peratus 1/3 nya adalah armalah muda. Bolehla mari jupo dengan ambo kalu ada yang berminat. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat...

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM : [MENCELAH]

Bukan hok sini deh ...

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah kerajaan dalam memperkasakan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.]

YB TUAN USTAZ HJ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين، وعلى آله وصحبه

أجمعين، أما بعد

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Jelawat. Kerajaan Negeri sentiasa komited ya di dalam usaha untuk memperkasakan

institusi Mahkamah Syariah khususnya di Negeri Kelantan ini ya untuk dipastikan bahawa segala gerak kerja yang melibatkan proses hukum hakam dan juga proses keadilan ini dapat ditegakkan secara lebih efisien di negeri ini.

Jadi oleh kerana itulah kerajaan negeri menggariskan langkah-langkah yang strategik untuk dilaksanakan dan telah dilaksanakan pun iaitulah antaranya yang pertama, menaiktaraf infrastruktur Mahkamah Syariah. Bagaimana telah pun diwujudkan serta diwartakan 4 Mahkamah Tinggi Syariah yang sebelum daripada ini hanya ada dua Mahkamah Tinggi Syariah sahaja iaitulah di lokasi Pasir Mas, di Tanah Merah, di Machang dan juga di Bachok. Dan kini pihak Kerajaan Negeri sendiri telah giat melaksanakan proses untuk menaiktaraf infrastruktur Mahkamah Syariah tersebut supaya ianya lebih kondusif, ianya berasingan daripada Pejabat Agama Jajahan.

Jadi di tempat-tempat yang telah dinyatakan tadi seperti di Bachok, Tanah Merah, Pasir Mas, Machang termasuklah di Jeli telah dikenalpastikan tapak-tapak lokasi-lokasi strategik untuk dikenalpasti sebagai pembinaan pembangunan yang dinyatakan tersebut. Dan Kerajaan Negeri pada ketika ini sedang dalam kajian untuk memperuntukkan bajet khusus ya bagi memastikan pembangunan ini dapat dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan demi kesesuaian untuk seluruh masyarakat awam khususnya.

Dan yang keduanya, yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah diwujudkan Mahkamah Teknologi ya. Ini telah pun dirasmikan pada September 2025 di mana Mahkamah ini telah pun beroperasi dan dengan adanya mahkamah teknologi ini sebenarnya ia dapat mengurangkan kes-kes yang tertangguh serta dapat mengurangkan kos penginapan, pengangkutan bagi pihak-pihak yang jauh. Dan apa ianya hanya di dalam kes-kes *mild* sahaja. Kes jenayah tidak di ambil. Tetapi untuk makluman juga kita patut berbangga kerana Mahkamah Teknologi ini kita yang kedua di Malaysia ini telah tubuh Mahkamah Teknologi ya sesuai dengan arus digital dan juga AI pada zaman kini ya. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh sampaikan kepada waris waroh hok duduk di luar negara, isu-isu

rumah pusaka tak payah baliklah. Boleh berurusan dengan Mahkamah Teknologi ni ye yang sedang beroperasi sehingga kini.

Dan yang ketiganya, Kerajaan Negeri pada ketika ini sedang meneliti dan sudah berada di fasa akhir sebenarnya untuk menubuhkan mahkamah 4 layer, 4 peringkat sebagaimana yang paling awallah dalam Negara kita ini iaitulah di Negeri Perak pada tahun 2020 lagi telah menubuhkan Mahkamah Utama Syariah menjadikan mahkamah kepada 4 peringkat yer. Dan apa setakat ini Peraklah yang berjalan dengan mahkamah. Empat peringkat tersebut dan Negeri-Negeri yang lain dalam usaha dan ada yang telah meminda Perlembagaan Tubuh sebagaimana di Terengganu, di Kedah dan juga Sabah, Sarawak.

Jadi peringkat Kerajaan Negeri sendiri sebagaimana di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah pada Januari 2026 yang lalu yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Kaya Perkasa Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk menubuhkan mahkamah di tahap yang tertinggi yang keempat ini iaitulah mahkamah utama syariah ataupun mahkamah utama di dalam mendengar rayuan setelah daripada mahkamah rayuan syariah.

Maka untuk memastikan sebenarnya keupayaan institusi itu sendiri perkembangan kes-kes serta amalan-amalan terbaik di negeri-negeri yang lain. Dan untuk makluman setelah daripada dipinda Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2019 dan kadar-kadar hukuman dinaikkan. Jadi di situ kita tengok bahawa kes-kes yang berlaku seumpama dalam pendaftaran perbicaraan kes-kes di Mahkamah Tinggi Syariah ini semakin meningkat.

Jadi, ini lebih memerlukan kepada memperkukuhkan lagi struktur Mahkamah Syariah termasuklah bagaimana untuk kita memastikan mekanisme rayuan itu berjalan dengan baik. Setakat ini mahkamah sekiranya tidak ada Mahkamah Utama Syariah ini kita melihat bahawa rayuan hanya setakat Mahkamah Rayuan Syariah sahaja tidak ada satu tangga lagi untuk mereka menyatakan tuntutan rayuan untuk mendapatkan hak-hak yang seterusnya yang lebih adil dan lebih kita

tengok sama rata dan berkesan. Jadi oleh kerana itulah Kerajaan Negeri sehingga kini berusaha dan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi berada di fasa kajian akhir dalam perkara tersebut ya. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan negeri kerana telah berjaya menaiktaraf infrastruktur mahkamah menjadikan dua mahkamah tinggi kepada empat Mahkamah Tinggi, menubuhkan Mahkamah Teknologi dan pada peringkat akhir untuk menubuhkan mahkamah utama syariah, tahniah pada kerajaan negeri.

Cuma tinggal laginya ialah apakah kerajaan negeri berhasrat untuk menambah baik perjawatan dalam meneruskan langkah pemerkasaan Mahkamah Syariah di Negeri Kelantan ini, terima kasih.

YB TUAN USTAZ HJ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Jelawat atas soalan tambahan. Ya, Kerajaan Negeri sememangnya komited dan sentiasa prihatin untuk menambah baik perjawatan dan usaha menyeluruh di dalam reformasilah menambah baik hal ehwal pentadbiran mahkamah syariah ini yang mana sebelum daripada ini telah pun dibuat penambahbaikan itu di dalam tiga entiti utama iaitulah di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah.

Yang keduanya Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah dan yang ketiganya di Jabatan Pendakwaan Syariah di Negeri Kelantan sendiri. Di mana di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah ini apabila telah pun ada mahkamah penambahan 4 Mahkamah Tinggi Syariah jadi memerlukan penambahan bilangan hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Jadi perkara ini sedang dilaksanakan secara berperingkat termasuklah melalui kenaikan pangkat serta penyusunan semula pegawai-pegawai yang sedia ada bagi memastikan bahawa kesinambungan fungsi

kehakiman itu tidak terjejas di mana perjawatan melalui skim berasaskan caruman JNBC juga telah diluluskan di peringkat Negeri dan kini berada dalam proses penempatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri termasuklah juga melibatkan penambahbaikan gred hakim yang sedia ada. Itu yang telah dibuat.

Dan apa dalam masa yang samanya Kerajaan Negeri telah melaksanakan usaha untuk naiktaraf Ketua Unit Sulh kepada Gred LS48. Ini selaras dengan pengoperasian Sulh Centre di kompleks Mahkamah Syariah Tunjong dan akan memperluaskan In Shaa Allah secara berperingkat ke jajahan-jajahan yang mempunyai Mahkamah Tinggi Syariah tadi.

Jadi Kerajaan Negeri juga sekarang ini dalam cadangan untuk mewujudkan *marshall* mahkamah ataupun apa jawatan bailif bagi meneliti apa-apa kes yang telah diputuskan dan untuk memastikan perlaksanaan perintah mahkamah itu dapat dilaksanakan secara berkesan. Jadi In Shaa Allah dengan adanya *marshall* mahkamah ini In Shaa Allah akan di apa perjalanan perintah-perintah mahkamah itu akan dapat dilaksanakan secara lebih baiklah dan berkesan. Itu yang pertama.

Yang keduanya dari sudut penguatkuasaan Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah juga telah diteliti untuk mewujudkan satu jawatan yang baru iaitulah termasuk penubuhan Unit Risikan dan Unit Waran Tangkap. Ini yang barulah yang cadangan untuk bagaimana kita melihat penambahbaikan kepada usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri ini selain menyusun semula struktur organisasi bagi memperkukuh fungsi penguatkuasaan secara lebih tersusun dan berkesan. Dan apa di peringkat Jabatan Pendakwaan Syariah di Negeri Kelantannya Alhamdulillah sebenarnya penstrukturan semula telah pun dilakukan dan kelulusan jawatan-jawatan secara rasmi telah berlaku pada tahun 2024 ya lagi.

Dan jawatan Pengarah Pendakwaan Syariah sendiri telah diperkasakan ya melalui pemberian Elaun Tidak Berpencen Gred LS52 sejak Mei 2024 yang lalu. Dan dalam masa yang sama pengisian kepada jawatan Pegawai Syariah Gred LS41, 44 serta Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, 32 telah pun yang ni dilaksanakan dan disamping ada usaha berterusan untuk

menarik taraf ya jawatan Ketua Pendakwa Syarie serta tambah baik pegawai, tambah pegawai dan kakitangan secara berperingkat ini mengikut keperluan.

Jadi ini adalah merupakan satu reformasi institusi yang diusahakan untuk menjayakan pentadbiran Hal Ehwal Perlaksanaan Syariah Negeri Kelantan ini secara baik, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER:

Sila Galas.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya nak ucap tahniahlah kepada pihak Kerajaan atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memperkasa Mahkamah Syariah dalam Negeri kita ini. Namun persoalan paling kritikal ialah apakah status terkini Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2019, EKJS selepas keputusan Mahkamah Persekutuan pada 2024 yang telah membatalkan 16 seksyen dan sejauhmana pindaan, sejauh mana proses pindaan yang dijanjikan untuk dibentangkan pada April 2026 ini benar-benar sedang dilaksanakan.

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis masa yang jelas dan kandungan pindaan yang mantap ataupun isu ini tertangguh tanpa sebarang alasan yang kukuh? Terima kasih.

YB TUAN USTAZ HJ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Galas di atas soalan tambahan tersebut. Yang pertamanya Kerajaan Negeri telah berusaha dengan sedaya upaya untuk meminda dan membentangkan semula dengan apa versi yang barulah 16 seksyen yang telah dibatalkan sebelum daripada ini ya. Dan dalam usaha tersebut memanglah panel-panel yang telah dilantik, jawatankuasa yang telah dilantik telah pun bersidang dan membuat penambahbaikan pandangan-pandangan yang terbaik untuk memastikan bahawa ini adalah merupakan satu pindaan yang lengkap dan terbaik.

Jadi oleh kerana itu melalui beberapa proses-proses masa, garis masa sememangnya kadang-kadang ada proses masa yang agak terlewat kerana demi kita nak pastikan bahawa sesuatu perkara itu berlaku ataupun dapat diselesaikan ataupun pindaan selepas daripada ini adalah merupakan pindaan yang terbaik. Jadi Kerajaan Negeri janji Kerajaan Negeri untuk meminda, membawa semula Rang Undang-Undang pindaan tersebut ke sini, Enakmen tersebut ke sini adalah merupakan satu janji yang benar dan In Shaa Allah kita doakan pada tahun ini juga boleh berlaku. Aaa dop, ada usaha asalnya untuk bawa pada tahun yang lalu lagi kerana beberapa proses yang kini peringkat akhir yang berada di peringkat pengertian pihak jemaah ulama' dan di peringkat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan maka In Shaa Allah kita menyakini selepas daripada itu akan dapat dibentangkan pada tahun ini juga.

Jadi Galas dan semua rakan-rakan dapat menyokong penuh usaha ini. Saya yakin. Itulah makluman terkini walaupun apa mungkin Galas telah baca daripada siaran akhbar memang usaha awalnya ialah untuk dibentangkan di peringkat akhir atau yang lalu lagi kemudian apa proses-proses garis masa yang memerlukan penambahbaikan maka dia pergi pada 2026 dan In Shaa Allah pada tahun ini akan dibentangkan, terima kasih.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ. HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menambah sedikit maklumat yang telah diberikan oleh EXCO Agama juga dengan izin Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar, saya rasa bertanggungjawab untuk sama-sama Yang Berhormat EXCO Agama menjelaskan kepada pihak Dewan khususnya kepada Galas ya, prosesnya mengambil masa yang lama sebab isu yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan *jurisdiction* ataupun bidang kuasa antara Kerajaan Negeri dan juga persekutuan ataupun secara khususnya pihak Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri. Ia adalah dalam istilahnya dipanggil

sebagai satu isu yang *delicate*, isu yang sebenarnya amat rumit dan kerana pertindihan kuasa yang dibangkitkan itu adalah sesuatu yang sebenarnya susah dan samar.

Maka ia memerlukan satu proses yang sebenarnya sangat teliti. Sebab itulah kita telah, Kerajaan telah membentuk dua jawatankuasa. Satu dia panggil jawatankuasa induk, yang saya sendiri mempengerusikan dan yang keduanya adalah satu Jawatankuasa Kerja ataupun Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh peguam, peguma syariah dan sivil orang yang sama, dialah juga peguam syariah dan sivil iaitu Yang Berhormat daripada Melor yang mana Ahli-Ahli Jawatankuasa itu terdiri daripada orang-orang yang pakar daripada semua bidang termasuklah juga daripada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat Mufti dan juga daripada Majlis Agama Islam Kelantan dan daripada tenaga-tenaga akademik.

Dan untuk tujuan tersebut yang kita telah bukan sahaja bermesyuarat, kita telah mengadakan seminar secara tertutup dan secara terbuka bagi memohon pandangan dan sebagainya. Isunya adalah kita panggil *the prime objective* adalah supaya Enakmen yang nanti kita akan luluskan tidak lagi dicabar. OK atas alasan ini. Atas alasan yang sama.

Jadi untuk menuju ke arah itu berbagai *method* yang mana pandangan kita telah ambil daripada banyak pihak untuk sampai ke situ dan Alhamdulillah sebenarnya kita telah pun siap. Tetapi proses Enakmen yang berkaitan dengan Agama khususnya bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan ini mesti juga melalui proses mendapat kelulusan daripada Majlis Agama apa dia panggil tokoh ulama yang disebutkan tadi apa-apa istilahnya, ... Jemaah Ulama. Minta maaf sebab saya bukan Ahli Jemaah Ulama. Jadi saya lupa istilahnya itu.

Ahli Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan dan kita telah pun serahkan *final draft* sebenarnya. Kita telah pun serahkan dan pihak Majlis Jemaah Ulama ini telah pun memberikan semula kepada jawatankuasa kita beberapa cadangan dan komen dan daripada situ kita telah pun teliti komen-komen tersebut dan telah pun mengambil kira ada di antaranya kita pandangan-pandangan itu telahpun kita masukkan dan kita serahkan

kembali kepada Majlis Jemaah Ulama tadi untuk ditimbang semula dan kita sedang menunggu. Alhamdulillah mungkin jangkaan asalnya kita boleh masuk dalam sidang ini tetapi dengan proses yang sebegitu teliti maka dia memerlukan sedikit anjakanlah.

Dan In Shaa Allah kita akan cuba untuk nantinya sekiranya tidak ada apa-apa pembetulan ataupun pembaikan. In Shaa Allah dalam sidang Dewan Undangan Negeri yang mungkin yang akan datang In Shaa Allah. Terima kasih kerana bangkitkan hal yang penting ini.

YB DATO' SPEAKER :

OK terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bersama-sama kita pada hari ini ialah satu rombongan daripada Pusat Khidmat DUN Pulai Chondong seramai 11 orang yang menghadiri persidangan pada pagi ini. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat DUN Kota Lama, ADUN Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker. Kota Lama cerah waktu subuh, pohon jawapan saya nombor 7, jawapan pada soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status semasa kesihatan ibu mengandung di Negeri Kelantan, khususnya berkaitan masalah anemia termasuk peratusan kes yang direkodkan, faktor penyumbang utama, serta langkah intervensi dan pencegahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama agensi kesihatan berkaitan.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kota Lama atas soalan. Kota Lama bertanyakan mengenai status semasa kesihatan ibu mengandung di Kelantan dan juga masalah penyakit anemia yang melanda ibu-ibu yang mengandung. Untuk makluman Kota Lama Kelantan adalah sebuah Negeri yang produktif yang telah menyumbang kepada kadar kelahiran yang tinggi kita mendapat kelahiran.

Setiap ibu akan melahirkan 2.5 ke 3 orang anak dan juga kadar kematian Alhamdulillah berlaku kadar kematian purata antara 4 ke 6 orang bayi bagi setiap 1 000 kelahiran. Dan terima kasih kepada semua ibu-ibu yang telah melahirkan anak-anak kitalah. Dan mengenai masalah anemia. Anemia ni jadi satu masalah yang dikaitkan dengan apa ni ibu mengandung yang juga melanda pada anak-anaklah, kanak-kanak. Anemia adalah satu keadaan di mana berlakunya paras hemoglobin yang rendah dalam darah merah. Darah merah ia akan membawa oksigen ke anggota tubuh meskipun kurang hemoglobin, kurang protein akan menyebabkan pengidap dia mengalami keletihan, lesu, pening dan juga anggotanya mudah apa ni terdedah kepada serangan penyakit.

Dan kadar anemia peratusannya kita tak ada data yang tepat kerana data yang tepat di peringkat Persekutuan. Namun dianggarkan sebanyak 20 hingga 30 peratus ibu-ibu yang mengandung akan mengalami anemia. Punca utama iaitu kita kekurangan dan zat besi, kekurangan vitamin B12 dan juga kekurangan asid folik iaitu pemakanan sihat. Dan masalah anemia kerap berlaku kronik di kawasan-kawasan pedalaman terutama sekali melibatkan komuniti Orang Asli. Pengidapnya antara 40 ke 50 peratus kerana limitasi akses kepada makanan yang sihat.

Mengenai kaedah pencegahan pendidikan dan pematuhan saringan di peringkat negeri. Kita bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan juga Kementerian Kesihatan. Di Kelantan khususnya kita menyediakan perkhidmatan pencegahan anemia kepada semua ibu yang hamil secara teratur, sistematik dan menyeluruh *holistic* sejak trimester pertama kehamilan iaitu 12 minggu pertama kehamilan agar masalah anemia dapat dicegah awal sebelum berkembang menjadi komplikasi kehamilan yang lebih serius. Untuk pendidikan pemakanan

termasuk pengambilan sumber makanan yang tinggi zat besi dan juga asid folik. Aktiviti pendidikan pemakanan untuk mencegah anemia yang diberikan berfokus kepada sasaran meningkatkan pengambilan zat besi, vitamin B12 dan juga asid folik. Ni lah antara makanan yang boleh mencegah daripada berlakunya anemia.

Dan aktiviti pendidikan kita telah melaksanakan melalui inisiatif pemakanan wanita sihat ataupun dengan izin *Healthy Eating Responsibility For Women (HER)* istilah dia yang memberi fokus kepada wanita berumur *reproductive* 15 tahun ke 49 tahun yang mana mempunyai kadar kesuburan fertiliti yang tinggi. Inisiatif HER ini juga dapat membantu wanita proaktif meningkatkan status kesihatan dan pemakanan bagi persediaan kehamilan. Seterusnya melahirkan generasi masa depan yang lebih sihat. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan wanita produktif mengenai kepentingan pengambilan makanan sihat pada setiap kitaran hidup dan membudayakan amalan pemakanan sihat dan kesedaran kesihatan melalui pemerksaan sendiri dan juga sokongan komuniti.

Antara strategik iaitu kita telah menyebarkan maklumat secara *online* dan juga *offline* kepada beberapa industri berbeza. Wanita yang baru berkahwin, wanita yang produktif dan juga para pelajar sekolah. Dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan saringan kesihatan termasuk status hemoglobin dan juga kategori BMI. Kita sentiasa melaksanakan saringan kesihatan supaya keadaan hemoglobin sentiasa tinggi iaitu melebihi 10 g/DL.

Pemerksaan komuniti sebagai sistem sokongan yang membantu menyediakan sekitar pemakanan yang lebih sihat sama ada di tempat kerja, institusi pengajian tinggi atau komuniti kepada wanita produktif dalam usaha menerapkan amalan pemakanan sihat dalam kehidupan. Dan antara seminar dan bengkel yang telah kita adakan iaitu tambah darah untuk menambahkan sel darah merah, mengadakan ceramah pameran kesihatan tinggi zat besi dan kempen untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan zat besi, asid folik, protein dan

vitamin B12 dalam pengambilan harian khususnya bagi wanita hamil dan juga remaja.

Demonstrasi makanan yang mengandungi zat besi, asid folik. Cara menyediakan pemakanan yang kaya zat besi, asid folik seperti hati, daging, ikan, vitamin C untuk meningkatkan penyerapan sayur-sayuran hijau dan juga buah-buahan.

Dan pendidikan pemakanan di sekolah aktiviti ini khas bagi pelajar sekolah untuk menerapkan kesedaran tentang kepentingan makanan berkhasiat bagi mengelakkan anemia. Dan untuk saringan awal salah satu perkhidmatan yang disediakan semasa mengandung antenatal sejak dari *booking* lawatan pertama kehamilan adalah pemantauan tahap hemoglobin di mana paras hemoglobin dalam paras ibu hamil mesti melebihi 11 g/DL.

Sebagai langkah pencegahan suplemen hematinik diberikan kepada ibu hamil sepanjang tempoh kehamilan untuk mencegah masalah anemia serta mengelakkan masalah anemia sedia ada berkembang menjadi komplikasi kehamilan yang lebih serius bagi kawasan-kawasan pedalaman kita menyediakan perkhidmatan klinik *mobile* iaitu kita masuk ke kawasan-kawasan pedalaman yang dihuni oleh orang Asli untuk memberikan kesedaran pentingnya mencegah anemia dan juga pentingnya pemakanan sihat untuk wanita-wanita yang hamil. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih pada EXCO yang memberikan jawapan yang begitu *detail*. Dato' Speaker, saya bangkitkan isu kekurangan zat makanan dikalangan ibu mengandung ini kerana ini adalah akar kepada satu permasalahan lain yang juga serius iaitu masalah anak-anak kita terbantut. Ia satu data kajian NHMS pada tahun 2019 menyatakan bahawa kat Malaysia pun kita ada 21.8 % tetapi di Kelantan kita pernah merekodkan anak-anak

terbantut ini sebanyak 34%. Maknanya satu dalam tiga anak kita tidak membesar dengan sepatutnya dan lebih mutakhir penyata Jawatankuasa Pilihan Bantut dibentangkan di Parlimen pada 05 Februari 2026 menyebut kadar di Kelantan masih 23%.

Jadi maksudnya masalah ini masih dalam keadaan yang serius jadi soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO adalah dalam keadaan kita mencatatkan data DOSM menunjukkan bahawa dan data ICU menunjukkan bahawa kita juga menghadapi masalah kemiskinan. Ia ada Disember tahun lepas ada dicatatkan 44 000, lebih daripada 44 000 orang miskin dan apa dan orang miskin ni kita tahu tadilah yang menghadapi masalah kurang zat makanan. Apa dia intervensi lain terutama untuk menghalang anak-anak atau menangani masalah kebantutan ini dan juga mungkin ada kalau apa, program untuk pemakanan ya secara lebih nyata untuk kita menangani masalah kebantutan sebab bila kita tak tangani kita bukan sahaja masalah ...

YB DATO' SPEAKER : [MENCELAH]

Tidak perlu huraian Yang Berhormat... soalan telah kemukakan, saya rasa EXCO boleh jawab ...

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Ok, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Tidak perlu penjelasan ...

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Sikit je nak habis ayat ... supaya anak-anak kita membesar dalam keadaan bukan kita wariskan anak-anak yang kecil ini tapi juga kita bimbang ya masa depan mereka yang tercicir, pendidikan yang lemah dan kemiskinan yang berulang. Terima kasih atas masa yang diberikan.

YB DATO' SPEAKER :

Sila EXCO.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Kota Lama atas soalan tambahan mengenai malnutrisi ataupun bantut tumbesaran dikalangan kanak-kanak. Jadi ini adalah satu masalah yang dibincangkan diperingkat nasional pada bulan lepas saya telah hadir ke mesyuarat EXCO-EXCO Kesihatan bersama dengan Timbalan Perdana Menteri dan antara pembentangan iaitu masalah kanak-kanak bantut yang mana melanda di kebanyakan negeri di Malaysia kerana faktor akses kepada pemakanan yang tidak sihat.

Dan ini yang menjadi agenda utama Kementerian Kesihatan bermula tahun ini penglibatan khusus Kementerian Kesihatan supaya dapat memberikan makanan tambahan bukan hanya kepada kanak-kanak yang pra kemiskinan tetapi juga kepada semua kanak-kanak yang akan masuk ke sekolah bermula usia 6 tahun yang akan menyebabkan pertambahan dalam Belanjawan dan diluar daripada kemampuan kewangan untuk berikan tambahan Belanjawan kepada Kementerian Kesihatan. Itu antara yang kita bincangkan.

Dan untuk mengatasi masalah ini kita perlukan satu program khusus terutama sekali kesedaran pemakanan sihat dikalangan ibu-ibu yang mana sekarang ini ibu-ibu tidak lagi mengutamakan pemakanan sihat pada anak-anak. Dan jarang ibu-ibu yang menyediakan makanan bermasak sayur hijau sebaliknya membawa anak masing-masing ke kedai-kedai makanan segera menyebabkan kita mengalami kesukaran untuk mengubah menjadi tabiat ibu-ibu zaman moden. Kalau dulu disajikan dengan pemakanan sihat. Tak ada lagi makanan-makanan moden yang mana berpunca daripada dia punya *ingredient*, bahan-bahan segera yang boleh mendatangkan masalah-masalah bukan hanya tidak sihat kepada pengambilan makanan di kalangan bayi, kanak-kanak tetapi juga mendatangkan bahaya kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Dan untuk masalah ini kita telah mengadakan mesyuarat bersama Jabatan kesihatan Kelantan ada beberapa pembentangan diberikan. Itu antaranya untuk membekalkan makanan sihat kepada kumpulan-kumpulan yang telah dikenalpasti. Pada mana-mana bajet yang ada amat terhad. Dan kita Kelantan ini kalau kita, kita ada program Al-It'am memastikan setiap keluarga 300 keluarga satu DUN dapat menikmati asas makanan. Tinggal satu DUN kali 45 dalam belas-belas ribu sebulan.

Kita amat syukur sekiranya Persekutuan boleh memberikan apa ni makanan, bekalan makanan kepada keluarga-keluarga ini iaitu makanan-makanan untuk menambahkan kesihatan. Ini adalah satu masalah peringkat nasional dan kita Kelantan amat komited untuk memastikan semua rakyat Kelantan dan juga rakyat Malaysia lahir sebagai rakyat yang sihat. Dan ini masalah utama yang berlaku di Negeri- Negeri Sabah dan Sarawak yang mana masalah bantut, malnutrisi dikalangan kanak-kanak amat-amat kronik. So, kita perlukan kerjasama daripada semualah, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 11.00 pagi, In Shaa Allah.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.30 PAGI DAN
AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Kelima, Cadangan-cadangan Yang Diberitahu.

[Cadangan Yang Pertama]

Cadangan Yang Pertama, Yang Berhormat Hj Azhar Bin Salleh akan mencadangkan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Err Speaker, Dato' Speaker ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya mempersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS:

Saya mencadangkan doh kelmarin. Saya cadang doh kelmarin.

YANG BERHORMAT :

Semalam telah ada cadangan dan telah disokong. Sekarang ini untuk sesi perbahasan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan penuh hormat saya mohon mencadangkan :

BAHAWA DEWAN INI MEMBUAT KETETAPAN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN MENJUNJUNG KASIH DAN PENGHARGAAN ATAS TITAH UCAPAN DIRAJA YANG TELAH DITITAHKAN OLEH YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA KELANTAN KEPADA DEWAN INI PADA HARI ISNIN 03 ZULKAEDAH 1447 H BERSAMAAN DENGAN 20HB APRIL 2026 MASIHI.

Dan ucapan menjunjung kasih di atas titah Yang Maha Mulia Tuanku yang sarat dengan nasihat, panduan serta hala tuju yang amat jelas dalam memastikan kesinambungan, kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat. Titah Tuanku bukan sekadar amanah bahkan merupakan pedoman yang perlu diterjemahkan dengan penuh iltizam oleh seluruh jentera pentadbiran negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam meneliti ucapan D'Raja jelas bahawa Yang Maha Mulia Tuanku telah menzahirkan keprihatinan terhadap cabaran semasa yang semakin kompleks khususnya dalam suasana global yang tidak menentu. Ketentuan ekonomi dunia, tekanan biografi serta gangguan rantai bekalan telah memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Kenaikan harga barang keperluan asas serta peningkatan kos sara hidup termasuklah harga minyak petrol dan diesel semakin dirasakan dan memberi tekanan kepada rakyat di semua peringkat.

Sehubungan itu, Titah Tuanku merupakan satu peringatan yang amat jelas yang sangat penting agar jentera Kerajaan Negeri terus peka dan responsif terhadap keperluan rakyat dalam menghadapi tekanan hidup yang semakin mencabar ini. Justeru itu saya ingin memohon kerajaan negeri agar mempertimbangkan satu bentuk pakej insentif atau bantuan bersasar khususnya kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Dalam hal ini, peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat amat penting sebagai penghubung kepada masyarakat sekiranya terdapat inisiatif bantuan yang boleh disalurkan melalui wakil rakyat. Ia di yakini dapat disampaikan dengan lebih cepat, tersusun dan berkesan.

Pendekatan ini selaras dengan semangat titah Tuanku yang mengekalkan kesejahteraan rakyat serta keperluan memastikan setiap dasar dan tindakan kerajaan memberikan manfaat kepada rakyat secara langsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kerangka yang lebih luas saya ingin menyentuh prinsip asas dalam sistem kenegaraan iaitu semangat *federalisme*. Persekutuan yang kita bina adalah berteraskan keseimbangan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri yang merupakan suatu perjanjian keadilan yang mesti dihormati dan dilaksanakan dengan penuh integriti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semangat *federalisme* ini tidak boleh sekadar menjadi retorik sebaliknya mesti dizahirkan melalui tindakan yang nyata dan konsisten. Peruntukan pembangunan kepada negeri bukan satu ihsan. Bukan satu ihsan tetapi merupakan hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Justeru sebarang pendekatan yang menimbulkan ketidakadilan perlu diperbetulkan. Jika satu ketika dahulu, kita sering membangkitkan kerajaan dalam kerajaan melalui JPP. Maka pada hari ini timbul persoalan sama ada peranan ICU dan juga JPN terus menimbulkan implikasi yang sama. Perkara ini wajar dinilai secara objektif demi memastikan keadilan kepada negeri dan rakyat terus terpelihara berdasarkan peruntukan dalam perlembagaan negara.

Dalam masa yang sama saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, Menteri Besar Kelantan atas kepimpinan yang berterusan dalam mengemudikan negeri dengan penuh komitmen dan tanggungjawab.

Dalam suasana yang mencabar khususnya dalam hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kepimpinan yang berhemah dan berprinsip amat penting bagi memastikan kepentingan rakyat terus terbela. Saya juga ingin menzahirkan sokongan terhadap pendekatan Kerajaan Negeri yang sentiasa bersikap matang dan terbuka dalam

menjunjung semangat *federalisme* walaupun terdapat cabaran dalam penyelarasan dasar dan pelaksanaan pembangunan. Kerajaan Negeri tetap komited untuk bekerjasama demi memastikan manfaat sampai kepada rakyat. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa semangat *federalisme* bukan sekadar menuntut hak tetapi juga menuntut kebijaksanaan dalam membina hubungan yang harmoni. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana bersungguh-sungguh merealisasikan semangat *federalisme* ini. Hanya yang tinggal masih ada lagi, masih ada lagi jabatan-jabatan yang ...

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Melor mohon ... boleh eh ...

Yang Berhormat Pasir Tumbuh dalam konteks *federalisme* ini antara tadi Yang Berhormat sebut tentang ICU ataupun JPP. Jadi apa pandangan Yang Berhormat kalau dulu projek-projek daripada contohnya ke kementerian KPKT kepada majlis-majlis daerah diuruskan dilantik kontraktor dan diuruskan pelaksanaan sepenuhnya oleh majlis daerah yang ada dalam negeri tapi setahun dua ini apa ni perlantikan kontraktor dan semua projek itu tidak lagi boleh diuruskan melalui PBT tetapi dilaksanakan oleh ICU. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini? Terima kasih.

YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Melor. Tadi saya sebut dua pimpinan besar negeri dan juga negara. Dua-dua mereka ini nak menterjemahkan sistem *federalisme* ini. Hanya kalau kita tengoklah betapa mesranya, betapa naknya mereka ini kepada sistem *federalism*, kenapa masih ada lagi jabatan-jabatan Kerajaan? Saya bukan saja JPP sebagaimana yang disebutkan oleh Melor, JPN sendiri. Kita ini pemimpin dop, biar semua wakil-wakil rakyat ini bersama-sama boleh masuk ke sekolah, boleh beri bantuan, boleh apa sahaja dop, pasal kita ini adalah nak menunaikan hasrat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dahulu, perjanjian dahulu yakni sistem *federalisme* ini. Dan dua pimpinan kita ini

sudah pun bersungguh-sungguh tapi bagaimanapun pula dengan kita semua ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam konteks Negeri Kelantan dasar "Membangun Bersama Islam" telah membuktikan bahawa pentadbiran berteraskan nilai islam mampu dilaksanakan secara konsisten dan berkesan berpaksikan prinsip Ubudiyyah, Masuliyah dan Itqan. Pentadbiran ini telah berjaya membentuk keseimbangan antara tuntutan dunia dan akhirat.

Namun demikian dalam menghadapi cabaran pada masa kini pembangunan islam perlu diperkasakan agar benar-benar menjadi cara hidup masyarakat. Sehubungan dengan itu, masjid, surau, madrasah perlu diperkasakan sebagai pusat pembangunan ekonomi yang aktif merangkumi aspek pendidikan, kebajikan dan juga ekonomi.

Peranan bahagian dakwah dan halaqah juga perlu diperkukuhkan bagi membimbing keharmonian dapat disampaikan secara menyeluruh sekaligus membantu menangani gejala sosial. Institusi pondok pula perlu terus diperkasakan sebagai warisan pendidik islam yang telah menjadikan Kelantan sebagai pusat ilmu di nusantara dengan pendekatan yang lebih dinamik tanpa menjejaskan identitinya. Dalam aspek pembangunan insan KIAS perlu diperkasakan sebagai pemacu utama modal insan negeri agar melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini kita telah mendengar keputusan peperiksaan SPM. Saya mengucapkan tahniah, diucapkan tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan serta seluruh warga pendidik atas pencapaian cemerlang dalam keputusan SPM 2025 yang membanggakan ini. Kejayaan ini mencerminkan komitmen tinggi, kesungguhan serta keikhlasan para guru dalam mendidik anak bangsa dengan pendekatan ilmu yang seimbang antara akademik dan nilai keimanan.

Negeri menaruh harapan yang besar agar Yayasan Islam Kelantan terus menjadi peneraju dan hub utama dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi. Bukan sahaja cemerlang dalam sudut intelektual malah

unggul dari segi sahsiah dan spiritual seterusnya menyumbang kepada pembangunan negeri, negara yang berterusan nilai dan jati diri yang kukuh.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memperkukuhkan sektor pentadbiran di peringkat akar umbi peranan institusi penghulu tidak boleh dipinggirkan. Penghulu merupakan penghubung antara kerajaan dan rakyat serta memainkan peranan penting dalam menyampaikan dasar dan membantu masyarakat.

Saya ingin mencadangkan untuk memperkukuhkan lagi fungsi penghulu ada beberapa cadangan. Pertamanya ialah penghulu mesti memperjelaskan peranan dan juga tanggungjawabnya. Kerajaan Negeri perlu tetapkan garis tugas yang jelas. Penghulu bukan sekadar simbol tetapi agen penyampaian dasar bantuan dan maklumat kepada rakyat.

Yang kedua, latihan dan professional. Penghulu perlu diberi latihan berkala pengurusan komuniti, komunikasi dan tabdir urus. Yang ketiga sistem pemantauan dan penilaian. Bukan semua penghulu berklasifikasi sama jadi kerajaan boleh menjadikan KPI atau menilai prestasi yang berkesan diberi pengiktirafan yang lebih, yang lemah dibimbing ataupun diberi ilmu.

Yang keempat ...

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Minta laluan ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kalau Pasir Tumboh bagi laluan, OK.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pasir Tumboh. Saya tertarik dengan perbahasan berkaitan dengan penghulu. Dan sebagaimana kita juga tahu penghulu ini memainkan peranan yang penting untuk selain menjadi menyebarkan

maklumat-maklumat kerajaan juga menjadi penghubung kepada segala bentuk urusan kerajaan kepada rakyat. Cuma soalnya seiring dengan perkembangan dunia hari ini yang memperlihatkan perkembangan IT, AI dan pelbagai perkara yang melibatkan apa ni perkembangan yang memerlukan kepada pemahaman terkait dengan teknologi-teknologi terkini.

Jadi adakah Yang Berhormat Pasir Tumboh bersetuju dari sudut peningkatan ilmu dan pengetahuan kepada penghulu ini juga perlu di ambil perhatian oleh kerajaan supaya bergerak seiring dengan perkembangan semasa dunia hari ini yang perlu kepada pemahaman kepada teknologi-teknologi terkini, terima kasih.

YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih Yang Berhormat Tendong. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam sektor ekonomi, pendekatan ekonomi berkat perlu diteruskan dan diperkasakan. Dalam masa yang sama ekonomi perlu dipacu agar lebih kompetitif dan berdaya saing termasuk melalui pemerksaan peranan GLC dengan dasar yang lebih jelas dan berimpak. Selain daripada itu, sektor halal keusahawanan digital dan pertanian moden perlu diberi perhatian serius agar potensi negeri dapat dimanfaatkan secara optimum.

Akhirnya sekali lagi saya merakamkan ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan Yang Maha Mulia Tuanku dan dengan ini Pasir Tumboh mohon mencadangkan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Tumboh. Saya mempersilakan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN HJ ZUR Aidin Bin Abdullah :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong Usul Junjung Kasih Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Tumboh. Chetok juga merakamkan ucapan junjung kasih dihadapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas limpah perkenan menyampaikan titah menunjukkan keprihatinan dan kecaknaan Tuanku kepada kesejahteraan rakyat serta pembangunan negeri. Menjunjung kasih Yang Maha Mulia Tuanku atas Titah Ucapan D'Raja yang penuh berhikmah, sarat dengan nasihat, pedoman serta keprihatinan mendalam terhadap nasib dan masa depan rakyat negeri ini sempena Persidangan Kali Pertama Bagi Tahun 2026.

Sesungguhnya Titah Yang Maha Mulia Tuanku yang bukan sahaja menyentuh soal pembangunan negeri tetapi juga menggambarkan keprihatinan Tuanku terhadap cabaran yang sedang dihadapi oleh rakyat khususnya dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar pada hari ini. Titah Tuanku jelas mencerminkan satu harapan besar agar segala perancangan dan juga pelaksanaan pembangunan tidak hanya tertumpu kepada angka dan projek semata-mata, tetapi benar-benar memberi makna kepada kehidupan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Chetok juga mengambil peluang perbahasan pada hari ini dengan satu keinsafan bahawa rakyat sedang berhadapan dengan satu realiti yang cukup mencabar. Dunia hari ini tidak lagi stabil sepertimana yang dahulu. Peperangan yang berlarutan di beberapa wilayah dunia, gangguan rantai bekalan global serta ketidaktentuan ekonomi telah memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Harga makanan meningkat, kos barangan keperluan semakin tinggi dan juga tekanan hidup semakin dirasakan oleh rakyat di peringkat bawah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menilai pembangunan negeri kita tidak boleh melihat dalam kerangka lama yang tertumpu kepada satu kawasan sahaja. Sebaliknya pembangunan mesti bergerak secara

seimbang melalui pembentukan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi baharu yang mampu menjana peluang kepada rakyat di pelbagai kawasan. Sejauh manakah pembangunan bandar baharu atau pusat pertumbuhan baharu yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di setiap jajahan. Kita melihat usaha Kerajaan Negeri dalam membangun kawasan seperti Bandar Baru Tunjong serta juga pembangunan kawasan Tok Bali yang berorientasikan industri dan juga maritim. Ini merupakan satu langkah yang tepat dalam membina eko sistem ekonomi baharu yang mampu menarik pelaburan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan dan juga merancakkan ekonomi setempat.

Dalam masa yang sama jajahan Pasir Mas khususnya Rantau Panjang yang mempunyai kelebihan sebagai jajahan sempadan perlu tampil dengan perancangan yang lebih strategik dengan dapat membangun sebagaimana jajahan-jajahan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin memberi penekanan kepada sektor pelancongan. Khususnya pelancongan gastronomi yang merupakan satu kekuatan unik di Negeri Kelantan. Kelantan terkenal dengan warisan makanan tradisional yang kaya dengan identiti budaya. Makanan bukan sekadar keperluan tetapi merupakan satu produk ekonomi yang boleh dipasarkan ke peringkat yang lebih luas. Pelancongan gastronomi berpotensi menjadi pemangkin ekonomi rakyat jika dibangunkan secara sistematik melalui promosi, penjenamaan dan juga peningkatan kualiti produk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu Kerajaan Negeri dicadangkan agar memberi perhatian serius kepada pembangunan industri hiliran. Khususnya dalam sektor pertanian yang menjadi kekuatan Negeri ini. Sumbangan sektor pertanian yang mencecah sekitar RM5.6 billion kepada ekonomi negeri menunjukkan potensi besar yang masih belum di manfaatkan sepenuhnya. Kita harus akui bahawa Kelantan tidak kekurangan agensi. Tidak kekurangan syarikat mahupun kekurangan perancangan dalam sektor ini. Namun persoalan yang lebih penting adalah sejauh mana semua entiti ini benar-benar bergerak secara terselaras dan memberi impak langsung kepada rakyat. Khususnya golongan petani di peringkat akar umbi. Pada hari ini kita melihat

kewujudan pelbagai entiti dibawah GLC negeri, agensi-agensi berkaitan pertanian yang masing-masing mempunyai fungsi tersendiri.

Walaupun dari sudut struktur kelihatan lengkap, namun dari sudut perlaksanaan masih terdapat cabaran dari segi pertindihan peranan dan kurangnya penyelarasan yang menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan potensi sebenar sektor pertanian negeri tidak dapat dimaksimumkan sepenuhnya. Justeru sudah tiba masanya Kerajaan Negeri mempertimbangkan satu pendekatan yang lebih tersusun dengan mewujudkan satu mekanisme penyelarasan yang jelas sama ada dalam bentuk pusat kawalan utama atau dasar yang menyatukan hala tuju semua entiti ini.

Tanpa penyelarasan yang kukuh kita akan terus melihat usaha ini bersifat berasingan. Sedangkan cabaran ekonomi hari ini menuntut pendekatan yang lebih strategik dan juga bersepadu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam konteks ini saya melihat kumpulan Pertanian Kelantan Berhad ataupun KPKB perlu diperkasakan sebagai *Anchor company* dalam sektor pertanian negeri. KPKB tidak seharusnya hanya berfungsi sebagai pelaksana projek tetapi perlu diangkat sebagai peneraju utama rangkaian nilai pertanian. Peranannya perlu diperluas sebagai pengawal pasaran pemaju pengeluaran berskala besar serta peneraju kepada aktiviti pemprosesan dan juga pemasaran produk agro negeri.

Satu lagi kelemahan yang perlu diberi perhatian ialah kecenderungan sektor pertanian kita yang masih tertumpu kepada pengeluaran bahan mentah. Kita menanam, kita menuai tapi nilai tambahannya sering dinikmati oleh pihak lain. Inilah sebabnya mengapa pembangunan industri hiliran perlu diberi penekanan yang serius. Hasil pertanian seperti padi, buah-buahan, ikan dan juga ternakan tidak seharusnya di jual dalam bentuk mentah semata-mata. Sebaliknya perlu diproses menjadi produk bernilai tinggi seperti makanan siap, produk berjenama dan juga produk eksport. Dengan adanya industri hiliran nilai sesuatu hasil pertanian boleh meningkat berkali ganda sekaligus meningkatkan

pendapatan petani dan membuka peluang pekerjaan yang baharu kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperkara lagi bagi memperkukuhkan keterjaminan makanan negeri dalam suasana hari ini adalah dicadangkan supaya Kerajaan Negeri turut memperkenalkan satu pakej ransangan komprehensif yang bersifat jangka pendek dan sederhana bagi menangani kesan kemarau serta kenaikan kos operasi akibat krisis global. Pakej ini boleh merangkumi bantuan bersasar bagi input kritikal seperti diesel dan sistem pengairan, bantuan kewangan tambahan kepada petani, penternak dan nelayan yang terjejas serta insentif penggunaan teknologi moden bagi meningkatnya kecekapan pengeluaran. Institusi ini bukan sahaja mampu mengurangkan tekanan kos dan risiko kerugian yang sedang dihadapi oleh pengusaha agro makanan, malah dapat memastikan keterjaminan bekalan makanan negeri secara mampan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu projek mercu tanda *flagship* Kerajaan Negeri yang mengenai selalu di sebut oleh pihak Kerajaan iaitu Lembah Agro Rong Chenok di Pasir Mas yang merupakan manifestasi yang jelas kepada usaha membangun sektor pertanian secara moden bersepadu dan juga berimpak tinggi. Dibangunkan oleh PKPNK projek ini menggabungkan tiga komponen utama iaitu tanaman penternakan akuakultur dalam satu eko sistem yang tersusun sekaligus meletakkannya sebagai pemangkin utama kepada agenda keterjaminan makanan Negeri Kelantan.

Dari sudut perlaksanaan Rong Chenok bukan sekadar pengeluaran biasa tetapi menampilkan penggunaan teknologi pertanian moden seperti sistem hidroponik dengan kapasiti 56 000 pot tanaman sawi, kaedah fertigasi bagi tanaman cili serta perluasan projek melon madu Kelantan. Dalam masa yang sama sektor penternakan diperkukuh melalui pembangunan kandang ayam pedaging berkapasiti sehingga 20 000 ekor dan juga penternakan lembu charole yang berpotensi menjadi pusat latihan kepada penghasilan sehinggalah 20 000 ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : [MENCELAH]

Dua minit lagi ...

YB TUAN HJ ZUR Aidin Bin Abdullah :

... pusat latihan dan juga rujukan industri. Komponen akuakultur pula menyumbang kepada penghasilan sehingga 20 000 benih ikan sekaligus memperkukuh rantai bekalan protein Negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri disaran agar terus mengangkat potensi Rong Chenok ini secara lebih agresif dengan memperkukuhkan eko sistem pelaburan, menarik lebih ramai pelabur berimpak tinggi serta memberi penekanan kepada pembangunan tanaman bernilai komersial tinggi.

Langkah ini penting bagi memastikan projek ini bukan sahaja meningkatkan pengeluaran makanan malah mampu menjana pulangan ekonomi yang lebih besar, memperluas peluang pekerjaan dan memposisikan Kelantan sebagai hak agro moden yang berdaya saing. Dengan pendekatan yang strategik dan berterusan saya yakin dan percaya Rong Chenok berpotensi menjadi model rujukan utama dalam tranformasi sektor pertanian Negeri Kelantan ke arah yang lebih mampan dan berimpak tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga segala usaha ini menjadi asbab kepada kesejahteraan rakyat dan keberkatan Negeri yang kita cintai ini Chetok dengan ini menjunjung kasih dan mahu menyokong. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Chetok. Saya mempersilakan Yang Berhormat Galas.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertamanya Galas ingin menjunjung kasih atas Titah Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Kelantan atas Titah yang amat baik yang boleh di jadikan kompas panduan pentadbiran dan hala tuju negeri kita seterusnya menjadi inspirasi kepada kita semua. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada di sebut dengan krisis global yang berlaku dan juga terjadi dalam dunia pada hari ini dan negeri kita juga semestinya terkesan dengan apa yang berlaku ini dan saya kira diesel dan petrol sebagaimana yang disebut oleh Pasir Tumboh sebentar tadi juga menjadi kesan bebanan kepada kita rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah melihat usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam memberikan subsidi dan apa sahaja bantuan yang difikirkan perlu dan sesuai ketika ini. Seperti diesel subsidi nelayan RM1.65 seliter. Diesel subsidi pengangkutan awam RM1.88 seliter. Bantuan diesel kenderaan daripada RM300 naik kepada RM400. Petrol Budi RM1.99 seliter. Diesel subsidi lori pengangkutan barangan RM2.15 seliter. Ini antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu bebanan meringankan bebanan rakyat pada hari ini. Bab diesel dengan petrol ini tidak ada orang setuju. Ambo sendiri pun kalau tanyo Galas sendiri pun Galas tok setuju dengan kenaikan yang mendadak yang membebankan kita bersama. Namun begitu hal ini perlu kita cari jalan bersama bagaimana nak hadap.

Dalam peranan kita sebagai Kerajaan Negeri saya melihat beberapa Negeri telah pun melaksanakan peruntukan-peruntukan tertentu, subsidi-subsidi tertentu untuk membantu dalam tempoh yang amat ketara ini. Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Pahang menyediakan peruntukan khas ADUN sebanyak RM15 000 seminggu untuk bantuan terus kepada rakyat yang terjejas. Negeri Perak bercadang

memberi subsidi khas kepada lori yang membawa barang keperluan. Negeri Melaka bercadang insentif diskaun kepada premis dibawah kawasan PBT Negeri Melaka. Justeru pada hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Galas ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ini sebagai cadangan nak terima, tak terima terserahlah atas kebijaksanaan Kerajaan Negeri.

Yang pertama, memberi diskaun lesen premis PBT kepada peniaga sebanyak 50% secara *one off*.

Yang kedua, memberi bantuan *one off* sebanyak 500 kepada 7 000 lebih pesawah dan 2 500 nelayan yang ZON A yang berdaftar dengan LKIM.

Yang ketiga, bantuan ini melibatkan implikasi kewangan yang agak wajar iaitu hanya sekitar RM4-RM5 juta sahaja. Kesemua bantuan ini boleh direalisasikan dengan menggunakan simpanan emas yang kita ada yang Kerajaan Negeri miliki sebanyak RM51 juta. Ia juga tidak melibatkan bajet tambahan dalam Belanjawan Negeri 2026 kerana *result* simpanan emas ini tidak di akaunkan. Ini cadangan daripada Galas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bangun pada hari ini untuk menyentuh satu dakwaan yang sangat besar, yang sangat sedap di dengar tetapi mesti di uji dengan ukuran yang jujur. Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Sultan ada menyebut beberapa perkara yang pada saya indikator-indikator yang wajib kita capai. EXCO Kerajaan Negeri memaklumkan bahawa dalam tempoh sebelum sampai tiga tahun Kerajaan Negeri telah mencapai lebih 84% manifesto PRN Kelantan 2023. Dakwaan ini bukan kecil 84% telah pun dilaksanakan. Ia datang daripada Laporan SPARK Pejabat Menteri Besar Kelantan yang menyebut daripada 96 program dalam 18 tawaran. Sebanyak 84% telah pun dilaksanakan. Manakala selebihnya berada dalam fasa perlaksanaan aktif dan hanya sebilangan kecil belum dimulakan.

Dalam Laporan yang sama juga disenaraikan peratus capaian sektor demi sektor dan saya perati satu persatu. Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini lah persoalan pokoknya bermula. Apakah maksud sebenar perkataan telah dilaksanakan? Adakah ini bermaksud sudah siap sepenuhnya? Adakah ia bermaksud sudah di umumkan? Adakah ia dimaksudkan sudah

diluluskan atas kertas? Adakah ia hanya bermaksud kerja telah bermula tetapi hasil belum benar-benar sampai kepada rakyat kerana Laporan Rasmi Kerajaan sendiri menyebut sebahagian besar inisiatif telah dilaksanakan atau sedang bergerak aktif ke arah penyempurnaan.

Maka janganlah angka 84% itu dibentangkan seolah-olah 84% janji sudah selesai dan rakyat sudah menikmati hasilnya secara penuh. Kalau Kerajaan benar-benar yakin dengan angka ini Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya memohon dan meminta pihak Kerajaan supaya membentangkan kepada Dewan ini satu jadual lengkap 96 program tersebut. Nyatakan satu persatu nama program KPI, kos, tarikh mula, status masa, tarikh siap, daerah yang terlibat, jumlah penerima manfaat dan ukuran *outcome* kepada rakyat. Tanpa jadual itu pada saya yang Berhormat Dato' Speaker angka 80% ini menyerupai angka pentadbiran. Belum tentu ianya angka kesejahteraan rakyat. Saya nak pergi beberapa perkara ataupun tawaran yang telah disebutkan yang telah mencapai KPI 100% dan hampir 100%.

Yang pertama cakna perantau 100%. Andai benar 100% apakah semua pengisian dibawah komponen ini telah selesai sepenuhnya. Berapa jumlah perantau yang benar-benar mendapat manfaat berterusan? Berapa program yang memberi kesan ekonomi kepada perantau kita? Peluang pelaburan, jaringan kepakaran dan pemindahan ilmu, pakar-pakar, anak-anak perantau kita yang dibawa balik ke Negeri Kelantan atau peratusan 100% ini hanya berdasarkan program sambutan dan libat urus bermusim. Rakyat berhak tahu beza di antara mesra perantau dengan memanfaatkan perantau untuk pembangunan negeri.

Yang kedua pembangunan keluarga dan masyarakat 99%. Kalau sudah sampai 99% bentangkan petunjuk sosial apa yang benar-benar berubah. Berapakah keluarga rentang yang dibantu keluar daripada kemiskinan. Berapa intervensi keluarga yang berkesan secara berpandangan, secara berpanjangan, berapa kes yang selesai bukan sekadar diraikan dalam majlis dan program kerana keluarga tidak berubah dengan slogan. Keluarga berubah apabila tekanan hidup berkurang. Peluang kerja meningkat dan jaringan perlindungan sosial benar-benar berfungsi.

Yang ketiga juga disebut juga disentuh dalam Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja. Pertanian. Di sini produktiviti pertanian telahpun mencapai 97%. Tadi kita dengar Yang Berhormat EXCO Pertanian membacakan kedudukan nombor-nombor hasil-hasil pertanian. Inilah kali pertama saya dengar dan terima kasih Yang Berhormat EXCO atas input yang cukup baik itu. Rupa-rupanya semua itu ada nombor belako. 97% produktiviti pertanian ini angka yang tinggi. Tetapi dalam Oktober 2024, Kelantan sendiri berharap Kerajaan Persekutuan menyalurkan sekurang-kurangnya RM1.3 billion untuk mengatasi ke tidak cukupan bekalan air bagi sektor pertanian.

Dan pada tahun 2025 pula Kerajaan Negeri memperuntukkan RM6.79 juta untuk sektor pertanian. Maka saya ingin mengemukakan pertanyaan dan juga pandangan 97% ini di ukur atas asas apa? Hasil sehektar ke? Pendapatan petani ke? Keluasan yang berjaya diusahakan ke? Atau bilangan program yang telah kita umumkan. Kalau produktiviti sudah 97%, mengapa isu asas seperti air pertanian masih menuntut suntikan besar daripada Pusat, daripada luar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan juga di sebut dalam titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja. Pembangunan pendidikan dan kemahiran 95%. Di sini satu persoalan timbul berapa ramai anak muda yang tamat latihan kemahiran dan terus mendapat pekerjaan? Berapa banyak industri yang *matching* dengan kemahiran, latihan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan negeri? Berapa yang berjaya meningkatkan pendapatan keluarga hasil daripada pembangunan pendidikan yang dibuat oleh kerajaan kita.

Berapa yang hanya hadir kursus tetapi tidak berubah nasib mereka. Saya tidak menolak program Yang Berhormat Dato' Speaker, program yang kita buat cukup banyak dan cukup baik. Saya ucap tahniah kepada EXCO yang terlibat. Tetapi Dewan ini mesti melihat hasil bukan sekadar aktiviti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, juga di sebut dalam titah Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja kesukanan dan rekreasi. Dalam indeks ini dinyatakan 90% telahpun dicapai. Mohon kerajaan nyatakan berapa sebenarnya fasiliti hok kita nak buat telahpun siap. Berapa tempat sukan

rekreasi yang telah dinaiktaraf dan berapa kadar penggunaan? Kalau dah sudah ada berapa kadar penggunaan dan berapa atlet muda yang benar-benar menerima manfaat daripada usaha yang telah kita laksanakan? Jangan jadikan acara sebagai ukuran utama. Sebab penganjuran acara ini ramai hok boleh buat. Semua pakat buat. Sedangkan ukuran utama mestilah berdasarkan kepada aset, akses, dan juga bakat akar umbi yang tidak diperkukuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ikhtiraf tadbir urus 87%. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kecekapan dan juga kemampuan mentadbir negeri kita dengan baik. Dan saya juga senada dengan Pasir Tumboh sebentar tadi, pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar amatlah baik berbanding dengan Menteri Besar-Menteri Besar Negeri lain. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilihat begitu akrab, intim dan juga baik dengan YAB Perdana Menteri Malaysia.

Ini adalah merupakan satu kebaikan untuk negeri kita dan natijahnya kita boleh tengok dan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ...

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : [MENCELAH]

Speaker, minta celahan YB Galas sikit...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Kalau Yang Berhormat Speaker tamboh masa saya ...

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Sikit yah ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Minta Galas bagi laluan dulu YB, YB Galas ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Kalau Yang Berhormat tambah masa saya, saya bagi laluan ...

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Sikit jah ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Satu minit ...

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Ok. Jadi tadi Galas banyak memuji YAB Menteri Besar Kelantan mempunyai hubungan yang baik dan sebagainya, setuju tak dengan saya bahawa sepatutnya Menteri Besar Kelantan ini dikekalkan untuk tempoh yang akan datang, dalam pilihanraya yang akan datang? Setuju ya ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak kekal selama-lamanya pun takpe Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun baik dengan saya. Cuma jangan ada la di kalangan kita yang nak menjatuhkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Hok boleh jatuh ni bukan ambo, ambo sokong sokmo-sokmo doh YAB Menteri Besar ni.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar hubungan baik ini harap dikekalkan. Kerana apa? Kerana dalam pengumuman PMX dia bagi tambahan RM20 juta kerana hubungan baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan PMX, ini baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Cumanya tok sedap sikit tadi sebab ICU, ICU ni Jabatan Perdana Menteri. Nampaknya masih ada lagi ruang yang boleh diperbaiki dan saya juga setuju dengan Pasir Tumboh tadi. Dia kata kalau boleh biarlah Tok-Tok Wakil kita boleh masuk sekolah. Saya setuju tu. Kena masuk sekolah untuk bagi bantuan dan sebagainya dan benarkan juga Tok-Tok Wakil Persekutuan masuk ke premis-premis Kerajaan Negeri. Majlis Daerah, bawah YIK, Pasti, ajaklah sekali. Ni mugo tok ajok nok masuk guano. Dan ini kita harap kalau panggillah. Kalau panggih. Pasti ke parti? Togleh baik jugak ko? takpolah ...

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Kita masuk KEMAS lah In Shaa Allah...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Masuk KEMAS pun takpo takdok masalah ... mugo nok baik key ... Saya teringat kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita politik ini 5 tahun sekali jah. 5 tahun sekali jah. Jangan di sibuk ... ni hari-hari nok politik, bukan sini la orang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker ...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Mohon mencelah ... boleh ker Gual Ipoh sikit ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Cukupla masa takdok. Lepas ni, lepas ni ...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Sikit jah...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Lepas ni... Tahniahlah kepada Yang Berhormat Gual Ipoh masuk surat khabar kerana sohor Guillemard kerana Yang Berhormat Gual Ipoh. Ikhtirafi tadbir urus 87%. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau tadbir urus setinggi itu telah kita capai mengapa Belanjawan 2026 masih lagi defisit? RM86.2 juta walaupun defisit itu perkara biasa bagi kita dan saya akui tetapi defisit tetap defisit Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka apakah indikator 87% itu, adakah ia meliputi ketelusan, keberkesanan, perbelanjaan, keupayaan hasil Negeri, tender terbuka, pengurusan hutan ataupun kawalan fiskal? Atau ia hanya ukuran dalaman yang tidak di uji secara bebas?

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, kesejahteraan rakyat 77%. Ni ambo nok tanyo jugok ni. Inilah angka yang paling perlu di uji dengan data luar.

Bukan data dalaman kerajaan. DOSM menunjukkan purata pendapatan isi rumah Kelantan pada 2024 ialah RM5 265, terendah antara negeri. DOSM juga merekodkan indeks kemiskinan Kelantan pada 2024, sebanyak 11.5% kedua tertinggi selepas Sabah. Maka saya ingin bertanya kesejahteraan rakyat 77% ini di ukur dengan alat apa? Sedangkan pada ukuran pendapatan dan kemiskinan, Kelantan masih berada pada kedudukan yang sangat membimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dinyatakan bahawa pembangunan bekalan air bersih 76%. Hokni ni, hokni paling ganas sekali dan paling panas sekali. Paling dekat dengan denyut nadi rakyat. AKSB sendiri menyatakan Kelantan mensasarkan liputan air terawat daripada 72% kepada 100% menjelang tahun 2050. Dan tahun ini tahun 2026. Pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, notis rasmi AKSB pada April 2026 masih merekodkan di tempat saya. Gangguan Bukit Chupak, Gua Musang melibatkan kira-kira 600 ekar. Di dalam DUN Paloh, Gua Musang melibatkan 1 350, bagaimana Kerajaan mahu meyakinkan rakyat bahawasanya capaian air bersih sudah 76%. Sedangkan AKSB sendiri kata lani baru capai 72% dan semua sekali akan selesai pada tahun 2050.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Mohon mencelah ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Tahun 2050 ni 24 tahun lagi...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Mohon mencelah, boleh ?

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Sila ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Galas tiga minit sahaja lagi ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Haa 3 minit lagi ... Minta maaf sahabat-sahabat 3 minit ...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Speaker boleh tambah masa...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Speaker, ketua pembangkang hanya diberikan masa yang terhad. Kalau Yang Berhormat Speaker dapat di atas budi bicara dan baik budi Yang Berhormat Dato' Speaker, tambohla masa ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya tambah 2 minit ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Tambah 2 minit ... terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, sila duduk ...

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Sedikit pembetulan fakta daripada ucapan takut melarat gi kot lain ... apa yang dinyatakan. Terima kasih Dato' Speaker, terima sahabat Galas. Daripada apa yang disebut oleh kerajaan untuk target ataupun sasaran pemprosesan air bersih di Kelantan dengan kapasiti akaun, dengan penyaliran air kepada akaun-akaun ini satu, satu, satu apa ni perkara yang berbeza. Penglibatan air ke rumah-rumah ataupun ke akaun-akaun dia banyak melibatkan kepada sistem piping yang sudah tentunya sasaran Kerajaan sehingga 2050. Kerana perlu kepada kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk bagi geran dan sebagainya. Ni semua orang dah tahu. Rawatan air bersih yang menjadi sasaran kerajaan adalah kapasiti yang ada kemampuan kepada Kerajaan Negeri yang melibatkan dibawah AKSB. Ini satu perkara yang berbeza. Jadi ambo rasa boleh Galas kena perbetulkan fakta.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

OK, kalau gitu maknanya Yang Berhormat EXCO kena betullah *statement* dia dalam surat khabar ni. Kerana dalam sini disebutkan soal mendapat rawatan air bersih dan terawat sapa tahun 2050. 2050 Yang Berhormat, sekarang 2026. 2050 ni Galas antara yang termuda dalam Dewan ini berumur 70 tahun. Tendong tok tahulah umur berapa tahun 2050. Tetapi berdasarkan peratus kenaikan setiap tahun ni 24 tahun ni kita napok 1.1% jah. Masalah air bersih dan terawat ini dapat diselesaikan oleh Kerajaan kita. Yang Berhormat Dato' Speaker ini bukan isu baru. Kita mengumumkan hal ni ni tahun 2020 kita umum 2023 selesai. 2024 kita umum 2028 selesai. 2026 kita ambik jauh sikitlah selamat, 2050 baru selesai, takpolah. Kalau itulah harapan daripada kerajaan 2050 boleh selesai kita tungulah 2050. Air baru selesai di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan sosio ekonomi 67%. Ini semua data-data yang ditunjukkan oleh Kerajaan melalui Yang Berhormat EXCO dan melaporkan bahawasanya Pembangunan Sosio Ekonomi telah mencapai 67%. DOSM melaporkan KDNK Kelantan pada 2024, RM28.7 billion dengan pertumbuhan 3.6%. Pada masa yang sama ekonomi Malaysia berkembang 5.1%. Manakala kadar pengangguran Kelantan berada pada 3.6% lebih tinggi daripada kadar nasional iaitu 3.2%. Apa yang ingin saya bangkitkan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sama-sama ambik perhatian bahawasanya apa yang kita maklumkan yang kita isytiharkan kadang-kadang ia bertentangan dengan realiti rakyat dibawah. Maka ini yang saya nak sampaikan dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan laporan Ketua Audit Negara. Ada beberapa teguran daripada Ketua Audit Negara yang perlu mendapat perhatian khusus daripada Kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang pertama, ialah berkaitan dengan syarikat-syarikat ZON B dan pembaziran wang rakyat. Kita selalu dengar alasan kekurangan peruntukan tadi pun kita memerlukan peruntukan disebut oleh EXCO kita ketika menjawab. Tiada peruntukan untuk bantu rakyat tetapi audit mendedahkan realiti yang menyakitkan hati. 12 syarikat negeri berstatus doman ataupun mati. Lapan daripadanya sudah tidak aktif lebih 5 tahun.

Syarikat-syarikat ZON B ni minta maaf kalau istilah saya guna tak berapa tepat. Tetapi tak tahu nak pakai istilah apa ni. Syarikat-syarikat ZON B ini tidak buat apa-apa hasil tetapi masih membelanjakan RM7.94 juta wang rakyat untuk kos operasi dan pengurusan. 16 syarikat pula nyawa-nyawa ikan *going concern*, mereka hidup atas talian hayat agensi induk dengan hutang mencecah RM32.13 juta. Ini bukan saya kata ni, ini dalam laporan Ketua Audit Negara.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dua minit habis Galas ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, syarikat seperti Ladang Tapis Sdn Bhd berhutang RM9.2 juta, rangkaian Hotel Islam RM4.2 juta, sampai bila ni kita nak persoal ni? Syarikat-syarikat yang dewan yang mati ni sampai bila? Sedangkan ramai lagi rakyat kita yang perlu kita bantu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana masa tidak diberikan kepada saya. Masa amat mencemburui banyak perkara yang nak di sebutkan lagi, akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon Kerajaan Negeri kita memandang serius beberapa perkara yang melibatkan kawasan dalam tempat saya.

Tempat saya Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Menteri Besar ada beberapa pengumuman mega yang telah dibuat di kawasan saya. Antaranya ianya ialah Bandar Perabot. Sampai ke hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah *progress* baru ni gi pasang *holding* sebab kawasan itu banyak rimau lori jadi pasang *holding* tu selamat la sikitnya rakyat di kawasan tu.

Kemudian nak pilihanraya baru ni PRN 2023 pecah tanah bandar Dato' Bentara. Hari ni pun senyap dik jugok takdok wak gapo satu jugok. Hoknilah kita tokse berulang Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tokse berulang benda yang sama.

Akhirnya Kerajaan Negeri kita terima cercaan daripada rakyat ...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : [MENCELAH]

Galas, sikit jah ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Dan saya juga nak tanya Kolam Air Panas Sungai Ber, duduk Gual Ipoh. Kolam Air Panas Sungai Ber. Mana Sungai Ber dalam Dewan ini diberitahu...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : [MENCELAH]

Dok eh sikit jah ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

... kita akan laksanakan, pihak swasta akan ambik alih dan sebagainya. Jadi hokni ni sampai ke hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker tidak ada tindakan ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Masa dah habis Galas ...

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Ini adalah salah satu tempat pelancongan yang baik. Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas peluang yang diberikan. Saya mengharapkan agar hubungan baik kita ini berkekalan.

فإذا عزمتم فتوكل على الله

Galas mahu menyokong, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Galas. Saya mempersilakan Yang Berhormat Semarak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang pada Semerak untuk turut sama menyertai perbahasan pada kali ini. Berdiri saya di Dewan yang mulia ini adalah untuk membawa satu naratif besar tentang masa depan Kelantan. Kita bukan lagi berada di era di mana kita hanya boleh berpuas hati dengan status quo, kita berada di ambang perubahan ekonomi global yang menuntut kita untuk menjadi lebih tangkas, lebih berani dan lebih strategik. Izinkan saya memulakan perbahasan ini dengan memetik Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja. Pembangunan Tok Bali Industrial Park sebagai hub perindustrian baharu berpotensi menarik pelaburan dalam sektor pembuatan, pemprosesan makanan logistik serta industri marine. Peluang yang terhasil daripada pembangunan kawasan industri baru ini wajar direbut dan diberikan perhatian oleh setiap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah ini bukan sekadar susunan ayat untuk menghiasi dada akhbar. Ia adalah satu doktrin ekonomi dan seruan agar kita berhenti melihat Tok Bali sekadar jeti nelayan, tetapi sebagai enjin pertumbuhan utama yang akan memacu KDNK Negeri untuk dekad mendatang. Tok Bali dari pengkalan, bekalan ke gerbang Indo China.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika kita melihat peta geopolitik ekonomi hari ini, Tok Bali berada di kedudukan yang sangat strategik sebagai gerbang Indo China. Namun rekod menunjukkan bahawa sehingga kini Tok Bali Supply Based (TBSB) masih, masih beroperasi sebagai pengkalan bekalan untuk industri minyak dan gas sahaja dan baru berada pada fasa dua daripada lima fasa yang dirancang. Untuk menjadikan Tok Bali sebagai *game changer* kita memerlukan transformasi TBSB menjadi sebuah pelabuhan sepenuhnya atau *full flash pot*. Kita sedar bahawa dibawah jadual kesembilan perlembagaan Persekutuan urusan pelabuhan adalah dibawah senarai persekutuan.

Manakala urusan tanah adalah di bawah senarai negeri. Inilah titik pertemuan *federalisme* kita. Status pelabuhan bebas *free port* adalah *instrument* geo ekonomi penting yang kita mahukan agar Tok Bali setanding dengan Labuan atau Pelabuhan Tanjung Pelepas. Sehubungan perkara ini, saya difahamkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk mengaktifkan dan memperkasakan kembali Perbadanan Tok Bali.

Saya berharap agar langkah ini dapat direalisasikan secepat mungkin kerana peranan amat diperlukan kerana peranannya amat diperlukan sebagai pemacu utama bagi mempercepatkan lagi pembangunan di kawasan tersebut. Keperluan kepada sebuah pelabuhan penuh adalah perkara yang amat dinantikan oleh para pelabur bagi melancarkan urusan perniagaan mereka. Justeru saya bagi pihak Semarak amat berharap agar Kerajaan Negeri mengambil inisiatif proaktif dalam memastikan inspirasi ini tercapai. Soalan saya kepada Kerajaan Negeri sejauh manakah rundingan bersama bagi pihak persekutuan dan pelabur swasta dilakukan untuk mempercepatkan transisi ke fasa 3, 4 dan 5 melalui pemerksaan perbadanan ini. Taman Industri Tok Bali (TBIP) dan realiti infrastruktur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai Taman Perindustrian Tok Bali kita mempunyai kelebihan nilai tanah yang amat rendah berbanding negeri di pantai barat. Ini adalah peluang terbaik kita namun pelabur hari ini adalah pelabur yang bijak yang tidak hanya membeli tanah tapi membeli ekosistem. Kekangan infrastruktur jalan sedia ada merupakan isu utama yang boleh membantutkan kemasukan pelabur pembuatan berskala besar. Persoalan saya apakah butiran khusus insentif mesra pelabur buat pelabur terawal, *primer* pelabur? Adakah ia melibatkan *rebate* cukai atau kemudahan *fast track* kelulusan lesen. Apakah plan kontigensi untuk menaiktaraf jalan-jalan perhubungan utama ke TBIP sementara menunggu projek besar persekutuan siap. Krisis air dan ancaman El-Nino, cabaran geologi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan industri tidak akan bermakna jika keperluan asas air tidak dijamin. Data map bagi Januari 2026 menunjukkan kadar taburan di Kota Bharu pada hanya 4.8 mm. Satu amaran serius akibat faktor El-Nino. Dalam keadaan abstraksi air bawah

tanah sebanyak 193.4 jlh. Penggunaan air di Kelantan utara adalah sangat tinggi dan dipengaruhi faktor geologi.

Persoalan saya, berapakah jumlah loji rawatan air LRA yang dikesan mempunyai *blind spot* atau berisiko terputus sumber air total semasa El-Nino? Apakah langkah teknikal jangka pendek bagi memastikan rakyat dan ekonomi domestik tidak lumpuh akibat catuan air. Dan berapakah akaun pengguna yang dijangka terjejas?

Tenaga hijau. Kelantan sebagai magnet pelaburan. Yang Berhormat Dato' Speaker, dunia hari ini menuntut kepada *green energy* dan Kelantan mempunyai potensi besar, potensi luar biasa. Menjelang 2027, kita akan mempunyai tambahan 300 mega watt daripada empangan Nenggiri dan 100 mega watt daripada ladang solar Danau Tok Uban. Dan kita juga mempunyai mini hidro yang lain lagi. Banyak tenaga menjelang tahun 2027 sangatlah lumayan besarnya. Syarikat gergasi seperti Google, Microsoft dan Amazon kini hanya melabur di kawasan yang mempunyai bekalan tenaga hijau yang stabil selaras dengan polisi *EU, Europe Union*.

Persoalan saya adalah apakah strategi *brand global* yang telah diusahakan oleh kerajaan negeri untuk meletak Kelantan dalam peta *Green Technology*? Dan adakah libat urus dengan gergasi teknologi telah bermula bagi memastikan lebih tenaga bersih, lebih tenaga bersih kita mempunyai pembeli yang berkualiti?

Akhirnya, sebagai kesimpulan perbahasan ini adalah untuk memastikan wibawa Kerajaan Negeri terus diangkat melalui tindakan berasaskan fakta. Tok Bali adalah permata, isu air adalah cabaran kejuruteraan dan tenaga hijau adalah *cut* mas kita. Kita mahu Kelantan menjadi gergasi ekonomi Pantai Timur yang mampan dan progresif. Saya mohon menyokong.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Semerak. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Titah D'raja pada kali ini. Saya menjunjung kasih dan menyokong penuh Titah D'raja diraja sebagaimana yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Tuanku Pemangku Raja pada pagi semalam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkanlah saya mengambil ruang ini untuk menyentuh tentang peranan agensi pembangunan tanah persekutuan yang banyak memiliki dan mengawal tanah-tanah dan rancangan-rancangan kawasan berkelompok dalam negeri kita sebagaimana KESEDAR, FELDA Dan FELCRA. Tetapi dalam konteks perbahasan pada ruang yang terhad ini saya ingin menyentuh satu agensi yang besar iaitu KESEDAR yang telah ditubuhkan sejak 11 Januari 1978 melalui satu pembentangan Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan Akta 203 oleh Mantan Menteri Kemajuan Tanah pada waktu itu, Tan Sri Dato' Hj Abdul Kadir bin Yusof yang membawa kepada penubuhan KESEDAR pada 1 Mei 1978.

Yang Berhormat Dato' Speaker, KESEDAR merupakan Lembaga Kemajuan Wilayah yang keempat dalam negara kita yang ditubuhkan selepas Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara Dara pada tahun 1971, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) pada tahun 1972 dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) pada tahun 1973. Kawasan Kelantan Selatan terletak di Selatan Negeri Kelantan bersempadan dengan Thailand di Utara, Perak di Barat, Pahang di Selatan dan Terengganu di Timur. Kawasan ini sangat luas meliputi $\frac{3}{4}$ daripada keluasan negeri Kelantan yang merangkumi 4 jajahan seluas 1.234 Juta Hektar tanah, meliputi Gua Musang, Kuala Krai dan sebahagian jajahan Tanah Merah serta meliputi 12 Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, falsafah kemajuan tanah yang dibangunkan oleh KESEDAR walaupun ia tidak secara khusus tertakluk

kepada Akta Pembangunan Tanah secara berkelompok atau lebih dikenali sebagai Akta GSA tapi ia adalah merupakan suatu adaptasi daripada Sistem Rancangan Tanah Berkelompok yang diperkenalkan oleh Felda melalui Akta GSA yang digubal pada tahun 1960. Apa itu GSA?

Yang Berhormat Dato' Speaker, GSA telah diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 24 April 1960 melalui Akta Pembangunan Kawasan Petempatan Berkelompok yang secara mudahnya ialah hasrat Kerajaan pada 3 tahun selepas Merdeka. Untuk memberikan tanah kepada rakyat yang tidak bertanah, *giving land to the landless* secara sistem sewa milik *hire purchase*. Falsafah GSA ialah memberikan tanah dimana agensi pembangunan persekutuan ini akan memohon satu tanah satu kawasan yang besar dengan kerajaan negeri membawa peserta mencari dana meletakkan peserta supaya bekerja dengan mereka dan akhirnya akan menjadi tuan. Sebab itu kalau kita tengok melalui seksyen 12 Akta GSA setiap orang peserta yang bernama peneroka digelar sebagai *occupation in expectation of title* iaitu kependudukan yang kelak akan dikurniakan hak milik. Dan itulah sistem yang diamalkan oleh KESEDAR dalam negeri kita di Kelantan yang sebahagiannya kerana KESEDAR ada 2 dan kita ada lembaga Pengarah KESEDAR YB Nenggiri saya rasa masih lagi Ahli Lembaga Pengarah.

Saya nak bagitahu Yang Berhormat Nenggiri khususnya, ada 2 rancangan yang telah dijalankan oleh KESEDAR. Satu Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) yang kedua adalah Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) dan apa yang menjadi masalah kepada kita ialah selepas tanah-tanah ini diberikan oleh kerajaan negeri, beribu-ribu ekar. Peneroka dan masuk, buat kerja berbelas, berpuluh tahun tetapi akhirnya selepas mereka selesai membayar hutang, mereka selesai menguruskan segala keperluan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk peserta peneroka enggan dikembalikan oleh KESEDAR kepada tanah kepada pemilik-pemilik yang sepatutnya rakyat yang sepatutnya menjadi pemilik kepada tanah.

Kita melihat dekat Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar telah membuat satu sidang media pada akhir 2024 bilangan hak milik yang telah didaftarkan kepada KESEDAR yang tidak dan enggan diberikan kepada peneroka asal. Ada 2,858 hak milik di RKP Paloh (1) 238 hak

milik, RKT Paloh (2) 121, RKT Paloh (3) 76 hak milik, RKT Chalil 97 hak milik, RKT Lebir 183 hak milik, Sungai Asap 334, Jeram Tekuh 290, Renuk Baru 524, Limau Kasturi 173, Sungai Terah 822 dan di Taman Agro Politan 122 Lot Kediaman.

Tanah ini telah diberikan hak milik oleh kerajaan negeri dan secara asasnya jika modul pembangunan GSA ingin diamal. Kenapa tanah-tanah ini gerannya tidak dikembalikan tidak diberikan kepada peneroka yang telah membanting tulang puluhan tahun. Sebahagian besar daripada mereka telahpun meninggal dunia, tetapi mereka menutup mata dalam keadaan dinafikan hak milik yang telah dijanjikan oleh Agensi Pembangunan Tanah Persekutuan kepada mereka, yang lebih teruk lagi kita ada skandal yang besar.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Mohon mencelah ya?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Sila, sila. Saya nak dengar dari Ahli Lembaga.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Yang Berhormat Melor, rasanya kena tarik balik kalau kita tidak KESEDAR tidak nak beri tanah kepada peneroka. Sebab minggu lepas bukan saya sahaja dalam dewan ini Ahli Pengarah Lembaga KESEDAR, YB EXCO bersama Dato' SS pun Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR dan kita bincang dan semestinya 2,281 hak milik ini pasti KESEDAR akan serahkan kepada peneroka. Itu adalah kepastian.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Okay terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat boleh sambung dalam ucapan Yang Berhormat. Pasti tu bila? Nak tunggu khiamat?

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Semestinya memerlukan kerjasama daripada *(tidak jelas)*.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Mereka telah selesai membayar hutang. Padey lah, padey lah padey.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Yang Berhormat, tidak ada hutang. Peneroka KESEDAR diberikan geran. Hutang telah dihapus kira zaman Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Dato' Seri Najib 2018 akhir....

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Hutang telahpun dihapus kira, Yang Berhormat...

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Okay duduk lah....

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Mohon Yang Berhormat perbetulkan fakta. Yang Berhormat kita bercakap di dalam Dewan Yang Mulia ini.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Duduklah, ni *floor* saya Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Saya bersetuju....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Nenggiri, mintak duduk. Terima kasih Nenggiri.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Yang Berhormat, betulkan fakta... kita bukan tak nak bagi. Kita berusaha untuk bagi, dan InShaa-Allah pasti akan bagi.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ho, takpolah saya nak dengar berusaha itu satu janji yang baik. Tapi bakpo tunggu puluhan tahun? Dato' Sri Najib era dia berakhir tahun 2018, ini 2026. Dan Yang Berhormat, Parti Yang Berhormat Parti Galas gunakan isu inilah untuk menyerang Kerajaan Negeri Kelantan pada ambang Pilihan Raya Kecil Nenggiri pada bulan Ogos 2024. Dia kata, oh Kerajaan kita tok proses tanah, tok proses geran sebab itu rakyat tak dapat geran tapi hakikatnya kerajaan dah bagi hak milik lebih 5,000 ribu ekar tapi bakpo tok seroh kepada peneroka, Akta GSA Yang Berhormat Tun Razak sebut dah wasiat dia *Giving Land to the landless*, memberikan tanah kepada yang tidak bertanah buat petempatan berkelompok supaya kerajaan boleh buat kemudahan asas secara ekonomik, buat jalan raya, buat dewan, buat sekolah, buat masjid, buat macam-macam. Jadi bila mereka selesai membayar hutang bagilah tanah tu kenapa nak simpan? 5,000 ekar lebih dan kita tengok Yang Berhormat, Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR scandal Taman Agropolitan ECER di Kampung Rantau Manis Nenggiri. Kawasan dibuka pada tahun 2016, 22 Mac peneroka diberikan tawaran untuk menjadi peserta kepada Projek Taman Agropolitan ECER KESEDAR di Rantau Manis. Tandatangan perjanjian tak dok tarikh. Bila ladang sawit dah mengeluarkan hasil selepas hampir 10 tahun akhirnya pada 28 Disember 2021 daripada mereka diberikan hak milik akhirnya mereka telah diberikan surat penamatan perjanjian. Dop panggil sebagai peserta janji macam-macam, peluh pelar doh orang kampung duduk situ akhirnya diberikan penamatan perjanjian dan ditawarkan bayaran kononnya *gratuity* selama 2 tahun.....

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Mohon mencelah, saya sekali lagi Yang Berhormat Speaker.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Duduk meta, saya nak perabis sikit. Bagi tahun 2022.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Keno betulkan fakta mohon jelas.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Bagi tahun 2022, sebanyak RM 700 ya sebulan berjumlah RM 8,400 seorang. Ini satu penindasan dan kezaliman oleh Agensi Persekutuan. Janji macam-macam, okay sila sila.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Okay saya mohon perbetulkan, untuk peserta ECER ini yang panggilnya ialah melibatkan ECER yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Yang Berhormat. Segala perjanjian semuanya melibatkan Negeri dan Persekutuan. Kena betulkan yang tu Yang Berhormat.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Okay terima kasih deh.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Sambung sikit deh.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Napok sangat saloh.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Galas duduk dulu.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Napok lemah, napok lemah.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Sor, sor deh. Orang Kelantan panggil *one after another*.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Napok sangat ni.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Galas sila duduk. Mintak Nenggiri duduk. Melor teruskan perbahasan beliau.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Saya-saya bab-bab perjanjian, sila selalu lah Galas pasal napok.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Saya napok gini Yang Berhormat Melor napok teweng gi kut lain, penamatan itu sebagai peserta. Mana hok mari tu dijemput sebagai peserta bukan sebagai peneroka. Sebagai peserta dia ada tempoh dia, habis tempoh dia maka tamat lah dia sebagai peserta. Dan sebagai peserta dia diberikan apa yang dijanjikan peringkat awal *gratuity*, tapok rumoh dan sebagainya. Itu kerana dia menjadi peserta.

Terima kasih.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Okay terima kasih dan untuk rekod saya rasa Yang Berhormat Galas salah seorang Lembaga Pengarah dalam syarikat yang berkaitan dengan KESEDAR dok? KESEDAR Holdings? Dato' Yang Dipertua saya nak sebut saya baco perjanjian itu, saya teliti.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Yang Berhormat mintak laluan Yang Berhormat, sikit jah.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Nanti dulu. Saya teliti satu demi satu perkataan *word by word*. Tidak ada perjanjian antara peserta dengan Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, yang ada duduklah dulu, sabar lah..

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Yang Berhormat Dato' Speaker, telah dibawa.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Galas, sila duduk dulu. Duduk dulu Galas.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Hanyalah perjanjian diantara peserta dengan KESEDAR.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Bahawa sanya perkara ini telah dibawa kepada mahkamah dan tidak *relevan* untuk dibincangkan di sini.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ho takpolah, bakpo tidak *relevan* saya nak bawa jugak.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Bawak dah dalam Mahkamah, kita tunggu Keputusan Mahkamah lah Mahkamah tetapkan lah macam mana.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Saya nak bawa polisi kita.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Dah kalau betul hak peserta, buwi kepada peserta lah.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Duduklah, bakpo yang Galas bersungguh sangat?

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Betullah, benda tak sepatutnya dibangkitkan.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Doh bakpo Galas bersungguh sangat, dahlah tadi dia panas doh dengan pencapaian Manifesto Pilihan Raya kita, kita boleh markah 90%, 94% pun ikut kito lah.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Betulah, bendo tak sepatutnya. Dah baik Melor bangkit pasal-pasal Melor, hok tak beres lagi. Baiklah Melor bangkitkan pasal jalan-jalan di Peringat hok tak beres lagi daripada duk caro hal-hal lain.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mintak denda saya masa 10 minit tambah kerana Galas kacau.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Baik Melor teruskan.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Saya baca perjanjian itu perkataan demi perkataan, saya menulis *opinion* perundangan tidak ada disebut *gratuity* dalam perjanjian itu dibayar RM8,400 takdok. Peserta diberikan dengan anggapan mereka akhirnya akan diberikan tanah ladang, diberikan rumah kediaman bahkan rumah kediaman telah diberikan di Rantau Manis ada suku ekar setiap orang dan saya melawat, saya pergi ke sebahagian daripada rumah itu tokkei demo buwi rumoh dengan anggapan nak buwi geran tiba-tiba "eh sapa masa kito nok tamatkan" apa benda ni?

Mereka dijanjikan rumah untuk diam sehingga mati. Sapa masa kerana tok berlago angin dengan politik UMNO, ditamatkan dihalau. Ni apabila agensi.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Ini satu tuduhan Yang Berhormat, bila kita halau kerana kita tidak menyokong UMNO dan sebagainya? Tok pernah lagi.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ni saya lah kato sebab saya tengok tu UMNO punya tu politik belako.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Tak betul tu, ini sangkaan jahat.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ho takpolah.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Yang Berhormat Dewan, Yang Berhormat Speaker. Ni Peraturan Dewan 46....

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Kito tolong.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Galas tak perlu jawab, Kota Lama sila duduk. Sila duduk, Kota Lama.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

46 tu kito tahu belako doh. Dato' Yang Dipertua saya nak kata begini saya nak kata negara ini akan aman dan makmur kalau Agensi Pembangunan Persekutuan yang diberikan tanggungjawab dan amanah untuk membantu rakyat mengikut prinsip asal. Tun Razak bentang tu comey dah, rancangan berkelompok GSA berikan tanah kepada yang tidak bertanah melalui sistem sewa milik. Habis hute buwi lah geran batalkan hak milik dituntut barulah negara kita makmur rakyat yang ada 10 ekar tanah ladang akan menjadi seorang tuan yang sangat kaya dan berada.

Tapi kito ni lepas habis hute kita tambah pusingan kedua ada tanah besarkan hutang lagi, akhirnya rakyat kita menjadi hamba sepanjang hidupnya. Akhirnya rakyat kita dilayan seperti red Indian di bumi sendiri. Ini berlaku dalam KESEDAR Yang Berhormat Ahli Lembaga saya tahu Kerajaan Negeri Kelantan ada wakil kerana wakil itu disyaratkan oleh Seksyen 5 (1)(F) Akta Lembaga Kemajuan Kelantan 1978.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Mohon mencelah sekali lagi Yang Berhormat, sikit jah sikit. Betul tidak terikat dengan GSA.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Duduklah dulu dengar dulu orang nak royak. Akta 203 bukan kerana sebab Kerajaan Negeri Kelantan nok suko-suko duduk. Tapi itu adalah peruntukkan undang-undang untuk membolehkan Lembaga FELDA beroperasi mengikut undang-undang.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

KESEDAR Yang Berhormat.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

KESEDAR sorry.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Yang Berhormat celah sikit jah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Nenggiri sila duduk! Masa cuma tinggal 2 minit.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Melor benarkan Yang Berhormat Speaker.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Lamo bangun ni tunggu dia duduk.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ho wi ko Tendong dulu lah, sikit jah Yang Berhormat.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Sikit jah, soalan nya nak tanya gini Yang Berhormat Dato' Speaker. Adakah dengan ketidak penyelesaian isu pemilik KESEDAR ni sengaja dilewat-lewatkan kerana untuk dijadikan sebagai *fixed deposit* isu politik?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Saya setuju, ambo setuju Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Terima kasih.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Yang saya nak katakan geran ini sengaja dilewat-lewatkan....

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Sikit jah sikit lagi Melor, sakni sikit lagi.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

2 saat, 2 saat.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

2 saat, okay untuk Pengurusan KESEDAR ni semasa Kerajaan Perikatan Nasional Yang Berhormat Nik Abduh menjadi pengerusi. Kalu nak letok salah tu kepada pihak UMNO sahaja tak betul, sebab....

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ambo pehe, *point taken*. Pehe? Ok terima kasih.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Sebab ambo sekarang ini kena jelas sini yang bahawanya sapo-sapo pengerusi ataupun sapo yang pegang KESEDAR ni tetap nok selesaikan masalah peneroka ni, hoktu hok penting sekali.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Terima kasih, betul lah tu Yang Berhormat Ustaz Nik Abduh Ahli Dewan Negara dilantik menjadi Pengerusi KESEDAR tahun 2021,2020. Tapi baru nok buat tokdei nok buat gapo puok demo perutuh Kerajaan, bubar dewan tokdei nok buat gapo.

Kita doh sediokan pelan nok bagi geran kepada semuo peneroka yang dinafikan geran tapi Perdana Menteri Yang Berhormat daripada parti UMNO bubar dewan. Jadi cabut penggal habis tokdei nok buat gapo.

Padey doh tu.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Situ menunjukkan semua yang tanggungjawab Yang Berhormat.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Padei lah, saya nak landing ni Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Timbalan tidok betul tu.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Timbalan Pengerusi KESEDAR ado sini, jadi sebenarnya Yang Berhormat.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

3 saat, ramai peminat ambo harini.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Allah. Dari segi KESEDAR ni sebenarnya bukan sahaja bergantung ataupun fokus kepada soal peneroka dan pembangunan tanah berkaitan ia juga berkaitan dengan membangunkan tanah di kawasan-kawasan yang masih ditakrifkan sebagai mundur sebagaimana di Gual Ipoh contohnya.

Jadi sebenarnya....

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Gual Ipoh takpolah, terima kasih.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Contoh saya nok royak dari segi saya nak sebut Galas tadi yang mengatakan soal air dan sebagainya adalah bawah tanggungjawab kerajaan negeri semata-mata tetapi banyak air-air dari segi dia panggil air tandok dan sebagainya pun terbekalai khususnya di Gua Musang sendiri, Gual Ipoh dan sebagainya.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Gual Ipoh mintak duduk.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Ambo nak landing Yang Berhormat Dato' Speaker. Cuma nak sentuh Tendong itulah yang saya nampak sebab itu FELDA pun begitu, KESEDAR pun begitu. Geran tanah walaupun dah habis hutang bayaran kembali pertama pusingan pertama 25 tahun ladang sawit sengaja dilambatkan dan ini masih berlaku di FELDA sebab mereka nak jadikan peneroka ni sebagai *political ransom*.

Tebusan politik yang boleh ditekan dan digunakan setiap kali pilihan raya. Oleh itu tuan-tuan semua Yang Berhormat Dato' Speaker berakhirnya ambo nak cadang begini kepada kerajaan negeri.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menubuhkan segera satu jawatankuasa khas. Pertama untuk menilai semula penyertaan wakil kerajaan dalam Lembaga KESEDAR di bawah seksyen 51 (F) Akta Lembaga Kemajuan Tanah Kelantan Selatan 1978. Kalau lah keberadaan wakil negeri disitu tidak mampu mengubah polisi. Bahkan menyebabkan kita kerajaan menjadi malu alah untuk membuat polisi yang keras dan tegas terhadap agensi pembangunan persekutuan. Kedua saya nak mencadangkan supaya kerajaan negeri melalui jawatankuasa ini merampas semula tanah-tanah yang tidak dibayar *premium* dan tidak memiliki peneroka. Dalam jawapan di dewan DUN ni oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 21 November 2024. 24 ni kalau berubah sikit mintak maaf lah mungkin ada *update*, KESEDAR tidak membayar *premium* kepada kerajaan negeri berjumlah RM 7.137558 Juta. Ini angka 24 kalau berubah mungkin Nenggiri boleh sebut. Ketiga merampas semula tanah-tanah yang ada peneroka tetapi tidak dibayar *premium* dengan hasrat untuk memberikan dengan semula secara kepada peneroka yang berkaitan dan layak. Bukan rampas nak ambik balik, buwi *direct* kepada peneroka yang berkaitan dan keempat mengenakan cukai tanah yang tinggi kepada pemilikan langsung tanah-tanah atas nama agensi persekutuan. Di Pahang ladang FELDA yang tidak berpenghuni, tidak ada peneroka Kerajaan Pahang menaikkan cukai lebih daripada 1,000% berbanding dengan pemilikan oleh individu. Di Terengganu krisis yang berlaku di antara Kerajaan Terengganu dengan

FELDA, 3 bulan lepas baru lagi. Kerajaan Negeri Terengganu telah menaikkan cukai....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER: [MENCELAH]

Kata nak landing tadi?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Habis dah, 20 saat lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan akhirnya rujukan kes negeri Pahang dan Terengganu boleh jadi rujukan kepada Kerajaan Negeri kita. Dan paling akhir seperti yang dilakukan oleh Terengganu. Saya mohon Kerajaan Negeri menuntut peratus keuntungan, *profit sharing* di atas tanah-tanah yang digunakan dijadikan sebagai ladang oleh Agensi Pembangunan Persekutuan yang tidak mempunyai peneroka.

Saya mohon mencadang, terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Yang Berhormat Melor, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pada hari yang berbahagia ini Kota Lama juga turut merakamkan Setinggi Ucapan Junjungan Kasih kepada Pemangku Sultan Kelantan di atas Titah Ucapan D'Raja kepada Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya Titah Baginda sangat tepat, penuh hikmah dan berjiwa rakyat melambangkan keperihatinan baginda dalam kita berhadapan dengan cabaran dan benar-benar menyentuh keperluan semasa negeri ini.

Saya ingin menyebutkan bahawa hubungan erat pusat dan negeri dan dapat disaksikan oleh rakyat sekalian ketika lawatan Yang Berhormat

Perdana Menteri ke Negeri Kelantan pada 3 hari yang lepas. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri mendengar pengumuman Perdana Menteri menambah peruntukkan pembangunan kepada RM 8 Billion dan bantuan pembasmian kemiskinan 20 Juta selain daripada bantuan-bantuan yang lain. Jadi sesungguhnya kerjasama hubungan yang erat antara negeri dan juga persekutuan memang tidak dapat kita pertikaikan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kota Lama ingin menfokuskan perbahasan kali ini kepada beberapa perkara utama pertama adalah tentang ekonomi rakyat. Dalam keadaan dunia berdepan dengan ketidak ketentuan *geopolitics*, ketengangan asia barat, perubahan iklim, tekanan harga makanan dan kos sara hidup golongan yang paling terkesan adalah rakyat biasa di bawah siapa mereka? Penjaja kecil, peniaga pasar malam, peniaga di bazar-bazar kita, usahawan mikro, wanita tadi terdiri daripada golongan ibu tunggal dan anak muda kita yang baru nak bermula inilah ekonomi sebenar rakyat.

Sebab itu saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri adakah kita mahu memberikan mungkin satu pakej rangsangan ekonomi yang sampai betul-betul kepada rakyat. Mungkinkah kita tadi boleh tampil dengan langkah yang lebih jelas, lebih tersusun atau lebih dirasai oleh rakyat dan isu yang sangat dekat dengan denyut nadi rakyat termasuk di Kota Lama adalah sebagaimana dibangkitkan oleh rakyat orang awam sebelum ini adalah sewaan tapak bazar dan pasar malam contohnya. Dalam keadaan peniaga kecil bergelut dengan pelbagai kos, bermacam-macam kos yang meningkat. Bagi saya jangan pula mereka dibebankan dengan kadar sewa tapak yang melampau. Kalau kita tengok sebelum ini pada awal tahun 2025 Kerajaan Negeri mengakui bahawa FAMA tidak lagi dapat menguruskan bazar tapak ni sebagai contoh ya, Stadium Sultan Muhammad yang Ke-IV dan kerajaan negeri memberi ruang kepada pihak swasta atau pemajak. Kesannya kadar baru meningkat 2,3 kali ganda ya, tapak biasa RM 1,350 dan tapak premium RM 1650.

Adakah mungkin kita sebagai satu kerajaan yang berkebakikan? Yang mengambil langkah yang lebih baik contohnya sebagaimana DBKL baru-baru ini bukan menaikkan tetapi menurunkan kadar tapak sewa untuk

peniaga kita, peniaga kecil ini daripada RM 500 kepada RM 400. Di samping memperketatkan kawalan supaya ruang orang tengah dapat dibendung dan peniaga sebenar lebih terbela. Jadi saya bertanya kepada kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, adakah PBT berhasrat meneruskan atau memperluaskan sistem tender atau pajakan ini bagi menguruskan tapak-tapak pasar kita. Kalau ya apakah mekanisma kawalan untuk memastikan sistem itu tidak akhirnya menekan peniaga kecil? Apakah jaminan bahawa tapak yang diberikan kepada peniaga sebenar bukan kepada pemajak yang kemudian menyewakan semula kepada orang lain dengan kadar yang lebih tinggi? Adakah kerajaan bersedia menetapkan kadar siling sewaan, mempamerkan kadar secara terbuka dan melarang sublab secara tegas, mencontohi pendekatan yang lebih telus seperti yang dibuat oleh DBKL. Pada saya prinsipnya mudah kalau kita benar-benar mahu membela ekonomi rakyat, maka tapak bazar rakyat mestilah memihak kepada rakyat bukan kepada orang tengah.

Keduanya adalah infrastruktur asas bagi saya rakyat Kelantan sudah lama menanggung isu air ini bukan sahaja Machang yang baru ini diviralkan dapat air, air hitam yang berkarat tetapi Kota Lama juga. Rakyat di Kota Lama membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk menangani masalah peribadi air mereka buat "*boring*", pam dan sebagainya. Jadi sudah terlalu lama bagi saya rakyat yang mendengar janji bahawa masalah ini akan selesai, tetapi di lapangan rakyat masih berdepan dengan gangguan bekalan, tekanan air rendah dan ketidakpastian tentang bilakah masa ini benar-benar akan berakhir dan yang lebih teruk kadang-kadang ia memberi kesan pula kepada perkhidmatan awam. Contohnya di waktu kecemasan untuk menyelesaikan masalah kebakaran yang kita tahu baru ini berdekatan dengan tempat saya juga terganggu kerana masalah tekanan air di pili bomba yang rendah. Yang membimbangkan kita adalah kekeliruan tentang garis masa. Adakah di 2025? Adakah di 2028? Atapun di 2050? Soalan saya kepada kerajaan negeri adalah apakah garis masa yang sebenar? Rakyat tidak menuntut janji manis tapi rakyat menuntut kejujuran daripada kita bagaimana kita menyelesaikan masalah asas mereka mendapat bekalan air yang bersih sampailah kedalam rumah mereka.

Seterusnya adalah tentang tadbir urus projek. Dalam Titah Baginda Yang Maha Mulia Pemangku Sultan, Baginda menegaskan pentingnya pentadbiran yang cekap, berintegriti, telus dan mematuhi SOP serta dokumen perancangan. Bagi saya Titah ini amat tepat kerana antara masalah besar yang merencatkan pembangunan negeri bukan sekadar kekurangan idea dia tetapi kelemahan pelaksanaan. Saya bagi contoh Laporan Ketua Audit Negara Bil. 3/2025 memberikan teguran yang sangat serius terhadap Pembangunan Bandar Berkonsepkan Islam ataupun *Islamic City*. Audit mendapati prestasi projek itu kurang memuaskan dan kesemua lima komponen utama projek gagal disiapkan pada masa yang ditetapkan walaupun ada yang telah diberi lanjutan masa. Ini menjejaskan objektif asal untuk merangsang pembangunan ekonomi di kawasan sekitar. Jadi saya sebutkan bahawa projek ini adalah untuk rakyat. Jadi tentunya ini bukan perkara kecil. Bila projek strategik lewat, rakyat rugi, peniaga, setiap sekitar rugi dan peluang pekerjaan terganggu. Keyakinan pelabur menurun ini yang paling penting dan yang lebih malang objektif pembangunan yang dijanjikan pada rakyat tidak tercapai. Sebab itu bagi saya kerajaan negeri perlu menjawab dengan jelas apakah pelan pemulihan bagi projek-projek yang telah ditegur oleh Ketua Audit Negara ini.

Siapakah yang bertanggungjawab terhadap kelewatan? Apakah penambahbaikan terhadap pemilihan kontraktor? Pemantauan kemajuan projek kawalan kos kelulusan EOT dan pelaporan yang penting dalam dewan ini. Negeri ini bagi saya tidak boleh lagi terperangkap dengan budaya projek lambat, projek tertangguh, projek lari daripada objektif asal kalau kita serius mahu melonjakkan keyakinan pelabur maka kerajaan mesti membuktikan bahawa ia mampu merancang dengan baik, melaksanakan dengan cekap dan memantau dengan tegas.

Keempat pelancongan dan imej negeri, saya menyambut baik penekanan dalam Titah D'Raja bahawa sektor pelancongan perlu diperkasa sebagai pemangkin ekonomi negeri. Dan kita akui bahawa Kelantan memang mempunyai kekuatan tersendiri warisan budaya apa yang kita tak ada? Identiti masyarakat, sekarang ini kita war-warkan bahawa kita nak *promote* ya, mempromosi pelancongan *gastronomy* atau makanan. Kita

ada seni, sejarah dan hospitaliti rakyat. Dan baru saja disebut tentang pelacongan berasaskan perubahan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

2 minit...

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Tetapi kita kena sedar bahawa baru-baru ini Lapangan Terbang kita dicemarkan oleh mungkin perbuatan yang bersemangat dari sebahagian daripada anak muda kita menjadikan ia lokasi untuk merempit contohnya. Jadi mungkin perlu kita betul-betul melihat perkara ini kerana ia menjadi buah mulut dan menjadi satu perkara yang mendukacitakan bagi kita.

Jadi tentu yang amat malang sekiranya pintu masuk negeri yang kita di pusat sudah memberikan RM 440 Juta untuk penambahbaikan sepatutnya menjadi satu kebanggaan untuk menaikkan ekonomi kita tetapi mungkin tersalah guna oleh sebahagian kecil anak muda kita kerana kekurangan usaha kita.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD: [MENCELAH]

Mohon celahan....

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Untuk membangunkan mereka. Ya, siapa? Melor? Okay, silakan.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Okay terima kasih. Yang Berhormat Kota Lama, isu anak muda gi lepok di Airport tu kito orang Kelantan ni tok payoh besar-besarkan. Dio, duduk situ pun pado ketiko itu jah, dan biarlah dia menikmati satu bangunan dan kemudahan yang baharu. Kenapa kita nak besar-besarkan? Dio pergi lepok jah bukey gi hisap dadoh, bukei gi buat jahat. Dah saya pun beraso nok g lepok jugok situ kalau kalua ni. Jadi tak payah la kita yang jadi ejen kepada rakyat Kelantan membesar-besar benda yang tidak ada apa pun.

Sepatutnya kita sokong lagi dia untuk aktiviti yang baik, yang tidak bercanggah dengan undang-undang.

Terima kasih.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Sudoh doh ko? Sudoh?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Nok buwi ko?

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Inilah masalah kita, kalau kita sendiri sebagai pembuat polisi utama kerajaan ada mentaliti seperti Melor. Ini imej kita di tempat lain, bayangkan Menteri Pengangkutan hok royak lagutu, malu. Melor tahu ke budok tu bukan sekadar lepok tetapi melakukan aktiviti.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Mohon mencelah....

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Dan bagi saya antaranya adalah kerana saya sebut ni bukan kerana benci direkodkan. Kita bagi lagi? Kalau Speaker bagi masa.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Kota Lama cuma ada 1 minit. Kalau dia bagi boleh.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Saya cuma nok setengah minit. Saya nak Tanya tugas nok jago lalu lintas ni kerjo sapo? Kijo Menteri Besar ko? Kijo Agensi Pusat?

Pahtu Airport tu duduk bawah agensi mano? Kei dio ado keselamatan dio sendiri, kalu dio gagal nak uruskan hok gi situ bakpo nak kaitkan dengan negeri? Jadi jangan kaitkan benda yang takdok kaitan dengan negeri, duk letok atas palo negeri.

Terima kasih.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Okay hokni sor lagi, mentaliti hok menyalahkan orang. *Double standard!*

Kita kena tengok ini saya rasa kita sama je. Bagi saya kerana yang kita tahu...

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Yang salah sakni ni YB yang gi salah kokre sakni bakpo YB tok sebut, mentaliti tu *start* daripada YB. Bukan daripada orang lain *start* daripada YB, YB yang bawok masalah tu sebenarnya.

Terima kasih.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

YB kalu hok huduh gak Pusat selalu.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Doh memang huduh keno kato huduh la.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Dio huduh ko comey tu atas kito.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Kato ko pusat selalu, Kota Lama cadangkan kita mengambil tanggungjawab bersama. Salah ko dio sebut gitu?

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Tu atas kito.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

tokleh nok tek, tek sikit gak sudoh selalu.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Doh nok tanyo, ado lagi ko...

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Dok eh, doh bakpo Galas pulok congek nyoh? Tok keno jawab.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Dok eh, ado lagi ko ore gi lepok loni?

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Doh kalu gapo-gapo gak Pusat selalu. Huduh selalu, hok tok tehe tiko Perdana Menteri mari duk pakat sium mulut belako dengan Perdana Menteri.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Dah narak 25 jam ko g lepok situ? Ado lagi ko?

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Gual Periok sila duduk.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Anak muda untuk diberi tanggungjawab bersama supaya kita mencari jalan penyelesaian untuk anak muda kita bersama.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Dah jawab lagutu lah senang.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Gual Periok sila duduk.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Hanya 2 hari.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Kalu takdok kerjo dekat tepat kito ejah biar sedio kijo banyak lah. Cari banyak kijo lah. Sedia kijo banyak lah.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Doh bendo tu berlaku dalam masa sari, benda hanya berlaku sari. Bakpo duk kait bertahun-tahun? Bukei hok berlaku 300 hari setahun.

Benda kecik sangat demo tu selesai selalu doh esokkan tu duk kait buat apa lagi?

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Sapo dio selesai?

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Duk lepok lagi ko loni?

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Polis ko selesai?

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Dok eh, nok tanyo ado lagi ko loni?

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Kerajaan Pusat la hok selesai, terima kasih lah Kerajaan Pusat tolong selesai. Kito duk maroh pulok ko Kerajaan Pusat.

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Hok polis lah hok selesai, pah bakpo? Tu tanggungjawab polis, polis bawoh negeri ko?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Dok eh, ni *floor* sapo ni?

YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD:

Tanggungjawab sapo?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Dok eh, kalu takdok tuan ambo pun nak bangun tambah sikit lagi.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Floor kito duo lah, tigo dengan Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Buleh buleh.....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Kota Lama teruskan.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Hoktu Speaker, kita mempunyai masalah dasaran besar. Bila kita bangkitkan di dewan ini seolah-olah kita ni memang berada di peringkat yang sangat berlawanan. Sedangkan isu yang sebenarnya adalah perkara itu pihak Menteri Pengangkutan royak selalu dah, JPJ, pihak MAHB, PDRM buat tindakan dah. Hoktu takdok dah tapi isu kita adalah isu rempit ni bukan sari duo, dia lama dah.

Jadi saya tabik spring kepada EXCO Belia yang mahu baru mengadakan *Kelantan Future Leaders*. Jadi soalan saya ni boleh dicatatkan adalah bagaimana kita nak *handle* ataupun kita nak tangani mungkin 40,000 mungkin 60,000 belia ni. Bukan bilangan yang sedikit. Ini yang kita nak bangkitkan supaya kita sama-sama mencari tadi disebutkan mungkin perlu litar kepada yang tempat dia boleh menunjukkan boleh mengeluarkan adrenaline dia tunjuk bahawa dia jatey betul. Tapi bukan di tempat hok sepatutnya, ini yang viral ni.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Kota Lama mintak landing.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Bagitahu adalah pelancong kita, jadi bagi saya ini satu imej yang perlu kita khabar lah. Dan InShaa-Allah kita mahu mendengar daripada kerajaan negeri bagaimana kita menyelesaikan masalah ni.

Dan akhirnya, akhirnya 1 minit. Saya rasa kita tadi sebutkan tentang Pemeraksanaan Mahkamah Syariah. Saya nak bertanya kepada kerajaan negeri bagaimana kita dalam usaha kita nak menangani satu lagi gejala di Kelantan ini, Jenayah Gejala Seksual?

Yang mana data polis menunjukkan bahawa dia meningkat 23 % daripada 22-23%, 252 kes kepada 206, 22-23 % sehingga 252 kes pada 2024.

Dan data polis juga menunjukkan bahawa 90% daripada yang dia dipanggil *consensual rape* atau *sexual rape* ini adalah atas dasar suka sama suka jadi dalam keadaan undang-undang sedia ada yang lebih banyak menghukum pihak lelaki di mahkamah sivil, sedangkan pihak perempuan pula sering tidak melalui intervensi yang setara, apakah perancangan menyeluruh Kerajaan Negeri untuk memperkasa Mahkamah Syariah JAHEAIK dan pendidikan pencegahan, dan yang lain-lain untuk kita menangani isu ini secara lebih serius.

Tuan Speaker,

Menjunjung Titah D'Raja bukan sekadar memuji titah. Bagi saya ia bermaksud menterjemahkan keprihatinan Baginda Yang Maha Mulia Pemangku Sultan kepada tindakan yang benar-benar menyelesaikan masalah rakyat. Jadi akhirnya saya tegaskan empat perkara, ekonomi rakyat kena dibela, infrastruktur asas mesti diselesaikan dengan jujur dan terancang, tadbir urus projek mesti diperkemas dengan akauntabiliti yang nyata dan pelancongan negeri mesti dipelihara bersama imej, disiplin dan masa depan anak muda kita.

Akhir sekali Kota Lama menjunjung kasih dan mohon menyokong usul ini.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Kota Lama, terima kasih juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membuat perbahasan pada sesi kali ini.

HARI PERTAMA 21 APRIL 2026

Saya berhasrat untuk menangguhkan sidang Dewan, dewan akan disambung semula pada jam 2:15 petang.

Terima kasih.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.43 TENGAH-HARI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 02:15 PETANG

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 02:15 PETANG

YB DATO' SPEAKER:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali persidangan disambung semula. Ada sapa-sapa lagi yang nak berucap?

Sila, Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR:

Terima kasih.

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertama sekali Mengkebang dengan penuh Syukur Kehadrat Allah SWT menjunjung kasih Titah Yang Mulia Pemangku Raja Kelantan yang menitahkan beberapa perkara untuk pihak kerajaan negeri Kelantan untuk fokuskan dalam pentadbiran pada hari ini. Antaranya keperluan penambahbaikkkan projek infrastruktur samaada jalan raya atau lebuh raya utama yang menghubungkan jajahan-jajahan dari selatan Kelantan bermula dari pintu masuk Gua Musang sehingga ke Kota Bharu.

Ini adalah hak rakyat Kelantan yang turut sama membayar cukai seperti rakyat lain di negara ini. Semasa musim perayaan baru-baru ini kita begitu simpati dan empati melihat kepenatan anak perantau yang terpaksa menempuh sehingga 24 jam atau lebih melalui perjalanan dengan berjarak lebih kurang 500km dengan purata kelajuan yang hanya 20km sejam. Dalam kesusahan bermusafir, Alhamdulillah kita dikurnia roh sah perjalanan tanda kasih Allah kepada hambanya. Begitu juga para pemimpin dengan rakyat kita sangat memahami denyut nadi, kesusahan rakyat selagi mana lebuh raya Kuala Krai – Karak, laluan persekutuan 34 serta Lingkaran Tengah Utama LTU belum disiapkan.

Kita mempunyai beberapa pintu masuk ke negeri ini sama ada Gua Musang, Grik atau Pasir Puteh atau melalui jalan darat LPT 3 yang telah dirancang secara pembinaan berfasa akan menghubungkan LPT 2 ke Kelantan melalui Terengganu. Ianya perlu digesa agar dapat disegerakan biarlah kepulangan warga perantau kita sambut dan nantikan dengan senyuman dan penuh kegembiraan.

Yang Berhormat Dato' Speaker kita juga merakamkan tahniah dan terima kasih di atas persiapan pembinaan fasa 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Petra yang melakar sejarah tersendiri. Ianya tercanggih dan modern untuk Lapangan Terbang Domestik. Iannya juga sebagai laluan udara antara paling sibuk dengan jumlah penerbangan 40-50 sehari dengan 5 Syarikat Penerbangan termasuk Scoot daripada Singapura. Dan penerbangan terbaharu laluan penerbangan Kota Bharu ke Jakarta, namun ianya tidak boleh terhenti disitu sahaja. Traffic udara tidak sewajarnya dipergunakan untuk mengaup keuntungan semata-mata dengan meninggalkan nilai ihsan kepada pengguna apabila harga tiket penerbangan melambung terlalu tinggi di musim perayaan atau cuti panjang.

Saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan terutamanya Kementerian Pengangkutan memantau kepentingan dan keperluan rakyat dalam perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai wakil rakyat Mengkebang yang mewakili suara petani, penoreh getah, pekebun dan orang kampung yang susah dan mungkin jarang untuk menjejak kaki ke bandar besar seperti Kota Bharu. Saya ingin menzahirkan permintaan mereka untuk menikmati prasarana di sekitar Mengkebang seperti kemudahan jambatan serta jalan raya yang baik. Saya ingin kemukakan beberapa projek persekutuan yang telah diluluskan di DUN Mengkebang antaranya Jambatan Pasar Pasir Kelang, Pasir Era. Walaubagaimanapun projek ini dianggap projek bermasalah kerana ianya telah lewat daripada jadual asal selama 81 hari. Sepatutnya jambatan ini disiapkan pada 30/12/2026 dengan kos hampir RM 35 Juta untuk projek ini dan EOT ataupun lanjutan masa telahpun diberikan kepada Kontraktor terbabit sebanyak dua kali.

Seterusnya jambatan yang bermasalah yang kita viral sebelum ialah Jambatan Sungai Durian, kos lebih kurang RM 17 Juta dan dengan izin EOT sebanyak 6 kali telah diberikan kepada kontraktor. Walaubagaimanpun ianya siap 1 hala sahaja sepatutnya projek ini disiapkan sepenuhnya pada 5/8/2026. Dan seterusnya Jalan Bahagia Pasir Kelang projek ini menekan belanja Kos RM 92 Juta dan telah diberi EOT selama sebanyak 1 kali dan projek ini sepatutnya siap pada 7/11/2028 dan saya menjangkakan semua projek ini bermasalah dan tidak mengikut jadual yang sepatutnya. Ianya memberi kesan kepada impak social ekonomi kepada penduduk di DUN Mengkebang. Dan kelambatan ini memberi kesan kepada kita semua di DUN Mengkebang.

Saya mencadangkan agar kontraktor yang terlibat diambil tindakan yang tegas dan wajar disebabkan kelewatan yang timbul daripada projek tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker fenomena EL-NINO tahun 2026 dijangka mengakibatkan cuaca panas dan kering hingga mencecah suhu 40 °C di siang hari akibat pemanasan permukaan laut di lautan pasifik. Fenomena ini dijangka akan berlarutan sehingga ke akhir tahun 2026. Gelombang haba yang berlaku dan kekurangan kadar hujan boleh menyebabkan pelbagai implikasi seperti hidrorasi dan strok haba. Dan peningkatan kes kebakaran dan boleh mengugat kes produktiviti pertanian.

Mengkebang mencadangkan agar pihak kerajaan negeri terus giat membekalkan alternatif kemudahan air kepada rakyat dengan memanfaatkan kemudahan telaga tiub air tandak dan air bukit untuk warga Mengkebang khususnya. Plan bekalan air mengikut geografi kawasan perlu dikemaskini bagi membantu rakyat berasa selesa di negeri kita yang sentiasa meletakkan slogan kebajikan sebagai keutamaan. Projek-projek kebajikan perlu juga diperluas dengan penglibatan sektor korporat dan peranan anak Kelantan yang berjaya di mana sahaja mereka berada seperti mereka berminat untuk memberi sumbangan kepada negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Mengkebang juga ingin menarik perhatian kepada semua dengan satu cadangan iaitu pembahagian strategik zon ekonomi yang terancang untuk dilaksanakan di Kelantan

mengikut sumber alam dan potensi pelaburan yang ada bagi setiap zon. Sebagai contoh zon pertanian untuk Jajahan Bachok yang mempunyai tanah yang sesuai dengan tanaman. Zon Agro Tourism untuk Jajahan Lojing yang mempunyai iklim sejuk, zon makanan dan tourism untuk Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tumpat yang mempunyai tempat-tempat dan restoran yang menyediakan makanan yang enak serta berdekatan dengan pintu masuk Thailand. Zon Perindustrian kita berikan untuk Pengkalan Chepa bersesuaian dengan kewujudan kilang-kilang yang ada manakala Dabong dan Kuala Krai yang telah dinobatkan Bandar Bahagia yang mempunyai sumber alam yang menarik diberi gelaran zon lestrasi pelancongan dan agro politan. Kajian terperinci untuk setiap zon dengan melihat kelebihan dan daya tarikan pasti akan menghasilkan satu plan strategik zon ekonomi negeri ini.

Kewujudan zon ini wajar sekali diberikan pendedahan untuk menarik pelaburan melalui perancangan strategik yang boleh memberi pulangan dan peluang perniagaan dan wang kepada masyarakat. Perancangan yang teliti dan tepat akan membuah hasil yang baik, Inshaa-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha menarik pelaburan asing ke negeri kita demi melihat negeri kita yang tercinta ini standing dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Inisiatif untuk menarik pelabur perlu dibuat secara agresif mengambil kira pelaburan Kelantan yang dilancarkan pada tahun 2023 yang bertujuan untuk memberikan panduan strategik kepada para pelabur dengan menyenaraikan kesesuaian kategori pelaburan mengikut seluruh lokasi di negeri ini. Begitu juga rancangan struktur negeri 2040 yang menggariskan fokus industri di setiap jajahan berdasarkan kekuatan dan ketersediaan sumber seluruh 10 jajahan di Negeri Kelantan.

Antaranya Pasir Puteh sebagai bandar pelabuhan dan maritan mengambil kira kedudukan Pasir Puteh di persisih pantai dan berdekatan dengan Lautan China Selatan. Ianya perlu di implimentasi dan direalisasikan secara tersusun dan strategik. Begitu juga dengan siap pembinaan jambatan Rantau Panjang ke Sungai Golok, kerajaan negeri haruslah berusaha mengadakan fasiliti pelabuhan darat untuk memenuhi kepesatan bangunan yang bakal dinikmati oleh semua pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian daripada Jabatan Mineral dan Geosains iaitu JMG Malaysia menunjukkan Kelantan adalah negeri kedua terbanyak mempunyai sumber unsur nadi bumi di Malaysia. Dengan izin Rare Earth Of Elements (REE), unsur di bumi ini penting untuk teknologi hijau ataupun Green Energy dengan izin kerana ianya diperlukan di dalam peranti-peranti menukarkan tenaga, dengan izin AMTEC Resoces seperti tenaga solar, tenaga angin dan alunan ombak kepada elektrik yang boleh disimpan dalam bateri.

YB DATO' SPEAKER:

Masa Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR:

Yang mempunyai kapasiti penyimpanan yang tinggi, ianya juga merupakan bahan penting untuk kegunaan kereta elektrik, dron dan peralatan elektronik terkini dan masa depan. Penerokaan industri sumber unsur dan di bumi perlu harus diberi, perlu dibuat strategik dan terancang. Dengan pasaran yang jelas sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 tahun ia membolehkan pulangan kepada kita, perancangan rapi melalui komposisi tenaga, plan kerja dan dana yang mencukupi adalah antara elemen keberkejayaan industri baharu yang wajar sekali tidak dilengahkan.

Pembinaan kilang Super Magnet Battery khususnya di daerah Gua Musang untuk kegunaan kereta elektrik haruslah dibangunkan dengan segera. Iannya membuka peluang pekerjaan dengan lebih banyak kepada rakyat Negeri Kelantan disamping menjanakan pendapatan kepada kerajaan negeri dan negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa cadangan usaha telahpun saya sebutkan di dalam Dewan yang Mulia pada harini untuk diperhalusi di peringkat Kerajaan dengan satu matlamat Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera. Dengan ini Mengkebang mohon menyokong. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER:

Terima kasih. Macam mana tu, tak cam. Sila Gual Ipoh. Hah Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT AWANG:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan peluang kepada Jelawat untuk sambung membahaskan Titah Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja Kelantan yang telah dititahkan bertitah semalam. Dan saya menyokong titah tersebut.

Jelawat nok kecek slow-slow jah petang ni, sebab tengok pagi tadi napok panas doh. Jadi slow lah Jelawat petang ni. Jadi pertamanya apa yang disentuh di dalam Titah tersebut ialah mengenai dengan cabaran ekonomi global dan perubahan iklim. Dan memang kita Kelantan ini sedang menghadapi musim kemarau yang panjang. Banyak sawah yang kekeringan air dan banyak juga kebakaran yang berlaku akibat daripada kemarau dan juga suhu yang begitu panas. Jadi saya mohon agar pihak kerajaan menyediakan satu insentif ataupun satu bantuan khusus kepada pesawah-pesawah yang menghadapi kekurangan bekalan air ataupun mendapatkan kerugian akibat berlakunya musim kemarau yang panjang ini. Dan juga di DUN Jelawat khususnya berlaku kebakaran yang agak dasyat terutama di kawasan Beris Lalang, Gong Badok, Kampung Baru, Beooh dan sebagainya.

Dan pada tahun 2024 kebakaran yang sama berlaku dan Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan sejumlah bantuan kewangan kepada pekebun-pekebun yang mana kebun mereka sawit, getah dan sebagainya telah hangus oleh kebakaran tersebut. Jadi saya pohon agar bantuan yang sama turut diberikan kepada pekebun-pekebun ini. Dan juga saya pohon agar kerajaan negeri menyediakan insentif kepada selain kepada pesawah, pekebun yang terlibat dan juga kepada pengusaha-pengusaha IKS dan kesemua mereka ini terkesan kerana kenaikan bahan api yang berlaku pada ketika ini. Itu yang pertama, yang keduanya Baginda juga menyentuh tentang pelaksanaan dan kepatuhan kepada undang-undang peraturan.

Yang pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memperkasakan Mahkamah Syariah sebagaimana yang disebut oleh EXCO Agama pagi tadi. Tetapi di kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk bertanya tentang pindaan kepada enakmen keterangan Mahkamah Syariah 2022. Apakah statusnya? Dan kenapa ia belum lagi diangkat dan dibentangkan di dalam dewan ini kerana pindaan ini pada saya amat perlu untuk memastikan bahawa enakmen ini selari dengan isu perkembangan semasa.

Saya juga ingin bertanya tentang pindaan Enakmen Kanun Tatacara Jenayah 2022, apakah statusnya? Saya difahamkan enakmen, pindaan ini telah diluluskan pada 2017 tetapi penetapan tarikh kuatkuasa pindaan ini belum lagi dibuat jadi saya pohon untuk mendapat penjelasan bilakah tarikh penetapan kuatkuasa enakmen ini ataupun pindaan ini akan dibuat?

Seterusnya saya ingin bertanya tentang pengubalan Rang Undang-Undang Membasmi Ajaran Sesat dan apakah statusnya? Begitu juga dengan Enakmen Pindaan Faraid yang semuanya saya percaya telah dibincangkan oleh jawatankuasa yang menyemak undang-undang dan saya ingin bertanya tentang status tersebut? Begitu juga Enakmen Peguam Syarie sekarang ini, di Kelantan seramai 1,409 orang peguam syarie, masa saya berkhidmat juga sebagai peguam syarie dulu cuma ada beberapa puluh orang sahaja. Tapi sekarang ini sudah ada 1,400 orang dan kita tidak ada satu perundangan yang khusus untuk peguam syarie. Jadi sekarang ini sudah sampai masa nya untuk kita gubal satu enakmen khusus untuk peguam syarie ini dan terasing daripada enakmen pentadbiran Mahkamah Syariah.

Saya juga ingin menyentuh tentang pemerkasaan Bahagian Penguatkuasaan Syariah Negeri Kelantan. Sekarang ini bahagian penguatkuasaan syariah terletak di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, saya percaya bahawa sudah sampai masanya Bahagian Penguatkuasaan Syariah ini dikembangkan dan dijadikan suatu jabatan yang berasingan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. Kalau kita lihat bahagian penguatkuasaan ini dia fokus kepada tangkapan dan siasatan mereka turun ke lapangan tetapi Jabatan Hal

Ehwal Agama Islam (JAHEIAK) ini dia fokus kepada pentadbiran dan dakwah.

Jadi jika kedua-dua bahagian ini diletakkan dalam satu, dia akan menyebabkan bahawa pegawai dan anggota penguatkuasaan ini sentiasa bertukar -tukar daripada penguatkuasaan tukar lain, dan tukar orang baharu dan sebagainya. Dan ini akan mengambil masa untuk mereka faham tentang cara mana untuk menjalankan tangkapan dan siasatan dan sebagainya termasuk juga pengumpulan bukti untuk dibawa ke mahkamah. Jadi disini perlunya suatu jabatan yang berasingan supaya penguatkuasaan syariah ini menjadi lebih efisien dalam masa kita nak memperkasakan mahkamah syariah dan juga perundangan islam di negeri ini.

Saya juga pohon agar kakitangan ataupun pegawai bahagian penguatkuasaan syariah ini ditambah. Saya difahamkan bahawa kebanyakan anggota penguatkuasaan syariah yang ada adalah bergred S19 sedangkan untuk serbuan mengikut undang-undangnya ia perlu dilakukan diketuai oleh seorang pegawai yang bergred S41, jadi saya pohon agar pegawai S41 ini ditambah supaya tidak membebankan pegawai S41 yang telah tersedia ada. Dan saya juga difahamkan bahawa Enakmen Keluarga Islam Dan Kanun Jenayah Syariah juga memberi kuasa untuk memberikan kompoun kepada penguatkuasa agama.

Oleh demikian telah menjadi keperluan agar pegawa-pegawai gred S41 ini ditambah ke bahagian penguatkuasaan syariah ini. Dan seterusnya saya mengambil peluang ini untuk menyentuh juga tentang harapan Kelantan ini menjadi Negeri Makmur, Sejahtera dan Diberkati. Antara perkara yang perlu dititipkan berat oleh kerajaan negeri ialah tentang pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam dan kerajaan negeri mestilah memastikan bahawa pengurusan sisa pepejal dan sampah yang sering menjadi isu ini berada dalam keadaan terbaik, sistematik, efisien dan lestari maka saya di sini ingin mengambil peluang untuk bertanya pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan 80% Awam 2007.

Adakah kerajaan telah membuat keputusan ataupun memuktamadkan Penggunaan Dan Pemakaian Akta 672 ini dan untuk kepentingan dan juga kesejahteraan rakyat negeri ini.

YB DATO' SPEAKER:

Masa ada 1 minit lagi.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT AWANG:

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi Galas ada menyebut tentang isu adanya siasatan terhadap kakitangan kerajaan dan juga isu pelantikan ke GLC adakah berdasarkan kepada merit. Saya hujahkan bahawa memang berdasarkan kepada merit dan mematuhi kehendak undang-undang kerana itulah setakat ini tidak ada sebarang pendakwaan dikenakan ke atas mana-mana lantikan ke GLC dan kalau ada siasatan pun ia baru di peringkat siasatan. Sedangkan di sana ada orang yang telah disiasat, didakwa, dibicarakan, dihujahkan didapati ada *prima facie* telah membela diri tapi kemudian telah dihentikan pendakwaan jadi kes DNAA dan boleh jadi Timbalan Perdana Menteri molek-molek, takdok gapo satu.

Takdok gapo satu, hoktu tak gege hoktu tu, jadi hok gege ni duk cari hok mano hok tengoh siasat ni hok taktahu mano lagi. Seterusnya, Galas juga menyebut tentang pakej rangsangan mintak Kerajaan Negeri pakej rangsangan akibat kenaikan petrol dan diesel termasuk mencairkan rizab emas dan sebagainya.

Ambo nok kato gini jah Dato' Speaker, hok naik minyak diesel, petro ni demo. Patut demo apabila demo wak naik demo ado lah formula kaedah demo pakej mano sekalipun tapi suruh kito pulok doh. Kerajaan Negeri dari dulu sapa Ioni meme buat sokmo kebajikan kepada rakyat, ado sokmo pakej ransangan, dana bantuan dan sebagainya. Tapi sekarang ni kalu takdok formula demo keno cari pembangkang lah, jangan duk cari kerajaan.

YB DATO' SPEAKER:

Sila gulung, Yang Berhormat.

[KENDENGARAN GELAK KETAWA AHLI UNDANGAN NEGERI]

YB TUAN ZAMERI BIN MAT AWANG:

Okay, baru nok naik, baru nok panas. Dia ibarat gini lah ore curi, dio curi RM1,000 lepastu dio bagi balik RM200 ko tuan rumah, wi balik lah ko demo RM200 jadi nok suruh tuan rumoh kata jurus demo, bagus curi bagi jugok kawe RM200. Jadi gitulah, dio naik tinggi, lepastu dia bagilah pakej rangsangan ataupun bantuan-bantuan kepada rakyat yang sedikit sangat.

YB DATO' SPEAKER:

Masa cukup Yang Berhormat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT AWANG:

Banyak lagi ni.

YB DATO' SPEAKER:

Banyak lagi pun, biar EXCO jawab.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT AWANG:

Terima kasih Dato' Speaker. Tokdei puah hati tapi gak.

YB DATO' SPEAKER:

Terima kasih, takpo. Lagi sekali, sapo? Nenggiri? Sila.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang turut membenarkan Nenggiri bersama dalam perbahasan Junjung Kasih Ucapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan. Dato' Speaker pertamanya Nenggiri ingin menyentuh mengenai isu dalam kawasan Nenggiri tersendiri iaitu isu bekalan air, kita sedia maklum di Nenggiri terdapat LRA Limau Kasturi yang telah diluluskan naik tarafnya dalam RP 5, RMK-12 dan dijangka siap pada tahun 2030. Namun dalam jangka masa yang cukup panjang iaitu pada tahun 2030 semestinya berlaku gangguan bekalan air yang

kerap di kawasan-kawasan penempatan iaitu di Kampung Renok Baru, Taman Agropolitan Rantau Manis dan sekitarnya.

Adakah AKSB mempunyai metigasi ataupun perancangan lain dalam pelan jangka masa pendek bagi mengatasi masalah gangguan ini? Ini disebabkan pada 2 minggu yang lalu apabila terputusnya bekalan elektrik lebih 3 jam penduduk akan menghadapi gangguan bekalan air lebih daripada 4 hari. Diharapkan pihak AKSB akan ada perancangan yang lain untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya Dato' Speaker di Nenggiri juga air tandak menjadi sumber bekalan air utama di kawasan yang tidak mendapat bekalan air AKSB, namun akibat daripada pemanasan global terdapat beberapa kawasan tadahan air tandak ini mulai kering, ambo mohon Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan untuk melaksanakan pembinaan telaga tiub di kawasan tumpuan seperti di Kampung Star, Kampung Atas Bukit Merantu, Kampung Jerek dan Kampung Jelakan dan RPT Limau Kasturi bagi memenuhi keperluan air kepada penduduk setempat.

Dato' Speaker, yang keduanya Nenggiri ingin membangkitkan tentang isu Jalan Raya D235 iaitu Jalan Bertam - Jerek. Berdasarkan pemantauan di lapangan terdapat lebih dari 50 hotspot ataupun lokasi jalan berlubang yang memerlukan kerja penerapan semula dengan segera kerana keadaan ini membahayakan pengguna jalan raya berkenaan. Jalan Raya ini merupakan laluan utama bagi anak-anak ke sekolah selain menjadi jalan penting yang sering digunakan oleh orang ramai terutamanya ketika musim cuti dan perayaan.

Sehubungan dengan itu ambo memohon agar pihak JKR bersama dengan pihak konsesi dapat menyegerakan kerja-kerja penerapan semula demi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa terjamin. Ambo juga nak mengucapkan terima kasih kepada pihak JKR yang telah melaksanakan penyelenggaraan jalan-jalan di jalan D29 Jalan Gua Musang – Jelawan.

Dato' Speaker, ketiganya ialah isu pembinaan Sekolah Menengah Limau Kasturi dalam Dun Nenggiri. Untuk pengetahuan Dewan, di Dun Nenggiri hanya terdapat 2 sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Sungai Asap dan Sekolah Menengah Tengku Bendahara. Pada 25 Januari 2026 ada satu kisah yang amat tragidis yang telah berlaku kepada anak kita pelajar di SMK Sungai Asap yang terlibat dalam kemalangan jalan raya ketika ingin menuntut ilmu di SMK Sungai Asap. 2 beradik yang terpaksa membonceng lebih 15 kilometer setiap hari meredah jalan berisiko kerana ketiadaan sekolah menengah yang berhampiran dengan kawasan Limau Kasturi. Inilah hakikat pengorbanan anak-anak di luar bandar demi mendapatkan pendidikan.

Dato' Speaker, ambo yakin dengan penyediaan akses pendidikan yang selamat kita mampu menyelamatkan lebih ramai pelajar ini daripada risiko kemalangan. Justeru ambo ingin memohon kepada pihak kerajaan negeri agar menyediakan tanah bagi pembinaan Sekolah Menengah Limau Kasturi yang boleh menampung lebih daripada 500 orang pelajar yang melibatkan pelajar dari Kampung Serian Batu 10, 11, 12 RPT Limau Kasturi dan Kampung Limau Kasturi itu sendiri. Ini kerana setiap hari anak-anak kita mempertaruhkan nyawa demi untuk menuntut ilmu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang seterusnya ambo nak bangkitkan isu Tanah Adat Orang Asli dan pemberian konsesi ladang hutan. Dato' Speaker berkaitan isu Tanah Adat Orang Asli di kawasan Nenggiri dan kawasan-kawasan Orang Asli di seluruh Negeri Kelantan. Sebagai wakil rakyat Nenggiri adalah jadi kewajipan bagi ambo bagi bangkitkan isu ini di dalam dewan yang mulia ini. Ambo memahami pendirian kerajaan negeri yang menyatakan tiada Tanah Adat Orang Asli di Negeri Kelantan.

Namun begitu, kerajaan negeri juga perlu melihat isu ini secara holistik bermula dari punca sebenarnya mengapa masyarakat Orang Asli menuntut kawasan tersebut. Ambo percaya tidak sukar bagi kita memahami bahawa punca utama adalah penerokaan hutan yang berleluasa atas pelbagai nama dan projek sehingga mengganggu norma kehidupan mereka termasuklah sumber rezeki dan kawasan daerah mereka.

Apa yang mereka tuntutan hanyalah agar kawasan ini tidak diganggu, dengan itu hutan juga akan terus terpelihara, memberi manfaat kepada bukan sahaja hanya mereka malah kepada seluruh rakyat di Negeri Kelantan. Apabila kami menyebut mengenai pembalakan ia bukan hanya merujuk kepada kawasan dibawah Catuan Tebangan Hutan Tahunan (CTT) tetapi merangkumi keseluruhan aktiviti termasuk Projek Ladang Hutan yang menggunakan kaedah tema habis ataupun cuci mangkuk.

Sebaliknya Kerajaan hanya menggunakan data CTT untuk menggambarkan seolah-olah pembalakan terkawal. Saya merujuk ucapan YB Timbalan Menteri Besar dalam sidang lalu yang menyatakan hak CTT sebanyak 3,900 hektar bagi tempoh 2021 sehingga 2025 dan hanya 740 hektar ditebang. Namun berdasarkan Laporan Audit Negara 2021 Siri 2, pemberian kawasan CCT adalah lebih rendah kerana jabatan perhutanan negeri lebih aktif meluluskan projek ladang hutan yang mengguna kaedah tebang habis dan tidak mempunyai sistem yang pengurusan hutan secara memilih sms maka kenyataan bahawa pembalakan adakah dikawal tidak tepat sebagai contoh pada tahun 2021, CTT ialah 1,277 hektar tetapi ladang hutan yang diluluskan adalah 6,038 hektar.

Pada tahun 2024 CTT 486 hektar tetapi ladang hutan melebihi 5,700 hektar. Pada tahun 2025 CTT 740 Hektar tetapi ladang hutan melebihi 4,300 hektar. Lebih membimbangkan lagi penanaman semula projek ladang hutan ini amat sangat tidak memuaskan contohnya pada tahun 2021 daripada 6,038 hektar yang ditebang hanya 1,496 hektar ditanam semula tidak sampai 30% manakala selebihnya dibiarkan gondol.

Saya juga ingin menyatakan beberapa contoh kelulusan projek ladang hutan yang dikesan antaranya:

1. 281 hektar dan 252 hektar di HSK Perias Ulu Nenggiri oleh MCKIFT Management.
2. 404 hektar di HSK Sungai Brok, Ulu Nenggiri oleh Jata Setia Biz Sdn. Bhd.
3. 158 hektar di HSK Relai Balah, Ulu Nenggiri oleh Kompleks Perakayuan Kelantan.

Dan banyak lagi kelulusan yang jauh melebihi angka yang dinyatakan di bawah CTT dalam penggulungan sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Sehubungan tu, saya ingin mendesak Kerajaan Negeri agar menyemak semula semua kelulusan ladang hutan ini dan menghentikan penerokaan yang berterusan. Kawasan seperti Nenggiri kini berdepan dengan kemusnahan alam, konflik hidupan liar, dan yang paling terkesan adalah masyarakat Orang Asli yang semakin terhimpit untuk meneruskan kehidupan.

Ambo jua ingin menyentuh berkenaan konflik hidupan liar, harini di kawasaan Nenggiri banyak orang kata kes-kes yang melibatkan binatang seperti harimau, gajah yang telah keluar daripada habitat mereka dan ianya menjejaskan keselamatan warga kampung ataupun rakyat kita di kawasan berkenaan.

YB DATO' SPEAKER:

Masa Yang Berhormat ada 1 minit lagi.

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Saya cukup mengharapakan Kerajaan Negeri memandang serious mengenai per masalah ini dan semestinya tiada masalah yang tidak dapat diselesaikan dan saya cukup mengharapakan pihak Kerajaan Negeri agar memandang serius masalah ini. Sepertimana yang kita semua tahu tadi Melor ada menyatakan tak nak menjadi "red indian" untuk orang kata menganak tirikan rakyat tetapi ambo nok bagi balik kepada Melor biar kito sama-sama fikir Orang Asli juga adalah rakyat kita. Jangan biarkan mereka menganggap mereka seperti "red indian" yang dilakukan tidak adil oleh pihak kita di pihak kerajaan kita.

Sekian, Nenggiri menyokong. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER:

Sapo lagi? Wakaf Bharu, sila.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته
الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya berdiri pada hari ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah D'Raja dengan penuh takzim dan menjunjung kasih atas Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja yang amat penting untuk hala tuju negeri kita. Memetik antara Titah Tuanku:

“USAHA BERTERUSAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM MEMPERKUKUH DAYA TAHAN EKONOMI NEGARA MELALUI PELBAGAI DASAR PEMBANGUNAN DAN INISIATIF STRATEGIK YANG TURUT MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA NEGERI KELANTAN.”

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Titah ini merupakan satu amanah besar kepada kerajaan dan seluruh jentera pentadbiran. Seharusnya manfaat pembangunan yang direalisasikan di Kelantan, maka rakyat mesti dapat merasainya dalam bentuk yang nyata: peluang pekerjaan yang lebih baik, urusan perniagaan yang lebih mudah, internet yang benar-benar sampai ke kawasan pedalaman, perkhidmatan kerajaan yang lebih pantas, dan perlindungan ekonomi yang lebih berkesan kepada rakyat biasa.

Pada hemat saya, antara ruang paling penting untuk Kelantan mempercepat lonjakan ini ialah **ekonomi digital**. Kita sudah ada **Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030** yang menetapkan sasaran yang jelas. Antaranya ialah 80 peratus perkhidmatan kerajaan dilaksanakan secara end-to-end menjelang 2025, pembangunan infrastruktur digital yang menyeluruh, pengukuhan pelaburan digital, dan sasaran 80 peratus pekerja ekonomi gig didaftarkan di bawah Pusat

Ekonomi Digital GIG Kelantan. Dokumen perancangan negeri juga menegaskan bahawa PTED ini diwujudkan untuk menyediakan hala tuju, strategi, inisiatif dan sasaran bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital negeri.

Namun persoalannya ialah sejauh mana pelan ini benar-benar dilaksanakan? Dan adakah terdapat jawatankuasa yang dibentuk bagi melaksanakan PTED ini? Lebih penting, dalam perbahasan ini sendiri telah dibangkitkan bahawa setakat April 2025, pencapaian perkhidmatan digital secara *end to end* di Kelantan baru sekitar 50.6%, iaitu 2,059 daripada 4,068 perkhidmatan, jauh daripada mensasar 80% yang mahu dicapai.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan berhubung perlunya diwujudkan '*single aggregator* digital negeri' iaitu dengan penubuhan **Perbadanan Digital Negeri**. Dalam pelan berkaitan PTED, Perbadanan Digital Negeri disebut sebagai antara instrumen penting pelaksanaan agenda ini, malah digambarkan sebagai struktur yang akan memacu pelaksanaan secara lebih holistik melalui beberapa kluster utama. Persoalannya adakah dengan penubuhan Perbadanan Digital ini dapat menyelesaikan ekosistem dan menjadi pemangkin kepada perekonomian Kelantan dan seterusnya, Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf Kelantan ICT Gateway sebagai Perbadanan Digital Negeri Kelantan? Sehubungan dengan itu saya mencadangkan supaya perbadanan yang bakal ditubuhkan ini dengan Perbadanan Ekonomi Digital Negeri Kelantan ditubuhkan ini dengan mengambil kira ekosistem kepada ekonomi negeri Kelantan perlu dipacu secara digital.

Seterusnya saya ingin bangkitkan soal **zon industri digital** dan cadangan **Mini Lembah Silikon** yang berupaya memberi lonjakan kepada ekonomi digital Kelantan. Soalnya Sejauhmanakah projek ini direalisasikan projek **Pembangunan Mini Lembah Silikon** ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya juga ingin menegaskan bahawa ekonomi digital tidak akan berjaya jika Negeri ini sebenarnya telah mempunyai asas tertentu. Ekonomi digital akan dapat dilaksanakan jika **Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.** disebut sebagai agensi sehenti dan rakan strategik pembangunan ICT negeri. Pengiktirafan kepada KIGSB tidak boleh berhenti pada label "*one-stop agency*" semata-mata. Ia mesti diterjemahkan secara jelas dengan diberi kuasa penyelarasan yang sebenar, capaian data yang sah, dan laporan prestasi yang dibentangkan secara berkala kepada MMK dan Dewan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Satu lagi perkara yang sangat dekat dengan rakyat ialah **isu liputan internet**, khususnya di kawasan *blind spot*. Kita mengakui ada kemajuan. Dalam pelan PTED, aspek infrastruktur digital diberi perhatian yang besar. Malah terdapat penekanan bahawa penyediaan infrastruktur digital adalah syarat asas kepada pembinaan keseluruhan ekosistem ekonomi digital negeri.

Tetapi hakikatnya, rakyat tidak hidup dalam angka purata negeri. Rakyat hidup di kampung, di pinggir bandar, di sekolah luar bandar dan di kawasan laluan tertentu yang masih lemah liputannya. Sebab itu penyelesaian isu internet tidak boleh dinilai dari laporan umum sahaja. Ia mesti diukur secara setempat, bersasar dan berasaskan pengalaman sebenar rakyat. Saya menyokong kerjasama strategik yang lebih agresif antara Kerajaan Negeri, MCMC, telco dan GLC negeri termasuk Infra Quest untuk menyelesaikan kawasan-kawasan blind spot secara khusus. Kita perlu ada pemetaan masalah di peringkat DUN, garis masa tindakan, dan laporan status yang boleh dipantau. Ukuran kejayaan sebenar bukan apabila negeri mencapai angka liputan yang tinggi di atas kertas, tetapi apabila rakyat tidak lagi terpaksa mencari tempat tinggi atau pergi ke tepi jalan semata-mata untuk mendapatkan capaian internet.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dalam masa yang sama, kita juga perlu bercakap tentang sisi gelap ekonomi digital, iaitu **scammer dan along**. Menurut kenyataan Ketua Polis Kelantan, dianggarkan kerugian dengan nilai sebanyak RM50.09 juta rakyat Kelantan ditipu scammer di Kelantan sepanjang 2025.

Apabila negeri menggalakkan pendigitalan, negeri juga mesti bersedia melindungi rakyat daripada risiko pendigitalan. Hari ini, penipuan dalam talian, pinjaman tidak berlesen, akaun keldai dan pelbagai modus operandi baharu semakin membebankan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan usahawan kecil.

Saya berpandangan bahawa isu ini tidak boleh dianggap semata-mata isu jenayah. Ia juga isu **ketahanan ekonomi rakyat**. Ramai mangsa terjebak bukan kerana mereka cuai semata-mata, tetapi kerana mereka terdesak, perlukan wang segera, perlukan modal kecil, dan tidak menemui saluran yang mudah serta cepat dalam sistem rasmi.

Sebab itu saya ingin cadangkan supaya Kerajaan Negeri memperkukuhkan dua pendekatan serentak. Pertama, **pendidikan dan penerangan besar-besaran** di peringkat akar umbi, dengan melibatkan jabatan kerajaan, institusi pendidikan, masjid, penghulu, pihak berkuasa tempatan dan komuniti digital. Kedua, **memperluas akses mikro kredit** yang mudah, cepat dan mesra rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya dalam kesempatan ini ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan mikro kredit yang diperuntukkan RM 20,000 setiap DUN walaupun kita Alhamdulillah Kerajaan Negeri melalui peruntukkan EXCO-EXCO hampir RM 150,000, peruntukkan usahawan-usahawan samada dalam bentuk barangan ataupun modal dan harini Alhamdulillah Kerajaan Negeri telah memperkenalkan mikro kredit iaitu hutang kepada peniaga-peniaga kecil sehingga maksimum RM 10,000, ada nok RM2,000, ada nak RM 3,000. Cuma langkah ini mesti diambil perhatian supaya dipermudahkan urusan supaya apa yang dikehendaki oleh rakyat dapat ditunai dengan baik.

YB DATO' SPEAKER:

Masa ada 1 minit lagi.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dalam kesempatan masa yang terhad ini saya di Wakaf Bharu antaranya ialah isu lampu jalan raya. Isu lampu jalan di kampung-kampung terutamanya dan antara yang kritikal Bulatan Bunut Sarang Burung. Bulatan Kebakat yang sentiasa berlaku kemalangan sehingga menyebabkan kematian dan sebagainya. Mohon diambil perhatian dan harap supaya pihak yang berwajib mengambil tindakan yang segera.

Yang kedua isu jambatan Pengkalan Kubor Takbai, dalam masa yang sama saya juga ingin memberi penekanan kepada projek strategik pembinaan jambatan yang menghubungkan Pengkalan Kubor, Tumpat dan Takkbai Thailand.

Projek ini bukan sekadar infrastruktur fizikal tetapi merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi rentas sempadan yang berpotensi membuka lebih banyak peluang perdagangan pelancongan dan dan serta aktiviti ekonomi rakyat. Khususnya di kawasan Tumpat termasuk DUN Wakaf Bharu yang berada dalam radisi limpahan ekonomi tersebut.

YB DATO' SPEAKER:

Masa Yang Berhormat sudah cukup.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

Dan akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kesan kepada peperangan yang memberi kesan kepada ekonomi, ekonomi yang paling terkesan ialah petani-petani dengan kenaikan petrol dan diesel dan juga IKS. Jadi dalam dewan yang mulia ini saya pohon mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi insentif kepada petani dan IKS supaya saya dapat membantu dan juga dapat meringankan beban dan dapat menghadapi suasana apa yang berlaku harini.

Yang Berhormat Dato' Speaker....

YB DATO' SPEAKER:

Masa sudah cukup Yang Berhormat.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

Dengan segala ini saya sekali lagi menjunjung kasih atas Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja dan saya menyokong.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER:

Terima kasih. Sapo lagi? Kemuning?

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kemuning merafak sembah dan menjunjung kasih ke pada Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan di atas Titah Baginda pada pagi semalam. Kemuning percaya bahawa Titah tuanku tersebut bukan sekadar dengan izin "formality" Perasmian Pembukaan Dewan bahkan ianya merupakan suara hati seorang Raja yang benar-benar memahami dan mendengar denyut hati rakyatnya.

*Busana Indah Berwarna Kuning,
Pakaian Tradisi Kerajaan Berdaulat,
Menjunjung Titah Dari Kemuning,
Membawa Bersama Suara Rakyat,*

Kemuning berhasrat untuk memetik Titah Tuanku bahawa Tuanku melihat keadaan infrastruktur di negeri ini masih lagi perlu ditambahbaik dan tuanku mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan terlibat secara langsung dalam membangunkan infrastruktur negeri ini sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kemuning melihat ada beberapa perkara utama yang berkaitan dengan kemudahan rakyat yang sering menjadi isu dan dihebah-hebahkan samaada di kedai-kedai kopi mahupun di media sosial. Perkara pertama ialah berkenaan dengan isu air, apabila menyebut tentang masalah soal air terutamanya di Machang. Kemuning ingin menarik perhatian kepada 2 projek yang berkaitan di Machang yang pertama Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air, Merbau Chondong yang kedua Projek Tangki Air kubur Minah di DUN Kemuning sendiri.

Sebagai rekod pada tahun 2021 dan 2022, dua buah tangki air telah siap dibina di Machang. Ini zaman *covid* ataupun kita panggil juga zaman 33 bulan. Ada 2 tangki air telah siap dibina yang pertama di Kampung Kerilla di bawah DUN Temangan yang mana tangka air yang telah dibina boleh manampung kapasiti air 1.5 juta liter dan memberi manfaat air lebih kurang kepada 1,000 buah premis dalam satu-satu masa.

Alhamdulillah Kemuning difahamkan tangka air ini sekarang telah dimanfaatkan oleh lebih kurang 1,000 premis di sekitar. Alhamdulillah. Yang satu lagi adalah tangki Air Kubur Minah yang terletak di Kemuning di DUN Kemuning sendiri yang mana ianya disiapkan pada 12 Mei 2022 ini pun zaman *covid* juga lepas *covid* zaman 33 bulan jugak zaman tu Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man jadi Menteri Air Dan Alam Sekitar. Tangki air ini siap beberapa bulan sebelum penukaran kerajaan pada bulan 11 pada tahun yang sama.

Apa yang Kemuning ingin utarakan di sini adalah tangki ini sehingga sekarang tidak dapat digunakan kerana sistem perpaipan yang menghubungkannya dengan kawasan yang sepatutnya di kawasan rumah-rumah dan premis-premis tidak disiapkan sehingga sekarang. Sekiranya nanti tangka air ini disiapkan ia dapat dimanfaatkan oleh

sebahagian besar rakyat DUN Kemuning tetapi sekarang tangka Air Kubur Minah ini hanya berdiri tegak seolah-olah hanya hiasan semata-mata di Kampung Kemuning.

Oleh hal demikian Kemuning amat mengharapkan agar sistem perpaipan yang menghubungkan tangki air ke premis-premis serta di rumah-rumah sekitarnya dapat disempurnakan agar masalah air yang berlaku di kawasan Kemuning terutamanya kawasan DUN Kemuning terutamanya dan juga kawasan di sekitar dapat diselesaikan dengan baik dan Kemuning juga maklum seperti mana yang disebutkan oleh YB Tendong sebelum rehat sebentar tadi bahawa tanggungjawab pemasangan pempaipan yang Kemuning nyatakan tadi adalah terletak di bawah Kerajaan Pusat. Secara jelasnya adalah di bawah pengurusan aset air berhad PAAB iaitu adalah sebuah Syarikat yang milik penuh Kerajaan Persekutuan di bawah MOF.

Kerajaan Negeri menyediakan sumber air tetapi kita kena maklum fasiliti air adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, suka untuk Kemuning menjelaskan bahawa sumber air Negeri Kelantan setakat ini adalah mencukupi untuk keperluan rakyat melalui tangki-tangki air dan juga loji-loji rawatan air yang dibina. Walaubagaimanapun apa yang kita perlu faham adalah berkenaan Non-Revenue Water (NRW), ataupun air terawat yang dihasilkan tetapi hilang sebelum ianya sampai kepada pengguna disebabkan kebocoran yang berlaku pada batang-batang paip yang menghubungkannya ke rumah-rumah dan premis-premis.

Kemuning merujuk kepada laporan Berita Harian bertarikh pada 17 Oktober 2025 yang melaporkan bahawa Kelantan mencatatkan kadar yang tertinggi NRW di negara ini iaitu sebanyak 54.5% maksudnya air bersih kita sediakan dah tetapi air bersih itu tercicir di tengah-tengah jalan sebelum sampai ke kepada pengguna. Berdasarkan maklumat yang terkini PAB ini Pengurusan Aset Air Berhad ini hanya boleh (maaf ya) hanya boleh hanya melaksanakan kerja-kerja Penukaran Paip pada jarak air 150km sahaja setahun. 100PAB ini hanya menjalankan kerja-kerja penukaran paip ni 150km sahaja setahun sedangkan mengikut maklumat yang Kemuning ada kita ada 4,000km paip lama yang perlu ditukar.

Berdasarkan laporan juga kos penukaran batang paip air mencecah nilai RM 1 juta bagi setiap kilometer ini dilaporkan oleh EXCO kita sendiri Dato' Dr Izani. Jadi besarlah harapan Kemuning agar hubungan baik Kerajaan Negeri dengan Persekutuan atas dasar G to G dapat menggesa Kerajaan Persekutuan menyahut seruan Tuanku Pemangku Sultan Pemangku Raja agar tidak menganak tirikan negeri ini memberikan kerjasama demi meningkatkan kemudahan infrastuktur air di negeri ini agar dapat dinikmati oleh rakyat seluruhnya.

Manakala kerja-kerja menaik taraf LRA Merbau Chondong merupakan sebahagian Pelan Pembangunan air Negeri Kelantan yang bermula pada tahun 2024 dan dijangka siap pada bulan September nanti bulan September 2026 apabila disiapkan siap nanti loji ini boleh menampung kapasiti hampir 2 kali ganda daripada sebelumnya iaitu sekarang sebelumnya ianya dinaik taraf 50 Juta liter air setiap hari ataupun 50 Juta MLD, *million litter per day* kepada 95 Juta liter sehari hampir sekali ganda. Dan bagi apabila kapaisiti air meningkat InShaa-Allah tekanan air ini stabil dan InShaa-Allah boleh mengelakkan gangguan air pada masa akan datang kepada penduduk setempat.

Cuma difahamkan baru-baru ini ada masalah gangguan trick eletctric yang berlaku secara kerap di LRA ini yang menyebabkan enjin LRA ini terhenti. Jadi semasa enjin terhenti ini tekanan akan jatuh rawatan air akan terganggu mendapan turut berlaku di LRA ini. Apabila elektrik ada balik turbine yang baru beroperasi ini dia memerlukan satu tempoh masa untuk dia mula pelan balik, ia *restart* balik. *Turbine* ini ia bergerak perlahan dulu perlahan-perlahan sebelum ia mencapai kelajuan yang optimum. Jadi dalam keadaan yang dia nak sampai kepada kelajuan yang sepatutnya di berjalan itulah sedimen, sedimen ni terdiri daripada bahan pepejal seperti lumpur, pasir, kelikir dan sisa organik yang diangkut dan di endapkan oleh air tersebut terlepas dan memasuki batang-batang paip utama seterusnya menyebabkan air sampai kepada pengguna tidak bersih.

YB DATO' SPEAKER:

Masa ada 1 minit.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Ini berlaku di Machang, masalah di Machang baru-baru ini. Saya mengambil peluang untuk menjelaskan apa yang baru berlaku baru-baru ini. Saya sudah berhubung dengan Tenaga Nasional Berhad mengenai perkara ini dan saya dimaklumkan masalah gangguan elektrik setakat ini sudah pun dipulihkan dan kita mengharapkan agar masalah gangguan elektrik seperti ini tidak lagi berulang agar LRA ini dapat berfungsi dengan baik seterusnya rakyat selaku pengguna dapat menikmati sumber air yang bersih daripada LRA ini.

Hakikatnya Yang Berhormat Dato' Speaker penglibatan semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan amat penting bagi memastikan kemudahan infrastruktur di negara ini tidak ketinggalan berbanding negeri-negeri lain yang sering mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan. Kemuning juga mengharapkan agar.

YB DATO' SPEAKER:

Masa dah cukup Yang Berhormat.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Sekejap penutup *Landing*.

YB DATO' SPEAKER:

Kalau tak tutup takpo ko?

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Kemuning mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan memberikan kerjasama untuk projek-projek menaik taraf ini dalam jangka masa diperuntukkan LRA agar ini dapat mengurangkan krisis-krisis air di Machang. Dan juga dapat menambah margin bekalan air bersih yang dirawat.

Jadi Kemuning dengan ini memohon, banyak lagi ni Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER:

Sambung kemudian.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Saya baru cerito pasal air, baru pasal infrastruktur lain-lain dok lagi...

YB DATO' SPEAKER:

Bagi kokre lain pulak.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR:

Dengan ini Kemuning memohon untuk menyokong. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER:

Sapo lagi? Tawang?

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته
الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين
وَقُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ ۖ وَالْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسُودُونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ۝ ١٠٥
صدق الله العظيم

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Bekerjalah kamu, maka Allah akan melihat pekerjaanmu, begitu juga Rasul-Nya dan orang-orang mukmin, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui yang gaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Tawang untuk memohon membuat perbahasan dan Titah Ucapan

Yang Mulia Pemangku Sultan Kelantan, Pemangku Raja Kelantan yang begitu mengambil berat dan menitip berat terhadap rakyat sekalian di Negeri Kelantan.

Ucapan yang merangkumi pelbagai dimensi yang menyentuh pelbagai aspek kebajikan pembangunan seterusnya untuk melihat Kelantan ini berada di hadapan pada masa-masa yang akan datang. Alhamdulillah pelbagai aspek yang dibincangkan diantaranya berkenaan dengan keterjaminan makanan, menghadapi masalah global yang ada pada hari ini. Begitu juga dengan masalah pendidikan, memantapkan pendidikan secara *holistic* dan juga seimbang untuk melahirkan modal ihsan yang mampu bukan sahaja membimbing diri mereka malah membimbing masyarakat di masa yang akan datang. Di Kelantan ini kita ada pelbagai sektor pendidikan ini kita ada pihak Kerajaan Negeri di bawah Yayasan Islam Kelantan, di bawah Kementerian Pendidikan kita ada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan juga sektor-sektor dan juga sektor-sektor perkhidmatan swasta-swasta yang lain. Semua ini perlu digemblengkan tenaga kesatuan bagaimana untuk melahirkan anak-anak, modal-modal insan yang berahlak mulia dan yang mampu menjadi aset yang amat berguna bagi membendung gejala sosial yang berlaku di negara kita pada ketika ini.

Sebab itulah kita mengharapkan Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita mengharapkan Kerajaan Negeri mengambil bahagian yang begitu besar berkenaan dengan pendidikan khususnya untuk anak-anak di dalam negeri Kelantan ini khususnya.

Begitu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengutarakan berkenaan apa yang disebut dengan pelancongan, rekreasi dan sukan yang ditekankan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan. Alhamdulillah kita lihat penaik tarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah membuka ruang dan peluang yang seluas-luasnya berkenaan dengan industri pelancongan khususnya di Negeri Kelantan ini.

Bachok di Negeri Kelantan ini Bachok adalah satu-satunya bandar pelancongan Islam apabila pembesaran menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail ini dan membuka laluan dan apabila siap satu lagi projek di dalam DUN Tawang iaitulah Jambatan Pulau Gajah. Apabila siap nanti dia

boleh menyumbang kearah merancakkan lagi industri pelancongan yang akan dibawa melalui kawasan Bachok jadi sebabkan itulah saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri memikirkan apakah inisiatif-inisiatif ataupun program-program yang boleh dilaksanakan untuk merancakkan lagi sistem ataupun pelancongan di Negeri di kawasan Bachok khususnya.

Kita tengok di sepanjang sungai Pengkalan Datu itu adalah satu tempat yang sangat-sangat berpontensi untuk dibangunkan sebagai tempat pelancongan dan taman rekreasi. Begitu juga selepas daripada turunnya Jambatan Pulau Gajah itu kita ada satu pantai yang diberi nama Pantai Senok yang digembar gemburkan sebagai Pantai Nami. Jadi sebab itulah sebelum sidang yang lalu saya sudah bangkitkan berkenaan dengan bagaimana untuk menaik tarafkan Pantai Senok sebagai destinasi pelancongan yang begitu dikenali pada suatu ketika dahulu tapi kalau kita tengok pada hari ini napok suram dengan lahirnya satu kemasin iaitu Kemasin Beach Resort. Nampak orang bertempu kesana ditambah pulak di Pantai Senok ini tidak ada suatu projek yang boleh menaikkan lagi Pantai Senok sebagai destinasi pelancongan.

Sebab itulah saya mengharapkan kerajaan negeri Kelantan supaya bangunkan lagi Pantai senok ini suatu tempat menjadi destinasi pelancongan di daripada masa-masa yang akan datang. Lebih-lebih lagi di Pantai Senok ini akan dinaik lagi taraf jalan raya daripada Pantai Senok ke Pantai Kemayan menjadi dua lorong dan ini juga dapat menaikkan lagi menambahkan lagi pelancongan bagi kawasan Bachok itu seterusnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada satu perkara yang saya kira agak penting untuk saya bangkitkan pada petang ini iaitulah berkenaan dengan masalah banjir di kawasan Bachok khususnya di DUN Tawang. Pada penghujung tahun 2025 sejarah telah menempa DUN Tawang dimana DUN Tawang adalah merupakan pusat pemindahan yang pertama yang telah dibuka di dalam negara Malaysia. Sebelum daripada ini tok pernah kito dengar kalau sebut Bachok ore tak pernah napok banjir di Bachok, mano banjir? Tetapi akhir-akhir ini bermula pada khususnya tahun 2022, 2023, 2024 dan yang terkini baru pada ini 2025 kita lihat nama Bachok telah berada di persada yang utama.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya mengambil bahagian ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan kita melihat mengapa perkara ini boleh berlaku? Loni pun ado dah rakyat tiap kali kalu kito turun hok terutama sekali di sepanjang tali air buruh mandi, ini adalah salah satu tempat yang mana tak pernah berlaku banjir selama pada ini. Mengapa ianya berlaku banjir? Saya melihat beberapa faktor yang menyebabkan banjir berlaku, di sepanjang tali air buruh mandi di antaranya ialah kita membuat suatu pembangunan yang tidak seimbang di mana tempat rumah air kemudian kito kosek rumoh air apabila kito kosek rumoh air, bilo rumoh air takdok jadi air gi kokse lah. Apabila dio gi kokse, dio masuk ko tali air buruh mandi. Apabila dio masuk ke dalam tali air buruh mandi, di mano kapasiti tali air buruh mandi tu tidak dapat menampung kemasukkan air yang luar biasa. Kito tengok di jalan Gajoh Mati itu ada satu *carl-board* hanyalah lima kaki sahaja satu *carl-board* air mari mace-mace.

Loni lebih lagi membimbangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, di mano parit besar daripada jalan besar, jalan besar itu telah dibuat parit besar parit besar ni jugok air dialirkan kepada tali air buruh mandi. Ado hok sebelum ni pun tidak mampu untuk menampung ni mari pulok air ni penduduk sari duani telah mengadu kepada kito bakpo "YB, berat pulok kito tahun ni" kalu huje supo baruni, baruni pah ko atas rumoh doh hokni toktahu la kalu bumbung pulok hok tergelam.

Oleh demikian kita mengharapkan supaya usaha-usaha yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk memperluaskan. Saya ada 3 cadangan untuk menyelesaikan permasalahan ini. Banjir ado bendo hok kito tokleh nok selesai ado bendo yang kita boleh usahakan dan juga boleh kito ikhtiar. Di mana saya ada beberapa cadangan.

YB DATO' SPEAKER:

Masa ada 1 minit lagi.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL:

Di antaranya yang pertama ialah cadangan saya kita membuat satu tempat rumah air baharu menggantikan rumah air yang lama. Apabila

kita ada tempat yang baharu, rumah yang baharu inShaa-Allah dia akan duduk situ tahan la sikit air nak turun ke Tali Air Sungai Mandi. Yang kedua saya nak mencadangkan supaya di Gajah Mati itu dibuat jambatan bukan lagi sebagai *carl-board* yang lima tidak dapat menampung air yang banyak. Dan cadangan yang ketiga iaitulah di Jalan Gajah Mati itu cari enjin besar musim banjir buko luas-luas pergi ke laut, Inshaa-Allah itulah diantara cadangan-cadangan yang boleh untuk meringankan ataupun boleh menyelesaikan sikit sebanyak banjir di kawasan tersebut.

YB DATO' SPEAKER:

Masa cukup Yang Berhormat.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL:

Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon menyokong Titah ucapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER:

Terima kasih, mano tu? Bunut Payong? Sila.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN:

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan junjung kasih atas Pemangku Raja Kelantan sempena dengan Pembukaan Penggal Bagi Tempoh Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2026.

Saya mengucapkan Junjung Kasih atas Titah Kebawah Yang Maha Mulia Pemangku Raja yang memberi perhatian kepada banyak perkara untuk kebaikan dan kebajikan Negeri Kelantan. Banyak perkara yang disentuh oleh Yang Maha Mulia Pemangku mencukupi keharmonian masyarakat

dan pembangunan, kemudahan infrastruktur, intergriti, pelancongan, pendidikan, kesihatan awam dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian kepada satu perkara iaitulah program Kelantanku Bersih Tahun 2023 sehingga tahun 2027 yang mana akan berakhir pada tahun 2027. Ia bukan sekadar kempen bersih biasa tetapi merupakan satu manifestasi kesungguhan Kerajaan Negeri di dalam menjaga kebajikan dan imej negeri secara menyeluruh. Sebanyak 5 dasar utama, 13 strategi dan 62 pelan tindakan yang telah dirangka untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam merealisasikan matlamat sebagai negeri bersih, indah dan ceria. Dan beberapa kejayaan telah dilihat hasil daripada pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan. Kita melihat bahawa pendidikan kebersihan ini adalah suatu yang penting bermula dari bawah oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan bekerjasama dengan Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Yayasan Islam Kelantan bagi melibatkan semua sekolah dalam Program Pendidikan dan Kempen Kebersihan.

Memandangkan tempoh pelaksanaan program Kelantanku Bersih sudah hampir berada pada tahun yang terakhir. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan membuat penilaian keberkesanaan secara menyeluruh dan seterusnya mengambil tindakan yang perlu samada untuk meneruskan program ini dalam bentuk yang lebih sesuai untuk 5 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada cadangan pembangunan semula flat kompleks Kampong Sireh oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) difahamkan tapak tersebut akan dibangunkan dengan pembangunan bercampur atau *mix development*.

Saya menyokong penuh cadangan tersebut dan saya mengharapkan penuh ianya dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Memandangkan cadangan pembangunan tersebut adalah berskala besar diharapkan projek pembangunan tersebut dapat mengambil kira aliran trafik di persimpangan Kampung Sireh iaitu di depan Majisd Al-Mansur

yang menghala ke Pintu Geng yang kini terlalu sesak terutama pada waktu puncak sehingga ke persimpangan Kijang Kg Sireh.

Dicadangkan jalan persimpangan Kg Sireh dinaik taraf kepada jalan empat lorong sesuai dengan cadangan pembangunan semula tapak flat Kg Sireh. Saya ingin mencadangkan supaya Kajian Impak Penilaian Lalu Lintas iaitu *Impact Assesment* bagi memperbaiki dan menaik taraf sistem lalu lintas di kawasan tersebut. Saya menaruh harapan yang tinggi dan optimis bahawa Projek Erbenisasi disitu akan memberi impak yang besar kepada pelbagai secktor ekonomi masyarakat termasuk impak sosial. Penekanan adalah perlu kepada aspek pembangunan bersifat bestari, lestari, mesra alam sekitar peduli kebersihan dan kecerian.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagi menyahut seruan Titah Pemangku Raja supaya pihak kerajaan menyediakan taman reaksi dan kemudahan sukan. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri supaya dapat mengusahakan satu padang bola sepak dengan kemudahan sukan yang lain yang sesuai lengkap dengan taman rekreasi untuk masyarakat bandar, beriadah dibina di kawasan bangunan Lembah Sireh. Dengan ada kemudahan untuk aktiviti kesukanan dan rekreasi akan menarik lebih ramai warga kota ke Lembah Sireh yang mana sekarang ini mereka menggunakan jalan raya sahaja tersebut di kawasan tersebut sahaja pada hari minggu untuk beriadah. Cadangan ini bukan sekadar perbangunan fizikal tetapi pelaburan jangka panjang terhadap kesejahteraan masyarakat setempat, kita sedia maklum bahawa kemudahan sukan berkualiti mampu melahirkan generasi yang sihat, berdisiplin dan berdaya saing.

Namun begitu di Lembah Sireh hari ini menunjukkan kekurangan ruang yang sesuai untuk aktiviti riadah dan sukan khususnya bagi golongan belia. Padang bola sepak yang dicadangkan bukan sahaja berfungsi sebagai gelanggang permainan malah boleh menjadi pusat komuniti, tempat berkumpul, berinteraksi dan boleh mengeratkan hubungan sosial. Dengan adanya kemudahan *city track jogging*, gelanggang, pelbagai guna serta taman rekreasi yang mesra keluarga, kita dapat menggalakkan gaya hidup sihat dalam pelbagai kalangan lapisan masyarakat dari kalangan kanak-kanak hingga warga emas.

Lebih penting pembangunan ini juga berpontensi ini mengurangkan gejala sosial apabila belia mempunyai ruang yang positif untuk menyalurkan tenaga dan minat mereka kita secara tidak langsung membantu membentuk masyarakat yang lebih seimbang dan harmoni. Padang bola sepak bukan sahaja berfungsi sebagai gelanggang permainan malah boleh menjadi pusat komuniti, tempat berkumpul berinteraksi, berkumpul dan mengeratkan hubungan sosial di antara masyarakat.

Seterusnya saya ingin menekankan satu lagi perkara iaitu kita sekarang ini ada satu isu yang kita tidak berapa ambik perhatian iaitulah isu kesihatan mental rakyat. Kita sering bercakap tentang pembangunan fizikal, pembangunan fizikal jalan, pembangunan ekonomi dan sebagainya tapi kita jarang memberi perhatian kepada pembangunan emosi kesejahteraan jiwa rakyat. Hakikatnya tekanan hidup hari ini semakin mencabar, kos sara hidup meningkat, peluang pekerjaan terhad, beban keluarga bertambah, semua ini memberi kesan langsung kepada kesihatan mental.

Oleh kerana itu saya mencadangkan ini melibatkan anak muda yang tertekan dengan masa depan, ketua keluarga yang terbeban dengan kewangan, warga emas yang kesunyian dan terpinggir. Jika tidak ditangani ia boleh membawa kepada masalah sosial yang lebih besar, seperti kegagalan institusi keluarga, penyalahgunaan dadah dan peningkatan jenayah. Sehubungan dengan itu saya mencadangkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Antaranya adalah.....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Yang Berhormat masa telah habis.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN:

Habis dah? Jadi oleh kerana masa sudah tamat saya dengan ini sebab hajat tadi nok buwi masa ko sahabat-sahabat lain tapi kito bereti lah tapi sebelum itu saya nak cadang lah supaya pihak Kerajaan Negeri mengambil satu langkah yang konkrit untuk menangani masalah kesihatan mental yang kalau kita tengok pada sekarang ini berlaku bunuh

diri, terjun retok, anak bunuh mok, dan sebagainya yang kadang-kadang merungsingkan kita.

Jadi akhir kata saya dengan ini menoyokong Titah Ucapan D'Raja. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih, saya mempersilakan Yang Berhormat Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Di kesempatan ini saya ingin menjunjung kasih pada Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan di atas Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2026 pada hari kelmarin.

Patik dan seluruh rakyat Tendong sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik kepada Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan dan seluruh Usrah D'raja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini secara ringkasnya saya ingin menjunjung kasih di atas ucapan ataupun Titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan kerana menyentuh di dalam Titahnya segenap aspek yang menjurus kepada kepentingan rakyat dan kesejahteraan Negeri Kelantan.

Di kesempatan ini saya ingin menyentuh satu, dua perkara oleh kerana masa tidak panjang. Yang pertama berkaitan kerjasama Kerajaan Negeri yang disentuh oleh Tuanku iaitu kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Persekutuan. Disini saya ingin menil kesempatan mengucapkan tahniah terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, Menteri Besar Kelantan di atas usaha dan juga kepada seluruh barisan kerajaan di atas usaha yang berterusan tanpa mengenal sempadan politik sentiasa mencari jalan untuk menyatukan ataupun

merapatkan hubungan dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Dan juga Alhamdulillah juga kepada PMX kita juga mengiktiraf bahawa hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan ini cukup baik dan usaha ini berterusan dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga apa sahaja yang kita rasa memerlukan ataupun apa sahaja yang kita memberi kepentingan kepada rakyat tidak jemu di pihak kerajaan negeri sentiasa turun naik daripada Kota Bharu kepada Putrajaya, daripada Putrajaya balik semula ke Kelantan kemudian naik lagi ke Putrajaya semata-mata untuk mencari satu kaedah bagaimana nak menyelesaikan isu rakyat dan kepentingan rakyat di negeri Kelantan ini. Dan Alhamdulillah sebagaimana yang dimaklumkan oleh PMX terbaharu RM20 Juta dan sebelum-sebelum ini kita lihat infra-infrastruktur Negeri Kelantan, kemudahan bagi rakyat Negeri Kelantan semacam Pasar Siti Khadijah, Bazar Siti Aisyah, Lapangan Terbang dan banyak lagi. Dan ini mesti satu usaha yang begitu kuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang sering memohon kepada Kerajaan Persekutuan yang mana memang menjadi satu tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memenuhi hasrat dan permintaan rakyat negeri Kelantan.

Baru nok start jah...

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Nok tanyo pandangan Tendong, dengan apa yang Tendong bagitahu tadi hubungan baik pemberian baik daripada PMX. Agok-agok Tendong lah sekiranya berlaku lagi supo hok haritu ado himpunan "Turun Anwar" dengan apa yang Tendong kata tadi agok-agok kito hok di Kelantan ni tak terlibat lansung dah lepasni?

Inshaa-Allah.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Tetapi harus diterlibatkan juga sebenarnya. Sebab itu yang saya sebutkan tadi antara usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan telah disambut baik oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Walaumacammanna pun masih banyak lagi yang diperlukan atau masih banyak lagi tuntutan-tuntutan Kerajaan dan masih banyak lagi tanggungjawab yang sepatutnya disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan masih tergendala dan masih tidak sempurna dilakukan di pihak Kerajaan Persekutuan termasuk PMX.

Saya nak bagi beberapa contoh dan sedikit cadangan lepas pada ini. Contoh bagaimana Lebuhraya Kota Bharu-Gua Musang lebuhraya yang dibina kito tengok disana ada kelewatan-kelewatan yang cukup ketara yang menyebabkan tempoh-tempoh siapnya pembinaan lebuhraya ini ditunda dari tahun ke tahun. Ini semua berpunca daripada bagaimana Kerajaan Persekutuan tidak melihat secara serius kenapa berlakunya ketidak sempurnaan pembinaan lebuhraya ini? Kenapa berlakunya kegagalan kontraktor-kontraktor yang kita tahu semua ini di bawah Kerajaan Persekutuan tidak langsung melibatkan Kerajaan Negeri dan ini harus diberi perhatian begitu juga dengan isu tuntutan negeri kita. Ambo perlu sebut sekali lagi di dewan yang mulia ini berkaitan tuntutan royalti minyak.

Di kesempatan ini kalau betul PMX dan Kerajaan Persekutuan menzahirkan rasa ikhlas yang sebenar. Tuntutan yang begitu lama yang kito buat sebelum pado ini kito harap dengan kerjasama yang baik ini kita zahirkan kita laksanakan apa yang kita cakap itu bahawa hubungan yang baik ini betul-betul berlaku. Jangan hanya buat sekadar batuk lepas di tangga. Walaupun kita ucap terima kasih sekalipun

YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI:

Mitok celoh sikit Tendong.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Tendong tentang kelewatan apa ni pembinaan-pembinaan Projek Persekutuan ini setuju tak kalau ambo katakan bahawa hasil daripada lantikan Kontraktor Kroni Politik yang tidak kompeten contohnya kelewatan di Retok Pulau Durian tu dan memberikan EOT berkali-kali sapa berapa kali, 6 kali ko sapa kere. Setuju tak? Ini sebab campuran tangan politik yang membebankan rakyat. Terima kasih.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Setuju Yang Amat Berhormat Melor.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG:

Tendong, mitok laluan sikit Tendong. Boleh? Boleh?

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Nak perabih sikit jah lagi.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG:

Jelawat mitok laluan boleh?

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Yang Berhormat Dato' Speaker. Cadangan saya kepada Kerajaan-Kerajaan supaya kita tuntutan kembali royalti bukan tuntutan kembali sebab kita selalu menuntut tetapi nok supaya Kerajaan Persekutuan, PMX mendengar keluhan rakyat Kelantan.

Kerana kita tahu dalam keadaan suasana ekonomi, suasana global yang terlalu banyak krisis ini dan tentulah kita di pihak Kerajaan banyak perancangan-perancangan untuk kita laksanakan kepada rakyat terutamanya dari sudut kebajikan rakyat. Sebagaimana yang dicadang oleh Kota Lama maknanya supaya mintak pihak Kerajaan membentangkan ransangan ekonomi untuk mengatasi masalah global ini bagi memastikan Kebajikan Rakyat.

Jadi benda-benda ini hasrat Kerajaan akan terbantut seandainya Kerajaan Persekutuan ataupun PMX tidak mengambil serius tuntutan kita tu. Cadangan saya dalam bab ini andai kata pun taknak bagi royalti dan sekarang ini telah bagipun wang ehsan kepada Negeri Kelantan tetapi oleh kerana ehsan, ehsan lah jadinya. Maknanya kalua nak bagi pun takpe, taknak bagi pun takpe. Nak bagi banyak pun boleh, nak bagi sikit pun boleh sebab ehsan.

Saya nak cadang kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kita letakkan satu angka yang munasabah makna walaupun atas nama ehsan tetapi letakkan satu angka yang munasabah yang kita kira tak sepenuh royalti pun takpo.

Yang sepatutnya royalti kalau kito dapat setahun berapa jumlah tetapi jika wang ehsan ini sekurang-kurangnya berapa peratus dan kita rasa sesuai untuk diberikan kepada Kelantan ini. Itu cadangan yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana masa yang tidak begitu ada saya nak sentuh sikit dalam DUN iaitu Alhamdulillah di Tendong ini satu cadangan rumah mampu milik telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri dan saya nak ucap terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana kerja-kerja tanah ataupun kerja-kerja tapak sudahpun selesai 100% dan Inshaa-Allah saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya menyegerakan ataupun selepas daripada ini tidak mengambil satu tempoh yang lama untuk membina rumah mampu milik ini. Dan yang kedua sebagaimana yang disentuh oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan berkaitan dengan kepentingan tempat-tempat rekrasi kepada rakyat.

Saya di Tendong ini juga ingin mencadangkan di kawasan perumahan mampu milik ini kita mempunyai satu kawasan yang amat sesuai, sebelum pada kita nak bangunkan rumah mampu milik untuk sementara ini saya rasa jangka masa pendek ini kita boleh melaksanakan satu tempat rekrasi di sana. Dan saya harap pihak Kerajaan mengambil maklum perkara ini dan tindakan untuk melaksanakan satu taman rekrasi di Tendong.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Yang Berhormat masa sudah cukup.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Yang kedua Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit jah lagi nak tambah sebab ada 3 orang tanya sakni.

Di Tendong juga kita ada satu litar, litar sukan lasak. Di sana kita ada satu litar mutor *cross* yang mempunyai *spec* antarabangsa dan juga kita ada litar 4x4, kita juga ada litar lumba kuda, dan kita ada satu ruang ataupun satu tempat untuk pertandingan perahu Panjang ataupun pendek. Semuanya di satu Kawasan dan inshaa-Allah pada 26 haribulan ni EXCO Sukan akan pergi rasmi satu kejohanan mutor *cross* peringkat keasean

yang disertai oleh lima buah negara yang penyertaan hampir 500 peserta dan saya nak cadangkan kepada kerajaan supaya untuk melihat kawasan tersebut supaya dijadikan satu litar yang satu aset kepada kerajaan tempat kawasan sukan lasak di Kelantan ini.

Dan Inshaa-Allah EXCO Sukan akan hadir untuk merasmikan Kejohanan Mutor Cross pada 26 ini dan mungkin boleh tengok secara tidak langsung daripada berkenaan.

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, yang terkahir sekali kita semua juga tahu pada hari ini semua petani, pesawah, pekebun, yang bawak kreh, yang bawak lori sekarang ini cukup-cukup derita Yang Berhormat Dato' Speaker atas disebabkan kenaikan harga diesel ini, dan ada sesetengah tu pesawah....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Masa sudah habis Yang Berhormat.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Ni ambo nak sampaikan hasrat penanam padi Yang Berhormat Dato' Speaker. Mintak ihsan lebih sikit jah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Masa dah habis. Terima kasih.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Jadi kita harap sangat lah pihak kerajaan melihat begini ini. Saya kecewa sebab begini kita kecewa sebab sehingga ke harini Kerajaan Persekutuan di bawah PMX belum ada lagi Pembentangan Pakej Ransangan Ekonomi untuk menghadapi krisis ini. Tidak ada lagi. Jadi kito tidok tahu jalan macam mana jadi insentif insentif yang timbul.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Nok celoh boleh ko?

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Tidok begitu boleh mengalakkan.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

Melor bangun Melor.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Masa dah habis Yang Berhormat. Mohon Yang Berhormat.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Jadi saya nak cadang macam ni walaupun Kerajaan Persekutuan masih belum lagi ada pakej ransangan ekonomi untuk mengatasi krisis ini saya cadang kepada Kerajaan Negeri Kelantan bialah pok tok berapa nok tengok toksei buat pun kito sebagai anak hok juruh ni sebagai anak yang baik ni yang sentiasa melihat kepentingan rakyat ni kita cuba bentuk satu jawatankuasa ataupun kita cuba bentangkan kepada rakyat walaupun tok banyak takpo walaupun sikit pun takpolah sekurang-kurangnya kita ada kesungguhan ransangan ekonomi untuk menghadapi krisis dalam lebih-lebih lagi dalam diesel, petrol yang begitu membebankan. Ada petani toksei buat padi doh tahun depan kerana kos yang dia habis dengan pendapatan yang dio boleh tak memadai. Jadi cukup kecewa dan kita harap pihak Kerajaan Persekutuan mengambil serious benda ini, tunjukkan kseungguhan kita nak membantu rakyat, tunjukkan ada pakej ransangan ekonomi dan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Baik terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, saya mempersilakan Yang Berhormat Dabong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD:

Terima kasih dan saya mohon menyokong.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Dato' Speaker kerana membenarkan Gual Ipoh untuk turut serta membahas Titah Yang Maha Mulia Pemangku Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan ahli dewan undangan dimuliakan saya suka untuk membaca Titah tuanku dimana Yang Maha Mulia bertitah beta melihat keadaan infrastuktur di Negeri Kelantan yang masih perlu ditambah baik agar tidak ketinggalan. Dan pelaksanaan infrastruktur di negeri ini dengan penglibatan secara langsung Kerajaan Persekutuan. Jadi di Gual Ipoh selalu sebut bahawa di satu DUN yang masih terkepung ataupun yang tidak ada laluan-laluan jalan ke jalan daerah Selatan.

Gual Ipoh adalah salah satu DUN yang pada keseluruhannya termasuk dalam Kawasan KESEDAR iaitu yang disebut tadi kawasan Kelantan *Development South Authority*, KESEDAR ini jadi yang mana kita faham bahawasanya bukan sahaja tertakluk kepada rancangan RPT, rancangan kemajuan tanah semata-mata kerana kawasan di Kelantan Selatan ini adalah ditakrifkan sebagai kawasan-kawasan yang tidak membangun dan masih mundur. Jadi bagi pihak saya di DUN Gual Ipoh sangatlah mengharap berharap khususnya kepada Kerajaan Persekutuan melalui KESEDAR untuk menghubungkan jalan-jalan yang selalu disebut, tadi pun YB Mengkebang ada sebut satu-satunya jalan yang bakal berhubung adalah melalui Jambatan Pasir Klang dan Paserah di Mengkebang. Itu dalam Kuala Krai namun sekiranya jalan ini boleh selesai maka kita boleh berhubung melalui sokor dan terus ke kampung panjang ke tanah merah.

Jadi ini ialah salah satu perhubungan ada beberapa jalan yang pertama saya nak sentuh pasal jalan daripada di Kampung Biak di Dabong ke Kampung Perala di Gual Ipoh jalan ini sekiranya bersambung bukan sahaja Gual Ipoh yang mendapat limpahan ekonomi dan menaifatnya tetapi turut dikongsi oleh Daerah Selatan yang lain seperti Dabong, Biok, Jelawan, dan lain-lain. Nasib baik la lani ada *train to* Dabong, contohnya lah.

Jadi antaranya adalah jalan itu dan jalan yang paling boleh kita melaksanakan adalah jalan daripada Fekra Lepa Bola di Jelawang ke Ulu Bertan yang Air Naga di mana orang boleh memasuki daripada Politeknik Jeli lalu jalan Malaysia, lalu ke Legeh, lalu ke Air Chana terus ke Jelawang masuk ke Pekra Lapang Bola berkenaan terus ke Ulu Bertan dan boleh terus ke Gual Ipoh dan tubik di Bukit Hitam Tanah Merah sedikit mengurangkan kesesakan di Bukit Bunga contohnya dan di situ orang Bukit Bunga nak melalui satu trafik yang begitu berat tetapi sekiranya ada sambungan bukannya lebih raya ataupun jalan-jalan raya baharu tetapi menyambungkan jalan-jalan yang sedia ada. Selebihnya mungkin satu jalan lagi iaitu jalan daripada Perala ke Chekal Bedil di Jerimbong, Jelawang mungkin. Itu antaranya yang berkenaan dengan ini mohon kerjasama lah dengan Galas sebab ni kito masuk ikut KESEDAR.

Jadi mitok bersama lah dengan Kerajaan Persekutuan, PMX kito pun baik dengan Menteri Besar kito deh. Inshaa-Allah yang keduanya saya suka menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini iaitu berkaitan dengan satu juga Titah Tuanku yang berbunyi Beta amat prihatin dengan tahap Kesihatan Mental dan Fizikal rakyat Beta. Justeru penyediaan taman-taman rekreasi dan kemudahan sukan juga perlu diutamakanlah. Jadi berbalik kepada Titah Tuanku yang kedua tadi di Gual Ipoh iaitu satu kawasan yang kita telahpun diutuskan di Mesyuarat Jawatankuasa Hal-Hal Ehwal Tanah, *check* sebanyak 28.224 ekar tanah yang sudah tersedia untuk dibangunkan Kompleks Sukan dan rekreasi dan bukan sahaja bagi DUN Gual Ipoh tapi untuk Tanah Merah keseluruhannya.

Dan Alhamdulillah kita telahpun membina satu padang bola yang telahpun tersedia yang bakal digunakan pada tahun ini, jadi saya pun habis ikhtiar lah untuk memohon supaya kompleks ini boleh disempurnakan dan diboleh direalisasikan khususnya juga melalui KESEDAR kerana bukan di bawah DUN ni di bawah Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah ataupun pihak PBT ataupun Majlis Daerah Tanah Merah yang membuat pelan layout dan kemudahan-kemudahan fasaliti sukan untuk berlaku di situ. Cuma untuk kita laksanakan kita perlukan dana dan bajet tapi walaubagaimanapun saya akan tetap cuba dan berusaha khususnya kita pada harini bersama dengan MPKB Pertanian Berhad Kelantan. Kebetulan dia pun ada tanah di sekitar berkenaan dan kita dah

deal dengan dia untuk sementara dan mungkin dia boleh buat tanaman kontan dan memohon atas keluasan tanah yang ada disitu tetapi kita kontra dengan pihak KPKB untuk membina another satu lagi padang bola bersama dengan punca air pagar jalan masuk dan lain-lain.

Seterusnya Gual Ipoh juga suka untuk menarik Yang Berhormat Ahli Dewan Yang Mulia ini yang berkaitan dengan Titah Tuanku yang berbunyi sektor pelancongan turut menjadi salah satu pemangkin penting kepada sektor ekonomi negeri Beta. Jadi sebagai tarikan destinasi pelancongan dari dalam dan luar negara beta menyeru agar kerajaan negeri terus mempergiatkan untuk menaik taraf pelancongan dan memperluas mempromosi pelancongan selaras dengan tahun melawat Malaysia pada tahun 2026. Jadi jangan suko lah lamokei masuk Guklimat gak suko selalu.

Jadi sudah menjadi satu trending ataupun yang tersohor kini iaitu Jambatan Gual Limat Tanah Merah sebagai satu.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Masa 1 minit lgi Yang Berhormat.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Salah satu Ikon Pelancongan di Negeri Kelantan jadi suka saya untuk menarik perhatian iaitu jalan-jalan perhubungan sepatutnya diakses untuk ke Gual Limat dipertingkatkan iaitu satunya salah satu jalan yang melalui tanah yang milikan PTK yang bernombor lot 17, 162 ni iaitu tanah ini kita telah sedaya upaya sedaya secuba sebolehnya untuk membina satu jalan cumanya kekangannya adalah satu jambatan di Muara Sungai Kenerak untuk ke Gual Ipoh melalui bawah jambatan Guillemard Bridge, jalan ini bukan hanya sekadar untuk ke kawasan pelancongan Guillemard Bridge tetapi menghubungkan kampung-kampung yang tersebut.

Dan saya suka untuk memaklumkan bahawa bukan sesuka hanya kepentingan bagi kawasan pelancongan Gual Limat Beris tetapi adalah untuk penduduk yang boleh berhubung adalah Kampung Kenerak. Pasir Panji, Putra Valley, Bandar Baru Kota Harmoni dengan Kampung Kusial Baru Tebing Tinggi, Chekok Ipoh. Jadi jalan ini memendekkan masa

perjalanan sehingga hanya sekitar hanya jalan 1.58km dan memeringkaskan masa perjalanan sehingga 5/10minit dari 25/30 minit.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Yang Berhormat masa dah habis. Terima kasih.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Kalau boleh sedikit lagi. Iaitu untuk meningkatkan

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Okay terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan....

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR:

Sikit jah lagi penutup, bagi mempertingkatkan kawasan ataupun kemajuan Gual Limat ini iaitu saya berterima kasih kepada pihak kerajaan negeri kerana telah meluluskan pembinaan Galeri Perpustakaan Surau yang bernilai RM 350,000 dan juga berterima kasih kepada MOTAC yang telah meluluskan penyambungan aspernet di Gual Limat berkenaan dengan yang bernilai RM 350,000. Cuma saya mohon kelulusan ini disegerakan untuk pelaksanaannya.

Jadi itulah serba sedikit, jadi Gual Ipoh menyokong Titah Yang Maha Mulia Pemangku Sultan.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Gual Ipoh, saya mempersilakan Yang Berhormat Dabong.

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Alhamdulillah, Was-Salatu Was-Salamu 'Ala Rasulillah, Wa 'Ala Alihi Wa Sahbihi Wa Man Walah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mewakili rakyat Dabong dengan penuh takzim Menjunjung Kasih Atas Titah ucapan Yang Maha Mulia Pemangku yang telah memberi panduan jelas dengan menyeluruh dalam mencorakkan hala tuju Pembangunan Negeri Kelantan Darulnaim. Sesungguhnya Titah tuanku bukan sahaja menyentuh aspek Pembangunan Ekonomi dan Sosial malah turut memberi penekanan terhadap keseimbangan nilai kesejahteraan rakyat serta keperluan memperkukuh sektor strategik negeri termasuk pelancongan.

Dalam konsteks ini Dabong amat menyambut baik penekanan dalam sektor pelancongan sebagai pemangkin Ekonomi Negeri justeru Dabong ingin mengambil kesempatan di awal perbahasan ini untuk menegaskan bahawa Dabong wajar diberi perhatian serius sebagai hak penjagaan hijau Negeri Kelantan. Dabong mempunyai kelebihan luar biasa dengan Keindahan Alam Semulajadi yang bertaraf antarabangsa seperti Gunung Stong dan Air Terjun Jelawang serta kekayaan Bio Universiti yang unik. Potensi ini bukan sahaja mampu menarik pelancong domestik malah berupaya menembusi pasaran pelancongan antarabangsa khususnya dalam segemen eco-pelancongan.

Sehubungan dengan itu Dabong berpandangan bahawa pembangunan Dabong perlu disokong dengan pembangunan infrastruktur asas kemudahan pelancongan yang lengkap.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dengar Yang Berhormat, boleh teruskan.

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN:

Sehubungan dengan itu Dabong memberi pandangan bahawa pembangunan Dabong perlu disokong dengan peningkatan infrastruktur asas kemudahan pelancongan yang lengkap. Serta mempromosi yang lebih agresif di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain itu, Dabong juga wajar dimasukkan secara rasmi di dalam kalendar Tahun Melawat Kelantan bagi ia dapat menjadi salah satu tarikan utama negeri. Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada asas

Pembangunan Negeri Dabong ingin menegaskan bahawa kekuatan sebenar Kelantan terletak pada sekian lama menjadi teras pembangunan iaitu Dasar Membangun Bersama Islam. Dasar ini bukan sekadar slogan tetapi merupakan gagasan pembangunan secara menyeluruh dan bukti mampu pemacu secara seimbang dalam menghadapi cabaran global masa kini pendekatan pembangunan berasaskan islam memberikan satu kerangka yang stabil dan berprinsip seperti yang dizahirkan di dalam Titah Tuanku Negeri ini perlu terus memelihara keharmonian sosial, menghormati nilai keagamaan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat sebagai asas pembangunan negeri ini jelas menunjukkan bahawa Dasar Membangun Bersama Islam adalah pendekatan terbaik dalam memastikan Pembangunan Negeri tidak hanya bersifat material tetapi turut disertai dengan pembinaan akhlak, integriti dan kesejahteraan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selari dengan itu Pembangunan Modal Insan perlu telus diperkasakan Titah Tuanku yang menekankan sistem isu pendidikan yang holistik dan seimbang merangkumi pendidikan asas terus perdana, pendidikan agama serta pendidikan kemahiran amatlah tepat. Dalam konteks ini Dabong mencadangkan agar usaha pemerkasaan pendidikan diperkukuh dengan memperkasa institusi pendidikan agama tahfiz dengan penambahan elemen kemahiran, program TVET juga perlu diperkembangkan selari dengan industri bagi memastikan graduan yang dilahirkan graduan yang berdaya saing.

Selain itu, penerapan Udbudiyah, Mas'Uliyyah dan Itqan iaitu UMI dalam secktor perkhidmatan awam perlu terus diperkasakan bagi melahirkan penjawat awam yang berintegriti dan cekap. Dabong juga ingin menegaskan kepentingan pemerkasa Yayasan Islam Kelantan sebagai tunjang Pendidikan Agama Negeri dan keberhasilan dasar pendidikan Rabbani yang diperkenalkan sejak tahun 2019. Dalam masa yang sama usaha perlu dipergiat untuk memastikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dinaik taraf kepada status Universiti penuh bagi memperluas akses pendidikan tinggi berteraskan Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam sektor pelancongan sebenarnya secara keseluruhannya Kelantan mempunyai peluang yang besar dari segi

alam semulajadi budaya dan tradisi yang unik. Namun pembangunan sector ini perlu dilaksanakan secara lebih strategik dan tersusun agar mampu memberikan impak ekonomi yang maksima. Aspek halal, kebersihan, harga berpatutan dan layanan mesra perlu terus menjadi identiti pelancongan negeri selari dengan nilai islam yang menjadi teras Masyarakat Kelantan.

Tambahan pula, dengan adanya pembangunan Infrastruktur Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra serta Projek Kota Bharu Central (ECRL) peluang untuk merancakkan Sektor Pelancongan dan Ekonomi Negeri adalah amat besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini Dabong diberi pengiktirafan sebagai bandar paling bahagia. Jadi saya mengambil peluang untuk mengucapkan ucapan terima kasih pada mereka-mereka yang berusaha terutamanya kepada YDP, SU Majlis Daerah Dabong, Pihak PDRM, Bomba semualah secara keseluruhannya Kakitangan Kerajaan, Tok Ngulu, Ahli Majlis ucap terima kasih banyak di atas kerjasama sehinggakan Dabong ini dinobatkan sebagai negeri atau daerah yang paling bahagia yang pertama di Malaysia.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG:

Dabong, boleh tahu dok rahsia bakpo yang Dabong boleh jadi bahagio?

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN:

Rahsio dio nyoh g Dabong dan nikmati sendiri ketenagan hok duduk Dabong. Inshaa-Allah masuk Dabong turun keretaapi dio hok tok bahagio pun dei sapa sano Inshaa-Allah akan bahagio daripado Wakaf Bharu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesimpulannya Dabong ingin menegaskan bahawa masa depan Kelantan bergantung kepada keupayaan kita untuk mengabungkan berteras Membangun Bersama Islam, Pemerdayaan Modal Insan serta perkembangan sektor ekonomi seperti pelancongan dan berpegang teguh Kepada Membangun Bersama Islam. Dabong yakin Negeri Kelantan akan terus maju sebagai sebuah negeri yang makmur, sejahtera dan diberkati.

Dabong mohon Menjunjung Kasih, menyokong dan berterima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Dabong, saya mempersilakan Gual Periok.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, Gual Periok merafat sembah menjunjung kasih di atas Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan semalam. Dalam kesempatan ini saya mengambil ruang perbahasan yang menyentuh beberapa isu yang bagi pandangan saya sangat penting. Dalam kerangka Persekutuan Malaysia, semangat federalisme menuntut pembahagian kuasa yang jelas pembiayaan yang adil dan pelaksanaan bersama yang berkesan. *The creature* dengan izin dasar dan kajian pentadbiran perlu menegaskan bahawa Malaysia telah lama cendorong ke federalisme yang sangat berpusat.

Sebab itu pada pandangan saya pendekatan yang lebih sesuai harini ialah Komporoaktif Federalisme iaitu Modal Kerjasama Pusat Negeri secara matang, telus dan berasaskan hasil. Jadual kesembilan perlembagaan jelas membahagikan kuasa diantara Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Soal perdagangan, import, eksport, pelabuhan, kawalan sempadan, dan banyak infrastruktur utama berada dalam ruang tanggungjawab pusat. Manakala tanah, pertanian, kerajaan tempatan, berada dalam bidang negeri dan dalam bidang penting lain menuntut kerjasama di antara kedua-duanya maka bila timbul isu yang menyebabkan kegagalan atau ketidak keseimbangan ia bukan sekadar kelemahan pentadbiran bahkan ia menyentuh maruah dan semangat federalisme itu sendiri. Kelantan telah melalui sejarah panjang sesi hitam semangat federalisme ini. Kelantan berhak menuntut layanan yang lebih adil setanding dengan fungsi strategiknya.

Negeri ini ialah negeri sempadan, negeri ini juga negeri persisiran pantai negeri ini menanggung risiko banjir rentas sempadan. Menanggung rentas masuk perdangangan, menanggung tekanan import makanan murah dan pada masa yang sama menyediakan tanah yang luas untuk pengeluaran makanan ke luar negara. Kalau negeri ini memikul beban *strategic* negara ini maka apakah wajar untuk Putrajaya untuk memadamkan beban tanggungan itu dengan komitmen pembangunan yang lebih setimpal. Ambil sahaja isu sempadan Rantau Panjang, memang benar AKPS telah mengambil langkah operasi rintis di IQIS Rantau Panjang sejak 1 Januari 2025. Alhamdulillah kita alu-alukan tetapi rakyat dibawah tahu bahawa operasi institusi ini tidak memadai jika fizikal kelancaran cargo, keselesaan pengguna, dan jaringan jalan serta trail masih lagi tertangguh.

Kerajaan baru sahaja mengumumkan peruntukkan jalan empat lorong di Rantau Panjang dan naik taraf Rail Pasir Mas-Rantau Panjang dalam belanjawaan 2026, Alhamdulillah saya mewakili penduduk Gual Perioik merakamkan ucapan terima kasih di atas projek-projek pembangunan yang diumumkan ini walaupun saya rasa ini sudah terlambat berbanding dengan kepentingannya. Isu yang paling dekat dengan denyut nadi rakyat pula ialah berkenaan dengan banteng dan PLSB Sungai Golok, kementerian sendiri mengesahkan bahawa projek ini berjalan secara berfasa. Fasa 1 baru 71.3% yang kesannya sampai sehingga ke harini rakyat mengalami trauma dengan benteng ini.

Setakat December 2025 fasa 2 masih diperingkat perolehan, fasa 3 baru 9.2% dan persiapan disasar pada tahun 2029 dari sudut pentadbiran ia adalah satu jadual kerja tetapi di sudut rakyat itu maknanya beberapa lagi musim monsun yang perlu diharungi dengan rasa cemas yang tidak menentu. Oleh sebab itu saya ingin bangkitkan perkara ini secara serius, apakah langkah intrim yang benar-benar mencukupi untuk melindungi penduduk sempadan sementara projek jalan jangka panjang belum siap sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3. Sudah terlalu lama projek ini menjadi harapan yang bergerak

sangat perlahan pada 2024 kerajaan memaklumkan model BOT, Build Operation Transfer pada Februari 2025 kerajaan masih menyatakan projek itu belum dimuktamadkan. Kemudian pada 2026 barulah diputuskan jajaran 122 KM dari Gemeruh ke Tunjong yang akan dilaksanakan melalui PPP.

Ini menunjukkan bahawa masalah sebenar ialah kelewatan dalam membuat keputusan. Padahal sumbangan LPT 3 bukan percentage semata-mata tetapi ia adalah soal masa perjalanan, keselamatan perjalanan intergrasi pantai timur dan keperluan logistik cargo masa depan yang bakal terhasil daripada perkembangan Tok Bali.

Oleh itu, atas semangat federalisme saya berpandangan Kelantan perlu lebih berani mendesak satu pakej logistik wilayah yang lebih lengkap. LPT 3, rail sempadan, jaringan jalan raya domestik yang lebih baik dan pelabuhan serta Lapangan Terbang berstatus antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya mengambil maklum dan menyahut baik penguguman Perdana Menteri peruntukkan Pembangunan Kelantan meningkat kepada RM 8 Billion berbanding dengan RM 3.1 Billion sebelum ini. Di sebalik penguguman peruntukkan pembangunan tersebut negeri masih berdepan dengan isu projek lambat, tertangguh dan belum dirasai manfaatnya oleh rakyat. Dalam rumusan RMK 13 negeri sendiri terdapat 12 projek lama yang telah diluluskan melebihi 4 tahun tetapi masih lagi berstatus belum mula. Termasuk jalan, air, rail, CSR dan jabatan sempadan.

Di tangan saya ada 12 senarai projek-projek yang telah diluluskan sejak dari tahun 2019, 2016, 2018 yang masih lagi belum dilaksanakan jadi penguguman berbillion oleh PMX ini harapnya dapat dilaksanakan dengan segera kerana kita bimbang penguguman ini hanya akan menambahkan senarai projek yang sakit dan projek yang belum mulakan lagi.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Mohon mencelah.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Sila, sila.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Saya nak tanya kepada Gual Periok, 12 tu daripada berapa projek? Berapa percent projek yang mengalami kelewatan?

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Terima kasih, projek ini bukan berapa peratus tok *start* pun lagi dan senarai ni ada 12 projek.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Soalan, soalan. Tok pehe soalan, soalan saya adalah.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Tak pehe soalan ko, soalan tok berapa comei? Sila.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Jangan kato gitu sain kei? bakpo kecek gitu? Soalan saya adalah 12 projek tu adalah daripada berapa keseluruhan projek persekutuan? Kito nok letok di persektif betul sebelum ini pun kita dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar bahawa bukan kita nok menerima projek itu sengaja lewat, tetapi di sana mempunyai pelbagai situasi tidak boleh diletakkan keatas Kerajaan Persekutuan.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Baik saya faham.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM:

Saya nak tahu berapa peratus tu?

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Baik saya faham. Mungkin maklumat boleh dapatkan dari JKR dan ICU. Ini ialah projek-projek yang berimpak tinggi di antaranya ialah Jalan Tanah

Merah Kersial, Kampung Ipoh, Tanah Merah diluluskan pada tahun 2015 lagi. 11 tahun dah tok start lagi. Nyaknyo ko Gual Ipoh.

Banyak lagi diantaranya ialah Projek Pengairan dan Saliran Air Aida Kemasin Semerak, Projek Rawatan Tanah banyak lagi Projek Balai Polis Rantau Panjang dan sebagainya. Projek Tumbuhan KESEDAR jadi saya bimbang kita umum banyak projek tetapi akhirnya ia akan menambah lagi senarai projek-projek yang sakit dan tidak dimulakan lagi.

Baik Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam sektor pertanian dan makanan saya ingin mengangkat keresahan petani, penternak dan peniaga kecil kita. Kementerian Pertanian merekodkan Agro Makanan daripada Thailand bagi Januari hingga Oktober 2025 mencapai sekitar RM3.47 Billion dengan import sayur-sayuran sahaja sekitar RM982.1 Juta. Di sempadan pula kita lihat sendiri kes tangkapan hasil pertanian dan makanan yang tidak mematuhi peraturan dan syarat permit jadi apabila petani mengadu hasil mereka sukar bersaing dengan kemasukkan barang-barangan murah daripada sempadan keresahan itu ada asasnyanya. Maka soalnya apakah dasar penguatkuasaan *standard* dan pemantauan harga kita sudah cukup tegas untuk melindungi pengeluar-pengeluar tempatan tanpa menafikan keperluan pengguna secara seeluruhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Ada 2/3 lagi tetapi masa pendek jadi saya nak ulas 2/3 perkara sahaja. Yang pertama tadi Galas panjang lebar mengulas berkenaan Manifesto Kerajaan Negeri Kelantan 84% katanya terlalu tinggi. Saya cuma nak bangkit kita ada manifesto kerajaan pusat, kita ada manifesto minyak, menang harini esok 1.50 sen tibo-tibo naik berapa ya? Dok, ni manifesto kemudian manifesto pinjaman PTPTN boleh belajar percuma sehingga ke universiti tiba-tiba harini.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Yang Berhormat masa dah habis.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Belum lagi ni, saya check dh ni. Okay sikit la lagi masa sikit, baiklah. Yang ketiga tidak melantik ahli politik ke jawatan GLC. Ha ni takpolah sikit lagi ni, menuntut kebebasan media belarok berguling di jalan raya. Harini berapa ramai influencer tulis dalam facebook, tulis dalam twitter kena panggil. Ada sorangtu 8 handphone kena rampas, kawan saya dari Kuantan pukul 4.00 pagi diangkut ke IPD Bangi hanya kerana komen sedikit komen.

Jadi saya rasa manifesto ini yang mungkin Galas kena tengok dulu. Kemudian tidak melantik mereka yang terlibat dengan jenayah bahkan disiat mengikut tidak direhatkan.

Ambik maso sikit maso tak banyak, kito bual semula depe.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Gual Periok, 2 saat?

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Takpolah, seterusnya ada sikit lagi. Takdi Galas juga sebut dia mintak supaya diberikan pakej-pakej bantuan oleh kerajaan negeri akibat kesan daripada kenaikan harga minyak sebagainya. Saya rasa hok moleknnya sebab hok naik minyak ni pusat, jadi ketua pembangkang ada hubungan yang baik dengan Perdana Menteri boleh bisik, bisik di telingo "Yang Berhormat ejas sikit pakej-pakej bantuan kepada rakyat".

Kalu.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Gual Periok...

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Kalau Ketua Pembangkang tokleh kito tukar lah Ketua Pembangkang.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Tukar lah, takpo. Jangan wi tukar MB jah.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Sila sila, Galas.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Tadi Gual Periok ada sebut pasal pusat.....

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Kalu speaker benarkan, saya tak apa.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:

Benar lah.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Saya benar, tapi atas speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Sebenarnya dua-dua boleh duduk, masa dah habis.

[KENDENGARAN GELAK KEWATA AHLI DEWAN]

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Mintak dua-dua duduk. Terima kasih.

YB TUAN HAJI KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:

Saya dengan ini Mengjunjung Kasih atas ucapan dan Menyokong Usrah yang diucapkan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Gual Periok dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Dengan segala hormatnya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagi tujuan untuk perbahasan titah ucapan yang telah dikemukakan semalam, saya akan menyentuh beberapa perkara. Yang pertamanya daripada segi atas

kata kunci hubungan Persekutuan dan Negeri. Kita dengar tadi banyak dah perbincangan ataupun perbahasan berkenaan ni, saya tidak akan lanjutkan lagi cumanya sebagai satu kesimpulannya, sama ada hubungan tersebut ikhlas ataupun tidak, kita sebenarnya, saya ingin tegaskan bahawa kita mesti kembali kepada asas perlembagaan. Negeri persekutuan mempunyai kekuatan kewangan, negeri mempunyai tanah dan kelebihan lokasi jadi apabila keduanya berhubung dan bergabung dengan baik maka manfaatnya akan kembali kepada rakyat dan saya nak sebut satu perkara berkenaan dengan hubungan ini juga.

Banyak *viral-viral* apabila kita ceritakan berkenaan dengan perkara tersebut dia akan keluar dalam tu kata terima kasih lah dan sebagainya. Saya nak sebut satu dalam konteks ini sebenarnya saya ingin tegaskan dengan satu perkara, iaitu dengan satu ungkapan,

لا شكر على واجب

“Tidak perlu berterima kasih atas kewajipan, apa yang dilaksanakan adalah merupakan amanah yang mesti ditunaikan oleh setiap pihak demi kepentingan rakyat dan negara.”

Kata kunci yang kedua Dato’ Speaker, adalah berkenaan dengan isu rakyat dan kehidupan harian. Kita menghargai pelbagai usaha yang sedang dilaksanakan termasuklah projek bekalan air tembatan banjir serta naik taraf kemudahan rakyat, namun kita juga perlu jujur bahawa bagi rakyat ukuran sebenar pentadbiran bukan pada hebatnya pelancaran projek tetapi pada cepat atau lambat sesuatu masalah hari ini diselesaikan.

Ini lah perkara yang rakyat hadapi setiap hari. Mereka tidak hidup dalam fail, tidak hidup dalam minit mesyuarat ataupun *slide* pembentangan. Mereka hidup dalam realiti sebenar dari segi dari pagi hingga ke malam maka disitulah kayu ukur kejayaan kita. Sebab itu lah maka saya ingin tegaskan bahawa dalam masa peruntukan infrastruktur asas harus terus diperkukuh namun dalam pada masa yang sama, sistem penyampaian kerajaan juga mesti berubah menjadi lebih *responsive*, pantas dan mesra rakyat. Rakyat mesti mempunyai tempat yang jelas untuk meluahkan

masalah dan menyampaikan hasrat. Saluran aduan tidak boleh berselerak sehingga rakyat sendiri keliru hendak mengadu kepada siapa. Apabila aduan dibuat, tindakan mesti cepat dan yang paling utama adalah selesai. Lebih penting jangan biarkan birokrasi memenatkan rakyat. Jangan berlaku keadaan apabila rakyat mengadu isu tertentu mereka dihantar dari satu pejabat ke satu pejabat yang lain tanpa jawapan.

Sebagai contoh Dato' Speaker, dalam persidangan yang lepas, saya sudah mendapat jawapan secara bertulis dan jawapan lisan juga pernah diberikan dalam dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu haiwan berkeliaran tetapi apabila rakyat bertanya kepada pihak berkuasa tempatan dikatakan itu bidang pejabat sebelah, Veterinar. Apabila dirujuk kepada Veterinar pula, dikatakan pula itu adalah urusan PBT.

Akhirnya masalah kekal di jalanan dan haiwan-haiwan masih lagi berkeliaran di tangga rumah rakyat dan rakyat lah yang menanggung risiko dan keresahan. Kadang seperti itu tidak sepatutnya berlaku. Rakyat tidak peduli agensi mana yang memegang fail, rakyat hanya mahu masalah diselesaikan dan kita di peringkat pentadbiran mungkin boleh jawab, "Oh tu adalah merupakan kerja negeri. Oh itu adalah merupakan kerja pejabat itu pejabat ini". Tetapi masalahnya yang ada di hadapan rakyat yang mesti kita selesaikan.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan diwujudkan satu pendekatan yang dinamakan sebagai '*no wrong door*' dalam perkhidmatan awam. Maknanya di mana sahaja rakyat mengadu, aduan itu wajib diterima, diselaraskan dan diselesaikan tanpa rakyat di ping-pong kan ke sana sini. Seterusnya Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, di bawah kata kunci ketenteraman awam dan tanggungjawab dalam musim perayaan. Saya ingin menyorot satu isu yang telah berlaku pada sepanjang Ramadan yang lalu. Dan ketika rakyat membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Dalam saat umat Islam menumpukan ibadah, memperbanyakkan munajat dan menghidupkan malam-malam Ramadan, kita diseluruh negeri dikejutkan dengan bunyi letupan mercun yang berlaku di merata-rata tempat. Ironi nya kegemparan itu bukan berlaku di medan perang di

luar negara tetapi berlaku di tanah air kita sendiri. Yang lebih membimbangkan adalah apabila timbul tanggapan bahawa aktiviti itu berjalan dengan kebenaran melalui permit dan lesen tertentu. Jika benar ada ruang yang membolehkan perkara itu berlaku maka sudah tiba masanya kita menilai semula dasar dan pendekatan yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, saya sendiri menerima rungutan dan menyaksikan keresahan masyarakat. Saya menyaksikan sendiri ada warga emas yang sedang menunaikan solat terawih batal solatnya secara tiba-tiba kerana terkejut dengan letupan kuat secara tiba-tiba. Ada anak kecil yang menangis ketakutan. Ada kejadian kebakaran yang merosakkan harta benda, peniaga dan penduduk. Dalam kegembiraan segelintir pihak, ramai yang menanggung gangguan, ketakutan dan kerugian.

Disini lah timbul persoalan yang wajar kita renungkan. Apakah nilai sebenar yang kita perolehi daripada melesenkan jualan mercun itu? Berapakah hasil kutipan lesen yang diterima dan adakah ia sepadan dengan kos gangguan awam, risiko keselamatan, kerosakan harta benda serta pembaziran wang rakyat yang dibakar begitu saja.

Saya percaya bahawa kerajaan perlu berani membuat penilaian yang jujur, tidak semua perkara yang boleh menghasilkan kutipan wajar diteruskan jika mudaratnya jauh lebih besar daripada manfaatnya. Justeru, saya ingin mencadangkan dengan secara tegas pada hari ini bahawa kerajaan meneliti secara serius untuk tidak lagi melesenkan jualan mercun di negeri ini.

Yang terakhir dan yang keempat Yang Berhormat Speaker. Ini takdok kata kunci. Selama 35 tahun Dasar Membangun Bersama Islam menjadi panduan pentadbiran negeri. Kita wajar menilai semula dasar sumber manusia agar lebih adil, mampan dan selaras dengan tuntutan Islam.

Saya difahamkan bahawa skim *Contract For Service (CFS)* yang digunakan di negeri kita ini masih ada banyak isu yang timbul, kontrak perlu diperbaharui setiap tahun tanpa jaminan kerja dan tanpa kemudahan

setara dengan pegawai tetap walaupun tugas yang dipikul adalah sama walaupun tempat bekerjanya adalah di kompleks yang sama.

Oleh itu, suka saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula pelaksanaan skim CFS ini. Sama ada kemungkinan penyelarasan kearah sistem *contract of service* yang atau apa-apa saja sistem yang lebih stabil dan berkeadilan. Langkah ini bukan sahaja sekadar penambahan pentadbiran tetapi lambang keadilan Islam dan penghargaan kepada penjawat awam yang setia berkhidmat demi kemakmuran Negeri Kelantan.

Yang Dipertua, akhirnya sebagai penyokong kerajaan, tanggungjawab saya di dewan yang mulia ini adalah melangkaui pujian dan sanjungan semata-mata. Saya berdiri di sini membawa amanah untuk mengukuhkan landasan Dasar Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan sebagaimana yang disebut oleh Tuanku Sultan semalam. Sambil menegur dengan hikmah apa-apa yang masih perlu kita perbaiki demi kepentingan ummah. Kita mengiktiraf apa yang telah dicapai, namun kita tidak leka dengan cabaran yang masih ada, dengan kesungguhan pimpinan dan doa daripada rakyat, saya yakin Kelantan akan terus berdiri teguh sebagai negeri yang diberkati, berdaya tahan dan berjiwa besar. Semoga setiap langkah yang kita langkah ini kita diberkati dan menjadi amal jariah yang berkekalan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker. Saya mohon untuk menjunjung kasih atas titah ucapan tersebut.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Chempaka. Saya persilakan Yang Berhormat Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'FAR :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi ruang kepada Gaal. Gaal terlebih dahulu menjunjung kasih atas titah ucapan. Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Sultan yang sarat dengan nasihat peringatan dan harapan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri di samping menyeru Kerajaan Persekutuan agar terus membantu Negeri Kelantan atas semangat federalisme demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Patik bagi pihak seluruh rakyat Gaal sekali lagi menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam buruan masa yang diberikan ini, Gaal ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh beberapa perkara yang berkait rapat dengan kehidupan rakyat khususnya dalam DUN Gaal dan amnya di seluruh Negeri Kelantan. Titah Tuanku telah mengingatkan kita agar kerajaan dalam suasana kegawatan ekonomi global yang dipengaruhi oleh konflik di Timur Tengah, di samping cabaran musim kemarau yang berpanjangan akibat daripada perubahan monsun sentiasa memberi perhatian serius kepada ataupun terhadap soal keterjaminan makanan.

Sehubungan dengan itu, Gaal berpandangan bahawa sektor pertanian kekal sebagai antara sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya bagi Negeri Kelantan dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara. Peranan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan amatlah penting khususnya dalam menyalurkan bantuan, insentif dan sokongan bersasar kepada pengusaha sektor agro-makanan yang kini berdepan dengan tekanan kos serta pelbagai cabaran semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di DUN Gaal terdapat beberapa kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pengeluaran

makanan secara lebih tersusun dan berdaya maju. Antaranya ialah kawasan di Daerah Gong Datuk yang kini dikenali sebagai Kelantan View Valley yang sedang diusahakan melalui beberapa projek pertanian di bawah seliaan Kelantan *Bio-tech Coperation* Sdn. Bhd. ataupun KBC. Dalam hal ini, Gaal berharap pihak Kerajaan Negeri kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dapat memberi perhatian sewajarnya terhadap beberapa permohonan di bawah Program Pemerksaan Agro-Makanan Negara yang dikemukakan melalui KBC. Itu lah antaranya Projek Pengembangan Tanaman Sayuran Hydroponik NFT di Kelantan View Valley dan yang kedua, Projek Pembangunan Hub Aqua Kultur Air Tawar bersepadu yang juga di kawasan Kelantan View Valley.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu Kelantan juga mempunyai jumlah penternak yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Namun begitu, sehingga hari ini Kelantan masih belum mempunyai kilang pemprosesan makanan ternakan yang mencukupi sedangkan negeri ini mempunyai sumber bahan mentah yang berpotensi untuk tujuan tersebut. Akibatnya para penternak di Kelantan masih bergantung kepada bekalan makanan, ruminan dari Negeri Johor dan negeri-negeri yang lain.

Justeru itu, Gaal berpandangan bahawa sudah sampai masanya Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian berkaitan menyalurkan dana dan bantuan kepada agensi-agensi pertanian Negeri Kelantan bagi membangunkan kilang pengeluaran makanan ruminan. Langkah ini amat penting supaya penternak tempatan dapat memperolehi bekalan makanan, ternakan pada harga yang lebih berpatutan, stabil dan kompetitif. Sekiranya program-program ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, In Shaa Allah ia bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi kepada kerajaan malah turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Gaal juga ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas usaha mewujudkan serta mengurus beberapa kemudahan pemprosesan

makanan dalam usaha merealisasikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara dan memperkukuh agenda Keterjaminan Makanan. Antaranya termasuk lah kejayaan mewujudkan Kilang Padi Darulnaim melalui kerjasama dengan pelbagai pihak yang membolehkan pengeluaran beras sendiri dan secara tidak langsung membantu mengurangkan kebergantungan kepada beras *import*.

Walaubagaimanapun, di sebalik usaha berterusan Kerajaan untuk memperkukuh sektor pengeluaran makanan terdapat juga beberapa ancaman yang boleh menjejaskan hasil pertanian serta pendapatan terutama sekali pekebun kecil, antaranya ialah serangan haiwan liar khususnya kalau kita lihat serangan kera terhadap tanaman di kampung-kampung serta pencerobohan dan serangan gajah liar di kawasan kebun dan ladang kelapa sawit di sebelah hulu Kelantan. Fenomena ini tidak boleh di pandang ringan, ianya perlu diberikan perhatian serius dan ditangani secara lebih bersungguh-sungguh melalui pendekatan yang bersepadu, berkesan dan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada isu keterjaminan makanan, Gaal juga ingin menarik perhatian terhadap beberapa isu kebajikan rakyat yang memerlukan tindakan segera daripada pihak kerajaan. Antaranya ialah isu yang berlaku sebelum ini iaitu lah kelewatan pengeluaran lesen penjualan dan pemindahan kayu getah. Mungkin pada pandangan sesetengah pihak perkara ini kelihatan kecil namun hakikatnya ia memberi kesan langsung kepada ramai pihak khususnya kepada pekebun kecil yang mereka hanya bergantung kepada hasil daripada sumber-sumber tersebut sebagai pendapatan mereka.

Begitu juga dengan beberapa isu perparitan dan banjir yang berlarutan di beberapa kawasan di Pasir Puteh khususnya di Kampung Pulau Sa dan Kampung Gong Chapa, tempat yang PMX naik baru ni. Yang sebelum ini telah pun ada cadangan pembinaan Projek Tembatan Banjir di kawasan tersebut. Maka Gaal memohon supaya cadangan pembinaan tembatan banjir di kawasan tersebut dapat disegerakan dan direalisasikan tanpa penangguhan yang terlalu lama. Dalam masa yang sama, kerosakan pintu

di Gal Gate di Gong Kulim juga perlu diberikan perhatian segera agar masalah saliran dan limpahan air dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping keperluan menyediakan akses serta jalan-jalan raya yang baik, Gaal juga berpandangan bahawa pertumbuhan ekonomi negeri pada masa hadapan memerlukan perancangan pembangunan bandar-bandar baru yang lebih strategik khususnya di kawasan sempadan Kelantan-Terengganu dan di kawasan yang bakal menerima limpahan, pembangunan daripada projek-projek infrastruktur utama. Antara kawasan yang berpotensi besar ialah di kawasan Bukit Yong, sempadan Kelantan-Terengganu dan kawasan berhampiran stesen ataupun perhentian ECRL di Cherang Tuli.

Kawasan – kawasan ini wajar dirancang secara komprehensif agar tidak sekadar menjadi laluan perhubungan tetapi berkembang sebagai pusat pertumbuhan baru yang benar-benar memberi manfaat kepada ekonomi rakyat. Sehubungan itu, Gaal berharap akan wujud limpahan pembangunan yang lebih tersusun di DUN Gaal antaranya ialah pertama, pembangunan bandar baru sebagai pemangkin pertumbuhan setempat. Yang kedua, pembangunan bandar industri di kawasan perhentian ECRL-ECRL di Cherang Tuli.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya Gaal sekali lagi menegaskan sokongan penuh terhadap titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Sultan dan mendoakan agar Negeri Kelantan terus dipimpin dengan hikmah, diberkati oleh Allah S.W.T serta dikurniakan kemajuan yang membawa kesejahteraan kepada seluruh rakyat. Wallahua'alam.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Gaal. Saya persilakan Pengkalan Pasir.

YB TUAN HAJI MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ

Izinkan Pengkalan Pasir memulakan ucapan perbahasan ke atas titah Yang Mulia Pemangku Raja Kelantan dengan membaca sepotong ayat yang berbunyi, كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ ۖ فَمَنْ

زُخِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۚ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Yang bermaksud: "Setiap daripada manusia yang bernyawa akan mengalami kematian, akan merasai kematian dan sesungguhnya bahawasanya pada hari kiamat akan disempurnakan balasan bagi setiap yang hidup dan barang siapa yang dijauhkan daripada api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, sesungguhnya dia lah orang-orang yang berjaya dan tidaklah kehidupan dunia, pangkat atau sebagainya hanyalah tipu daya bagi orang-orang yang terpedaya."

Terlebih dahulu Pengkalan Pasir ingin merafakkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih atas titah yang telah disampaikan yang sarat dengan panduan dan peringatan kepada seluruh kepimpinan termasuk ADUN dan juga pimpinan-pimpinan masyarakat dan kalau kita lihat dan ayat-ayat yang tadi bagaimana Allah Taala menjelaskan kepada kita tentang kepimpinan kita dan harus kita sedar bahawa tugas kepimpinan bukan sahaja kita meminjamkan soalan-soalan, kemudahan-kemudahan fizikal di mana kita telah bincangkan secara detail tapi yang lebih penting bagaimana kita nak membawa ketaqwaan kepada rakyat. Bagaimana kita nak membina insan-insan yang melihat kehidupan di dunia ini sehingga menyampai kepada akhirat. Itu lah tujuan sebenarnya kepimpinan yang seharusnya kita bangunkan di kalangan kita.

Seterusnya, Pengkalan Pasir akan menyentuh beberapa hanya dua isu yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang

pertama tentang tadbir urus dan integriti. Sebagaimana yang kita tahu tadbir urus dan integriti ini adalah salah satu usaha yang amat penting untuk kita memastikan pelaksanaan, kecekapan pentadbiran, integriti dan ketulusan meningkatkan produktiviti, memastikan penyampaian perkhidmatan yang lengkap. Dalam konteks ini Pengkalan Pasir ingin mengutarakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagaimana yang kita tahu pekerjaan kita, kita ada di peringkat Federal, kita ada di peringkat Kerajaan Negeri dan kita juga ada di peringkat PBT.

Antara isu yang hendak diutarakan di peringkat PBT ialah bagaimana kita nak memastikan setiap PBT itu berfungsi dengan baik. Yang pertamanya, saya ingin...Pengkalan Pasir ingin mencadangkan agar diwujudkan peralihan ataupun pengisihan kuasa di antara Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis Daerah dan kalau kita lihat realiti nya di lapangan bagaimana kedua-dua jawatan ini adalah mempunyai orang yang sama dan kalau kita lihat di lapangan, banyak kerja-kerja fokus yang perlu dilakukan untuk Majlis Daerah walaupun kalau kita lihat ada Setiausaha-Setiausaha yang menjalankan tugas tapi ianya memerlukan kepada ketua yang mempunyai fokus yang lebih besar. Sebagai contohnya di Pengkalan Pasir, kalau kita baru jah nok kenal jah DO, tiba-tiba ttukar dan ttukar kepada DO-DO yang baru dan ini akan lebih merumitkan bagaimana perancangan-perancangan yang lebih berkesan.

Begitu juga dengan hasil-hasil Kerajaan Negeri ataupun hasil-hasil PBT dan sekiranya kita memisahkan kedua-dua jawatan ini maka fokus kepada Yang Dipertua Majlis sebagaimana Yang Dipertua Majlis Daerah, Kota Bharu dan juga Ketereh, saya yakin yang ianya akan memberikan kesan yang lebih berintegriti, yang lebih telus kepada Kerajaan Tempatan.

Yang keduanya, isu yang akan dibangkitkan kepada Pengkalan Pasir adalah tentang isu sebelum ni, bagaimana KPKT telah memberikan banyak kiosk-kiosk yang kepada PBT dan untuk makluman semua, kalau kita lihat Pengkalan Pasir di Pasir Mas tu, banyak yang telah dipindahkan kepada Lubok Jong, maknanya di Pusat Bandar yang baru dan kalau kita tengok di Pengkalan pasir ni kalau dulu nya, Majlis Daerah tu terletak di

Bandar Pasir Mas dan sekarang telah dipindahkan kepada Pusat Pentadbiran Baru di Lubok Jong yang mana ianya sedikit sebanyak telah menghilangkan keceriaan bandar asal Bandar Pasir Mas dan saya meminta agar kiosk-kiosk tersebut dan banyak yang terbengkalai dan memerlukan pembaikpulihan dipindahkan kepada tempat-tempat yang lebih strategik dan saya rasa benda ini berlaku juga di pihak-pihak PBT lain daripada kita membiarkannya ianya begitu saja, lebih baik kita pindahkan di kawasan-kawasan lebih strategik untuk memberi peluang kepada usahawan-usahawan yang lebih untuk menjalankan perniagaan mereka.

Seterusnya, di peringkat PBT juga kita memerlukan satu bajet yang besar tentang digital. Bagaimana kita memastikan paparan projek-projek yang *berhigh*...yang tinggi sebagai contoh projek-projek Kerajaan Negeri, projek-projek Kerajaan Pusat agar semua rakyat dapat akses. Sebagai contohnya, kata lah KB Central kita tahu sekarang ni, ok Kerajaan Negeri sudah ada perancangan-perancangan, paparkan kepada rakyat, tunjukkan bilakah projek itu akan bermula. Apakah presentif-presentif sekarang dan sebagainya? Ini akan lebih menjelaskan kepada kita kelulusan. Begitu juga dengan Kerajaan Pusat, agar tidak timbul di kalangan kita di sana bagaimana kita saling menyalahkan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri? Dengan adanya paparan-paparan *dashboard* yang *live* yang mananya boleh kita semua rakyat boleh akses ataupun dicapai oleh rakyat, maka ianya akan menjadi sebagai satu hisbah ataupun satu pemantauan untuk memastikan projek-projek berjalan dengan lancar.

Seterusnya, yang keduanya DUN Pengkalan Pasir juga ingin menyentuh tentang pendidikan dan modal insan dan antara satu kelebihan Negeri Kelantan adalah kita mempunyai modal insan yang banyak dan kalau kita tengok daripada statistiknya, Kelantan adalah penyedia penjawat awam antara yang tertinggi di Malaysia. Dan kelebihan kita, yakni kita ada sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan sebanyak 95 biji, 5 buah dan juga kita telah melahirkan huffaz sehingga 5,370. Persoalannya, saya ingin.. yang saya ingin bangkitkan di sini, bagaimana kalau kita boleh menambahbaikkkan sistem pendidikan ni agar setiap

huffaz ini dapat menjadi sebagai agen perubahan kepada masyarakat?
Dan kita nak tengok bahawa mereka ini betul-betul memahami Al-Quran.

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ

Dan juga Allah Taala sebut,

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maknanya, "Allah Taala memberikan Quran ni senang. Bagi adakah orang yang nak mengambil pengajaran."

Bagi disini, maka perlulah kita untuk mengambil bahawa huffaz-huffaz kita ini diperlukan digunakan sebaik mungkin untuk mereka ni menjadi sebagai agen pendakwah kepada anak mukim dan sebagainya.

Yang keduanya, dari segi sistem halaqat dan kita difahamkan memang kita ada banyak halaqat, setiap DUN kita ada lebih kurang 12 orang. Saya memohon agar ditambahbaikkkan, diadakan satu silibus ataupun silibus untuk pengajaran yang lebih berkesan dan kalau kita difahamkan bahawa halaqat kita ni kebanyakannya orang yang berumur dan kita memerlukan kepada suntikan pendakwah-pendakwah ataupun halaqat-halaqat yang muda, yang lebih memahami isu-isu semasa dan saya berharap Kerajaan Negeri akan dapat mengambil perhatian agar setiap daripada halaqat kita ini akan memberi kesan kepada tarbiyah nya di mukim masing-masing sebab sekarang ni kebanyakannya di surau-surau nya, takdok oghe nok ngajar.

Kebanyakannya halaqat ngajar di masjid-masjid yang besar. Yang mana kemudahan-kemudahan ataupun bayaran yang lebih besar dan di surau-surau sana tidak ada yang hendak mengajar dan sebagainya dan kita perlukan kepada satu silibus yang mana halaqat ini perlu menekankan pertamanya kepada soal akidah.

Yang kedua, soal solat. Yang mana kita membina generasi solat begitu juga lah kita nak membina satu generasi yang memahami Al-Quran. Seterusnya dari segi silibus sekolah Yayasan Islam Kelantan, saya berharap agar satu silibus agar dapat kita perbaharui di mana kita

hendaklah menekankan terutamanya sekolah-sekolah tahfiz kita, nak memastikan setiap daripada para huffaz kita ni memahami kandungan Al-Quran. Mereka ini bukan sekadar menjadi imam-imam semasa sembahyang terawih, tapi dalam masa yang sama mereka boleh menjadi penterjemah, boleh memahami dan boleh menunjukkan akhlak yang baik dalam kehidupan bermasyarakat.

Akhir sekali, saya berharap agar, sebagaimana yang ditimbulkan oleh EXCO Belia tadi, bagaimana kita merancang untuk melahirkan pemuda-pemuda yang berintegriti, yang berakhlak dan sebagainya dan benda ni penting untuk kita tonjolkan ikon-ikon pemuda kita agar menjadi ikutan kepada masyarakat dan masyarakat-masyarakat di sana memerlukan kepada pemuda-pemuda yang bukan sahaja boleh menunjukkan akhlak yang baik tapi dalam masa yang sama boleh mengetuai isu-isu dari segi ekonominya, isu antarabangsa dan sebagainya dan benda ini perlu kita rancang strategi bagaimana untuk kita melahirkan pimpinan dengan masa akan datang. Dengan itu, Pengkalan Pasir mohon menyokong ucapan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Pengkalan Pasir. Saya persilakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, merafak sembah dan junjung kasih ke hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas limpah kurnia keputusan Diraja. Sesungguhnya setiap bicara Baginda adalah memastikan kedaulatan dan kemakmuran Negeri Kelantan terus terpelihara.

Saya skip separuh daripada *draft* saya untuk memberi masa kepada rakan-rakan meneruskan ucapan semuanya. Saya bercadang asalnya

hendak bercakap mengenai isu tadbir urus dan integriti tapi semuanya dah, perkara-perkara itu telah disebut oleh rakan-rakan tadi jadi saya skip perkara tersebut.

Tuanku Sultan telah bertitah agar kerajaan bersedia dengan perubahan global yang semakin dinamik. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, pelabur akan mencari tempat yang stabil bagi melindungi aset dan pelaburan mereka, mengurangkan risiko dan memberi rasa selamat terutama semasa krisis. Dari penititan saya, Kerajaan Negeri terutamanya syarikat-syarikat GLC tidak berpeluk tubuh, tidak berpeluk tubuh. Terutamanya syarikat-syarikat di bawah PKINK.

Saya bagi contoh syarikat Kumpulan Peladangan PKINK Berhad, KPPB berhadapan dengan situasi ketidaktumpuan ekonomi semasa. Syarikat tersebut telah mengadakan banyak siri perbincangan melibatkan setiap lapisan pengurusan hingga ke peringkat ahli lembaga pengarah. Saya sendiri terlibat di dalam aktiviti tersebut di mana kita melihat kepada kesan keadaan ekonomi yang tidak stabil itu kepada kos kepada kuantiti, kepada kualiti pengeluaran, jangka pendek dan jangka panjang.

Akibat kenaikan daripada harga diesel sebagai contohnya. Merancang langkah-langkah yang dedikasi bagi mengurangkan risiko terutamanya jika keadaan ekonomi sekarang berterusan. Apakah kesan kepada margin keuntungan, aliran wang tunai hingga ke peringkat untung sebelum dan selepas cukai dianalisa satu per satu? Saya fikir ini satu usaha yang baik dan boleh diikuti dengan syarikat-syarikat kerajaan yang lain dan juga pihak swasta.

Saya perhatikan syarikat-syarikat PKINK telah menunjukkan prestasi yang cukup baik, kalau saya bagi contoh sebuah syarikat yang disebut sebagai PKB Permodalan Kelantan Berhad, bagi saya antara yang boleh kita banggakan dan saya nak cadangkan di sini supaya dibuat kajian supaya syarikat ini dapat disenaraikan di Bursa Malaysia. In Shaa Allah saya rasa boleh, saya berada 5 tahun di CIC Texas Committee dan saya rasa kelayakan itu telah tiba untuk kita cadangkan kepada Bursa Malaysia.

Kuala Balah terletak di kawasan pedalaman tapi kami mempunyai banyak potensi terutama dalam usaha meningkatkan pembangunan sektor pelancongan. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kejayaan sektor ini terbukti dan dilihat pada bilangan pelancongan dan kadar yang luar biasa dan membanggakan. Tahniah saya ucapkan, juga sebagai wakil kawasan pertanian, saya memberikan sanjungan tinggi terhadap inisiatif keterjaminan makanan dan pengoperasian GMCC *Global Market Community Centre*. Transformasi tanah terbiar melalui teknologi lot dan fetergasi juga merupakan jawapan yang tuntas kepada isu kemiskinan.

Di dalam persidangan yang lepas saya cadangkan supaya didekatkan di antara tempat penduduk kampung dengan kawasan-kawasan pertanian dan saya telah mencadangkan supaya sebuah jambatan dibina di Kampung Lubuk Bongor yang hendak melintas, penduduknya hendak melintas hanya sebelah kampung untuk mereka berulang alik ke tempat kampung mereka. Sampai sekarang saya belum melihat apakah tindakan yang telah diambil ataupun perancangan-perancangan lain.

Saya sangat teruja dengan program penghantaran pelajar Kelantan keluar negara untuk latihan TVET ke Korea Selatan dan juga ke German. Subjek TVET ini saya suarakan hampir setiap kali persidangan. Dan kita dapat lihat kesungguhan kerajaan dengan penubuhan Majlis TVET Negeri Kelantan. Saya merayu agar pelajar-pelajar kawasan luar bandar seperti Kuala Balah ataupun kawasan-kawasan pedalaman diberi kota khas agar mereka tidak sekadar menjadi penonton dalam kerancangan pembangunan ekonomi yang dinikmati oleh masyarakat bandar.

Berkaitan dengan saranan Tuanku Al-Sultan supaya melibatkan secara langsung Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Saya ingin membawa dewan yang mulia ini, menyelami satu isu mendesak yang melibatkan kelangsungan hidup asas rakyat di Kuala Balah. Sebahagian besar mereka masih bergantung kepada sistem bekalan air tandak disebutkan juga oleh sahabat saya daripada DUN Nenggiri tadi.

Untuk makluman dewan, di DUN Kuala Balah terdapat 16 buah tandak yang menjadi talian hayat kepada hampir 2,000 buah keluarga. Daripada 16 buah tandak tersebut, hanya empat yang diselenggara oleh syarikat kerajaan. Tiga oleh KESEDAR dan satu oleh JPS. Manakala baki 12 lagi terpaksa diselenggara sendiri oleh orang ramai secara gotong-royong. Rakyat di Kuala Balah berhadapan dengan empat cabaran utama yang memerlukan perhatian serius Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Pertama, kos penyelenggaraan. Kos untuk menyelenggara 12 buah tandak. Komuniti ini amat besar dan penduduk tidak mempunyai sumber kewangan tetap untuk menampungnya.

Kedua, peluang infrastruktur sistem sedia ada menggunakan paip saiz kecil dan tidak lagi mampu menyokong tekanan air dari rumah ke rumah. Kita memerlukan paip yang lebih besar dan panjang untuk memastikan agar air yang stabil.

Ketiga, jurang teknologi. Penduduk masih menggunakan kaedah tradisional. Kita ketiadaan alatan atau teknologi moden untuk membaikpulih paip yang tercabut dan dinding tandak yang pecah.

Keempat, risiko bencana sistem tandak ini sangat terdedah kepada kerosakan setiap kali berlakunya banjir dan fenomena air besar yang sering mengakibatkan gangguan bekalan air dalam tempoh yang lama.

Justeru, selaras dengan prinsip Itqan dan Mas'uliyah yang kita agungkan, saya mohon agar Kerajaan Persekutuan dan Negeri melalui agensi berkaitan dapat pertimbangkan bantuan khas sama ada dalam bentuk dana penyelenggaraan tetap, menaik taraf paip-paip mahupun penyediaan teknologi selenggara yang lebih moden, kita tidak mahu rakyat di pedalaman terus bermandi keringat hanya untuk mendapatkan setitis air bersih. Telaga tiub adalah pilihan terbaik.

Sebagai penutup, marilah kita bulatkan tekad untuk menjadi Kelantan sebagai model negeri paling efisien di Malaysia yang ditadbir dengan nilai Islam. Selagi kita menjaga amanah Mas'uliyah, Allah S.W.T pasti akan

membuka pintu-pintu keberkatan, keberkatan dari langit dan bumi. Apabila integriti menjadi budaya dan teknologi menjadi alat, maka kemakmuran ini bukan lagi mimpi tetapi realiti milik kita semua. Selagi mana kita menjaga agama Allah, yakinlah Allah akan menjaga urusan kita.

*Pucuk pauh di tepi kuala,
Suburmu hijau di Kuala Balah,
Titah dijunjung, semangat menyala,
Kelantan maju kerana Allah.*

Wallahu'alam.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Balah. Alhamdulillah, seramai 21 Ahli-Ahli Dewan telah menyertai perbahasan. Titah ucapan Diraja yang telah dititahkan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja kepada Dewan ini pada hari Isnin, 2 Zulkaedah 1447 Hijrah bersama dengan 20 haribulan April 2026 Masihi. Penggulangan akan dibuat oleh pihak kerajaan esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan akan disambung semula esok pada 22 April bersamaan 4 Zulkaedah 1447 pada jam 9:00 pagi. Marilah kita sama-sama menangguhkan persidangan pada petang ini dengan membaca tasbih kaffarah dan Surah Al-'Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5:00 PETANG
DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA 9:00 PAGI ESOK.**

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[04 ZULKAEDAH 1447H / 22HB APRIL 2026]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING
5.	YB DATO' UST HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
6.	YB TUAN UST HJ MOHD ASRI B MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
7.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL

8.	YB DATO' HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>D.J.M.K, J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
9.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
10.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M., A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
11.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.J.M.K, D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
12.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K., D.J.M.K., S.M.K., J.P.</i>	PASIR PEKAN
13.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
14.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
15.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
16.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K., A.K.</i>	PANTAI IRAMA
17.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
18.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>J.M.K, A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
19.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK
20.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH <i>S.M.K.</i>	WAKAF BHARU

21.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN <i>S.M.K</i>	DABONG
22.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
23.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
24.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
25.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
26.	YB TUAN NIK BHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
27.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
28.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
29.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
30.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
31.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
32.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
33.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
34.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL <i>S.M.K.</i>	SALOR
35.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
36.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
37.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
38.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK

- | | | |
|-----|---|------------------|
| 39. | YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ.
ABDUL GHANI
<i>D.S.M. (Melaka)</i> | NENGGIRI |
| 40. | YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM | KOTA LAMA |
| 41. | YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM
<i>D.J.M.K., J.M.K.</i> | GALAS |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | |
|----|---|-----------------|
| 1. | YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB
RAHMAN
<i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian,
Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | KEMAHANG |
| 2. | YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN
<i>D.J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air
& Pembangunan Luar Bandar) | KIJANG |
| 3. | YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR
<i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> | KADOK |
| 4. | YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN
<i>D.P.T.J.</i> | PALOH |

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ BIN
TENGKU FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
A.S.K.

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS
PADA 03, 04 DAN 05 ZULKAEDAH 1447H
[21HB, 22HB, DAN 23HB APRIL 2026/SELASA, RABU DAN KHAMIS]**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Keempat, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas, **Hari Kedua.**

الفاتحه...

I. .. DOA.

[Sambil Berdiri]

Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa.

II. .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat Jawapan Mulut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan untuk soalan saya nombor 1. Terima kasih.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah khusus Kerajaan Negeri Kelantan bagi meningkatkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan awam agar keyakinan rakyat terhadap pentadbiran negeri terus diperkukuh?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Mengkebang yang mengemukakan soalan.

قال الله تعالى

قُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ اِلٰى عَالَمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : Katakanlah beramal dan bekerja lah kamu, maka sesungguhnya Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman melihat apa yang kamu lakukan. Dan apa yang kamu lakukan dan yang kamu kerjakan akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala perkara yang ghaib dan perkara yang nyata. Dan Allah akan menjelaskan kepada kamu satu persatu tentang apa yang kamu lakukan di dunia.

Langkah kerajaan negeri bagi meningkatkan ketelusan perkhidmatan awam dari sudut pembangunan sumber manusia kerajaan negeri Kelantan komited memperkukuh ketelusan penyampaian perkhidmatan awam bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran negeri. Usaha ini melibatkan fokus utama.

Yang pertama, pembangunan modal insan. Pelaksanaan program prolik bagi meningkatkan kompetensi, integriti dan kemahiran kepimpinan penjawat awam selaras dengan prinsip tadbir urus dan akauntabiliti.

Yang kedua, prestasi dan tatatertib. Pengukuhan disiplin melalui panel penasihat tatatertib serta pengiktirafan prestasi menerusi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi memupuk budaya kerja berkualiti.

Yang ketiga, perjawatan dan organisasi. Langkah seperti audit organisasi, penetapan tugas jelas, pusingan kerja, pengisytiharan harta dan program integriti dilaksanakan bagi memastikan akauntabiliti dan mengelakkan konflik kepentingan. Yang keempat, kesejahteraan psikologi. Inisiatif seperti MyPsyD, Program Pembangunan Psikologi dan Modul *Smart Itqan* membantu meningkatkan kestabilan emosi keprofesionalisma dan kualiti perkhidmatan penjawat awam. Yang kelima, pematuhan prosedur. Semua urusan perkhidmatan dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan dengan proses semakan dan perakuan yang jelas.

Keseluruhan langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan tadbir urus yang telus, cekap dan berintegriti demi memperkukuhkan kepercayaan rakyat. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang diberikan tadi. Cuma saya nak tanya Sistem Hisbah, adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan Sistem Hisbah atau *ombudsman* sebagai mekanisme terhadap tadbir urus negeri ini. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada ADUN Mengkebang di atas soalan tambahan berkenaan dengan Sistem Hisbah. Hisbah ini memang penting dalam Islam **حاسبوا أنفسكم قبل أن تُحاسِبُوا، وزنوا أنفسكم قبل أن تَوزَنُوا**. Maksudnya hendaklah kamu hisab, hisbah ini hisab. Ilmu hisab lah, matematik, hitungan **حاسبوا** hendaklah kamu hisab, muhasabah diri kamu sebelum kamu dihisab, sebelum kamu dihitung diakhirat **وزنوا أنفسكم** dan hendaklah kamu timbang amalan kamu sebelum amalan kamu ditimbang di hadapan Allah S.W.T. Bila kita timbang di dunia, kita muhasabah di dunia kita masih ada ruang dan peluang untuk memperbaiki amalan kita. Termasuklah kita yang memikul amanah sebagai sama ada Penjawat Awam atau orang politik atau semua. Kita memikul amanah dan tanggungjawab, dan amanah serta tanggungjawab ini akan dipersoalkan di hadapan Allah S.W.T. Oleh kerana itu, kita hendaklah memikul amanah ini dengan penuh tanggungjawab.

Kerajaan negeri sentiasa komited untuk memperkukuhkan aspek akauntabiliti, ketelusan dan integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dalam hal ini, konsep Hisbah yang menekankan pemantauan berterusan, pencegahan salah guna kuasa serta pemeliharaan kepentingan rakyat adalah selari dengan pendekatan pentadbiran Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama, prinsip *ombudsman* turut diberi perhatian sebagai satu mekanisma semak dan imbang yang bebas dan telus.

Buat masa ini, fungsi pemantauan tersebut dilaksanakan melalui mekanisma sedia ada dengan memperkasakan fungsi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (PAC). PAC ini dilantik oleh Dewan Negeri dan saya pernah 2 penggal saya jadi anggota PAC, ahli PAC yang dilantik oleh Dewan. Dimana PAC bukan sahaja selalu mengadakan mesyuarat bahkan bila ada laporan daripada Jabatan Audit tentang perkara-perkara yang tak selesai dalam mana-mana jabatan. Maka PAC akan masuk ke jabatan tersebut untuk kita menyelesaikan masalah yang berlaku. Kita panggil Ketua Jabatan gapo ni, PAC akan panggil. Jadi Pengarah Audit Negeri ini termasuk ahli PAC yang bersama-sama dalam apa nama ni gerak kerja

untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang timbul di mana-mana jabatan. Dan PAC ini dia ada kuasa sebab dia dilantik oleh Dewan.

Saya pernah suatu ketika ada satu pengarah jabatan ini dia ada mesyuarat di Kuala Lumpur, PAC bersidang di jabatan dia, dia hantar wakil apa nama ni kita panggil dia balik daripada Kuala Lumpur balik. Kita tangguh mesyuarat sehingga dia balik, dia balik pada hari yang sama. Jadi kita nak pastikan apa nama ni fungsi hisbah dilaksanakan. Walaupun nama PAC, nama tak penting tapi fungsi hisbah itu dapat dilaksanakan dengan adanya PAC.

Selain daripada itu, Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dianggotai oleh Ahli-Ahli Dewan bagi sektor tertentu seperti Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosial, Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus dan lain-lain mengikut aspek pemantauan yang hendak dilaksanakan. Kesimpulannya keutamaan Kerajaan Negeri adalah memastikan setiap mekanisme pemantauan yang dilaksanakan mampu menjamin ketelusan, keadilan, kebertanggungjawaban selaras dengan Penghayatan Membangun Bersama Islam. Kita bukan setakat nak membangun bersama Islam, penghayatan nak semua... pemimpin, rakyat.. semua. Sebab Islam itu sendiri makna selamat أسلم تسلم kamu terima Islam, kamu selamat Nabi sebut... selamat. Jadi bila pemerintahan berlandas kepada Islam jangan bimbang orang Islam selamat, orang bukan Islam pun selamat, dijamin keselamatan mereka. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kesediaan Kerajaan Negeri membuat melakukan pembaharuan institusi kita ini dengan mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas

disebutkan tadi pendidikan, tadbir urus dan sebagainya. Jadi soalan saya adalah adakah PAC ini contohnya, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membentangkan laporan jawatankuasa ini seperti PAC ini ke dalam Dewan ataupun menerbitkan dapatan-dapatan atau laporan ini supaya ia boleh menjadi tatapan umum untuk menunjukkan ketelusan Kerajaan Negeri. Keduanya, soalan saya ni berkait sedikit dengan, saya nampak tadi ada portal myPSM dan di dalamnya ada juga ruangan psikologi. Jadi saya nak bertanya sekiranya Penjawat-Penjawat Awam ini menghadapi cabaran-cabaran...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : (MENCELAH)

Soalan sahaja... ringkas kan.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Contohnya gangguan seksual di tempat kerja, contohnya. Apakah mekanisme yang diwujudkan dalam pentadbiran kita supaya di sana ada dia boleh menyalurkan masalah ini untuk kebaikan penjawat awam kita. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Lama. Berkenaan dengan laporan PAC ini Yang Berhormat boleh bertanya dan tidak menjadi amalan kita dibentang di dalam Dewan, bukan semua perkara dibentang tapi semua Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh bertanya. Dan apa nama ni pihak kerajaan akan mengemukakan jawapan.

Yang kedua, berkenaan dengan kalau ada gangguan seksual di kalangan penjawat-penjawat awam ini kita boleh lapor kepada Ketua Jabatan lah. ketua jabatan dia ada kaedah dia untuk kita ambil tindakan dan perkara ini selaras seluruh negara bukan negeri kita sahaja. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan bagi soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah serta mekanisme pemantauan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan tahap profesionalisme kebertanggungjawaban serta nilai integriti para penghulu di seluruh Kelantan sentiasa diperkukuh, dipantau dan berada pada tahap yang paling tinggi demi menjamin kepercayaan serta kesejahteraan rakyat.]

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Salor yang sekali lagi bertanyakan berkenaan dengan integriti. Tadi pun Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar telah pun menjawab berkenaan dengan integriti dan semalam saya juga telah menjawab berkenaan dengan integriti. Itu menunjukkan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan integriti di kalangan Penjawat Awam Negeri Kelantan. Alhamdulillah itu adalah satu kesedaran di antara kita semua lah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ayat yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Mentei Besar tadi adalah sangat relevan **فَسِرَى اللَّهِ عَمَلَكُمْ ۖ قَلِيلٌ أَعْمَلُوا** bekerja, kamu hendak lah bekerja tetapi **وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسُرَدُونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ** ini adalah akauntabiliti dalam konteks Islam yang membezakan antara Islam mungkin dengan sistem yang lain bahawa kita mempunyai dua bentuk pemantauan. Satu pemantauan di dunia dalam bentuk undang-undang ataupun syariat. Yang keduanya adalah pemantauan yang akan kita jawab di hari akhirat.

Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Setia Allahyarham Tan Sri Tuan Guru Nik Abdul Aziz dia kata sebagaimana kamu nak jawab di hadapan Allah begitu lah kamu jawab di dunia. Apabila kita nak jawab soalan di dunia ini hendak lah fikir itu lah juga jawapan yang akan kita berikan di hadapan Allah S.W.T. Itu adalah sebagai pembukaan saya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bagi menjawab soalan Salor tadi langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan penghulu melaksanakan tugas tanggungjawab dengan profesional dan mempunyai nilai integriti serta dalam masa yang sama profesionalisme diperkukuhkan. Sebahagian daripada jawapan yang saya telah berikan semalam itu juga terpakai kepada penghulu. Tetapi penghulu ini adalah satu mekanisme yang paling hampir antara kerajaan negeri dengan rakyat. Maka mungkin dia sedikit berbeza. Antaranya adalah kita mengadakan kursus, program, taklimat kepada penghulu di Negeri Kelantan melalui Bahagian Integriti dan juga Tadbir Urus (BITU) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang kita laksanakan, pernah kita laksanakan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM). Yang mana dalam program kursus taklimat kepada penghulu di seluruh Kelantan ianya bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan juga profesionalisma penghulu. Penghulu pun ada SOP tertentu dan tahap profesionalisma yang kita harapkan.

Latihan berkala juga kita laksanakan kepada semua penghulu berkaitan dengan integriti ini dan juga bagaimana nak menguruskan konflik di kalangan rakyat. Begitu juga dengan kepimpinan dan penyampaian

perkhidmatan awam, juga memberikan latihan merangkumi aspek perundangan, pengurusan komuniti dan juga etika kerja.

Yang kedua, mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi. Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan sistem penilaian prestasi tahunan kepada para penghulu di Negeri Kelantan untuk menilai kecekapan pentadbiran, pengurusan, aduan dan tahap kepuasan rakyat melalui Urusetia Penghulu Negeri Kelantan yang secara khusus mentadbir penghulu di Negeri Kelantan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan melaksanakan satu pemantauan secara berskala yang dipantau oleh Pejabat Tanah dan juga Jajahan melalui laporan bulanan ataupun melaksanakan lawatan tapak.

Yang ketiga, bengkel, kursus dan seminar dan juga latihan ini juga selain daripada yang dilaksanakan oleh BITU dan juga IIM dan juga oleh Pejabat Tanah dan Jajahan juga dilaksanakan menerusi Urusetia Penghulu di Negeri Kelantan, IPTG Institut Pemahaman... Institut IPTG Tok Guru... Institut Pemikiran, mohon maaf ye... Institut Pemikiran Tok Guru melalui ILKAN, melalui YATOK dan juga melalui agensi-agensi Kerajaan yang lain berhubung dengan kefahaman Dasar Penghayatan Islam. Itu yang saya maksudkan, di dunia dilaksanakan oleh institusi yang saya sebutkan sebelum ini. Tetapi perlu difahamkan juga tentang tanggungjawab akhirat, maka institusi seperti IPTG, ILKAN dan juga YATOK ini kita berikan tanggungjawab supaya penghulu faham tentang dasar Kerajaan Negeri, faham tentang dasar UMI Ubudiyyah, Masuliyah dan Itqan, tahu bagaimana nak melaksanakan K-RABB Komuniti Rabbani dalam masyarakat dan juga pelbagai dasar Kerajaan dan juga perkara-perkara yang masuk dalam kepimpinan dan kehidupan bermasyarakat. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar atas huraian dan jawapan sebentar tadi. Dan kita pun ucap terima kasih kepada para penghulu kita yang merupakan tangan dan kaki kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang merupakan mata dan telinga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mereka ni wakil rakyat ketiga lah dalam memberi khidmat kepada rakyat In Shaa Allah. Cuma soalan tambahan saya dalam kita menambah nilai dari aspek integriti, bagaimana mekanisme di pihak kerajaan negeri sendiri untuk kita pastikan mereka dapat menjalankan khidmat dan berfungsi memainkan peranan mereka dengan sebaiknya. Dan adakah dengan cabaran-cabaran semasa sekarang, dengan pertambahan rakyat sebagai contoh ada cadangan pihak kerajaan sendiri untuk menambahkan elaun sebagai insentif kepada penghulu kita. Okay terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Salor yang bertanyakan soalan tambahan. Untuk tujuan tersebut kita sentiasa memperkasakan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang sebenarnya baru kita tubuhkan dan kita aktifkan. Yang mana MPKK ini adalah sebenarnya satu Jawatankuasa Penasihat Penghulu dimana penghulu tidak boleh menjalankan kerja berseorangan, perlu kepada bantuan, maka MPKK ini lah diharapkan dapat memperkasakan institusi tersebut dan menimbulkan rasa kecaknaan di kalangan pimpinan masyarakat setempat. Sebab satu-satu kampung, desa dan sebagainya bukan penghulu sahaja menjadi pemimpin, ramai lagi yang sebenarnya mempunyai kelebihan untuk memimpin dan mempengaruhi masyarakat. Dan mereka ini yang kita ambil menjadi jawatankuasa bagi membantu penghulu. Ini lah yang cuba kita perkasakan.

Begitu juga dengan apa yang saya sebutkan di antara modul latihan-latihan yang disediakan juga, yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri yang dibawa urusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan juga beberapa agensi yang saya sebutkan tadi umpamanya

ILDAN, IPTG, YATOK dan sebagainya. Begitu juga penyampaian maklumat di antara penghulu dan rakyat, Kerajaan kepada rakyat itu adalah peranan penghulu. Dan di sini lah saya ingin mengambil kesempatan ini sebab yang paling dekat dengan rakyat adalah penghulu dan yang paling dekat dengan penghulu adalah Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di situ pentingnya Pusat Khidmat DUN memainkan peranan sebagai alat penyampaian dua hala antara rakyat kepada Kerajaan dan Kerajaan kepada rakyat. Di sini pengurusan maklumat itu mesti distrategikan supaya ianya pantas dan dapat diambil tindakan yang cepat bagi faedah dan juga kepentingan rakyat.

Elaun dan insentif memang itu sentiasa menjadi sesuatu yang Kerajaan fikirkan. Kita sekarang ini berbincang soal inflasi, kenaikan harga barang, kekangan ekonomi dan sebagainya, jadi penghulu juga berhadapan dengan masalah yang sedemikian. Kita sentiasa fikirkan itu tetapi sebagaimana yang disebutkan bahawa kenaikan insentif adalah sentiasa dikaji bersesuaian dengan kemampuan Kerajaan. Itu lah saya boleh sebutkan begitu ye In Shaa Allah satu masa apabila Kerajaan rasakan mampu maka kita akan cuba daripada semasa ke semasa nilai balik. Dalam pada itu pun kalau kita buat kenaikan kita kena bayar secara bulanan. Kemungkinan kemampuan terhad. Sebab itu lah Kerajaan apabila rasakan mampu untuk tahun itu Kerajaan beri bonus dan sebagainya. Contohnya di hari raya, awal tahun dan sebagainya lah. Terima kasih YB Salor.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas pelbagai program yang dilaksanakan untuk memperkasakan fungsi penghulu-penghulu. Untuk menambahbaik keberkesanan tugas penghulu ini adakah wujud mekanisme audit yang

dijalankan kepada penghulu-penghulu untuk memastikan penghulu menjalankan fungsi mereka secara berkesan. Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Buat masa ini sebenarnya tidak ada satu mekanisma audit yang khusus kepada penghulu tetapi apabila perlu dipakaikan sistem yang sudah sedia ada. Walau bagaimanapun, pemantauan *performance* penghulu dan juga dari sudut tanggungjawab dan sebagainya kita perkasakan dan laksanakan melalui Urusetia Penghulu Kerajaan Negeri Kelantan. Dan mungkin satu masa kita boleh arahkan kepada ILBAN untuk melihat dan saya rasa itu adalah perancangannya untuk kita buat satu audit khusus berkenaan dengan penghulu ini. Dan sekarang ini ILBAN telah melaksanakan beberapa program dan modul khas untuk penghulu ini dari sudut dengan izin *delivery* dan juga pemantauan *performance* kerja. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 3. Terima kasih.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membangunkan rantaian nilai nenas (pemprosesan, eksport, penjenamaan) supaya menjadi kluster ekonomi wilayah timur ?]

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركات

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Bukit Bunga. Kerajaan negeri melalui kerjasama erat Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia Negeri Kelantan telah mengambil beberapa langkah strategik bagi membangunkan rantaian nilai industri nenas merangkumi aspek pemprosesan, eksport dan penjenamaan agar ia mampu berkembang sebagai kluster ekonomi di wilayah timur melalui program-program berikut :

- a) Pertama, memperkasakan konsep “Satu Kali Tanam, Tiga Kali Tuai”, di mana tanaman nenas bukan sahaja menghasilkan buah tetapi juga sulur iaitu anak benih dan sisa tanaman yang boleh diproses menjadi produk bernilai tambah seperti makanan ternakan, ruminan dan juga ikan. Pendekatan ini mengurangkan pembaziran serta meningkatkan nilai ekonomi keseluruhan industri. Di mana kilang proses sisa nenas ini dah siap dan hampir beroperasi yang dibangunkan di Jajahan Jeli.
- b) Yang kedua, mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar melalui pembangunan ladang nenas berskala besar dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran secara konsisten serta mewujudkan rantaian pembekal bagi industri. Sekali gus, membuka potensi Kelantan sebagai negeri pengeluar dan pengeksport nenas.
- c) Yang ketiga, memperkukuh pelaksanaan konsep Satu Daerah, Satu Industri (SDSI) bagi membangunkan industri hiliran berasaskan nenas. Usahawan tempatan diperkasa melalui program pemprosesan dan inovasi seperti menghasilkan bongkah cendawan melalui sisa nenas dan juga makanan ruminan dan ikan.

- d) Yang keempat, mempergiatkan promosi pembangunan usahawan dan penglibatan belia. Pendekatan ini mewujudkan rantaian ekonomi lengkap daripada penanaman hingga pemprosesan sehingga dapat membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Di mana dalam menyokong rantaian nilai nenas ini Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd dalam proses pembinaan satu pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil nenas di Kelantan Bio Valley Pasir Puteh untuk menghasilkan produk-produk hiliran berasaskan nenas seperti jus dan kordial.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hasil daripada inisiatif ini lah keluasan tanaman nenas di Kelantan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. In Shaa Allah berdasarkan perkembangan semasa dan permintaan terhadap industri nenas jangkaan keluasan tanaman baharu pada tahun 2026 ini dianggarkan mencecah sehingga 140 hektar ataupun 345.8 ekar. In Shaa Allah dengan minat para petani yang nampak semakin baik industri nenas akan berkembang baik di Negeri Kelantan In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

Terima kasih.. terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan sebentar tadi. Soalan tambahan saya sejauh manakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti jajahan yang akan dijadikan *eco district* bagi kluster nenas Kelantan memandangkan hasrat Kerajaan sebelum ini mahu mewujudkan Satu Jajahan Satu Produk Hiliran Utama. Terima kasih.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Bukit Bunga. Setakat ini Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga

Perindustrian Nenas telah mengenal pasti ada dua jajahan yang kita lihat penanaman nenas begitu rancak iaitu jajahan Pasir Puteh dan Jeli juga diekori jajahan Pasir Mas.

Di mana di Pasir Puteh, kita telah bersama satu Koperasi Masjid Permata Rambai dalam DUN Limbongan yang telah menanam siap menanam nenas seluas 15 ekar dan juga lebih 20 peserta tanaman nenas yang sedang dipantau oleh Lembaga Perindustrian Nenas dan mendapat sumbangan serta teknikal penanaman daripada Lembaga.

Yang kedua, di jajahan Jeli bagaimana saya sebutkan tadi ada komuniti pemuda telah membangunkan projek tanaman nenas setempat seluas 12 ekar di mana di situ lah kita telah membina kilang pemprosesan sisa nenas. Yang saya sebut tadi nenas ini dia satu tanaman yang satu kali tanam tiga kali tuai. Jadi kita dah mula membina proses-proses seterusnya dan In Shaa Allah juga jajahan Pasir Mas dengan Jabatan Pertanian telah mengenal pasti ada satu kawasan di Bukit Tandak iaitu kawasan yang subur dengan penanaman nenas dan telah mula berkembang. In Shaa Allah juga diikuti telah mula berkembang di jajahan Tanah Merah. Jadi dua jajahan yang utama sekali ialah Pasir Puteh dan juga Jeli. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya baru-baru ini variati nenas MS16 diperkenalkan kepada umum, sebenarnya variati nenas manakah yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri dan Lembaga Perindustrian Nenas Kelantan untuk dikembangkan di negeri ini? Apakah kelebihannya? Sekian terima kasih.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Wakaf Bharu. Variati nenas yang menjadi pilihan lah oleh Lembaga Perindustrian Nenas ialah MD2 atau MD Two. Di mana dia dari segi kelebihan variati ini ialah dia bernilai komersil yang tinggi dan kualiti premium serta berpotensi untuk eksport. Namun demikian, petani-petani kita ni menanam nenas dengan pelbagai variati. Dan Lembaga Perindustrian Nenas telah mula bawa masuk SG1 ataupun Sarawak Gold 1 yang kita telah mula buat ladang, benih nenas. Dan juga di bawah MARDI yang disebutkan tadi ialah satu varieti baru yang sangat menarik kerana dia lebih singkat masa untuk menghasilkan buah termasuk Nenas Mutiara, Nenas Cobek dan sebagainya. Tapi yang diberi pilihan utama ialah MD2 lah. In Shaa Allah esok kita boleh try lah In Shaa Allah buah dia tu In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Manek Urai.

YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah tahap keberkesanan pelaksanaan program Tuisyen Rakyat yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan negeri, khususnya dari segi pencapaian akademik pelajar, kadar kehadiran, serta impaknya terhadap pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.]

YB DATO' USTAZ HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Manek Urai, Manek Urai atas kecaknaan anak-anak kita nak belajar. Jadi tahap keberkesanan pelaksanaan program Tuisyen Rakyat Sejahtera yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri. Setakat ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan penilaian awal secara khusus dengan mengaitkan data penyertaan program Tuisyen Rakyat Sejahtera dan juga program yang kedua iaitu e-Tuisyen dengan Keputusan SPM 2025 yang telah diumumkan baru-baru ini khususnya melalui data maklum balas yang diterima daripada peserta program.

Melalui semakan tersebut, daripada 361 responden bagi program Tuisyen Rakyat Sejahtera seramai 21 pelajar dikenal pasti memperolehi keputusan 9A ke atas. Dan manakala daripada 229 respon daripada program e-tuisyen seramai 24 pelajar dikenal pasti mencapai keputusan yang sama 9A ke atas. Dan paling membanggakan daripada data yang kita dapat sekolah-sekolah di luar bandar juga mampu melahirkan pelajar cemerlang, dengan pencapaian SPM 2025 iaitu memperolehi 10A. Satu di SMU (A) Bustanus Saadah, Morak, satu di SMU (A) Mehelih, Geting dan dua di SMU (A) Rumaniah Paloh, Tanah Merah, 2 orang. Sekolah ni infranya tidak mencukupi tapi apabila kita buat Tuisyen Rakyat Sejahtera. Jadi saya dimaklumkan ADUN dia Bukit Panau turut serta dalam kelas tu. Betul ko Yang Berhormat? Padan anak murid dia berjaya boleh 10A.

Secara keseluruhannya sebanyak 45 rekod pelajar cemerlang yang memperolehi 9A ke atas telah dikenal pasti setakat ini. Walau bagaimanapun, penilaian ini masih belum bersifat menyeluruh kerana data yang ada setakat ini hanya melibatkan peserta yang telah mengemukakan respon dan belum meliputi keseluruhan peserta sebenar bagi kedua-dua program. Tetapi bila diumumkan 9A ke atas untuk Kerajaan bagi sumbangan RM500 setakat ini telah mendaftar 1139

orang... haa ramai... ramai hok cerdik tu 9A. Kalu kito turun ko 8A lagi ramai.

Oleh itu, dapatan semasa wajar dilihat sebagai penilaian awal yang positif terhadap keberkesanan program-program berkenaan. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan penilaian ini secara berterusan dan lebih menyeluruh dari semasa ke semasa melalui pengumpulan data tambahan, penyelarasan maklumat peserta serta semakan lanjut terhadap pencapaian pelajar supaya impak sebenar program dapat dinilai dengan lebih tepat, komprehensif dan juga meyakinkan.

Dari segi peratus kehadiran, hasil dapatan daripada semakan rekod kehadiran pelajar ke kelas Tuisyen Rakyat Sejahtera yang telah dijalankan di 24 DUN. Kita buat kajian ni di 24 daripada 45 DUN didapati seramai 1432 orang pelajar yang telah mengikuti program ini dan peratus kehadirannya sebanyak 77.28%. Ini kerana bertembung kea sekolah buat kelas tambahan, kelas malam dan sebagainya. Jadi kita ni menyediakan kelas Tuisyen Rakyat Sejahtera secara percuma, jadi manfaatnya lebih kepada impak keluarga yang berpendapatan rendah B40. Jadi ramai lah yang mengambil kesempatan ini dan juga dapat meringankan beban belanja untuk menghantar anak ke kelas tambahan. Tambahan kelas hok kito buat pulok dekat dengan rumah di setiap DUN dan ditentukan oleh DUN masing-masing. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Manek Urai.

YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih tahniah kepada Exco kerana telah berjaya berusaha supaya pelajar-pelajar Negeri Kelantan ini menjadi pelajar yang terbaik. Dato' Speaker, soalan tambahan saya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk beralih kepada moden e-tuisyen yang dibangunkan sendiri melalui portal Kerajaan Negeri dengan

menggunakan tenaga pengajar yang sedia ada daripada YIK agar Kerajaan tidak lagi terus bergantung kepada penyedia luar. Terima kasih.

YB DATO' USTAZ HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Okay terima kasih Manek Urai atas soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, ye Kerajaan Negeri sememangnya sedang ke arah itu. Sebab guru-guru YIK ni pakar, 2003 dulu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat tu cikgu kito 100%. Sebab kito tidok dapat MOU dengan kementerian, cikgu kito 100%. SPM tahun itu satu-satunya sekolah terbaik negara, bukan Kelantan... negara. Jadi itu lah tahniah kepada guru-guru kita yang cemerlang.

Jadi pada masa ini satu sistem e-tuisyen negeri sedang dibangunkan sendiri melalui portal negeri sebagai langkah memperkukuhkan keupayaan dalaman dan mengurangkan kebergantungan kepada penyedia luar. Jadi kita bina sendiri. Pembangunan sistem ini dilaksanakan secara bersama melalui jawatankuasa yang melibatkan Yayasan Islam Kelantan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) dan Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd (KIGSB). Dari sudut kandungan pula tenaga pengajar yang melibatkan bukan sahaja daripada YIK malah turut melibatkan guru-guru pakar dari seluruh Negeri Kelantan. Dan untuk menjayakan program ini, kita buat kerjasama dengan Kesatuan Guru Pakar untuk memastikan pelajar kita ni lebih kedepan.

Jadi bagi tahun ini, pelaksanaan awal sistem ini dijangka akan dimulakan terlebih dahulu bagi pelajar calon SPM dengan melibatkan semua subjek SPM sebelum diperluaskan secara berperingkat pada masa hadapan. Sebab kita nak perluas e-tuisyen rakyat ni e-tuisyen ni kerana dia melibatkan semua subjek SPM. Kalu subjek SPM tu 12, 12 jadi Persatuan Guru Pakar ni akan buat modul pengajaran dan kita akan sebarkan kepada calon SPM tahun ni telah dimasukkan dalam buku bajet secara percuma. Kalu baru ni kita target 1896 orang kerana e-tuisyen ni dia menggunakan ID, satu ID kita bagi dua orang. Satu ID pelajar dua orang pelajar, satu ID guru untuk dua guru. Jadi dia boleh layari sepanjang masa.

Tahun lepas kita buat 15 Ogos hingga 15 November. Jadi dapatannya ada pelajar yang kita target, bila saya berbincang dengan Pengarah YIK tahun lepas kita dapat pelajar straight A 80. Jadi 2025 baru ni kita target 100. Dan keputusan yang keluar pada baru ini pelajar kita YIK yang dapat full A ialah 92, sikit lagi nok sapa 100. Jadi tahun ni kita akan lebarkan e-tuisyen rakyat tapi TRS kita teruskan kerana ini untuk manfaat rakyat bawahan dan terbuka. Bajet tok tamboh tapi pelajar tamboh. Pasal apa ? Dio takdok ID, ikut sumbak ah.. dok. Kalu baru ni dapati ado setengah DUN tu 20 ore sedangkan dia muat 40 jadi kena tamboh pelajar bajet dok tamboh pasal Kerajaan dok tamboh... bajet. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco. Soalan tambahan saya kalau kita lihat bisnes model TRS sekarang adalah Kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak. Apakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan keterlibatan guru-guru yang pencen untuk bersama-sama mengajar dan memastikan program ini dapat diperluaskan bukan sekadar SPM tapi mungkin di peringkat-peringkat yang lain ?

YB DATO' USTAZ HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas soalan tambahan. Ni pilot projek kito, jadi kito pun nok try SPM, kito ado STAM, kito ado STPM. Jadi ini pilot projek kito. Jadi bila berjaya kita akan lebarkan. Contoh tahun ni kita lebar e-tuisyen... e-tuisyen, jadi TRS ni Tuisyen Rakyat Sejahtera ni dia 4 subjek teras sebab tu kita nak perlebar e-tuisyen ni dia melibatkan semua subjek SPM. Jadi bukan setakat SPM kita akan melangkah lebih jauh lagi, STAM sebab pelajar kita pun ramai ambil STAM. Dan ini juga melayakkan pelajar kita menyambung ke peringkat

IPT seluruh negara dan juga luar negara... pelajar-pelajar kita dan juga STPM. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kemuning.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker,

*Hari Raya telah pun dirai bersama,
Mohon jawapan bagi soalan saya nombor 5.*

Terima kasih.

Soalan 5 :

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah peranan **Mawaddah Support Team** di peringkat Parlimen ?]*

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Kito tok pandai pantun.

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada ADUN Kemuning atas soalan yang dikemukakan. *Mawaddah Support Team* ataupun MST telah dibentuk di semua 14 parlimen di seluruh negeri iaitu bermula daripada 2020.

MST berperanan sebagai satu kumpulan sokongan sosial keluarga yang bergerak secara aktif dan bersasar menangani isu sosial dalam komuniti setempat. MST secara strukturnya berada di bawah Majlis Pembangunan Keluarga Mawaddah (MPKM) Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan.

MST juga bertindak sebagai pemudah cara yang berperanan untuk memberi khidmat nasihat secara langsung dalam usaha memperkasakan institusi keluarga dan kesejahteraan sosial selaras dengan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.

MST di setiap parlimen juga berperanan memberikan pandangan dan cadangan terhadap polisi Kerajaan Negeri iaitu mengenai isu semasa, hak serta keperluan keluarga yang sejahtera agar pembangunan keluarga khususnya keluarga yang ada isu-isu sosial untuk disantuni dengan sebaik mungkin.

MST juga menjadi platform yang terbaik untuk menghimpunkan tenaga profesional yang telah bersara dan dimanfaatkan kembali kepada komuniti setempat. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kemuning.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco di atas penerangan yang diberikan sebentar tadi. Soalan tambahan saya apakah perbezaan di antara Mawaddah Support Team ini dengan MPWP ataupun Majlis Perundingan Wanita Parlimen terutamanya dari segi bidang tugas dan sasaran. Terima kasih.

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih kepada soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya sebutkan tadi Mawaddah Support Team memberi fokus kepada isu sosial dalam keluarga. Sasarannya adalah ketua keluarga... ketua keluarga dan juga keluarga yang berisiko.

Antara program MST Parlimen yang telah dan akan dilaksanakan iaitu :

- i. Ziarah Mahabbah Keluarga Mawaddah iaitu keluarga contoh yang terdiri daripada 65 keluarga di seluruh Negeri Kelantan.
- ii. Kedua, Ziarah Keluarga Berisiko 2025 seramai 20 keluarga di setiap parlimen iaitu terdiri daripada prospek penjara dan klien AADK.
- iii. Ketiga, Program Big Hero Peringkat Parlimen 2026. Seramai 150 orang lelaki setiap parlimen iaitu terdiri daripada prospek penjara dan juga klien AADK.
- iv. Keempat, Program Rehat dan Rawat iaitu bagi keluarga yang berisiko yang In Shaa Allah akan dilaksanakan pada 2026 yang melibatkan 10 keluarga yang terlibat dalam kes dadah di setiap parlimen.

Manakala MPWP menumpukan kepada aspek pembangunan, pemerkasaan dan permasalahan wanita yang mana sasarannya adalah kaum wanita. Sebagai contoh program yang dilaksanakan sebahagian daripada program yang kita laksanakan oleh MPWP adalah :

- a) Sesi Libat Urus Pemerkasaan Sosial Wanita.
- b) Kedua, *We Love We Care* iaitu menangani sekurang-kurangnya 10 kes keganasan rumah tangga di setiap parlimen.

c) Ketiga, Bantuan Cakna Hawa dan juga lain-lain.

Kedua-duanya bergerak seiring di peringkat Parlimen untuk memberikan impak yang terbaik kepada masyarakat. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan tentang peranan yang telah dibuat oleh Mawaddah Support Team. Soalan tambahan saya... soalan tambahan bagi isu ini adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan fungsi Mawaddah Support Team (MST) dengan kerjasama agensi lain seperti kaunseling profesional, institusi agama atau NGO bagi memperkukuhkan institusi keluarga.

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih kepada Bunut Payong atas soalan tambahan. Kerajaan Negeri pada prinsipnya sememangnya terbuka dan sentiasa memperkukuhkan fungsi MST iaitu melalui pendekatan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak. Kerjasama rentas agensi ini telah pun berjaya dilaksanakan bersama dengan pihak Jabatan Penjara Malaysia dan juga Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Di samping itu, MST di pelbagai peringkat di parlimen turut menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan NGO di kawasan Parlimen masing-masing bagi melaksanakan pelbagai inisiatif keluarga dan juga intervensi sosial. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga telah menubuhkan kumpulan sokongan sosial di peringkat negeri yang terdiri daripada tenaga sokongan psiko sosial bertauliah merangkumi kaunselor berdaftar, psikologis klinikal dan juga pegawai perubatan psikiatri bagi membantu keluarga yang menghadapi masalah emosi dan juga bagi memastikan kesejahteraan keluarga tersebut.

Kerajaan Negeri juga telah memperluaskan kerjasama dengan inisiatif iaitu melalui institusi agama khususnya JAHEAIK dalam memperkukuhkan aspek bimbingan spiritual iaitu berteraskan nilai keagamaan termasuk pengukuhan akidah, pembentukan sahsiah dan juga pemantapan peranan keluarga sebagai satu institusi asas dalam masyarakat.

Harapan kami dengan adanya program-program sebegini ianya sedikit sebanyak dapat meringankan amsalah yang dihadapi oleh masyarakat khususnya bagi keluarga yang berisiko. Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Dabong.

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif strategik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menjadikan Kelantan sebagai hub industri halal yang berdaya saing di peringkat nasional ?]

YB TUAN USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih pertamanya kepada Dabong ye, Dabong bertanyakan tentang inisiatif strategik pembangunan halal di Kelantan. Jadi Kerajaan Negeri pada asasnya telah menyediakan pelbagai inisiatif strategik. Ini sebenarnya bagi menjadikan Negeri Kelantan kita sebagai hub industri halal yang berdaya saing di peringkat nasional. Jadi oleh kerana itu lah Kerajaan Negeri Kelantan telah pun menubuhkan Majlis Pembangunan Industri Halal Negeri dan ianya telah dirasmikan pada 4 September 2025 yang lalu. Sebenarnya bagi memastikan bahawa industri halal ini terus diperkasakan di Negeri Kelantan Darul Naim dan ia juga untuk menarik pelaburan halal selain memperbanyakkan dan mempercepatkan proses pensijilan halal supaya Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) ini dimiliki oleh semua pemain-pemain industri bahkan usahawan-usahawan kecil di Negeri Kelantan Darul Naim ini.

Dan ini sebenarnya adalah selaras dengan titah Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan yang telah menyatakan di dalam titah tersebut supaya pembekal-pembekal makanan di Kelantan ini khususnya untuk membekalkan makanan yang bersih, halal, yang berkualiti dan juga memberi kemesraan dan hospitaliti yang baik kepada seluruh rakyat negeri. Ini keutamaan kita di dalam menaikkan industri halal di peringkat Negeri Kelantan Darul Naim ini.

Dan Majlis Pembangunan Industri Halal ini juga sebenarnya kita telah pun mengadakan satu mesyuarat jawatankuasa induk yang pertama pada 15 Februari yang lalu. Dan mesyuarat ini sebenarnya untuk terus membincangkan tentang bagaimana penyelarasan strategik dan program-program yang sepatutnya bersesuaian dilakukan selaras dengan era masa kini. Dan jawatankuasa induk ini terdiri keahliannya daripada Portfolio Jawatankuasa Pelaburan, Kerajaan Tempatan, Pertanian, Halal Development Corporation Sdn Bhd (HDC), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jabatan Pertanian, Veterinar, Jabatan

Perikanan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Invest Kelantan, PKINK, ECRDC dan Kolej Islam Antarabangsa (KIAS).

Dan selain daripada itu, Kerajaan Negeri sentiasa memikirkan cara bagaimana untuk supaya pensijilan halal ini terus mendapat sokongan. Antaranya, Kerajaan Negeri telah memberikan ini tahun ini memberi diskaun fee pensijilan kotej halal sebanyak 75%. Sepatutnya usahawan untuk kotej halal ini dia nak dapat sijil dia kena bayar RM200 tetapi dia hanya perlu bayar RM50 sahaja sebagai satu semangat lah kena ada juga. Jadi potongan 75% ini sebenarnya adalah merupakan satu inisiatif dan juga lah insentif Kerajaan Negeri lah bagi membantu usahawan kecil tempatan mencari pasaran modal yang lebih besar dan khususnya dengan adanya pensijilan halal di Kelantan ini.

Dan In Shaa Allah dengan potongan fee sebanyak 75% ini In Shaa Allah akan dapat memanfaatkan sekitar 66 orang usahawan-usahawan kecil yang *home based food* ataupun penyediaan makanan dari rumah ini In Shaa Allah ye. Dan di kesempatan ini saya nak ucapkan tahniah kepada Syarikat SR Rezeki Venture milik Puan Nor Syahirah Ruslan daripada Kampung Paya Bemban, Kota Bharu. Ini beliau merupakan pemilik sijil halal kategori kotej yang pertama di Kelantan yang mempunyai SPHM Sijil Pengesahan Halal Malaysia, tahniah kepada dia ye. Dan saya sendiri telah menyerahkan sijil itu pada minggu yang lalu dan memberi sokongan kepada produk yang telah dibuat olehnya adalah lasagna ayam alfredo dan lasagna daging bolognese. Ini antara yang apa yang sedap lah. Dan yang telah pun dibekalkan di Al-Khatiri Coffee, di Sogno Coffee dan juga di Kayuan Coffee berdekatan dengan Kompleks Kota Darulnaim. Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh singgah di situ tapi bayar masing-masing lah ye, lepas sidang boleh singgah tok aci. Dia kena panaskan dok boleh bawa macam buah-buah Exco Pertanian dia boleh bawa buah... takyah panas, ni panas dia dokleh bawa ke dalam Dewan.

Jadi apa kita kena support kepada usahawan-usahawan kecil kita ini. Dan banyak lagi yang lain-lain yang akan mendapatkan SPHM Sijil Pengesahan Halal ini. Ini usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor ini dan menjadi minat apa usahawan-usahawan kita untuk membekalkan

khususnya dalam apa produk yang kita kenakan adanya Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Dan di situ juga oleh kerana itu lah Kerajaan Negeri telah merancang bagaimana untuk mengadakan program-program yang sewajarnya untuk selari dengan pembangunan Majlis Industri Halal Negeri Kelantan ini. Dan In Shaa Allah terdekat ini akan diadakan satu Program Dialog Pembangunan Halal Negeri Kelantan ye. Sasarannya melibatkan pemegang taruh dan pemain industri. Ini bertujuan untuk perbincangan strategik hala tuju pembangunan halal negeri dan bagaimana untuk memberi keyakinan yang penuh kepada seluruh rakyat berkaitan dengan halal ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan semua Ahli Dewan bahawa pemilik ye premis di kalangan non-Muslim sendiri telah mempunyai 45 premis yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Maknanya bukan SPHM ini hanya dimiliki perlu oleh orang-orang Islam sahaja tetapi mereka-mereka yang bukan beragama Islam. Kerana untuk memastikan bahawa bila ada SPHM maka premis itu adalah premis yang berkualiti dan bersih yang terbaik.

Dan In Shaa Allah akan diadakan juga Seminar Pemantapan Pengurusan Halal Negeri Kelantan yang bertujuan untuk memastikan sistem jaminan dan integriti halal ini dapat terus disinergikan. Dan sasarannya juga adalah kepada seluruh pemain-pemain industri, termasuk lah In Shaa Allah berusaha ke arah untuk mendapatkan akreditasi standard ISO/IEC 17065. Ini sebagaimana yang Bahagian Pengurusan Halal JAKIM dapat. Kita nak usaha juga ke arah ini bagi mencapai piawaian antarabangsa supaya In Shaa Allah kita dapat kendalikan pensijilan produk halal, proses perkhidmatan secara lebih kompeten, konsisten untuk meningkatkan kredibiliti, ketelusan dan juga penerimaan di peringkat global In Shaa Allah.

Dan Alhamdulillah di bawah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan kini di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra pun mempunyai Pusat Halal KIAS ataupun KIASHAC yang sudah pun mendapat tempat dan pengiktirafan antarabangsa Alhamdulillah. Dimana Pusat Halal KIAS telah dilantik ye

sebagai perunding halal bagi Syarikat S Tradition yang berpangkalan di Singapura ye melantik syarikat daripada... perunding daripada Pusat Halal KIAS. Dan baru-baru ini Pusat Halal KIAS telah dijemput ke Tokyo untuk mendapatkan input berkaitan dengan pensijilan halal di negara Jepun dan bertemu dengan Nippon Asia Halal Association yang merupakan salah satu badan pensijilan halal di Jepun yang diiktiraf oleh JAKIM. Dan semua ini adalah merupakan usaha sama usaha sama yang akan dilakukan peringkat demi peringkat untuk memastikan bahawa bagaimana industri halal ini dapat dapat diberi sinergi yang sepatutnya di Negeri Kelantan Darul Naim. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Mulia Dabong sekali lagi.

YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan pendek jah, jawapan panje. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Ini satu tambahan soalan, jadi berapakah jumlah pelaburan komited yang direkodkan oleh Taman Industri Halal di Pasir Mas sehingga kini dan apakah bentuk dan jenis barangan halal yang telah sedia ada di Halal Hub Pasir Mas. Terima kasih.

YB TUAN USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih kepada sekali lagi Yang Berhormat Mulia Dabong. Kita ada di Kelantan di Pasir Mas ni Halal Hub Pasir Mas, Taman Industri Halal Pasir Mas ini sebenarnya telah dibangunkan di tanah seluas 108 ekar oleh ECRDC dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Kelantan. Dan apa sebenarnya adalah untuk memenuhi keperluan perusahaan kecil dan sederhana termasuk lah sebenarnya untuk membangunkan sektor-sektor halal dan produk-produk halal di Negeri Kelantan Darul Naim.

Sehingga kini untuk makluman seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat sejumlah Ringgit Malaysia 45 juta pelaburan komited telah direkodkan di Taman Industri Halal Pasir Mas. Dan ini In Shaa Allah berpotensi untuk

menjana sehingga 200 ataupun 200 lebih peluang pekerjaan kepada anak-anak Negeri Kelantan In Shaa Allah. Dan ada 45 lot industri yang telah terjual, ini merangkumi sektor pembuatan dan juga perkhidmatan. Selain itu ada sejumlah 23% kompleks perniagaan usahawan EBC telah pun disewakan kepada syarikat-syarikat tempatan bagi mengusahakan pelbagai produk.

Dan apa menariknya tahun yang lalu saya ke Singapore ada syarikat daripada Singapore yang berminat untuk datang membeli lot-lot industri di Taman Industri Halal Pasir Mas. Jadi apa kita lebih utamakan kepada pemain-pemain industri tempatan kita dulu, anak-anak Kelantan kita. Tapi kita juga akan membuka peluang ini kepada syarikat-syarikat yang berada di luar negara. Dan mereka In Shaa Allah akan menjual produk-produk halal seumpama produk kosmetik, *pharmaceutical* dan lain-lain lagi lah yang sudah ada lebih kepada produk makanan dan ada juga produk-produk yang berkaitan dengan perubatan.

Dan apa pencapaian sebenarnya pelaburan tersebut adalah merupakan hasil promosi dan juga sesi libat yang telah dilakukan oleh pihak ECRDC sendiri dengan sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri, PKINK dan juga agensi-agensi yang berkaitan ye. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Exco memandang kita sendiri Negeri Kelantan Negeri Serambi Mekah adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan ataupun untuk meletakkan dasar halal Negeri Kelantan sebagai bukti komitmen dan kesungguhan negeri dalam sektor ini. Terima kasih.

YB TUAN USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Salor. Ye pada dasarnya memang Kerajaan Negeri sendiri berasrat untuk mewujudkan atau apa membangunkan Dasar Pembangunan Halal Negeri Kelantan. Dan ini sebenarnya dan sebenarnya sewajarnya dan sepatutnya memang bukan setakat Negeri Kelantan, negeri-negeri yang lain pun mempunyai satu dasar bagi pembangunan halal ini kerana ia menjadi bukan setakat satu agenda di peringkat nasional tetapi ia adalah agenda yang besar di peringkat antarabangsa di peringkat global. Dan sehingga kini Kerajaan Negeri telah meneliti sebenarnya ada satu proposal tentang dasar pembangunan halal. Ini yang telah pun dikemukakan oleh Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra ye untuk menjalankan satu kajian dan mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai bagi Dasar Pembangunan Halal Negeri Kelantan. Jadi kajian ini sebenarnya adalah bermatlamatkan untuk kenal pasti usaha-usaha dan cabaran-cabaran dalam memperkasakan sektor halal ini termasuk lah dibuat analisis-analisis hasil-hasil usaha yang dicapai dalam pemeraksanaan sektor halal di Negeri Kelantan Darul Naim. Jadi kertas ataupun proposal ini telah pun apa diteliti di peringkat pihak Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan akan diteliti di dalam Mesyuarat Pembangunan Islam dan Dakwah nanti dan seterusnya akan diangkat untuk mendapat persetujuan. Jadi ye kita akan apa membesarkan sektor ini dan mempunyai satu dasar halal yang jelas di Negeri Kelantan Darul Naim. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Kelmarin soalan saya nombor 12 tak sempat. Giliran berbahas pun tak sempat juga.

Yang Berhormat Dato Speaker,

*Tamat sudah musim tengkujuh,
Mohon jawapan saya soalan nombor 7.*

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Yayasan Islam Kelantan berhasrat untuk membuka aliran Sains Tulen di Maahad Syamsul Maarif Perempuan dan aliran TVET di Maahad Syamsul Maarif Lelaki bagi menarik pelajar untuk memilih kedua-dua sekolah tersebut.]

YB DATO' USTAZ HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pula Chondong. Harini baru boleh bersiaran. Terima kasih lah seorang Yang Berhormat yang cakna kepada anak buah dia di Pula Chondong. Yang berkenaan dengan nak buka aliran sains tulen dan juga aliran TVET di Maahad Syamsul Maarif Lelaki dan juga Perempuan.

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) sentiasa terbuka dan responsif terhadap cadangan penambahbaikan aliran pengajian di sekolah-sekolah di bawah pentadbirannya, termasuk cadangan membuka aliran Sains Tulen di Maahad Syamsul Maarif Perempuan dan aliran TVET di Maahad Syamsul Maarif Lelaki.

Untuk pengetahuan Dewan, YIK ni bidang fokus yang pelbagai. Pertamanya untuk melahirkan huffaz, YIK menubuhkan tahfiz. Tahfiz pun ada qiraat, ada sains dan ada tahfiz sahaja dan juga aliran arab agama. Dan YIK juga ada aliran pondok. Dan YIK juga ada aliran tadika. Jadi berhubung perkara tersebut, pertimbangan kerajaan adalah berdasarkan beberapa faktor utama.

Pertama, berdasarkan permohonan dan keperluan sekolah. Kena mohon dulu YB. Sebarang pembukaan aliran baharu akan diteliti berdasarkan permohonan rasmi pihak sekolah serta kajian keperluan setempat, termasuk unjuran kemasukan pelajar dan kesediaan prasarana. Takut kita buka dok cukup sekelas... rugi dok. Pernah kita buka *per head* dia mencecah 5000... rugi... rugi Kerajaan lah dok. Sebab tu lah kena buat kajian unjuran kemasukan pelajar dan juga kesediaan prasarana.

Yang kedua, keupayaan dan kesesuaian pelajar. kerajaan negeri mengambil kira kemampuan akademik dan juga kecenderungan pelajar untuk mengikuti aliran Sains Tulen atau TVET agar pelaksanaannya benar-benar memberi manfaat dan tidak menjejaskan prestasi keseluruhan sekolah.

Jadi kita tengok Syamsul Maarif ni contoh lah Matematik dio ni tidak *excellent* mano, jadi kalau kito nok buko aliran sains ni dengan *add math*, fizik, bio, kimia takut menjejaskan... rugi. Kalau aliran biasa ni dia boleh up 10A ko yang mendapat tawaran yang Istimewa. Hok tu kito keno buat kajian jugok.

Dan yang ketiganya, keseimbangan dengan identiti pendidikan YIK. Dalam masa yang sama, tumpuan utama YIK kekal kepada pemerkasaan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab sebagai teras dan identiti sekolah-sekolah YIK. Hok tu jadi sekolah YIK ni, ditubuh melalui enakmen Yayasan Islam Kelantan untuk melahirkan pelajar yang berilmu, beriman, bertakwa kepada Allah dan layak berkhidmat untuk membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan ummah. Hok tu... dok... pasal kito tengok aliran biasa ni tidak menjurus koktu maka negeri ambil tanggungjawab ni. Itu adalah identiti Pendidikan YIK. Jadi sebarang peluasan aliran akan dilaksanakan tanpa mengabaikan matlamat melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berteraskan Al-Quran dan juga Al-Sunnah.

Jadi kita tubuh aliran sains, tahfiz sains jadi berteraskan kepada ilmu, akhlak, Quran, Sunnah tu di dada dia. Jadi sebab tu lah kita berjaya lahir pelajar 20A, 18A tapi dalam dada dia ada Quran. Bila dia sambung belajar ke US, contoh satu tahun tu pelajar 18A sambung belajar ditawarkan ke

US dia mengetuai bacaan Al-Quran pelajar-pelajar Asia... haa tu. Maknanya generasi yang berilmu, berakhlak, berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah. Itu fokus kita.

Jadi kerajaan negeri akan melaksanakan kajian menyeluruh dari sudut kurikulum, tenaga pengajar, prasarana serta implikasi kewangan sebelum sebarang keputusan muktamad diambil. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pulai Chondong. Dipersilakan Yang Berhormat Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker.

*Kalau tuan pergi memancing,
Jangan lupa membawa umpan.
Kontinjen Kelantan hebat bersaing,
Soalan berkaitan nombor 8.*

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah sasaran rasmi pungutan pingat yang di tetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi penyertaan dalam SUKMA Selangor 2026 ?]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga Yang Berhormat Tendong. Kerajaan Kelantan melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan telah menetapkan sasaran rasmi kontinjen Kelantan di SUKMA...sasaran kontinjen Kelantan di SUKMA Selangor 2026 iaitu untuk pingat emas sasaran kita adalah 16, perak 8, manakala pingat gangsa adalah 11.

Sasaran ini mencerminkan keyakinan Kerajaan Negeri terhadap kesiapan siagaan Kontinjen Kelantan yang akan menyertai 35 daripada 37 jenis sukan yang akan dipertandingkan. Penetapan ini dibuat berdasarkan analisa prestasi SUKMA terdahulu, perkembangan semasa atlet pelapis, keberkesanan program pembangunan sukan negeri serta pengukuhan aspek kejurulatihan dan juga fasiliti latihan.

Kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan komited untuk memastikan setiap atlet ada pada tahap terbaik dan bersedia untuk bersaing secara kompetitif di peringkat kebangsaan. Dengan sokongan padu semua pihak persatuan sukan, jurulatih, pegawai dan atlet Kerajaan Negeri yakin sasaran yang ditetapkan ini akan menjadi realistik, berstrategi dan mampu dicapai. Seterusnya memperkukuh kedudukan Kelantan dalam arena sukan negara. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Terima kasih kepada Kerajaan. Soalan tambahan, melalui penjelasan tadi sejauh mana pihak Kerajaan ataupun di bawah Exco Sukan ini menyusun program-program yang melibatkan atlet di peringkat akar umbi ini bagi kesiapsiagaan untuk target ataupun untuk persiapan SUKMA pada tahun ini. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih atas soalan tambahan. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan memberi penekanan serius terhadap pembangunan atlet daripada peringkat akar umbi sebagai asas utama kesiapsiagaan kontinjen SUKMA Selangor pada tahun ini.

Pendekatan ini dilaksanakan secara berfasa melalui 3 peringkat iaitu pembangunan atlet iaitu bakat, pelapis dan juga elit. Atlet peringkat elit merupakan kumpulan utama SUKMA, manakala atlet bakat dan pelapis

dikenal pasti lebih awal untuk dipersiapkan sebagai pelapis masa depan termasuk pendedahan kepada kejohanan peringkat kebangsaan dan juga serket kebangsaan.

Bagi memperkukuh ekosistem ini MSN telah melaksanakan pelbagai program pembangunan seperti Kem Pemerkasaan Pembangunan Sukan, Bengkel *Road To SUKMA* Selangor 2026, Kursus Sains Sukan Tahap 1 dan 2, Ujian Kecergasan Atlet Siri 1-3, Bengkel *Anti-Doping*, *Nutrition Talk*, *High Attitude Training Camp*, Bengkel *Sport Injury* serta program *attachment* latihan di lapangan yang berkaitan. Selain itu atlet juga didedahkan melalui penyertaan kejohanan dan juga serket kebangsaan, penganjuran kejohanan dalaman serta kem-kem latihan berfokus termasuk kem altet SUKMA dan juga kem atlet bakat, pelapis dan juga olimpik.

Keseluruhan pendekatan ini telah meningkatkan tahap kesiapsiagaan atlet secara menyeluruh dari segi fizikal, teknikal dan mental. Sekali gus memastikan kontinjen Kelantan lebih bersedia dan kompetitif menghadapi SUKMA 2026. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Persilakan Galas.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Exco, sewaktu SUKMA yang diadakan di Sarawak Yang Berhormat telah mengumumkan bahawa sasaran pingat kita ialah 56. Namun dukacita pencapaian kita hanya lah 3 itu pun gangsa. Dan kita berada di tangga 13 daripada 13 negeri yang menyertai. Dan pada kali ini Yang Berhormat ada menyatakan bahawasanya kita mensasarkan 16 emas, perak 8 dan juga gangsa 11. Ini harapan kita dan kita berharap sasaran ini dapat kita capai.

Kalau lah pencapaian SUKMA terdahulu jadi sandaran saya nampak bahawasanya ia telah menjadi perancangan yang retorik. Soalan tambahan saya, bagaimana negeri kita ataupun pihak jawatankuasa Yang Berhormat memastikan agar isu-isu penghijrahan atlet berbakat negeri

kita yang telah berhijrah ke negeri lain. Dan bagaimana kekurangan jurulatih yang berkualiti ditangani dalam kita menghadapi SUKMA.

Dan yang kedua Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Dewan ini berkaitan dengan sukan pilihan iaitu sukan bola baling. SUKMA 2028 kita jadi tuan rumah adakah pihak kerajaan bercadang ataupun berhasrat untuk mengangkat sukan-sukan pilihan ini yang ada potensi untuk kita dapat pingat, untuk kita train daripada awal lagi supaya pingat dapat disumbangkan sempena kita jadi tuan rumah SUKMA 2028. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Galas di atas soalan tambahan. Pertama cabaran tentang penghijrahan atlet. Kita akui ini adalah satu cabaran yang besar untuk Kontinjen Kelantan kerana biasanya atlet-atlet ini ditawarkan dengan elaun yang lebih besar oleh negeri-negeri lain. Jadi salah satu pendekatan yang kita ambil adalah pertamanya untuk membina ataupun membina semangat kenegerian ataupun semangat cintakan Kelantan. Jadi mana-mana atlet yang mempunyai semangat cintakan Kelantan walaupun ditawarkan dengan elaun yang lebih tinggi di tempat lain In Shaa Allah mereka akan kekal di Kelantan. Itu salah satu pendekatan.

Selain daripada itu, kita juga berusaha untuk menempatkan atlet-atlet tersebut di mana-mana agensi Kerajaan ataupun GLC ataupun PBT dan sebagainya. Tapi itu memerlukan kelayakan akademik berdasarkan merit dan sebagainya. Jadi kalau mereka mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi sekurang-kurangnya lulus SPM dengan baik, jadi mungkin ada peluang untuk penempatan mana-mana jawatan yang sesuai di mana-mana agensi Kerajaan. Itu salah satu pendekatan untuk kita memastikan mereka kekal di Kelantan.

Yang kedua mengenai isu kejurulatihan. Berdasarkan maklumat yang saya dapat hari ini daripada MSN setakat ini kita tidak nampak isu berkaitan dengan kejurulatihan, semuanya berjalan dengan baik dan tidak ada isu-isu yang berkenaan.

Soalan kedua mengenai sukan pilihan. Ini juga satu apa ni satu isu yang agak kompleks juga. Sebagai contoh pada tahun ini apabila SUKMA di Selangor, dia ada beberapa perbahasan dari segi sukan utama dan sukan pilihan. Dan biasa sukan utama ini kekal, itu tiada isu. Cuma sukan pilihan ni dia banyak faktor yang akan menentukan sukan-sukan mana yang ditentukan. Antaranya adalah sekurang-kurangnya ada 6 penyertaan daripada kontinjen seluruh negara dan juga yang paling penting akhirnya adalah kewangan, kemampuan kewangan. Dan kalau kita tengok hari ini pun, semalam ataupun beberapa hari yang lepas kecoh di media ataupun di peringkat Kerajaan apabila dalam Sidang DUN saya difahamkan Titah Sultan Selangor agar SUKMA Selangor ditangguhkan.

Jadi sekarang ini pun disebabkan faktor kewangan, faktor ekonomi semasa. Setakat ini kita belum mendapat keputusan rasmi, perbincangan masih diadakan di peringkat Kementerian dan peringkat Exco Sukan In Shaa Allah telah dicadangkan satu tarikh pada penghujung bulan ini akan diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA di peringkat negara yang akan diadakan secara hibrid yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri untuk menentukan sama ada SUKMA Selangor 2026 diteruskan ataupun dikecilkan skala ataupun ditangguhkan.

So berbalik kepada soalan YB Galas tadi, akhirnya dia bergantung kepada jumlah penyertaan negeri-negeri dan juga kemampuan kewangan tuan rumah. Jadi kalau Galas boleh tolong cari duit banyok untuk sukan tersebut mungkin In Shaa Allah dia dapat *sponsor* mana-mana kita boleh pertimbangkan untuk dijadikan salah satu sukan untuk 2028. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, langkah untuk menarik semula pelancong dalam negeri ke pusat-pusat membeli belah yang menjadi tarikan sebelum ini.]

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bunut Payong atas soalan. Yang Berhormat Bunut Payong mahu mengetahui langkah yang boleh diambil untuk menarik semula pelancong dalam negeri ke pusat-pusat membeli belah yang menjadi tarikan sebelum ini.

Pusat membeli belah yang ingin kita bicarakan ialah kebanyakannya yang ada di Kota Bharu. Ore mari untuk shopping kebanyakannya mari di Kota Bharu. Dan ada beberapa pusat membeli belah yang tersohor tapi ada juga yang mengalami masalah ekonomi. Dan beberapanya telah terpaksa tutup. Antara yang boleh disebut ialah Parkson, tu dah tutup. Hankyu pun tutup. Di samping itu ada beberapa yang lain yang nampaknya masih boleh bertahan. Dan bahkan setengah tu meningkat maju lagi misalnya AEON, Mydin, Lotus tu begitu gitu lah ye dan Billion juga sedang mengalami satu macam transformasi sekarang ini.

Ini daripada hasil tinjauan yang kita buat lah. Dan kebanyakan mereka ini boleh dikatakan semuanya adalah milik swasta. Ada yang datang meminta bantuan kepada Kerajaan dalam bentuk cadangan ataupun permohonan mengadakan program bersama dan ada yang tidak. Jadi kita ambil keputusan untuk layan yang datang lah. Di antara yang datang jumpa mencadangkan kerjasama ialah AEON. AEON Alhamdulillah dia agak agresif dalam marketing, pernah diadakan beberapa acara pada penghujung tahun lepas dan pada awal tahun ini. Satu daripadanya ialah menjadi tapak pertandingan ayam serama... ayam baik. Kemudian

keduanya tapak untuk *kid grand prix* tapak apa namanya lumba kereta untuk kanak-kanak.

Jadi itu adalah antara program yang dianjurkan dengan bantuan kita dan telah menarik perhatian. Kita selain daripada itu boleh lah memberi cadangan kepada pihak swasta ini pihak shopping mall ini pusat membeli belah ini ialah untuk pertamanya mengadakan parking yang cukup itu pertimbangan.

Keduanya produk... produk yang biar apa namanya ada pengkhususan produk, misalnya saya perhatikan Mydin dia banyak *food stuff* barang-barang makanan dan ini telah menggalakkan pengunjung daripada Thailand datang untuk membeli belah di hujung minggu. Billion saya perhatikan kalau dulu dia menjual produk pelbagai sekarang ini nampak dia tumpu pada *high end product*. *High end product* maknanya yang bernilai tinggi khusus untuk pengunjung yang mahu barang-barang import, barang-barang yang nilai tinggi yang biasanya terdapat di Kuala Lumpur so dia bawa ke mari dan dijual di Billion. So saya ingat ini satu... satu cara bisnes yang munasabah mengikut perkembangan semasa.

Selain daripada itu, ada juga tapak-tapak membeli belah. Ini yang dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang ada mengalami masalah tiada pengunjung tapi ada yang masih boleh bertahan bahkan bertambah baik.

Yang menjadi masalah yang agak apa itu muram sekarang ini ialah tapak di Wakaf Che Yeh. Wakaf Che Yeh yang dulu tempat yang tersohor menjadi tumpuan, sekarang ini sudah lengang tak ada orang. Dan.. tapi macam tapak di medan... di Dataran MPKB itu meriah masih walaupun keduanya tak sama apa namanya bahan yang dipersembahkan. Di Wakaf Che Yeh itu dia banyak kepada barang basah, ini sudah diambil alih oleh TEMAN. Jadi TEMAN sekarang menjadi tumpuan. Saya ada berbincang secara tidak... secara santai saja lah dengan Yang Berhormat Bunut Payong kerana bahagian ini bawah DUN Bunut Payong untuk membuka dengan kerjasama pihak MPKB lah ye cadangan kepada mana-mana pemaju ataupun pengusaha untuk memanfaatkan kawasan itu dengan mengadakan satu pasaran besar yang bersifat apa namanya macam

jumble sale khusus untuk sama ada elektronik produk ataupun barang *bundle* daripada yang berkualiti daripada negara-negara yang maju boleh dijadikan salah satu tarikan kepada pengunjung-pengunjung. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Terima kasih kepada pihak Kerajaan di atas jawapan yang agak panjang lebar tadi. Soalan tambahan saya antara indikator utama tarikan pelancong membeli produk kita adalah kerana keunikan dan keaslian produk makanan dan kraf tangan Kelantan. Adakah terdapat usaha-usaha oleh kerajaan negeri dalam memperbanyakkan hasil produk-produk tersebut. Sekian terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Terima kasih atas soalan tambahan. Ye memang ada usaha dan kita berurusan dengan pelbagai pengusaha sama ada dalam bidang makanan ataupun juga produk kraf tangan. Saya berpandangan bahawa masalah kita, jika ianya masalah ialah bukannya pengeluaran tapi *marketing*. Masalah kita ialah bagaimana nak memasarkan produk kita. Ini yang kita kurang dan menyebabkan kita agak kurang terkenal kerana pemasaran kita lemah. So kita belum ada satu agensi, belum ada satu badan yang khusus menumpukan usaha dan kegiatan dalam memasarkan Kelantan *Made Product* keluar.

Pun begitu masih ada juga lah usaha kecil-kecilan, misalnya beberapa misi yang kita buat di luar negeri untuk mempamerkan dan menunjuk barang keluaran daripada Kelantan ni. Dan misalnya semasa *event* MAHA ke dianjurkan semasa peringkat Pusat kita menyertai dan kemudian Hari Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari tahun ini pun kita menyertai. Ini kita maksudnya Kerajaan mengumpulkan pengusaha-pengusaha sama

ada dalam bidang makanan ataupun produk untuk ambil bahagian di dalam pameran tersebut dan kita tanggung tapaknya. So dan awal bulan Mei nanti In Shaa Allah di Johor Bahru juga kita akan menyertai satu misi Pasaran Kraf Tangan yang akan diadakan di Angsana Mall di Johor Bahru. Marketnya sekitar Johor dan juga Singapore. So itu yang sedang kita usahakan dan akan terus usahakan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Galas.

YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Yang Berhormat Exco telah menyatakan bahawasanya kita telah memertai kontrak pelancongan RM2.3 juta di ITB Berlin yang menyasarkan 2300 orang pelancong Jepun mari ke Negeri Kelantan sepanjang tahun 2026 ni. Saya ucap tahniah atas kontrak ini. Cuma soalan saya nya sebagaimana yang dinyatakan tadi adakah destinasi pusat membeli belah seperti AEON Mall, Mydin, Lotus juga jadi destinasi kita nak bawa pelancong Jepun mari ke Negeri Kelantan dan tengok pusat membeli belah kita ni.

Dan kalau tidak Yang Berhormat, apakah usaha yang dibuat selain daripada tempat ekopelancongan kita nak bawa ke Wakaf Che Yeh... Wakaf Che Yeh selok doh, nok bawa ke Pengakalan Kubor... Pengkalan Kubor pun slow, nok bawa ke Rantau Panjang... Rantau Panjang pun hidup segan mati tak mahu. Jadi apakah perancangan yang dibuat oleh Kerajaan dalam memastikan agar pelancong-pelancong *international* yang mari ke Negeri Kelantan ini berasa oh comey Kelate kito ni. Dan kito tokse jadi indah khabar dari rupa. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Galas. Saya bercadang untuk nak menyentuh hari ini masa Penggulungan nanti ye. Tapi oleh kerana dibangkitkan saya boleh sebut sikit-sikit lah. Pertamanya mengenai

kontrak yang ditanda tangan di ITB Berlin, itu ialah di antara syarikat kita Kelantan ni dengan satu syarikat *travel agency* daripada Jepun. Sasaran kita ialah pengunjung daripada Jepun datang ke Kelantan dan menikmati keindahan seperti Yang Berhormat sebut alam semula jadinya, makanannya, gastronominya. Orang Jepun ni dia kuat makan, yang keduanya dia suka makanan apa ni laut, *seafood* dan kita Alhamdulillah. Yang ketiganya mereka juga suka *eco tourism*. So Dabong sudah pastinya lah akan menjadi satu tempat yang utama dalam senarai kita.

Selain daripada itu, mereka juga minat kepada *cultural activities* dan juga kraf tangan. So saya fikir mereka bukan lah nok mari tengok, nok beli belah di shopping mall pasal tempat dia lebih hebat lagi. Tapi Pasar Siti Khadijah satu tempat menarik bagi mereka. So ini semua dalam perancangan dan persiapan untuk menerima mereka ini. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan Dewan. Sebelum saya menangguhkan Dewan saya ingin mengalukan tetamu istimewa barisan pelajar dari Sekolah Menengah Agama Cabang Empat Wakaf Bharu seramai lebih kurang 30 pelajar. Dewan akan disambung semula pada jam 11.15 pagi.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.45 PAGI DAN
AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.15 PAGI**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.15 PAGI

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Persidangan Dewan disambung semula. Semalam seramai 21 orang ahli telah membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja dan hari ini pihak Kerajaan akan membuat Penggulungan kepada perbahasan-perbahasan yang telah dilakukan semalam. Saya persilakan daripada Kerajaan. Siapa yang akan menggulung? Sila.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dato' Speaker, pertamanya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas kesempatan untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan usul menyokong Titah Ucapan D'Raja yang telah disampaikan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja semasa perasmian Dewan pada hari semalam.

Ada beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri dalam Perbahasan berkenaan dengan isu pelancongan dalam negeri kita. Dan ini adalah sebagai respon kepada Titah Ucapan yang disampaikan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja yang menyebut dalam Titah Ucapan baginda mengenai pelancongan dan khusus mengenai gastronomi.

Sewajarnya pelancongan menjadi satu daripada aktiviti pemangkin ekonomi. Bahkan bagi setengah-setengah negara pelancongan menjadi kegiatan utama asas kepada pembangunan dan kelangsungan kegiatan ekonomi bagi negara-negara tersebut. Contohnya negara Maldiv, 100% pendapatan negaranya ialah hasil daripada pelancongan. Demikian juga

dengan Nepal dan juga Bali di Indonesia. Dan ada beberapa negara lain termasuk lah negara jiran kita Thailand yang banyak bergantung kepada hasil pendapatan negara daripada kegiatan pelancongan.

Jadi bagi kita Negeri Kelantan ni pelancongan adalah suatu yang sangat berpotensi untuk dimajukan dan boleh menjadi sumber tambahan kepada pendapatan negeri. Dan cumanya kemajuan pelancongan bergantung rapat dengan, pertamanya mengenai keadaan politik semasa baik di peringkat global mahupun di peringkat Rantau. Sepertimana yang berlaku sekarang, peperangan di Teluk Parsi dikatakan akan menjejaskan tahap pelancongan peringkat dunia kepada... boleh jadi 50% maknanya menurun apabila ianya menyebabkan kenaikan kos penerbangan, pelan penerbangan juga tidak menjadi sekerap yang terdahulu. Jadi sedikit sebanyak akan membawa kepada penurunan jumlah pelancong yang akan datang khususnya kita di Malaysia ini menerima pelancong daripada Timur Tengah dan juga daripada Eropah... Eropah Barat.

Jadi dalam satu hal kita mendoakan agar suasana kembali jadi aman dan sejahtera bagi menggalakkan kegiatan pelancong. Di samping yang lain kita terpaksa bersedia juga lah untuk menerima keadaan yang mungkin membawa kesan yang tidak begitu baik kepada negara kita dalam hal pelancongan. Dalam apa pun keadaan usaha telah kita jalankan. Duli Yang Mulia Pemangku Raja telah bertitah berkenaan dengan gastronomi. Satu-satunya tarikan pelancong kita di Negeri Kelantan ni ialah makanan. Ini telah diakui oleh pengunjung-pengunjung daripada luar negeri maksudnya domestik luar negeri Kelantan dan juga pengunjung antarabangsa.

Bahkan salah satu daripada menu daripada Kelantan yang diangkat untuk dijadikan item dalam pertandingan masak di peringkat antarabangsa pada tahun lalu di Dubai iaitu nasi kerabu telah berjaya dipilih sebagai johan masakan. Itu nasi kerabu yang mungkin yang sudah pasti bukannya dia bawak ore yang buat daripada Kelate lah di sana tu. Ni puak puak chef di Kuala Lumpur saje yang bawak tu. Dan saya agaknya boleh jadi nasi kerabu tu dalam 70-80% jah hok ado komponen hok aslinya. Dan kita tak tahu nasi kerabu mano tu, nasi kerabu tumis ko, nasi kerabu golok ko, nasi

kerabu putih ko, hitam ko kito tak tahu tapi pokoknya nasi kerabu lah Alhamdulillah. Jadi kalau dio mari sini jupo dengan hok asli ni lagi lah tokse kelik kalih, In Shaa Allah tu nasi kerabu jah tu.

So dalam hal mempromosikan gastronomi pihak Kerajaan sedang bercadang sedang bersiapkan untuk mengadakan *food festival* di dua tempat, satu di Johor Bahru sekali lagi, ye Johor Bahru ni *basically* kita nak *tackle market* daripada Singapura dan yang keduanya ialah di Kuala Lumpur. Semuanya itu sedang dalam perancangan. Dan ini selain daripada memberi galakan dan juga bantuan yang sewajarnya kepada pengusaha-pengusaha yang memohon permit dan bantuan untuk mengadakan pesta makanan di dalam negeri kita seperti yang banyak kali berlaku pada tahun yang lalu dengan mendapat sambutan yang sungguh baik.

Cumanya *complaint* yang saya terima ialah mengenai dengan harga. Apabila buat di sini ramai yang *complaint* kata harganya agak lebih mahal daripada makanan di luar daripada pesta. So ini satu isu yang In Shaa Allah kita akan cuba *handle*, kita cuba uruskan dengan pihak penganjur supaya ia tidak menjadi suatu yang boleh menjejaskan sokongan orang ramai kepada usaha ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada ADUN dari Tawang yang menyebut tentang Bachok sebagai Bandar Pelancongan yang dinobatkan oleh Kerajaan. Kerajaan berhasrat untuk tidak sahaja menghadkan Bandar Pelancongan ini kepada Bachok. Walaupun sekarang ini Bachok itu kita sebut lah Bandar Pelancongan dan dia ada lah dia punya keistimewaan dia. Tapi juga hasrat kita pada jangka masa yang panjang sikit ialah untuk menjadikan semua bandar di Kelantan ini sebagai bandar yang mempunyai nilai yang tinggi untuk menarik pelancong ke tempat-tempat bandar-bandar tersebut.

Bachok sewajarnya dengan pantainya terpanjang. Kalau kito di Kelate ni Pantai Bachok lah yang terpanjang, bersih, landai, luas, menampung beberapa jenis kegiatan yang besar, yang telah diadakan... yang akan diadakan seterusnya bukan sahaja oleh penganjur yang berkaitan dengan

kesenian tetapi juga dengan pertanian dan lain-lain dibuat di Bachok. Dan cuma di 1-2 tempat di daerah Bachok masih dalam DUN Tawang akses... akses ke pantai itu agak sedikit bermasalah kerana jalannya sempit. Dan ini telah dibawa kepada perbincangan dengan pihak Majlis Daerah dan juga Pejabat Tanah bagaimana untuk kita permudahkan orang lalu lintas. Dan kalau tak kita selesaikan masalah ini dalam jangka masa yang dekat dia mungkin menjejaskan potensi Pantai Senok ini dimajukan sebagai satu lagi tempat yang besar untuk pelancongan. Itu sangat besar apatah lagi dengan adanya jambatan yang sedang dibina sekarang ini yang akan menghubungkan Pulau Gajah dan terus ke Pengkalan Chepa dan terus ke airport dan Kota Bharu.

Dan ini boleh jadi satu jalan utama alternatif yang baik bagi *travelers* bagi mereka yang menggunakan jalan raya daripada Besut untuk ke Kota Bharu untuk ke airport ye. In Shaa Allah jadi orang di sekitar jalan itu akan mendapat limpahan manfaat ekonominya. Di bandar-bandar lain semuanya ada tarikan masing-masing. Pasir Puteh dengan sejarahnya, Kota Bharu sebagai tempat berkumpulnya kegiatan budaya, makanan, shopping. Tumpat dengan pulau-pulau yang pelbagai termasuk dengan *floating market*. Pasir Mas dengan Tasik Tok Uban nya, dengan *floating solar* nya. Kuala Krai dan Jeli dengan Gua Musang dengan eco-tourism. Jadi Tanah Merah, tak lupa Tanah Merah dengan Guillemard nya. Tahniah YB kerana kesungguhan untuk mempromosikan Guillemard. In Shaa Allah ini semuanya dalam perhatian Kerajaan untuk dibangunkan. Machang dengan Bukit Bakau dia, dengan pusat pengajiannya. Dan In Shaa Allah boleh jadi tertakluk kepada rundingan dengan pihak kelab golf Kelate ni. Boleh jadi kita akan cari tempat sebagai alternatif kepada tapak yang ada sekarang ini di Machang.

Dan Dabong... Dabong saya nak sebutkan Yang Berhormat Mulia Dabong dalam ucapan seolah-olah macam merintah lah untuk kita ambil usaha yang lebih untuk mempertingkatkan dan memperkenalkan Dabong kepada pengunjung dari dalam negeri dan dari luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat Mulia ADUN Dabong memang Dabong ni kita bawa mana-mana. Baru-baru ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Galas yang bertanya berkenaan dengan satu pasaran pelancongan

terbuka antarabangsa di Berlin, Jerman kita bawa Dabong ke sana. Tapi bukan bawa ADUNnya, bawa bendanya ye dengan video dengan segala macamnya. Boleh jadi kes tak bawa ADUN Dabong kot... In Shaa Allah dikesempatan lain lah.. tok bawa tuan dia ni. Dalam apa namanya perjanjian yang kita apa namanya *endorse* kita saksikan antara satu syarikat pelancongan Kelate ni dengan syarikat pelancongan daripada Jepun itu yang mensasarkan berapa juta ye yang bernilai RM2.3 juta perjanjian pelancongan ini. Isu yang kita bawa utamanya ialah tarikan Dabong itu. So dan In Shaa Allah *eco-tourism* ini menjadi *forte* kita maknanya kekuatan kita di Kelantan selain daripada makanan dan juga *cultural activities*.

Dan selain daripada itu saya ingin juga... patut sebut awal tadi lagi tapi saya ingat tak terlewat juga untuk memberi penjelasan berkenaan dengan kedudukan usaha pelancongan di peringkat negeri ini berbanding dengan yang di peringkat Persekutuan. Mengikut Jadual 9 Perlembagaan Malaysia, pelancongan adalah dibawah senarai federal bukan dibawah senarai negeri ertinya tugas untuk mempromosi Malaysia dan negeri-negeri di dalamnya itu ialah tugas federal. Dia patut lebih banyak belanja untuk mempromosi negeri-negeri yang agak terkebelakang dari segi promosi.

Tapi saya ada perhatikan masa dalam perjumpaan di antara negeri-negeri bersama dengan menteri dan kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan. Negeri-negeri yang sudah terkenal, mendapat sokongan dan juga peruntukan yang lebih banyak. Manakala negeri tersebut tak perlu lagi. Negeri macam negeri Melaka, Melaka mendapat yang terbanyak apa namanya sokongan bahkan pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 dibuat di Melaka dan ratusan puluhan juta belanja untuk tujuan itu ye. Penang juga tak perlu kepada sokongan lagi dah, sudah terkenal semuanya ini. Tetapi ye lah itu lah masalah kita. Apa pun kita masih apa namanya merasa terhutang budi dengan Kerajaan Pusat melalui MOTEC dalam beberapa tahun ini agarnya lebih mesra. Dan saya percaya ini sebahagian besarnya hubungan baik dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini. Dan kita berharap hubungan baik ini dapat diteruskan

ditingkatkan. Dan dengan demikian usaha-usaha untuk memajukan Negeri Kelantan dalam bidang pelancongan ini mendapat sokongan dan juga peruntukan yang lebih. Dan akhirnya itu lah kita doakan mudah-mudahan suasana ekonomi dunia dan juga politik dunia, geo politik dunia akan kembali tenang dan maju kerana dengan demikian saja lah pelancongan di negeri-negeri di Malaysia ini tidak terkecuali Kelantan akan mendapat ruang untuk memajukan diri kita dalam bidang ini. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Okay terima kasih. Lagi? Yang Berhormat, sila.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah D'Raja khususnya yang telah menyentuh Portfolio Belia, Sukan, NGO serta Perpaduan Masyarakat. Izinkan saya untuk membuat Penggulangan terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Pertamanya YB Galas, YB Galas ada membangkitkan tentang isu pembangunan fasiliti sukan serta rekreasi. Secara umumnya, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkasa pembangunan sukan sebagai medium untuk membina jati diri belia. Sepanjang tempoh semasa beberapa kemudahan sukan telah dinaik taraf secara berfasa di seluruh negeri. Dengan saya ini ada senarai lebih kurang 15 projek ataupun pembangunan penambahbaikan kemudahan-kemudahan sukan dibawah peruntukan Projek

Pembangunan Belia P02 dibawah Setiausaha Kerajaan Negeri. Dimana dibawah peruntukan P02 ini untuk penyediaan infra sukan, peruntukan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM800 ribu setahun. Jadi setiap tahun peruntukan itu akan digunakan untuk projek-projek menaik taraf fasiliti sukan.

Selain daripada itu, kita juga... ada juga peruntukan dibawah Portfolio Exco. Mace tadi direct bawah SUK RM800 ribu, dibawah Exco peruntukan untuk belia dan sukan kadang-kadang kita guna juga sebahagian daripada peruntukan itu untuk kemudahan fasiliti sukan. Selain daripada itu, peruntukan dibawah RKP di peringkat DUN juga boleh digunakan untuk membangunkan kemudahan sukan termasuk contohnya biasanya kalau di kampung-kampung gak dia boleh buat *court* sepak takraw untuk kemudahan anak-anak muda khususnya. Selain daripada itu, peruntukan pembangunan sukan dibawah Portfolio Exco sendiri adalah sebanyak RM3 juta. Sebarang program-program sukan boleh menggunakan peruntukan tersebut termasuklah yang kita gunakan yang kita belanjakan lebih kurang RM1.5 juta, separuh daripada bajet tersebut untuk Liga Elit DUN serta Piala MB. Satu bajet yang cukup besar yang melibatkan sejumlah besar anak muda Kelantan.

Yang kelima, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan dana tahunan kepada Majlis Sukan Negeri untuk sukan berprestasi tinggi sebanyak RM4 juta setahun. Maknanya banyak lah peruntukan-peruntukan yang kita peruntukan untuk pembangunan sukan. Selain daripada itu, SUKMA Kelantan 2028 juga menerima peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tahun 2026. Jadi kalau kita campur semua tadi keseluruhan bajet ataupun peruntukan untuk aktiviti sukan di Negeri Kelantan melebihi RM10 juta. Tidak termasuk bajet dibawah Kementerian Belia dan Sukan, maknanya JBS pun banyak program-program sukan dilakukan dan juga termasuk juga Jabatan Perpaduan Masyarakat dia ada juga bawah program-program sukan yang diadakan.

Dan saya yakin pada masa yang sama dibawah sahabat saya Exco Kerajaan Tempatan juga telah banyak dibelanjakan untuk pembangunan dan pembinaan pusat rekreasi di seluruh negeri. Manakala loni kita tengok di

Kelate ni boleh dikatakan setiap daerah itu telah dibangunkan pusat-pusat rekreasi untuk anak-anak muda ataupun keluarga untuk berekreasi. Selain hok tadi juga, ada juga peruntukan dibawah EFT untuk membangunkan kawasan-kawasan rekreasi berasaskan *nature conservation*. Antara yang telah dibangunkan di tempat ambo sendiri adalah Taman Wetland Apam Putra yang hampir siap sepenuhnya.

Dan nok oyak dari segi *compactment* kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membangunkan fasiliti sukan. Apabila Kelantan mengambil keputusan untuk menjadi tuan rumah SUKMA 2028, itu adalah satu cabaran untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi kepada rakyat. Maknanya selain daripada kita dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk contohnya membangunkan Kompleks Sukan Bukit Merbau yang melibatkan 5 venue utama. Hok ni ramai ore saloh pehe, kade-kade dio kato hok tu hok Pusat, kalu dok harap ko Pusat dok jale.

Betul... Pusat peruntukan venue adalah dibawah Pusat, tetapi untuk sebelum venue itu boleh dibina perlu ada kerja-kerja tanah, perlu ada kerja-kerja infra. Kerja-kerja tanah dan infra ni adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri yang jumlahnya cukup besar juga. Setakat ini kita telah membelanjakan lebih RM160 juta untuk kerja tanah dan infra bagi pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau. Jadi untuk mengatakan bahawa kita tidak serius dalam membangunkan fasiliti sukan ini adalah sangat tidak tepat lah berdasarkan jumlah kesemua yang saya sebut tadi makna satu jumlah yang besar untuk membangunkan fasiliti kemudahan sukan untuk rakyat Kelantan khususnya anak muda.

Seterusnya YB Bunut Payong, YB Tendong, YB Gual Ipoh membangkitkan tentang pembangunan infrastruktur sukan dan rekreasi di kawasan masing-masing. Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan yang dikemukakan. Bunut Payong membangkitkan kemudahan padang bola sepak, pusat komuniti serta riadah di Lembah Sireh. Berdasarkan maklumat yang saya dapat daripada Pejabat Tanah dan Galian tiada tanah kerajaan di Lembah Sireh yang sesuai dijadikan padang bola sepak serta pusat komuniti. Sebab majoriti tanah yang kita tengok walaupun napok kosong loni adalah hak milik swasta ataupun hak milik individu. Jadi

sehubungan dengan itu, bagi membangunkan kawasan tersebut dengan pusat rekreasi ataupun kemudahan sukan saya menyarankan YB Bunut Payong agar dapat mengadakan perbincangan dengan pemilik tanah untuk membangunkan kemudahan padang bola dan juga pusat komuniti di situ. In Shaa Allah di pihak Kerajaan kita bersedia membantu dalam menjayakan perbincangan tersebut.

Kemudian Gual Ipoh, Gual Ipoh ada sebut tentang kompleks sukan dia ataupun pusat rekreasi. Jadi setakat ini Kerajaan telah membelanjakan ataupun meluluskan RM200 ribu untuk menyiapkan padang bola sebagai salah satu komponen utama di taman rekreasi tersebut. Tahun ini pun nampak ada permohonan lain, setakat ini saya KIV dulu, kita utamakan DUN hok takdok pade dulu. Ni selesai doh pade dih, jadi bahagian tambahan tu In Shaa Allah boleh cuba dapatkan peruntukan-peruntukan lain dulu In Shaa Allah.

Dan YB Tendong sebut tentang pembangunan kawasan rekreasi di Tendong dan cadangan litar sukan lasak dan juga sukan permotoran. Sebagaimana saya sebut sebelum ini Kerajaan telah merizabkan dan mewartakan tanah seluas 3.7288 hektar di Mukim Sokor Daerah Hulu Kesial sebagai tapak sukan *motor cross* yang telah diluluskan dalam Mesyuarat MMK Kali-4 2026. Jadi setakat ini dari segi bawah Kerajaan nya kita dah warta situ untuk kita bangunkan sebagai pusat sukan motor lasak. Jadi walau bagaimanapun untuk aktiviti dale DUN Tendong tu In Shaa Allah terutamanya di Teluk Kerengga tu kita tidak ada masalah untuk memberi sokongan sebagaimana yang sudah berjalan sukan *motor cross* antarabangsa In Shaa Allah.

Secara umumnya apabila kita bercakap tentang kemudahan sukan dan rekreasi pendekatan Kerajaan adalah pertamanya ianya dilakukan secara berfasa. Maknanya kita bukan buat sekali gus kita buat sikit-sikit. Yang kedua, berdasarkan keutamaan dan kemampuan kewangan negeri. Sebab itu lah apabila tahun lepas kita mempromosikan Satu DUN, Satu Padang Bola pada tahun ini kita menerima banyak permohonan. Hok tahun lepas sikit jah sebab baru, tahun ni bila dah banyak DUN-DUN yang dapat jadi banyak permohonan saya terima. Jadi dengan bajet yang terhad kita perlu

tengok keutamaan. Jadi keutamaan kita adalah DUN yang masih belum mempunyai padang. Hok ado doh tu nok bekki tu ork dulu, kita utamakan dulu pada hok mano takdok dulu. Itu keutamaan. Dan In Shaa Allah kalau pitih lebih kito boleh buat tempat-tempat lain. Yang ketiga adalah kerjasama dengan PBT, agensi berkaitan termasuk Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan serta Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ada bajet yang In Shaa Allah kita boleh dapatkan bajet untuk pembangunan sukan.

Kemudian YB Pengkalan Pasir... YB Pengkalan Pasir ada menyentuh tentang pembangunan belia dan juga ikon anak muda. In Shaa Allah dibawah program KFLI Kelantan Future Leader Institute kita akan terus memperkasakan program tersebut untuk melahirkan ikon-ikon belia, membina kepimpinan muda sebagai pelapis pimpinan masa depan negeri. Dan In Shaa Allah ikon Kelantan Future Leader ini KFLI ini akan menjadi *role model* masyarakat dalam segala bidang. Sebab itu fokus kita dalam Kelantan Future Leader ini kita nak *diversify* sebab itu lah penyertaan terbuka daripada sekolah YIK, daripada sekolah kebangsaan, daripada MRSM, daripada SBP, daripada tahfiz dan sebagainya terbuka. Jadi kita mahu *mix of leaders* termasuk *academician*, *entrepreneur*, usahawan, perkhidmatan awam, bakal-bakal PTN, bakal-bakal PTD, tokoh-tokoh korporat serta pemimpin masyarakat. Itu yang In Shaa Allah ikon-ikon yang akan kita lahirkan. Sebab itu lah dalam konteks KFLI ini kita bukan sekadar mengadakan program sebagai peserta program tetapi In Shaa Allah anak-anak muda yang bersama kita itu bakal menjadi pemimpin masa depan Negeri Kelantan.

Seterusnya YB Kota Lama, dia tiap-tiap tahun mesti ada yang menyentuh dan peminat setia juga ni dih In Shaa Allah. Saya pun minat juga dia. Jadi dia ada dua isu yang dibangkitkan. Pertama isu sewa tapak bazar walaupun secara langsungnya In Shaa Allah secara panjang lebar akan dijawab oleh rakan saya Exco PBT cuma Kota Lama ada juga menyentuh tentang bazar di stadium. Sebenarnya bazar di stadium ni sebagaimana disentuh oleh Kota Lama adalah isu lama sebenarnya. Isu berbangkit pada 2024. 2025 selesai takdok isu pun. Dan sebenarnya apabila berbangkit pada 2024 ianya telah selesai dengan baik. Maknanya *liney* dan peniaga di

situ tidak ada isu dan Alhamdulillah berniaga dengan baik dan mereka mendapat pendapatan yang baik. Sebab itu lah dalam konteks Bazar Ramadan khususnya saya bercakap spesifik tentang tapak di stadium sebabnya ia di bawah Perbadanan Stadium. Mungkin tapak PBT yang lain akan diulaskan oleh Exco PBT.

Dalam konteks bazar ataupun dalam konteks bisnes kita perlu menyeimbangkan antara kebajikan peniaga dan juga kelestarian pengurusan fasiliti. Sebab stadium ini dia memerlukan dana untuk *maintenance*. Kalau sebelum ni kita tengok antaranya masalah kerusi yang belum cukup, tandas yang masih lagi yang belum ada sebahagian tandas masih belum diperbaiki. Dan Alhamdulillah mace loni pun, kalau sebelum ini berbangkit isu *score board*, Alhamdulillah *score board* ni kita sudah dapat kerjasama daripada pihak swasta kita buat *smart partnership* dan sedang dalam proses untuk *test* percubaan untuk digunakan selepas ini. Dan sebab itu lah dalam konteks ekonomi ini ataupun dalam konteks bisnes dia ada konsep *demand and supply*. Maksudnya bila permintaan itu tinggi maka harga akan jadi tinggi. Sebab itu lah kalau kita tengok dalam konteks di dataran stadium itu dengan permintaan yang tinggi yang ada, walaupun harga dia lebih tinggi berbanding dengan tempat-tempat lain permintaan masih banyak, permintaan masih tinggi.

Berdasarkan rekod yang saya dapat daripada Perbadanan Stadium, jumlah sewaan ataupun jumlah lot yang ditawarkan adalah 150 lot dengan harga tapak biasa RM1350 habis dijual. Dan Alhamdulillah maknanya semuanya berjalan dengan baik dan peniaga pun gembira. Takdok pun peniaga complaint dengan harga tersebut dan mereka dapat keuntungan. Cuma mungkin faktor-faktor yang lebih murah tu In Shaa Allah akan ada diulas oleh Exco PBT. Cuma saya bercakap spesifik di tapak stadium.

Okay kemudian isu hok panas dih.. isu hok panas sakni pun saya tengok Facebook pun dah agak viral sikit apabila komen rakan-rakan daripada Melor dan juga Gual Periuk tentang isu apa ni di rempit ataupun sokor rempit di lapangan terbang. Walaupun dalam komen tu ada lah salah seorang netizen tu tersasul macam mana dia kata ADUN Melor dengan

ADUN Apam Putra, entah macam mana dikaitkan saya dan dia kata Gual Periuk. Okay dalam isu ini saya melihat bahawa sebab itu saya kata saya minat Kota Lama ini dia selalu membangkitkan isu-isu berkaitan dengan belia. Dan selalunya isu yang dibangkitkan ialah isu-isu yang negatif. Kalau dulu isu dadah, tahun ni isu rempit, tahun depe tok tahu isu gapo lah. Jadi hok mano dea tubik viral isu tu akan disambut oleh Kota Lama.

Saya suka mengajak Ahli Dewan yang mulia ini dalam isu-isu yang melibatkan gejala sosial secara umum ataupun rempit secara khususnya kita perlu melihat secara komprehensif, kita perlu melihat daripada semua sudut. Saya nak bawa sor cerito sikit lah, cerito ore buto dengan gajah. Mungkin puok kito biasa dengar kea, beberapa ore buto dengan gajah. Gajah ni besar. Gajah adalah binatang yang besar. Dan bila ore buto ni dio pege ekor gajah, bilo ore tanyo gajah ni lagu mano, dio kato gajah ni kecil jah, panje. Makna sebab dio pege ekor, sebab dio tok napok hok lain. Ore buto hok lain dio pege kaki, ore tanyo gajah ni lagu mano, dio kato gajah ni memanjang, menegak makna keras dio kato gajah. Pahtu ado ore buto hok lain dio pege perut, perut gajah dih. Bila ore tanyo gajah ni lagu mano, gajah ni bulat besar. Dan ado hok ore pege telinga, bilo tanyo gajah ni lagu mano, dio kato gajah ni lembik okay. So apa sahaja yang tuan-tuan sebut ataupun apa saja sebut berkenaan dengan isu rempit, isu sosial ini betul. Nok kato budak bermasalah betul tapi nok kato hok tok bermasalah pun betul jugok sebab bergantung kepada sudut mano hok kito tengok, bergantung penilaian mana yang kita buat. Yang kita bimbangnyanya kalau dio pege gajah takpo takut dio pege najis gajah, kaba-kaba dio kato gajah ni busuk sebab dio pege najis. Kita bimbang... harap-harap Kota Lama bukan lagu tu lah dih. Makna bukan salah pege gitu okay.

So sebab itu lah dalam konteks ni saya ingin mengajak kita memahami dulu dalam pengurusan dia panggil *Root Cause Analysis* ataupun dalam perancangan dia ada *SWOT Analysis*. Maknanya bila SWOT ni antaranya ialah *Situational Analysis*. Maknanya sebelum kita nak mengulas tentang sesuatu isu tu *we have to understand the situation behind* dengan izin. So isu rempit di Malaysia ni bila kita sebut rempit merujuk kepada aktiviti lumba haram, aksi berbahaya di jalan raya serta budaya geng motosikal yang sering melibatkan golongan muda.

Persoalan yang saya ingin tanya kepada semua yang hadir pada hari ini adakah yang berlaku di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah lumba haram. Ada nampak budok nerap? Ataupun adakah mereka melakukan aksi berbahaya? Maknanya mitah kokse ko gapo ko ataupun maknanya benda-benda yang begitu. Tetapi ingin saya tegaskan di sini bukan kata saya sokong. Nanti kato Exco Belia sokong anak muda merempit... dok. Sebab itu lah sebelum saya pergi lebih lanjut saya suka ingin membaca secara penuh kenyataan media saya yang dikeluarkan pada 6hb April, hari ini 22 doh dih. Maknanya lebih 2 minggu kenyataan ini yang viral di Malaysiakini dan beberapa akhbar. Tapi dia sebut sor jah biasa lah kan berita ini dia akan cari mana-mana yang boleh menarik dan boleh menimbulkan kontroversi. Jadi hari ini saya nak baca penuh supaya kita dapat melihat keseluruhan... keseluruhan.

Okay... kenyataan media 6hb April 2026 isu aktiviti rempit di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Pendekatan menyeluruh melalui penguatkuasaan dan pembangunan belia. So point kita adalah pendekatan menyeluruh, penguatkuasaan dan pembangunan belia. So ini penerangan rasmi Kerajaan. Kerajaan Negeri Kelantan memandang serius isu aktiviti tidak sihat melibatkan segelintir anak muda di kawasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa yang tular di media sosial baru-baru ini. Sehubungan dengan itu, ditegaskan bahawa sebarang kelakuan yang boleh membahayakan keselamatan awam adalah tidak boleh dikompromi dan perlu ditangani secara tegas melalui tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Itu ayat pertama. Penegasan yang pertama maknanya sebarang perlakuan yang boleh membahayakan keselamatan awam adalah tidak boleh dikompromi dan perlu ditangani secara tegas melalui tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Jadi kalau lah apa yang berlaku itu menimbulkan bahaya kepada keselamatan awam maka tindakan perlu diambil.

Okay walau bagaimanapun, ayat ni hok tubik dulu. Dio tok tubik hok ayat mulo-mulo tu, dio tubik walau bagaimanapun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa isu ini tidak wajar dilihat secara sempit atau digeneralisasikan sehingga mencerminkan keseluruhan anak

muda Kelantan, hakikatnya majoriti anak muda negeri ini aktif dalam bidang pendidikan, sukan, keusahawanan serta pelbagai program pembangunan diri yang positif. Hok ni hok tubik walau bagaimanapun, hok kito kato kita tidak bersetuju dan perlu ambil tindakan tu tok tubik. Jadi kito keno pehe situ.

Okay pendekatan menyeluruh Kerajaan Negeri bagi menangani isu ini secara berkesan Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan bersepadu yang merangkumi aspek berikut. Dia ada 3, penguatkuasaan, pembangunan belia, penyediaan kemudahan riadah dan aktiviti alternatif. Penguatkuasaan, kerjasama erat pihak berkuasa seperti PDRM, JPJ serta Masjid Airport Hall Sdn. Bhd. sebagai tuan rumah kepada lapangan terbang tadi. Sokongan terhadap operasi penguatkuasaan berterusan di kawasan berisiko makna bukan setakat di lapangan terbang, mana-mana tempat berisiko berlakunya lumba haram dan sebagainya. Aktiviti rempit ini perlu ada penguatkuasaan yang berterusan. Pemantauan berkala bagi memastikan keselamatan awam sentiasa terjamin. Itu yang pertama.

Yang kedua, pendekatan kita adalah pembangunan belia. Memperluas pelaksanaan program-program pembangunan belia yang berfokus kepada pembinaan sahsiah, kemahiran dan kepimpinan. Ini termasuk program pembangunan kepimpinan belia dibawah Kelantan Future Leaders Institute, program pembangunan jati diri belia dibawah Anak Muda Rakan Al-Quran serta lain-lain program akar umbi belia dan sukan dibawah Urusetia Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan.

Yang ketiga... yang kedua, mengaktifkan platform belia di peringkat negeri dan komuniti sebagai ruang penglibatan positif dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan. Dan menggalakkan penyertaan anak muda dalam aktiviti sukan, kesukarelawan dan juga keusahawanan. Okay itu yang kedua penguatkuasaan, pembangunan belia.

Dan yang ketiga adalah penyediaan kemudahan riadah dan aktiviti alternatif. Itu yang berbangkit isu litar yang kita cadangkan. Pewartaan tanah Kerajaan sebagai tapak sukan *motor cross* sebagaimana saya sebut

kepada jawapan kepada Tendong tadi. Di Mukim Sokor Tanah Merah sedang digerakkan bagi menyediakan ruang aktiviti permotoran yang lebih selamat dan terkawal. Walaupun kita rasa ianya tidak boleh menyelesaikan masalah ini sepenuhnya, sekurang-kurangnya ia mengurangkan isu tersebut.

Penambahbaikan kemudahan riadah keluarga dan rekreasi di seluruh negeri bagi memenuhi keperluan anak muda dan masyarakat. Sebagaimana saya sebut tadi dibawah Exco PBT, lani kito tengok banyak tempat-tempat rekreasi yang sedang dan telah dibangunkan. Sokongan dan juga penglibatan Kerajaan Negeri dalam aktiviti sihat permotoran seperti RXZ Forever Legend dan juga Mat Moto Day. Walaupun ada juga kata-kata sumbang bakpo duk wat gitu nyo, bakpo duk sokong puok-puok ni nyo. Jadi kalu kito tok buat demo kato gapo alternatif untuk hok duk rempit tadi. Jadi sebenarnya itu adalah satu ruang untuk mereka mengekspresi diri mereka secara terkawal.

Okay tanggungjawab bersama. Kerajaan Negeri menegaskan bahawa isu sosial seperti ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa, institusi pendidikan, komuniti dan anak muda itu sendiri. Dalam konteks ini pembinaan nilai, disiplin dan tanggungjawab perlu diperkukuh agar setiap individu memahami batas kebebasan serta menghormati keselamatan dan kepentingan awam.

Dan akhir sekali, penegasan Kerajaan Negeri. Dengar molek deh 3 ni deh. Penegasan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan terus komited untuk memastikan keselamatan awam sentiasa terpelihara. Yang kedua, memperkasa pembangunan belia secara holistik. Makna kita bukan dale bahasa pengurusan dia panggil *fire fighting*, makna kita bukan kerja kita bila ada isu nok menyelesaikan isu tu tapi lebih kepada holistik. Kita membangunkan, memperkasa pembangunan belia secara holistik. Maknanya pelbagai program kita buat tadi. Hok akhirnya terlepas sore dua masalah nok wat gano kea. Itu lah realiti kehidupan. Tidak ada semua *perfect*.

Yang ketiga, menyediakan ruang dan peluang *constructive* kepada anak muda. Isu ini harus ditangani secara bijaksana berfokus kepada penyelesaian jangka panjang bukannya melalui pelabelan ataupun persepsi yang tidak membantu usaha membina generasi masa hadapan. Panje saya baca di h. Maknanya ini lah kenyataan media pada 6 April. Tapi hok tubiknya adalah Kerajaan Negeri bela mat rempit. Tubik tajuk tu jah. Isinya takdok ore nok baco. Jadi tu lah antara masalah puok kito loni kito baco tajuk hurai selalu tanpa kita memahami isu yang disampaikan.

Cuma sebelum saya akhiri saya nak ulas juga lah nak berkongsi juga beberapa data yang melibatkan rempit kepada puok kita semua. Statistik dan trend semasa penglibatan kes dan tangkapan. Menurut Polis DiRaja Malaysia, ribuan tangkapan dibuat setiap tahun dalam operasi khas seperti Ops Samseng Jalanan dan sebagainya. Anggaran kasar *roughly figure* kasar sepanjang 2022 hingga 2023 lebih 100 ribu tangkapan berkaitan lumba haram dan kesalahan motosikal berbahaya... lebih 100 ribu. Majoriti kes melibatkan lelaki berumur 15 hingga 30 tahun. Gen Z lah ni, anak-anak muda kita. Okay untuk berlaku adil sebab itu saya kata kita kena buat *Situational Analysis*, kita kena buat *SWOT Analysis*, kita kena faham apa yang berlaku secara keseluruhannya.

Saya suka ikut membuat sedikit perbandingan mengikut negeri-negeri. Tiada statistik rasmi yang lengkap dan konsisten mengikut negeri khususnya untuk isu rempit ini yang diterbitkan secara terbuka setiap tahun. Cuma apa yang ada ialah macam saya sebut tadi lah data tangkapan operasi oleh PDRM, data kemalangan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan kedua-dua ini tidak selalu dipecahkan maknanya kito tok tahu lah secara detail. Tapi namun begitu kita boleh menggunakan indikator ini sebagai satu indikator yang paling hampir dalam kita membuat penilaian dalam isu rempit ini. Dimana anggaran trend mengikut negeri berdasarkan data operasi dan kemalangan, negeri hotspot yang melibatkan rempit.

Berdasarkan laporan operasi PDRM dan liputan media ada 3 negeri hotspot rempit ni Selangor, Johor, Pulau Pinang. Sebab kito keno pehe jugok kito keno berlaku adil jugok makna bukan kito nok memburukkan

mereka tapi sebabnya pertama kepadatan penduduk mereka lebih tinggi... ramai... penduduk ramai, anak muda tu lebih ramai so *percentage* dia lebih tinggi. Kedua, lebuh raya dan jalan bandar luas. Sek-sek rempit ni dia suka jalan yang lurus kea bila lebuh raya situ lah dia berehi nyo. Kemudian negeri-negeri tadi Selangor, Johor dan Pulau Pinang ni aktif malam hujung minggu aktif. Makna hujung minggu dia banyak aktiviti-aktiviti jadi budok ni tok tidur lah. Jadi kelab malam macam-macam konsert dan sebagainya. Okay negeri yang tahap sederhana Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah. Hok tu tahap sederhana berdasarkan data. Aktiviti berlaku tetapi tertumpu di bandar-bandar tertentu okay. Dan negeri yang tahap lebih rendah relatif Kelantan, Terengganu, Perlis. Maksudnya kita ni bilo kecek pasal rempit ni kito dalam kategori yang tahap lebih relatif berbanding dengan negeri-negeri lain. Again bila sebut gitu dia kata nok nyaloh ore lain lah maknanya takpo lah eh, dok tapi makna kita keno berlaku adil dalam membuat penilaian.

Kes wujud mace saya sebut tadi di Kelantan kes wujud skala lebih kecil mungkin kurang pendedahan media sebab kade-kade dia rempit tu kampung. Dale kampung saya pun ada juga saya tahu DUN saya ado satu hotspot jugok untuk rempit ni. Dan baru ni pun telah berlaku operasi PDRM, Alhamdulillah terima kasih PDRM. Dan kade-kade dio boleh bersifat local lah di negeri-negeri tersebut.

So secara kesimpulan dalam isu rempit ni setakat ini tiada statistik yang rasmi yang memperincikan gejala rempit mengikut negeri secara menyeluruh. Dia tidak rasmi lah, hok ni lebih kepada data-data yang dianalisa. Namun berdasarkan data operasi PDRM dan trend kemalangan oleh MIROS tadi aktiviti ini tertumpu di negeri pendudukan padat dan kawasan bandar ataupun urban. So ini menunjukkan bahawa isu rempit ini bukan soal mana-mana negeri Kelate ko, Johor, Selangor dan sebagainya. Tetapi berkait rapat dengan faktor perbandaran, peluang belia dan persekitaran sosial. Sebab itu kita kena kait juga peluang belia tadi. Jadi sebab itu lah trend ini berbeza mengikut demografi dan persekitaran.

Okay punca dia bakpo berlaku begini, hok tu kade-kade sesetengah pihak hanya melihat satu sudut, kalau pembangkang gak Galas, Kota Lama, Nenggiri akan melihat satu sudut jah secara khusus kurang kemudahan untuk anak muda. Betul... itu adalah satu faktor, cuma itu adalah satu bahagian daripada faktor, banyak lagi faktor lain. Disini mengikut kajian, hok ni kajian ni, kajian oleh UPM dan UM.. 70% pelaku macam saya sebut tadi terdiri daripada remaja bawah umur 30 tahun. Faktor utama dia ada 4 selain daripada faktor kurang aktiviti alternatif tadi. Pertama, pengaruh rakan sebaya. Yang kedua tadi lah kurang aktiviti alternatif. Yang ketiga keinginan mencari identiti dan pengiktirafan. Jiwa anak muda ni dia nak suh sohor dih dio lah nombor 1, dio buat paling bahaya kea. Dan yang keempat latar belakang pendidikan dan juga keluarga. Bila sebut keluarga ni kena ingat bukan semo anak ore PAS dih, ado jugok anak ore UMNO, ado jugok anak ore Amanah. Jadi semua terlibat.

Okay cabaran lagu mano nok selesai. Walaupun penguatkuasaan berterusan isu ini masih berlaku. Mace kito tengok polis buat operasi sokmo dan contoh yang paling ketara ialah isu di Pengkalan Chepa itu. Gege lah semata kea. Polis buat operasi selesai masalah. Jadi itu yang perlu dibuat. Maknanya walaupun penguatkuasaan berterusan isu ini masih berlaku kerana pertama budaya dan identiti *subculture*. Dalam bahasa ore muda gak rempit adalah lifestyle. Kalau dulu zaman arwah Tok Guru dulu zaman YB Dato' Fattah jadi Exco Belia kita ada satu NGO rempit ni nama dia MERAK Minda Evolusi Rempit Anak Kelantan. Maknanya menghimpunkan anak-anak muda mat rempit ni dan salah sore bos dio nyo nok sebut namo ko? Boleh sebut ko nama dia dalam Dewan? Bos dio maso tu Azai kalau sapo kenal lah, sohor lah dio hari ni kea. Dio lani seorang usahawan yang berjaya padahal waktu tu ada tatu raso, ado tatu dih, ado tatu ado mace-mace. Tapi apabila ditarbiah oleh Dato' Fattah dan juga oleh Yang Amat Berhormat arwah Tok Guru dulu dia boleh berubah padahal masa tu dia lah palo sek-sek rempit ni. Masa tu puok-puok dio saya tengok apabila kita buat program di Pantai Tujuh masa tu, kita buat ijtimak... ijtimak nok sembahyang hajat sebagainya puok dio mari dengan motor gendong ore tino tok pakai tudung, maknanya setaro tu. Tapi Alhamdulillah apabila kita dekati mereka, mereka boleh berubah.

Okay yang kedua mudah akses motosikal. Loni mudah benar budok-budok boleh motor. Yang ketiga again macam saya sebut tadi kurang platform alternatif untuk belia lepasan sekolah yang kita akui kita perlu perbanyakkan lagi ruang-ruang untuk mereka. Dan penguatkuasaan tidak konsisten di sesetengah kawasan.

Okay last sekali, *so what is the solution?* Apakah kita sebut sebut tadi nok lepas tangan. Gapo jalan penyelesaian dia? Pertama kita perlu mengadakan pendekatan 3P, *prevention, policing, participation* dengan izin. Prevention, pencegahan pendidikan awal di sekolah. Gano-gano pun budok ni bermula di sekolah. Hok ni pun jadi isu jugok sebenarnya. Apabila sebut sekolah ni semalam pun saya rasa tok perasan sapo ado sebut pasal JPN semalam. Di Kelantan ni kita ada 2 aliran secara hok besar lah selain daripada swasta, kita ada YIK, kita ada JPN Jabatan Pendidikan Negeri. Dan di YIK ni hanya lah lebih kurang 30 ribu lebih pelajar, dibawah JPN 300 lebih. Makna di YIK tak sampai 20%. So apabila kita bercakap pendidikan awal di sekolah peranan yang lebih besar adalah perlu dimainkan oleh federal yang menguasai sekolah-sekolah JPN. Dan Alhamdulillah walaupun dengan kekangan kewangan Kerajaan Negeri melalui YIK sudah boleh orang kata pendidikan lebih pada 30 ribu anak-anak muda kita In Shaa Allah.

Policing ataupun penguatkuasaan yang konsisten. Ini kerja PDRM, kerja JPJ dan kita mengharapkan KDN Kementerian Dalam Negeri menyediakan peruntukan yang secukupnya dari segi jentera, dari segi anggota dan sebagainya pada PDRM dan JPJ untuk menangani isu ini.

Seterusnya participation. Maknanya penyertaan, libatkan belia dalam aktiviti sihat Sebab itu lah Loni hok saya sebut tadi kea banyak program-program dibawah Kelantan Future Leaders, dibawah U-BeS, dibawah JBS dan NGO-NGO lain banyak doh program-program yang dibuat. Okay yang kedua, sediakan alternatif. Itu lah yang kita nak buat tu, kita cadang litar di Sokor tu tapi hok ni setakat ni kita bermula dengan *motor cross*. Dan In Shaa Allah lepas sidang DUN ni saya sudah merancang untuk mengadakan lawatan dan tengok apa kita boleh buat dengan SU Majlis Daerah dan juga JBS. Kita cuba tengok lah apa kita boleh bangunkan di situ. Dan juga

program motor sport yang sah sebagaimana yang saya sebut tadi RXZ Forever Legend, Mat Moto Day dan mana-mana program yang dibawah kawalan kita.

Dan seterusnya adalah intervensi komuniti, campur tangan komuniti. Pertamanya mentor belia dan In Shaa Allah yang ni pun kita buat doh. Cuma tok ramai, makna lani kito ado ahli lebih kure 500 anak muda rakan Al-Quran. Ye ini lah anak-anak muda yang akan menjadi mentor, akan menjadi pembimbing rakan-rakan sebaya di akar umbi, rakan muda dibawah JBS. Itu banyak program-program dia untuk mendekati anak-anak muda ni supaya tidak terlibat dengan program yang negatif dan terlibat dengan program-program yang positif. Program-program masjid dan komuniti, program-program dibawah JAHEAIK, dibawah masjid dan sebagainya. Dan Alhamdulillah dibawah saya pun banyak menerima permohonan daripada masjid-masjid nak buat e-sport, nak buat sukan, nak buat mace-mace. Jadi satu pendekatan yang baik oleh pihak masjid.

Dan yang keempat untuk pencegahan. Perlu ada data dan juga policing. Maksudnya pihak penguatkuasaan perlu fokus kepada *hotspot* coserpate JPJ, PDRM. Makna perlu fokus kepada tempat-tempat yang panas.

So kesimpulan dia anak muda ini bukan masalah untuk kita buang tetapi aset untuk kita bentuk. Makna bukan kata bila ada tu kita terus abaikan mereka tapi mereka lah aset masa depan negeri, masa depan negara yang perlu kita sama-sama bentuk. Jadi sebagai kesimpulan dalam isu ini Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pendekatan menangani gejala sosial termasuk gejala rempit ini tidak boleh hanya bersifat penguatkuasaan semata-mata. Sebaliknya perlu dilaksanakan secara seimbang antara pencegahan, penguatkuasaan dan pembangunan belia. In Shaa Allah kita bersama-sama ke arah tersebut.

Jadi sebagai penutup Yang Berhormat Dato' Speaker, pendekatan Kerajaan Negeri jelas dalam isu belia, sukan, NGO dan perpaduan masyarakat ini ialah pertama kita menekankan bahawa belia adalah sebagai aset bukan masalah. Yang kedua, sukan sebagai medium perpaduan. Yang ketiga, NGO merupakan rakan strategik kepada Kerajaan

Negeri. Dan yang keempat, semua pembangunan kita adalah berasaskan nilai Islam. Jadi kita tidak membina negeri ini dengan retorik tetapi dengan kerja dengan dasar dan In Shaa Allah dengan keberkatan.

Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa kita sentiasa terbuka menerima pandangan, semua cadangan-cadangan akan diteliti dan kita pertimbangkan. Dan fokus kita adalah untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Firman Allah Taala dalam Surat Al-Taubat Ayat 105.... Al-Taubah 105.
Dan katakanlah bekerjalah kamu maka Allah akan melihat pekerjaan kamu. Dengan itu saya menyokong penuh Titah D'Raja yang telah disampaikan. Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Okay terima kasih. Yang Berhormat takde? Sila Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Tempatan pada Penggulungan.

YB HILMI BIN ABDULLAH :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberikan saya ruang waktu untuk bersama-sama dalam Penggulungan ini untuk membuat Penggulungan. Patik merafakkan sembah dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja kepada semua Ahli Yang Berhormat Semasa Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2026 pada hari Isnin yang lepas. Yang Maha Mulia Tuanku ada bertitah berkaitan portfolio dengan izin patik mohon bacakan titah tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta amat prihatin dengan tahap kesihatan fizikal dan mental rakyat Beta. Justeru beta menggesa rakyat Beta agar dapat mewujudkan platform sokongan khidmat psikologi, sokongan sosial, sokongan persekitaran dan sokongan kerohanian seperti penyediaan taman-taman rekreasi dan juga kemudahan sukan.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Tuanku menekankan kita semua Ahli Yang Berhormat memberikan penekanan untuk kita melahirkan masyarakat yang sihat lagi sejahtera dan menyentuh mengenai penyakit sebagaimana Titah Yang Maha Mulia Tuanku iaitu sebagaimana yang kita tahu penyakit ni ada 2 jenis lah penyakit fizikal dan juga penyakit mental. Penyakit fizikal ni ada 2 bahagian, 2 kategori penyakit berjangkit, penyakit tak berjangkit. Penyakit berjangkit berpunca daripada virus bakteria parasit kulat dan boleh berjangkit sesama manusia melalui sentuhan, udara, pemakanan dan sebagainya. Dan satu lagi penyakit yang tidak berjangkit iaitu penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kegagalan anggota kita organ kita seperti kardiovaskular jantung, respiratori, pernafasan, kanser disebabkan oleh diabetes kencing manis yang disebabkan oleh kolestrol yang tinggi ataupun tekanan darah tinggi yang mana untuk mengatasi penyakit tak berjangkit ini kita kena ubah tabiat kita, tabiat pemakanan kita dan juga cara hidup kita supaya menjadi rakyat yang aktif, cergas fizikalnya dan juga sejahtera mentalnya.

Penyakit kedua ialah penyakit mental yang ditekankan oleh Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja untuk kita sama-sama mengatasi mental berlakunya kemurungan dia ada 3 jenis penyakit utama. Yang pertama depresi depression kemurungan. Yang kedua stress tekanan tertekan dan yang ketiga anxiety. Anxiety ni takut tiba-tiba... Jadi penyakit mental ni merupakan satu penyakit alaf baru yang mana akan menyerang manusia jika mereka tidak berada dalam masyarakat ataupun gagal mengurus tekanan hidup dengan pelbagai cabaran zaman moden ini.

Dan untuk makluman Ahli Dewan semua juga menurut laporan HMNS tahun 2023, kemurungan saya ambil satu saja kemurungan depression daripada 1 juta penduduk 4.6% akan menghidap kemurungan. Dan golongan yang paling rentan iaitu yang berumur antara 16-29 tahun antara penghidap kemurungan yang tertinggi. Dan untuk kanak-kanak 1

daripada 6 kanak-kanak akan menghadapi kemurungan $\frac{1}{4}$ remaja akan mengalami kemurungan dan juga 11.2% ibu bersalin pasca pantang akan menghadapi kemurungan ore kata gila meroyan.

Dan bermula tahun 2019 – 2024 seramai 2954 orang telah membunuh diri. Dan daripada jumlah tersebut 53% akibat masalah mental baki itu makan pil kuda, hutang banyak dan masalah lain separuh tu disebabkan oleh masalah mental. Dan di peringkat Jabatan Kesihatan Kementerian Kesihatan ada satu talian khas HEAL 15555 yang kita sedia khas untuk mereka-mereka yang menghadapi masalah *depression* masalah stress masalah *anxiety* untuk menghubungi pakar psikologi untuk mendapatkan nasihat yang betul dan daripada tahun 2022 sehingga 2025 sebanyak 1,139,589 panggilan diterima oleh petugas-petugas psikiatri yang diamanahkan untuk menyelia talian HEAL ini. 179,000 yang menelefon dan juga Talian Kasih di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat iaitu talian kasih 15999 itulah talian-talian yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu mereka-mereka yang memerlukan khidmat sokongan sosial dan Jabatan Kesihatan Kelantan melalui Unit Kesihatan Mental Jabatan Kesihatan Awam JKN dengan kerjasama Jabatan Psikiatri dan kesihatan mental di semua hospital serta unit psikologi dan kaunseling bagi pengurusan JKN serta kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan juga bukan Kerajaan mula turun untuk mendasarkan program-program khidmat sosial psikologi untuk membantu semua rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk mengatasi masalah sakit mental. Atau inisiatif iaitu aktiviti *postvention* iaitu khidmat psikologi kepada keluarga yang mana ahli keluarga telah membunuh diri ada program *postvention*.

Yang kedua kita adakah setiap tahun Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Hari Pencegahan Buli kena ada hari sambutan ini masing-masing pakat beringat ada masalah terus telefon pakar-pakar psikiatri dan juga buat saringan mental di Klinik-klinik yang berdekatan. Dan juga ada kursus iaitu kursus *Malaysia Suicide Awareness Voice Of Hope (MYSAVE)* bagi melatih petugas Kesihatan sebagai agen pencegahan bunuh diri di peringkat klinik dan komuniti. Selain itu Kem Sejahtera Minda dilaksanakan pada petugas kesihatan sendiri. Maknanya pakar psikiatri juga kemungkinan dan akan menjadi mangsa kemurungan atau depression dengar masalah orang jadi jangkit ko dia. Ataupun terlalu banyak panggilan dia terlalu simpati menyebabkan dia tak dapat

mengawal dia punya mental sendiri. Itu antara masalah-masalah yang berlakulah.

Dan di peringkat masyarakat kita ada program Kumpulan Sokongan Sukarelawan Komuniti Minda Sejahtera atau MINDSET Komuniti MINDSET di semua Daerah yang sedang diperkasakan saya pada awal tahun telah turun ke Gual Ipoh ke Kampung kongsi lima kita lancarkan program K-MINDSET kita lantik duta di kalangan masyarakat daripada Penghulu, Penggawa, Imam daripada anak muda dan juga daripada wanita untuk menjadi duta kepada masyarakat untuk menjadi tempat mengadu berbincang jika ada masalah berlaku dalam masyarakat tersebut. Cuma ada beberapa soalan yang timbul ada pesakit yang menghubungi talian HEAL ore kelate telefon tu akat tu kecek luar. Jadi dia nak mengadu tu terbantut. Jadi kita cuba berbincang dengan JKM tu supaya dia punya operator tu sekiranya panggilan dengan dialek Kedah kena orang Kedah lah layan. Dialek Kelate kena orang Kelate lah laye supaya kita dapat memberikan khidmat yang boleh diterima oleh pesakit mental.

Dan antara cadangan daripada Yang Amat Mulia Tuanku supaya untuk mengatasi masalah psikologi di kalangan masyarakat supaya di adakan diperbanyakkan taman-taman rekreasi dan juga kemudahan sukan kita nak masyarakat ataupun rakan-rakan yang terlibat dengan kemurungan terlibat dengan tekanan perasaan supaya dapat bergaul dengan masyarakat boleh bual. Barulah dia akan release dia punya tension dia untuk itu kita Pihak Kerajaan Negeri mencuba sebaik mungkin untuk memperbanyakkan tempat-tempat rekreasi dan juga kemudahan sukan. Begitulah kita mendengar laporan daripada EXCO Belia dan Sukan EXCO Pelancongan juga menyentuh mengenai kemuduhan-kemudahan kawasan-kawasan rekreasi pelancongan yang telah kita menaiktaraf sepanjang penggal ini dan juga Penggal lepas dan kita minta kepada semua rakyatlah supaya dapat meluangkan masa hujung minggu keluar daripada rumah supaya menjadi keluarga yang aktif. Hujung minggu hari Jumaat lepas dengar ngajar ko Petang tu bawa anak-anak keluar makan. Hari Sabtu mak dan Pak bangun awal jalan keliling rumah cari tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes lepas tu jalan ke taman-taman rekreasi yang mana kita cuba wujudkan satu DUN satu taman rekreasi yang kita cuba naik taraf taman-taman rekreasi yang telah *abandoned* yang mana telah terbengkalai yang tertinggal. Minta izin saya ingin bacakan supaya

semua rakyat kita dapat makluman bahawasanya banyak tempat-tempat menarik yang telah kita lahirkan yang hidup sejahtera mindanya.

Untuk MPKB ada bandaraya waktu malam tempat makan malam Pantai Cahaya Bulan ni kita naiktaraf RM18 juta telah luluskan 2 fasa Pantai Kundur, Dataran Muhammadi, River Cruise Sungai Pengkalan Chepa, ada Pantai Kemayang, ada Pantai Nusuk akan naik taraf lepas pada ni Taman Al-Fursan sekarang ni dinamakan Taman Teluk Puteri bawah Dato' Amar Sri Diraja Teluk Puteri dan Taman Perbadanan Tengku Anis iaitu taman terbesar lah itu MPKB dan di Ketereh ada Taman Serambi Alam, ada Taman Makmur, ada Taman Autocity Tunjung, ada Desa Gemalai kawasan padi, ada Taman Kala Perdana, ada Wetland ni kita tangguh sekejap. Ada Taman Maha Perdana ada Kampus **Kompleks Sukan Taman Saad Bin Abi Waqqas** Ketereh lepas ni kawasan Gua Musang hok ni kawasan Galas nih ada Gua Nion Chiku 2 Galas sendiri yang majukan ada Gua Musang banyak Gua ada Sungai Rimba wangi, Taman Wangi Sungai Ketil, ada Arang Lojing, ada Taman Tasik Ketitir, Etnobotani, Musang Eco Park Masjid Buluh, Taman Tasik Utama ada terbaru Bukit Chupak tak sapa lagi Bukit Chupak ni deh. Bukit Chupak ada Dataran Dato' Kaya Setia Dataran Titiwangsa banyak tempat-tempat ni kemungkinan kita pun tak tahu. Jadi kita luangkan masa hujung minggu.

Pasir Mas ada sebut tadi Wetland, ada Taman Makro Utama ada Bukit Kwang, ada Taman Danau Tok Uban, Bukit Panau tu sempadan Tanah Merah dan Pasir Mas banyak lagilah. Dan contohnya lagi Tanah Merah terbaru Taman Sinaran ada Guillemard Bridge, Lata Hujan, Lata Telaga Bijih, Dataran Tanah Merah, Dataran Raudah Kuala Krai, Taman Bahagia la nih, Lata Berangin, Lata Papan, Mini Zoo, Taman Tema Air, Tangga Bradley Taman Tasik Krai, Taman TitiWangsa, Taman Botani, Taman Masjid Machang, Dataran Kenanga, Dataran Kemahkotaan, Bukit Bakau Jeram Linang, Kolam Air Panas Tok Bok, Cabang 4 View tak sapa lagi nih. Tumpat, Taman Warisan, Padang Kemahkotaan, Taman Tengku Mahkota Pantai Geting, Pantai Sri Tujuh, Pasar Terapung, Teluk Renjuna, Pasar Sri Tanjung, Taman Puteri Saadong, terbaru banyak.

Jadi kita minta pada semua Yang Berhormat boleh merangka program-program berbentuk kesihatan kita buat fun walk kita buat fun run supaya rakyat boleh keluar daripada kepompong rumah masing-masing. Insha Allah apabila kita keluar kita akan dapat rakan-rakan yang baru, rakan-

rakan yang boleh kita meluahkan perasaan boleh berbincang masalah Insha Allah dengan kerjasama semua sekali kita dapat memberikan rakyat yang sihat mindanya sejahtera dan Insha Allah kita dapat mengatasi masalah-masalah penyakit berjangkit yang tidak berjangkit yang gemuk tu jadi kurus. Yang tu mengenai Titah Yang Amat Mulia Tuankulah.

Dan respond saya kepada Galas bertanyakan mengenai adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan insentif ataupun inisiatif kepada golongan-golongan yang terkesan dengan kenaikan harga diesel lah diesel mahal. Kita ...PBT lah kerana PBT tidak menerima sebarang subsidi diesel. Kita sari-sari kita bergerak dengan diesel lori sampah kita roro kita, compactor kita, bulldozer kita guna diesel 4x4 kita semua dengan diesel tanpa subsidi daripada Kerajaan sebahagian PBT terpaksa membuat perancangan mengurangkan trip sekalo 10 trip kita hantar sampah jadi 8 trip dan kutipan kemungkinan akan dikurangkan sekiranya harga diesel sebelum selagi belum stabil diesel. Jadi kita menghadapi menghadapi masalah kekangan kewangan di peringkat PBT. Walaubagaimana pun kita akan cuba berbincang dengan Kerajaan supaya Kerajaan boleh memikirkan cara bagaimana untuk kita membuat program insentif ataupun inisiatif untuk mengurangkan beban pembayar cukai kita yang menyewa premis-premis milik PBT dan ambo akan membawa benda ni kepada Kerajaan untuk kita bincang, Insha Allah supaya Kerajaan dapat meluluskan insentif bagi membantu usahawan-usahawan bumiputera usahawan kecil yang beroperasi dalam kawasan PBT.

Ambo nak respond kepada Kota Lama mengenai yang pertama bazar. Bazar Ramadan ni kita berlaku sedikit kekhilafan semasa kita menganjurkan bazar Ramadan dan juga bazar Aidilfitri. Bazar Ramadan ni jualan sebelum berbuka puasa. Bazar Aidilfitri ni selepas berbuka puasa dia berbeza deh. Dan untuk bazar Ramadan yang kata mahal tu jadi bazar-bazar Ramadan tu kita MPKB paling mahal RM530 sebulan bazar Ramadan kita. Pasar Malam Padang Tembak 70 tapak RM420 sewa dia. Pasar Malam Kubang Kerian di convert kepada bazar ramadanlah 74 tapak RM530. Pasar Malam Taman Bendahara 85 tapak RM520, Pasar Malam Kota Jembal 50 tapak RM290, tapak pasar Malam Kedai Buloh 30 tapak RM400, Pasar Malam Tok Kenali Binjai 60 tapak RM500, belakang KB MALL 20 tapak ini milik individu RM450, Setelit Islam Pasir Tumbuh 80 tapak RM500, depan Arika Kubang Kerian 40 tapak RM500 okey yang

ini milik persendirian dan di sewakan diberi pajak kepada operator dan operator mengenakan RM1,350 sebulan iaitu di Stadium. Yang ini YB EXCO Belialah dia punya Lembaga. Sebab apa RM1,350? Dia bagi khemah dan luaslah khemah tu 20x10 dan kita tak ada apa-apa kita hanya ambil permit perniagaan sementara kita serahkan kepada budi bicara antara tuan tanah dengan juga operator untuk mengenakan sewa sepatutnya kepada para peniaga dan pastilah peniaga akan dapat servis yang terbaik. Ada stage ada cabutan mutur dia ada program-program yang lebih menarik untuk menarik lebih ramai pengunjung dia ada tiktokers dia ada influencer untuk menarik pelanggan mari tu ramai pade dengan sewa tu 1,300 Lembah Sireh kepunyaan pemaju 1 tapak RM1300. Tapak Pasar Malam Berek 12 50 tapak RM400. Kalau MPKB bawah RM500. Satu lagi MYDIN MALL Tunjong 150 tapak RM1300.

Dan bazar Aidilfitri menjual baju raya:-Parit Dalam 4 tempatlah Parit Dalam 200 tapak RM500, Pasar Siti Khadijah 100 tapak RM500, Pasar Parit Dalam hok sakni depe Parkson ni Parit Dalam hok so lagi biasa tuh 100 tapak RM500 dan Pasar Malam Wakaf Che Yeh 800 tapak RM195 yang ini dia buat permohonan dengan Dato' Panglima Perang jadi dapat RM195 paling murahlah iaitu 800 petak. Dan bagi peniaga yang tidak beroperasi dia tak guna tapak hari biasa dia kena bayar kepala bakul lah kepada operator. Jadi jika ada mengatakan RM4000, RM5000 itu kemungkinan ali baba tapi tahun ni kita tidak terima sebarang aduan berlaku Ali Baba ke atas tapak-tapak Pasar Ramadan dan juga tapak-tapak bazar Aidilfitri kita.

Yang kedua, Kota Lama lagi menyatakan bahawasanya Kelantan merupakan negeri kedua bantut selepas daripada Sabah. Jadi ambo pun telefon pegawai daripada Jabatan Kesihatan Kelantan nak tengok nombor 2 mana cari-cari tak jumpa jadi hantarlah satu pautan kepada ambonya....

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Kena betul fakta tu saya tak sebut pun kedua terbantut. Kena tengok balik dua punya ...

YB HILMI BIN ABDULLAH :

Berapa percent sebut marin?

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Saya tak sebut pun kedua bantut. Saya cuma pernah sebut pernah merekodkan 34%..

YB DATO' SPEAKER :

Yang Berhormat,

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

minta maaf...

YB DATO' SPEAKER :

Minta bangun untuk minta penjelasan...

YB HILMI BIN ABDULLAH :

berapa sebut semalam?

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Ok, saya sebut semalam bahawa keadaan bantut di Malaysia ini 21.8% dan ketika itu Kelantan 2019 merekodkan 34% itu dalam 3.

YB HILMI BIN ABDULAH :

Kelantan?

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Haaa...

YB HILMI BIN ABDULLAH :

34?

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

34% saya tak sebut pun saya rasa semalam tu saya ..

YB HILMI BIN ABDULLAH :

34..ok kita pegang ke 34.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Sebab saya tak sebut..

YB HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih... terima kasih... jadi kadar indeks kebantutan negaralah. Malaysia betul la sebagaimana disebut oleh Kota Lama iaitu sebanyak 21%. Yang tu kajian *National Health and Morbidity Survey* Tinjauan Kesihatan Mobility Kelantan Tahun 2022 lah iaitu Malaysia 21.25% dan kadar bantut daripada rekod dengan saya ni ada dekat 400 ambo cabut ambil so tajuk mengenai bantut lah. Malaysia 2022 dan yang terkinilah 2023, 2024 tak ada. Yang paling bantut dalam dia punya servey yang pertama Pahang 28.2%, yang kedua Sabah/Labuan 25.3% yang ketiga KL/Putrajaya 23.4% maknanya KL/ Putrajaya pun kurang makanan juga. Yang keempat Kedah 23.7%, yang kelima baru Kelantan 23%, yang keenam Selangor 26%, Melaka 21% dan kita paling bimbang iaitu di kalangan masyarakat orang asli average seluruh negara 43.8%. Ini adalah hasil servey kajian yang dibuat oleh penyata Jawatankuasa Pilihan Wanita Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat. Tajuk bantut di kalangan kanak-kanak Malaysia Tahun 2026 melibatkan semua Ahli Parlimen pembangkang baik, mahupun Kerajaan baik.

Jadi walaubagaimana pun kita semua negeri mestilah berikan bekerjasama kerana kita melahirkan rakyat yang sihat yang akan memberikan produktiviti kepada sumber manusia di masa depan. Seterusnya ambo nak respond sikit kepada ..

YB DATO' SPEAKER : [MEMOTONG]

Panjang lagi ke Yang Berhormat? Kalau panjang kita sambung petang.

YB HILMI BIN ABDULLAH :

Panjang lagi...

YB DATO' SPEAKER :

Panjang lagi boleh sambung selepas ini ...

YB HILMI BIN ABDULLAH :

Sebab yang itu Akta 672 perlu dijawab satu isu yang penting untuk semua Ahli Dewan fahamlah 672 telah dibangkitkan dalam Dewan. Saya mohon sambung selepas daripada ini.

YB DATO' SPEAKER :

Sambung selepas ini kalau panjang sambung lepas Dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan. Persidangan Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.15 petang.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.45
TENGAHARI DAN AKAN BERSAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.15
PETANG.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.15 PETANG.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhasrat untuk menghabiskan Penggulungan daripada pihak Kerajaan pada hari ini. Sekali lagi saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Dipersilakan....

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk menyambung Penggulungan saya pada petang ini. Saya ingin teruskan kepada ADUN Jelawat yang bertanya mengenai status penerimaan Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Tahun 2007 oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Untuk makluman Jelawat kita Kerajaan Negeri masih lagi menunggu maklum balas daripada JPSPN Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam mengenai surat makluman yang telah kita hantar kepada JPSPN mengatakan untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai hasrat kita untuk menilai semula pemakaian Akta 672. Cuma untuk makluman semua Ahli Dewan Akta ini adalah satu Akta yang mana akan memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja pelupusan Sisa pepejal Awam di seluruh Negeri Kelantan. Di antara dia ada *pro dan cons* dia sebab di pihak Kerajaan Negeri kita tidak ingin pisang berbuah 3 kali dan kita tidak ingin disengat berkali-kali. Kita ada sejarah kita telah menerima Akta Petroleum 75 sekarang ini kita tidak pernah menerima bayaran royalti 5% yang dijanjikan sebagaimana yang tercatat dalam perjanjian pembangunan petroleum.

Kita juga telah menerima Akta Migrasi Air tapi perjalanan tidak sebagaimana kita harapkan dan ada beberapa percubaan untuk mengambil alih hasil hutan kita itu tabung kredit untuk tujuan mengambil alih hasil kita ada juga usaha-usaha dia buat untuk sebab untuk mengambil alih kuasa-kuasa yang ada pada Negeri seperti Akta bandar

ataupun Jadi ini adalah satu apa ni satu program untuk kita melaksanakan dasar pembersihan awam yang telah dilancarkan di peringkat Persekutuan pada Tahun 2019 dan kita selaku sebuah negeri yang juga salah satu negeri dalam Malaysia juga bersama-sama Kerajaan Pusat untuk menjayakan Akta Pembersihan Awam. Walaubagaimanapun untuk menjayakan Akta Pembersihan Awam ini kita hendaklah sama taraf daripada kerja pembersihan awam keupayaan buruh-buruh kita dan juga semua spesifikasi pembersihan kita kena patuh kepada KPI yang telah ditetapkan oleh JPSPN. Selain kita menerima Akta 672 kita mendapat subsidi. Yang begitu tinggi sekarang ini kita di Kelantan kos pembersihan awam seluruh 12 PBT kita dalam RM50 juta setahun yang menyamai 30% daripada kos sebenar yang kita perlu laburkan untuk pastikan Kelantan kita ini bersih, indah dan ceria sebagaimana negeri-negeri yang telah menerima Akta 672. Kos sebenar yang kita perlu keluarkan iaitu 30% iaitu kelebihan kita punya Akta 672. Walaubagaimanapun kita sebenarnya ada ruangan lain untuk mendapatkan geran daripada Persekutuan untuk kita melaksanakan kerja-kerja pembersihan di dalam Negeri Kelantan.

Antaranya dalam Perlembagaan Persekutuan ada satu perkara penting iaitu Perkara 82 Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai perkhidmatan-perkhidmatan tersebut yang menyebut Perlembagaan Persekutuan membenarkan Persekutuan membiayai perbelanjaan Negeri yang berkaitan dengan kebersihan awam dan kesihatan awam dengan syarat projek tersebut adalah dengan melaksanakan dasar Persekutuan iaitu dasar kebersihan negara satu dasar Persekutuan dan kita menjadikan dasar tersebut sepatutnya Persekutuan boleh menyalurkan bantuan kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa-sisa pepejal dan pembersihan awam secara sendiri. Dengan syarat Kerajaan Negeri beraku janji memberikan komitmen mengikut dasar Persekutuan. Dan Kerajaan Persekutuan memberikan kelulusan khas kerana berkenaan dasar tersebut patut boleh dirunding dengan Persekutuan kerana kita tidak ingin kehilangan kuasa Negeri. Kalau kita menerima Akta 672 Akta itu menyebut Kerajaan Negeri hendaklah memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan untuk menguruskan kerja-kerja pengurusan sisa

pepejal dan pembersihan awam. Ini antara pertimbangan kita terpaksa bagi dengan teliti dan kalau kita terima 672 kita terpaksa menerima syarikat asing masuk ke Kelantan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam daripada kutip sampah, potong rumput, cuci longkang itu kebersihan bandar.

Yang kedua, sistem pepejal pelupusan di tapak pelupusan swasta akan masuk. Jadi kita Wakil Rakyat kalau nak adu ada aduan kena buat aduan kepada syarikat swasta. Sebelum ni kita buat aduan kepada SU Majlis ataupun kepada YDP Majlis. Kalau terima 672 kita hanya boleh buat aduan kepada manager ataupun CEO syarikat sebab tu saya gunakan istilah sampah berdaulat dan ini antara kekangan-kekangan kita perlu nilai dan ambil kira dan cuma kita dalam keadaan ekonomi semasa dan juga untuk memastikan Kelantan berdiri sama rendah berdiri sama tinggi duduk sama rendah negeri lain dan juga dimaklumkan telah menghantar nota hasrat semua sekali negeri untuk menerima akta 672 kita juga bersama-sama selangkah dengan negeri lain untuk sama-sama membincangkan secara lebih lanjut. Akta 672 bersama-sama doa supaya akta ini dapat dijayakan dalam keadaan kita Kelantan juga akan memiliki kuasa eksekutif dalam menguruskan pembersihan awam dan juga pengurusan sisa pepejal di dalam Kelantan. Itu respon kepada Jelawat.

Seterusnya kepada Nenggiri, Nenggiri simple saja.... Nenggiri bertanyakan hidupan liar. Untuk makluman Nenggiri beberapa ADUN bertanyakan mengenai masalah hidupan liar dalam bandar dan juga dalam kawasan hutanlah. Dalam bandar ni masalah keralah, kera dan anjing dalam hutan ni masalah gajah, harimau, beruang dan sebagainya. Untuk makluman Nenggiri dan ADUN-ADUN yang bertanya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Kali Ke15/2025 yang disahkan pada 30 Julai 2025 telah membuat keputusan bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Negeri Kelantan. Dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah diadakan pada 2 Februari 2026 yang dipengerusikan oleh saya sendirilah dan untuk konflik hidupan liar dan manusia MMK kali ke-6 2026 pada tahun ni lah yang telah disahkan pada 28 Februari 2026 telah membuat keputusan bersetuju meluluskan cadangan penubuhan

Jawatankuasa Khas Pengurusan Konflik Hidupan Liar dan Manusia Negeri Kelantan dan mesyuarat Jawatankuasa Khas Konflik Hidupan Liar dan Manusia Negeri Kelantan dicadangkan akan diadakan pada 5 Mei 2026.

Kita baru tubuhkan jawatankuasa dan kita akan buat beberapa kajian antara perbincangan utama yang kita akan adakan iaitu membincangkan kaedah untuk memastikan hidupan liar ni dia boleh bergerak dalam negeri secara terkawal kalau kita buat kajianlah orang kampung pun cerita dop gajah, rimau, beruang hok ada di kelate nih dia mari daripada seluruh negara sebab negeri lain ni tak dok hutan doh. Sebab kita Kelantan masih lagi mengekalkan 51% kawasan berhutan. 48% hampir ada hutan simpan. Jadi hutan-hutan negeri lain ni tak dok habis maka binatang serba mak niko ni jadi tempat berhutan. Maka dia mari kot nilah. Apa lagi yang disebut oleh Melor semalam mengenai Felda, Kesedar kalau kita kira berapa keluasan yang telah kita cuci yang kita bangunkan pastilah hampir 100 ekar ambo rasa. Itulah dulu kawasan berhutan didiami oleh haiwan-haiwan liar habitat-habitat binatang. Jadi kita cuci wak rumah peneroka kita cuci tanam kelapa sawit tak timbul lagi habitat haiwan hok pupus ni dok? Sekarang ni baru timbul masa kita nak bangunkan hutan ni barulah timbul isu hidupan liar, alam sekitar. Negeri lain buat pembersihan hutan tak timbul. Kita ni masih lagi mengekalkan 51% kawasan yang berhutan.

Dan respond kepada Tawang, Tawang bertanyakan Pantai Senok lah. Pantai Senok untuk makluman Tawang, Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam telah mendapat kelulusan pada 11 November 2025 untuk membangunkan Pantai Senok naiktaraf kemudahan pelancongan Pantai Senok Bachok mengikut kepada kertas ni sebanyak RM5 juta dalam proses *pulmonary works* di tapak Insha Allah setahun dua lagi akan siap segala kemudahan Pantai Senok dan kita Negeri telah naiktaraf jalan buka jalan besar dan akan bina jambatan akan menghubungkan ke Kota Bharu lepas ni Senok akan jadi bandar Insha Allah. Tahniah kepada Tawang deh.

Dan Bunut Payong, Bunut Payong bertanyakan Kelantanku Bersih. Kelantanku Bersih adalah satu dasar yang telah kita sama-sama bersetuju

untuk dijadikan satu dasar kebersihan Negeri Kelantan yang mana berakhir pada 2025 tahun lepas. Ia bermula dengan Dasar Kebersihan Negara tadi 2019 dan kita menyambut baik dan telah merangka Dasar Kelantanku Bersih dengan 5 teras, 13 strategi dan 62 pelan tindakan. Inilah kempen EXCO Kerajaan Tempatan untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri Kelantan yang bersih yang indah dan ceria. Untuk bersih ni kita perlukan sokongan bantuan daripada seluruh rakyat dan kerjasama daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjayakan program-program yang telah digariskan dibawah Kelantanku Bersih dan kita mulakan kempen Anugerah Kelantanku Bersih hasil daripada sinilah kita Kelantan ni setiap tahun ada wakil PBT kita yang mendapat anugerah Bandar Bahagia di Malaysia tahun ni Dabong dapat Bandar Paling Bahagia di Malaysia. Cuma ambo nak betulkan sikit Dabong tu bukan Dabong tu, Majlis Daerah Dabong bermula daripada Manik Urai hingga ke Dabong tapi melibatkan 2 ADUN lah. Cuma Majlis Daerah ni Dabong. Jadi kebahagiaan ni bermula daripada Manik Urai terus ke Dabong. Dia ada beberapa *indicator* yang menjadi penilaian iaitu perkhidmatan pimpinan pemimpin masyarakat kepada rakyat menyebabkan rakyat rasa bahagia. Komen tu A sokmo, jadi bahagia gak boleh markah tinggi ialah Bandar Paling Bahagia di Malaysia di Dabong. Tahun lepas Kuala Krai sebelum tu Jeli, sebelum tu Kuala Krai dan juga Gua Musang. Sebelum tu Jeli. Jadi bandar-bandar agak pedalaman bahagia. Jadi bandar bahagia hilir ni kena tingkatkan servis khidmat kepada rakyatlah.

Seterusnya Bunut Payong bertanyakan tentang Taman Rekreasi. Taman Rekreasi untuk warga kota perlu untuk penduduk Bunut Payong Lembah Sireh. Untuk makluman Bunut Payong, MPKB-BRI telah merancang pembangunan taman rekreasi untuk warga Kota Bharu khususnya penduduk di Bunut Payong dan Lembah Sireh melalui cadangan menaiktaraf kolam takungan Jabatan Pengairan dan Saliran JPS di Lembah Sireh kepada sebuah Taman Rekreasi pada RMK-13 serta cadangan Taman Mualim di Pintu Geng melalui peruntukan EFT. Inisiatif ini bertujuan menyediakan ruang rekreasi baru kepada komuniti setempat dalam persekitaran yang lebih teratur, selamat dan selesa. Lepas ni Bunut Payong kena *follow up* Dato' PKN mengenai cadangan-cadangan yang telah diutarakan. Dan respond mengenai kesesakan

lalulintas yang berlaku di Jalan Masjid Sultan Mansur Kampung Sireh. JKR mengambil maklum terhadap kesesakan lalulintas di hadapan Masjid Kampung Sireh kesesakan ini disebabkan oleh kadar penggunaan jalan untuk ke kawasan pembangunan bercampur Lembah Sireh adalah tinggi. Walaubagaimanapun berdasarkan pada pelan induk kawasan pembangunan bercampur Lembah Sireh yang mendapat kelulusan hendaklah merancang Oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam pada 29 Disember 2013 terdapat impak keluar jalan masuk yang perlu dibina oleh pemaju pembangunan bercampur bandar Lembah Sireh. Sehingga kini hanya 2 jalan keluar masuk telah disediakan oleh pihak pemaju itu jalan Maulana Kurasan dan jalan masuk Tesco. Kedua-dua jalan ini adalah sediaan di bawah MPKB manakala 2 lagi jalan keluar masuk ke pembangunan bercampur masih lagi belum dibina oleh pihak pemaju iaitu Jalan Pintu Geng dan Jalan Sri Kota Kubur Terap. Ketiadaan 2 jalan ini menyebabkan penguraian aliran trafik dan menyumbang kepada kesesakan lalulintas di jalan tersebut sehingga ke hadapan Masjid Kampung Sireh.

Satu mesyuarat penyelarasan antara pihak pemaju dengan MPKB, JKR dan pihak Negeri perlu dibuat bagi meneliti perkara ini mencari penyelesaian yang komprehensif. Insha Allah kita bawa benda ni ke Dewan dan akan satu *priority* lah kepada MPKB untuk menyelesaikan trafik di Lembah Sireh.

Seterusnya saya ingin pendek saja, respon kepada Tendong. Tendong bertanyakan kepada Taman Rekreasi kawasan lapang di sebelah Masjid Mukim Bunut Payong dan juga rizab kawasan lapang Rumah Mampu Milik Bunut Susu. Dan kalau jadi kita akan bina kawasan lapang tersebut setelah kita siap membina taman Rumah Mampu Milik di kawasan Tendong. Jadi Tendong kena sabar sikitlah. Dalam proses Insha Allah.

Seterusnya Chempaka, Chempaka bertanyakan mengenai telah dijawab iaitu isu *no wrong door* iaitu mengenai aduan yang terpilih. Nak buat aduan tidak ambil semua aduan tersebut. Dan untuk makluman Chempaka kita ada aplikasi aduan awam, kita ada *PBT care* boleh di isi aduan tersebut ada portal e-Aduan PBT dan juga aduan Kelantan. Ambo

minta semua ADUN-ADUN boleh *download* lah dan isi e-Aduan Kelantan.gov.my. lapor apa sahaja jadi pihak Negeri akan buat pemantauan dan kalau ada MPKB kita akan salur kepada MPKB dan boleh *tracking* laporan itu bila diambil tindakan status semasa dan bila selesai itu peringkat Negeri. Di peringkat Persekutuan ada SISPA Insha Allah kita buat aduan secara teratur dan kita didik dan kita juga buat aduan secara teratur. Masalah kita lori rakyat kita ada aduan masuk dalam *facebook* dia tag YB. YB tak tengok pun kade-kade 2 minggu. Guano YB tak buat kijo? Padahal kita tak tahu. Jadi dia kira aduan dia selesai jika YB jawab dalam *Facebook* baru selesai. Jadi apabila masalah berlaku di kalangan masyarakat kitalah.

Seterusnya Pengkalan Pasir bertanyakan mengenai pengasingan kuasa YDP dengan Ketua Jajahan. Cadangan dia lah... pengasingan YDP dengan Ketua Jajahan pernah dibincangkan di beberapa peringkat forum namun masih belum diputuskan pelaksanaannya oleh kerana ia melibatkan peruntukkan kewangan yang besar kerana melibatkan Penubuhan Jawatankuasa Khas YDP Gred N14 dan Jusa C atau setaraf. Buat masa ini waran perjawatan hanya diwujudkan kepada Ketua Jajahan Gred N 14 atau Jusa C dan perlu Ketua Jajahan dibayar elaun sahaja sebagai menjalankan tugas-tugas YDP dan juga PBT. Benda ini akan dibincangkan daripada masa ke semasa oleh Bahagian Kerajaan Tempatan bagi memastikan perancangan di pihak PBT sebagaimana kerisauan Pengkalan Pasir berlaku perubahan perjawatan YDP. YDP dia mari sebentar dia naik pangkat. Jadi walaubagaimanapun ambo rasa ambo percaya perancangan-perancangan PBT berlandaskan kepada *blueprint* PBT rancangan jangka masa panjang PBT, Pelan Strategik PBT walaupun telah bertukar YDP, bertukar SU dan ambo percaya pentadbiran dapat menjalankan kepada pelan strategik kita pembangunan berdasarkan kepada arti yang telah diwartakan kepada setiap PBT masing-masing.

Ambo rasa itu sahajalah untuk respon daripada Perbahasan daripada ADUN-ADUN yang terlibat. Terima kasih kepada ADUN-ADUN yang menyentuh portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Semoga kita dapat sama-sama berganding bahu mewujudkan sebuah negeri yang bersih, indah ceria, rakyat yang sihat,

dan juga sejahtera dan juga negeri yang boleh memberikan kehidupan yang lebih bermakna kepada rakyat Kelantan, Insha Allah.

Ambo akhiri

وبالله توفيق والهداياه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat... seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengerusi Pembangunan Islam, Dakwah Penerangan dan hubungan Seranta, dipersilakan Yang Berhormat.

YB TUAN UST HJ MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mulai Penggulangan pada petang ini dengan membaca firman Allah Taala daripada Surah Al-Insyirah ayat 7 dan 8

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ

وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ

Maksudnya dan apabila selesai daripada kamu selesaikan satu-satu tugas maka hendaklah kamu berusaha lagi untuk tugas yang lain. Dan kepada Tuhan kamulah kamu menyerahkan segala pengharapan kamu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menjunjung kasih sempena dengan Persidangan kali ini ke hadapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan yang telah menyentuh dan menegaskan untuk menjaga kesucian agama Islam dan supaya rakyat negeri ini tidak menimbulkan apa-apa ketegangan di antara kaum serta melaksanakan program-program kesedaran untuk kefahaman agama Islam ini dilaksanakan dengan jayanya dan saya ingin menyatakan terima kasih kepada 21 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membuah perbahasan Titah tersebut dan 5 daripadanya ada menyentuh tentang portfolio saya

iaitulah Pasir Tumboh, Galas, Kota Lama, Jelawat dan juga Pengkalan Pasir.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian,

Tadi saya mulakan dengan bacaan ayat Al-Quran berkaitan dengan tugas, kerja dan tanggungjawab kerana di dalam Islam ini apabila kita selesai melaksanakan apa sahaja tugas maka kita tidak boleh berehat tidak boleh berhenti untuk memikirkan bahawa kita sudah selesai tugas kerana di dalam Islam ini tugas tidak akan selesai ada sahaja jalan-jalan kebaikan yang mesti diselesaikan dan difikirkan oleh kita untuk kita menambah pahala di dalam kehidupan kita.

Jadi itulah semua Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan pertanyaan khususnya yang berkaitan dengan Halaqat Negeri dan Pasir Tumboh juga menyentuh pemerksaan berkaitan dengan Halaqat Negeri dan pondok dan juga Pengkalan Pasir yang menyentuh secara khusus tentang guru-guru Halaqat yang ada di Negeri Kelantan Darulnaim ini yang ada disebut bahawa kebanyakan sudah berumur boleh jadi 70 tahun ke atas tua-tua dah. Jadi ada yang boleh jadi tidak mampu untuk mengajar dan kebanyakannya dilihat tidak mengajar di balaisoh-balaisoh. Boleh jadi ada di masjid-masjid. Sebenarnya guru halaqat pembantu dan pegawai halaqat seramai 536 orang yang ada di negeri Kelantan ini 70% nya adalah berumur 60 tahun ke bawah 70% di mana yang berumur 21-40 tahun seramai 186 oarng iaitu 34.7% dan 41-60 tahun 189 orang iaitu 35.3%. Yang 61 ke atas ini ialah seramai 161 iaitu 30%.

Maksudnya tidak semua Guru-Guru Halaqat ini adalah orang-orang yang tua katakan tak boleh mengajar. Tetapi kita di Negeri Kelantan Darulnaim ini yang berumur semakin dia berumur dia dah mengajar umur 40 50 semakin dia berumur 60 dia tak ada kerja lain dia tumpu untuk mengajar dan ilmunya makin matang yang umur 60 lebih itu adalah lebih mantap dan lebih baik. Ada juga jadi kena tengok daripada pelbagai aspek bahkan Guru-Guru Halaqat ini sebenarnya telah mengajar bukan setakat yang

dikatakan di masjid-masjid sahaja yang ada elaun tambahan ke apa tidak, di Surau sebanyak 378 surau di Negeri Kelantan, 506 masjid dan lain-lain tempat 136. Iaitu di pusat-pusat khidmat DUN, kadang-kadang ada yang panggil di Pejabat-Pejabat Kerajaan, kadang-kadang ada dipanggil di tempat-tempat terbuka sempena program-program yang dianjurkan. Jadi dipanggil guru-guru pegawai halaqat ini. Jadi mereka telah melaksanakan gerak kerja ini secara baik dengan silibus kalau di masjid surau itu yang telah diputuskan silibus sebelum daripada ini yang mereka bawa yang mereka mengajar yang itulah ada penambahan-penambahan sedikit itu berdasarkan kepada situasi semasa pada hari ini.

Iaitulah tafsir yang digunakan iaitu tafsir pimpinan Ar-Rahman Syeikh Abdullah Basmit hadith 40 Imam Nawawi, Kitab Tasawwur, kitab penawar bagi hati, Sheikh Abdul Khadir Mandili, Fekah kitab idaman penuntut Tuan Guru Hj Abdul Ali Yahya dan kitab akidah kitab asas akidah Islam Sheikh Abdul Aziz Umar Ahmad keluaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Itu antara perkara yang telah disusun dan pada sesi ini pada tahun ini ada diwujudkan panel untuk membaik mengupgred menambah baik silibus yang ada dan Insha Allah setelah daripada panel ini bersidang dan kemudian mencadangkan cadangan penambahbaikan silibus tersebut maka akan diangkat kepada Jawatankuasa Pembangunan Islam untuk diluluskan dan diangkat kepada peringkat yang ke seterusnya.

Jelawat ada banyak menyentuh tentang persoalan Rang Undang-Undang khususnya yang berkenaan tentang Enakmen Mahkamah Syariah 2022 bagaimana apa yang terjadi dengan Rang Undang-Undang ini sekarang dan untuk makluman Rang Undang-Undang Mahkamah keterangan Mahkamah Syariah 2002 ini sekarang ini dalam proses penelitian di peringkat pemurnian oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan Darulnaim setelah daripada beberapa penambahbaikan dan semakan yang telah dibuat oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri telah menghantar beberapa semakan dan penambahbaikan tersebut pada 26 Februari yang lalu untuk dibuat penelitian dan proses pelaksanaannya oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. Begitulah juga dengan Enakmen

Tatacara Jenayah Syariah setelah daripada 2002 dikuatkuasakan 2003 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah yang terkini yang telah diluluskan pada pindaannya 2022 dan telah dikuatkuasakan pada 17 Mac 2024 telah pun dilaksanakan. Bila Jelawat tanya maksudnya mungkin disana ada beberapa perkara yang boleh jadi tidak dimaklumi oleh pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat. Telah pun dikuatkuasakan Mac 2024 dan ada pertanyaan tentang cadangan Rang Undang-Undang untuk membasmi ajaran sesat di Negeri Kelantan ini di pihak kerajaan negeri melihat bahawa khususnya pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan bahawa dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 sudah ada peruntukan berkaitan untuk membasmi ajaran sesat.

Sebenarnya kita dah ada dah cukup dalam Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 itu seksyen yang ke tujuh sudah ada mereka-mereka yang memutarbelit agama Islam hukum-hukum bagi mereka yang mengubah tentang ajaran Islam ini dan berkenaan dengan Enakmen Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan iaitu Perkara 119 (1) yang ini telah disebut khusus tentang ajaran sesat dan tentang hukuman kepada mereka yang membawa ajaran sesat dalam Negeri Kelantan ini. Pun begitu ada cadangan untuk mewujudkan Rang Undang-Undang ini dan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan dan setakat ini Insha Allah selepas daripada selesai Pindaan yang akan dibuat kepada EKJS (I) 2019 pada tahun ini dan juga kepada bila diwartakan kepada Undang-Undang Keluarga Islam nanti Insha Allah akan difikirkan untuk cadangan tersebut.

Ada persoalan berkaitan tentang mengguna pakai bagaimana kerajaan mengguna pakai kaedah-kaedah Peguam Syarie di Negeri Kelantan ini dalam menjaga Hal Ehwal berkaitan dengan Peguam Syarie di negeri Kelantan. Kerajaan Negeri dalam menjaga hal ehwal Peguam Syarie ini sebenarnya kita telah menggunakan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Pindaan 1998 yang mana kaedah-kaedah Peguam Syarie 2000 telah digunakan dan untuk makluman ada satu Jawatankuasa telah diwujudkan untuk melihat Pindaan kaedah-kaedah Peguam Syarie ini dan kini sudah berada di fasa akhir.

Jadi Insha Allah akan diteliti dan setelah daripada disempurnakan beberapa kaedah tersebut maka akan Insha Allah akan dibuat pemakluman nanti. Dan untuk maklumannya sumbang sarang di peringkat Pejabat Penasihat Undang-Undang dan juga di peringkat Mahkamah Syariah telah dibuat dalam perkara ini untuk kita memastikan bahawa Peguam Syarie di Negeri Kelantan kita ini Insha Allah ada Enakmennya lebih baik dan ia lebih baik jika ia terasing daripada Enakmen Pentadbiran Syariah itu sedang diteliti.

Dan berkenaan dengan penguatkuasaan Jabatan Penguatkuasaan di bawah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan ini sebenarnya satu mesyuarat telah diadakan di mana telah dipersetujui untuk diperkasakan penguatkuasaan di Jabatan Peguatuksaan Syariah JAHEAIK. Dan pemerksaan itu akan berlaku daripada tahap ke tahaplah daripada semasa ke semasa dari sudut infrastruktur dan dari sudut logistik, sumber manusia dan juga perkara-perkara tersebut perlu dilihat dari sudut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan satu kertas kerja dan telah pun diangkat berkaitan dengan pemerksaan Jabatan Penguatkuasaan Syariah ini dan telah dipersetujui secara dasarnya dan kini telah berada dan diangkat ke pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia pada Julai 2025 yang lalu.

Dan kakitangan-kakitangan yang membuat serbuan dan tangkapan ini sebagaimana yang telah disuarakan oleh Jelawat untuk maklumannya Insha Allah Kerajaan Negeri meneliti dan sekarang ini telah membuat semakan untuk penambahan kakitangan gred 41 ini dan sedang usaha untuk memastikan bahawa kita dapat melaksanakan tugas khususnya yang berkaitan dengan tatacara tindakan serbuan dan kuatkuasa agama itu dapat dilakukan secara professional dan mengikut lunas undang-undang.

Dan itulah saya kira beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Jelawat dan apa yang saya ingin menyentuh sedikit perkara yang apa telah disentuh oleh Galas berkaitan dengan manifesto yang mana Galas menyatakan bahawa dakwaan 84% manifesto yang dicapai oleh Kerajaan Negeri itu adalah bukan angka yang kecil itu adalah suatu perkara yang

besar yang perlu definisikan. Apa pelaksanaan? Jadi saya kira Galas pun sudah faham bahawa manifesto itu sendiri ialah tawaran janji yang perlu dilunaskan setelah daripada ditawarkan semasa nak berkempen pilihanraya dan apabila telah mendapat mandat maka tawaran manifesto itu semuanya boleh dikatakan manifesto ini tawarannya baik-baik tidak ada tawaran yang tidak baik cuma berbezanya apabila ada manifesto kadang-kadang dibuat oleh satu-satu parti politik itu manifesto yang berada di awan-awangan yang tidak berpijak di bumi yang nyata. Tapi kita di Kelantan Darulnaim ini sejak daripada dulu lagi dan untuk manifesto PRU 15 yang lalu saya masih ingat Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan sekarang ni ada di sini dia mengingatkan kepada panel-panel yang membuat manifesto supaya pastikan manifesto tersebut jangan manifesto yang tidak berpijak di bumi nyata. Manifesto yang memang tidak masuk akal untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bila kita memerintah Kerajaan Negeri mesti manifesto itu adalah manifesto yang ada di dalam kemampuan kita kerana kita wajib laksanakan selepas daripada itu. Maka setelah daripada kita mendapat mandat untuk memerintah Kerajaan Negeri maka diwujudkan satu pasukan pemantau supaya Kerajaan Negeri tidak mahu rakyat nyatakan bahawa kita adalah Kerajaan yang menipu. Kerajaan yang tidak melaksanakan manifesto kerana kita berasaskan bahawa janji itu perlu dilaksanakan sebagaimana firman Allah S.W.T:-

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Dan hendaklah tepati janji kerana janji itu akan dipersoalkan oleh Allah S.W.T kelak

Surah Al-Israq ayat 34.

Al-Imam Sa'di menyatakan

فَإِنْ وَفَيْتُمْ فَلَكُمْ الثَّوَابُ الْجَزِيلُ، وَإِنْ لَمْ تَقُوا فَعَلَيْكُمْ الْإِثْمُ الْعَظِيمُ

“Maka jika kamu menunaikan (janji tersebut), bagi kamu pahala yang besar; dan jika kamu tidak menunaikannya, maka ke atas kamu dosa yang besar.”

Kalau kamu laksanakan janji ataupun dalam Bahasa kita Bahasa manisfesto kalau kamu laksanakan manifesto kamu akan dapat pahala yang besar.

وَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَعَلَيْكُمْ الْإِثْمُ الْعَظِيمُ

Dan sekiranya kamu tidak laksanakan manifesto tidak ada cara usaha untuk laksana manifesto kamu dapat dosa yang besar.

Inilah yang ditakuti oleh Kerajaan Membangun Bersama Islam sebab itu dilantik pemantau dan Alhamdulillah pemantau di pejabat yang tertinggillah di Negeri Kelantan di pejabat Menteri Besar dilantik iaitulah SPARK iaitulah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar dijadikan sebagai pemantau untuk memastikan bahawa manifesto tawaran PRU 15 itu dilaksanakan sebelum masuk PRU 16 sepatutnya tempoh 5 tahun setelah dipantau sebelum masuk 3 tahun sengaja dan Kerajaan Negeri memang sengaja mengisytiharkan sebelum tempoh awal lagi contoh 50% , 50% lah kena maklum. Tapi Alhamdulillah kebetulan masuk September 2023 sehinggalah Januari 2026 manifesto itu telah capai sehingga 84%. 18 tawaran yang telah ditawarkan dan peratusan kiraan skala itu adalah berdasarkan skala yang telah ditetapkan itu sekiranya kalau tak jalan apa-apa manifesto walaupun langsung. Memang tak dapat markah tetapi julat 1-49 sekiranya kertas kerja sudah dibuat ada dah 2,3,4 markah sudah 1-49 dan sekiranya sudah dipersetujui dalam mesyuarat dan telah dipersetujui untuk dibuat dia naik sikit markah sampai 10 tetapi dia tidak akan sampai 50 sehinggalah apa yang dihasilkan di dalam kertas kerja itu dilaksanakan.

Dilaksanakan tidak sepenuhnya lagi dibuat Jawatankuasa diwujudkan semua sekali dan 50-70% ini ialah yang menunjukkan peringkat rundingan telah diselesaikan dan 71-89% menandakan peringkat pelaksanaan dan 90-100% diberikan kepada inisiatif yang telah siap dan juga yang telah beroperasi. Kalau beroperasi yang tidak siap sepenuhnya

lagi boleh jadi 91-93 tapi kalau disiapkan sepenuhnya maka diletakkan 100% dan hal ini sebenarnya dia bergantung kepada program-program yang ditawarkan tadi dan untuk makluman program yang ditawarkan adalah 96 program. Bukan semua sekali hal ehwal yang berkaitan dengan yang kita rasa orang fikir yang ni Kerajaan kena buat iaitu yang ada dalam manifesto tak semestinya yang ditawarkan oleh Kerajaan Parti Islam Semalaysia itu apabila memerintah Negeri ialah 96 program dan perincian program-program anaknya ialah sebanyak 154 program dan untuk maklumannya yang belum lagi dilaksanakan daripada 96 program ini adalah 11 program.

Yang ni kita tak laksanakan dan dalam manifesto baru-baru ini yang dapat 100% satu sahaja daripada 18 tawaran hanya 1 tawaran sahaja 100% dan ada yang dapat 50% bagi kita 50% fail lagi mesti dilaksanakan. Jadi kita bagitahu awal supaya pemegang-pemegang taruh, agensi-agensi terbabit hendaklah meningkatkan dan laksanakan sebelum berakhir 5 tahun wajib 100% semua sekali dilaksanakan kerana ini janji kita kepada rakyat kita tidak mahu dipersoal di hadapan Allah S.W.T kita sebagai penipu. Kerana dalam hadis yang soheh dinyatakan

Hari akhirat kelak sesungguhnya orang tidak melaksanakan janji dia orang yang pelawak tidak melaksanakan janji dia maka akan ditegakkan satu janji di akhirat kelak maka akan berkatalah malaikat berkatalah ini adalah sipulan janji pengkhianatan si fulan bin si fulan.

Dia sebut nama kita, kita tak mahu di Negeri Kelantan ini akhirat kelak si fulan bin si fulan dia sebut ini adalah pengkhianatan kamu... ini pengkhianatan kamu kita tengok benda ni sebab tu kita tidak kira siapa, laksanakan benda ni kepada rakyat. Jadi Alhamdulillah baru-baru ini awal tahun ini dalam tahun ini kita dedahkan 84% tapi ada yang 50% paling rendah 50% dan sebenarnya yang dapat 90% ke atas ini hanyalah 7 tawaran sahaja dan yang mendapat 70-90% 9 tawaran dan 70% ke bawah adalah 2 tawaran dan yang mendapat paling rendah 50% itu ada satu tawaran lagi. Jadi maksudnya masih ada lagi benda-benda yang perlu diperbaiki lagi ini bukan konflik. Dan untuk makluman manifesto ini ada benda-benda yang dibuat oleh Kerajaan Negeri tak dok pun dalam

manifesto tapi dilaksanakan. Contoh tadi saya dah jawab dalam Majlis Pembangunan halal merasmikan Majlis Pembangunan Halal Negeri bukan senang nak basmi itu tak dok pun dalam manifesto tetapi kita telah buat perasmian dan wujudkan jawatankuasa untuk satu agenda yang besar di dalam negeri sepatutnya tak buat pun tak po sebab tak dop pun di dalam manifesto tapi kita buat demi kesejahteraan rakyat.

Manifesto ini adalah sebagai satu janji pada masa itu yang kita lihat relevan pada masa itu dan kini sudah 2 tahun lebih 3 tahun kita lihat ada perkara-perkara lain tak ada dalam manifesto tapi ia adalah relevan dan demi kebaikan rakyat maka kena buat tak dok dalam manifesto takpo. Tetapi manifesto ni benda-benda baik maknanya apabila capai 84% Galas pun patutnya dia kata terima kasihlah tahniahlah Kerajaan Negeri banyak dah tu buat tapi buat 11% tak buat lagi tu tawaran yang tidak buat. Jangan kata dakwa yang 84% ni mari mana. Ar sedak ar gimik politik sebab ni benda-benda baik dan kita buat sebenarnya Kerajaan Negeri memberi penekanan di dalam persoalan untuk memberi kemudahan kepada rakyat ini dan kesenangan keselesaan kepada rakyat Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar setiap kali mesyuarat EXCO apabila timbul apa-apa kesusahan dia baca ayat

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ٦

baca ayat baca hadis

"وَمَنْ يَسِّرْ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ"

siapa yang memudahkan urusan orang yang susah maka Allah akan mempermudah urusan kita.

Kita Kerajaan kita mempermudah urusan-urusan rakyat maka Insha Allah Allah mempermudah urusan Kerajaan.

Jadi Alhamdulillah kita tengok ini antaranya kita tengok negeri kita PMX permudah belako. Kerajaan Kelate nak lagumana, MB nak lagumana permudah belako itu maksudnya Allah S.W.T hok kita fikir juga bahawa lembutkan hati PMX kita untuk mempermudah urusan di Kelantan

sebab kita pemimpin Kelantan kita pemimpin mempermudah yang lain. Pahtu hok yang kedua ayat yang Dato' Panglima Perang baca kan tadi tu kena tanya dialah. Jadi kita nak bagitahu bahawa ini adalah KPI kita di dalam mengurus hal ehwal rakyat manifesto ini memang wajib kita laksanakan tetapi ada perkara-perkara yang tidak melibatkan manifesto pun itu adalah perkara yang wajib dilaksanakan oleh peringkat Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.

Dan perkara itu sebenarnya kita berganding bahu di antara satu sama lain untuk rakyat walaupun boleh jadi parti berbeza tetapi untuk kesejahteraan rakyat, kebajikan rakyat ini kita melupakan persoalan warna-warna parti in pilihanraya *time* pilihanraya tapi tidak pilihanraya kita sama-sama bagaimana kita memastikan rakyat kita ni berada di dalam keselesaan dan berada di dalam kesejahteraan dan mereka tidak terabai. Inilah yang usaha yang saya sedikit menjawab persoalan berkaitan dengan manifesto itu yang sebenarnya mengikut skala yang telah ditetapkan dan pemantauan wajib yang ditetapkan oleh pihak kita supaya tidak ada seorang pun agensi pemegang taruh yang berkaitan portfolio yang tidak melaksanakan manifesto. Kalau ada yang tidak yang melaksanakan kita nak pilihanraya esok lusa ada lagi yang tak laksana maka kita semua akan dipertanggungjawabkan kelak di hadapan Allah S.W.T.

Itu pentingnya pemantauan ini jadi sebab itu kita dedahkan berani kita dedahkan biar rakyat tahu setakat mana rakyat nak tanya ni dapat 100% ni bakpo sebab dalam setiap tawaran itu ada program kadang-kadang ada 7 program ada 4 program. Contohnya perantau Galas ada kata macam mana ekonomi rakyat kita yang berada di perantauan adakah terbela dah semua kita tak masuk yang tu memastikan rakyat yang berada di luar Kelantan Darul Naim mereka juga sudah tidak terabai dan juga tidak ada yang berada di dalam kesudahan kemiskinan. Arr.. tak dok hok tu tetapi sudah diletakkan program-program yang tertentu dan ada 4 program dan 4 program ini telah dilaksanakan. Alhamdulillah sepenuhnya jadi dia dapat 100% berdasarkan kepada program tersebut. Bukan berdasarkan kepada unjuran semua sekali apa yang kita jangkakan dan masa serta

perkara-perkara yang kita nampak menjadi harapan dan tuntutan daripada rakyat.

Itulah yang saya kira berkaitan dengan sedikit sebanyak manifesto yang telah ditimbulkan dan saya juga ingin sedikit menyentuh apa yang disentuh oleh Bunut Payong dan juga Kota Lama tentang kesihatan mental dan gejala sosial di peringkat kalangan belia yang berlaku yang kita sudah ada pun beberapa perkara-perkara yang menghalang daripada mereka membasmi pembasmian gejala sosial dan lain-lain sebenarnya yang perlu menjawab portfofio ini adalah portfolio kesihatan dan juga belia dan telah disentuh pun apa nama tadi oleh portfolio kesihatan dan juga belia. Cuma saya nak nyatakan di sini bahawa sebenarnya di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan JAHEAIK akan memperkenalkan satu *pilot* projek berkaitan dengan perkhidmatan terapi jiwa berasaskan rukyah syariah jampi dalam Islam ini berdasarkan ayat-ayat suci Al-Quran dan juga kaunseling psiko spiritual ini kepada masyarakat dan benda ini penting kerana kita tengok pihak KKM sendiri telah menubuhkan bahagian perubatan tradisonal dan komplimentari bagi mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan mistik dan berkaitan dengan perkara ini.

Jadi kita di Kelantan di bawah pelaksanaan agenda *syariah life, syariah life* telah dirasmikan pada tahun lepas. *Syariah life* ini akan pergi kepada semua sama ada yang kesihatan mental berkaitan dengan ekonomi, berkaitan dengan belia. Yang ni pun tak ada dalam manifesto nih takdop tak sentuh pun tapi kita buat kerana untuk memastikan bahawa sistem perjalanan rakyat di Negeri Kelantan ni berjalan dengan mengikut tuntutan syariat tak lari sedikit pun. Jadi antara bagaimana cara untuk menyelesaikan permasalahan masalah mental dan seumpamanya ini maka Insha Allah satu pilot projek yang bernama terapi jiwa yang berasaskan rukyah syariah dan kaunseling psiko spiritual akan diperkenalkan dan ia sebenarnya sebagai langkah intervensi awal untuk pendekatan terapi mengikut kaca mata syariah boleh guna ayat-ayat Al-Quran. Kadang-kadang orang tak baca Al-Quran ambil air sembahyang pun dop muka tak rajin ambil air sembahyang bila kita gunakan Al-Quran kita bacakan orang tu jadi lain doh.

Jadi terapi ni penting juga dan juga penting juga untuk mengelakkan masyarakat merujuk kita tak mahu masyarakat merujuk kepada bomoh-bomoh yang buat benda-benda kurafat yang tak ada dalam yariat Islam dan kita nak supaya rakyat negeri kita ini dalam hal ehwal yang berkaitan dengan masalah kecelaruan jiwa masalah apa-apa masalah peribadi juga merujuk kepada institusi agama dia tidak lupa institusi ini. Jadi oleh kerana itu Insha Allah juga akan dilaksanakan dengan kerjasama dengan pihak hospital dan pihak kesihatan bukan kita nak ambil tugas hospital atau pun khidmat mereka yang lain tetapi untuk menyempurnakan lagi pelaksanaan bagaimana membasmikan gejala-gejala yang tidak sihat di dalam negeri kita.

Terima kasih sekali lagi saya ingin ucapkan kepada semua yang terlibat di dalam membahaskan ucapan Titah dan juga yang menyentuh portfolio saya minta maaf sekiranya ada salah dan silap sehingga berjumpa lagi.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Pengerusi Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan inovasi. Dipersilakan...

YB DATO' UST HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merakamkan setinggi ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan Diraja yang telah dititahkan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan pada Dewan ini pada hari Isnin 2 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan dengan 20 April 2026 Masihi.

*Anak nelayan kelaut pagi,
Menarik pukat bersama teman,
Titah Tuanku menjadi pedoman Negeri,
Negeri aman sepanjang zaman.*

Terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian membahas Titah Ucapan Diraja dan ada beberapa Ahli Dewan yang menyentuh portfolio saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Tumboh atas ucapan tahniah kepada calon-calon SPM yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang pada pengumuman baru-baru ini 30 Mac di mana ia telah meningkat pencapaian SPM. Bukan setakat SPM, STAM dan juga SMU semuanya meningkat dan seramai 92 orang memperolehi straight A berbanding 80 orang sebelum daripada ini. Jadi Kerajaan bersetuju sebagaimana lazimnya memberikan sumbangan kecemerlangan sebanyak RM500 kepada calon-calon yang memperolehi 9A keatas SPM, MUMTAZ STAM dan juga STPM 4A. Jadi kita telah membuka bermula 9 April lepas sehingga tutupnya pada 19 April seramai 1139 calon yang layak telah pun mengisi borang. Jadi oleh kerana STPM belum diumumkan lagi maka kita rasa ada lagi pelajar yang tercicir maka kita sambung lagi buka peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak berkesempatan sehingga 29 April nanti. Jadi sebarkanlah kepada calon-calon yang mempunyai kelayakkan tersebut.

Yang Berhormat Galas ada membangkitkan pencapaian manifesto telah dijawab oleh sahabat saya EXCO Agama dan Penerangan, manakala Yang Berhormat Semerak menyentuh persoalan capaian internet bagi memastikan penduduk mendapat menikmati liputan internet yang baik. Pihak MCMC bersama pemberi perkhidmatan sentiasa berbincang, merancang dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan seperti menambah menara telekomunikasi baru, menaiktaraf atau menambah kapasiti rangkaian serta menjalankan ujian dan pemeriksaan secara berkala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan orang awam digalakkan menyalurkan maklumat berkaitan lokasi-lokasi yang mengalami masalah kualiti perkhidmatan melalui *MCMC nexus*. *MCMC nexus* adalah portal

analitik rangkaian digital dan ujian kelajuan rasmi Malaysia. Satu alat revolusionar yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia SKMM dengan izin. Manakala mengenai green teknologi hidro Kerajaan sentiasa membuka peluang kepada pelabur untuk membangunkan sektor ini. Manakala Lembah Sireh silikon pun pihak Kerajaan melalui PKINK dan Kelantan ICT GATEWAY masih lagi dalam usaha mengenal pasti dan mencari pelabur berpotensi dan memuktamadkan lokasi sebagaimana cadangan awalnya iaitu di Tunjong tapi kena beralih kepada lain pula.

Yang Berhormat Nenggiri meminta Kerajaan menyediakan kemudahan tanah yang lebih luas untuk kemudahan sekolah itu bergantung atas pihak sekolah melalui Kementerian Pendidikan dan boleh dipohon kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Wakaf Bharu menyentuh tentang penubuhan perbadanan digital. Pihak Kerajaan telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Perbadanan Digital Negara dan yang terakhir ke Perbadanan *Digital Sarawak SDEC Sarawak Digital Economic Coperation* dan pada 15-16 April yang lepas kita telah adakan sesi libat urus yang di urusetiakan oleh UPEN dan PBTM Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat bersama Perbadanan Digital Sarawak di Hotel Perdana sebagai penanda aras penubuhan Perbadanan Digital Negeri Kelantan.

Mengenai isu keselamatan siber dan juga gejala *scammer* kerajaan negeri juga berusaha melindungi rakyat bagi ancaman penipuan dalam talian dengan mengadakan kerjasama erat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia MCMC dan juga pihak keselamatan bagi mengelak perkara ini berlaku dengan lebih serius di samping membawa isu ini ke pihak Kementerian untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Dan sempena sidang DUN kali ini MCMC mengadakan kempen internet selamat yang mana kalau Ahli Yang Berbormat keluar Dewan ni pihak MCMC membuka meja untuk mana-mana Yang Berhormat sapa-sapa yang kebetulan berkunjung ke sidang DUN ini ada masalah talian dan sebagainya boleh merujuk di meja tersebut.

Yang Berhormat Dabong, Kuala Krai, Yang Berhormat Dabong Kuala Balah dan juga Galas menyebut tentang memperkukuhkan pendidikan dan TVET. Untuk makluman Kerajaan Negeri Kelantan dan juga menubuhkan majlis TVET negeri sebagai *platform* rasmi bagi menyelaras ekosistem pendidikan dan latihan kemahiran di negeri ini. Walaupun banyak institusi di negeri ini pusat kemahiran TVET berada di bawah selian Kerajaan Persekutuan namun kerajaan negeri tetap menggunakan ruang, peranan dan kuasa yang ada untuk membina laluan kepada anak-anak Kelantan. Walaupun bermula secara kecil agar mereka tidak tercicir daripada arus pembangunan kemahiran.

Antara perkembangan awal yang dicapai ialah pentauliahan beberapa program kemahiran melalui pusat latihan seperti KPKB, KIASDEC serta institusi Pondok dan Tahfiz yang mana pada 13 April yang lepas pentauliahan ini telah disampaikan kepada agensi tersebut oleh Ketua Pengarah JPK Malaysia di Kota Darulnaim ini yang meliputi bidang seperti operasi pengeluaran tanaman, pengendalian tanaman cendawan, peroperasian masjid dan juga pengajaran tahfiz dan dalam masa yang sama pendekatan Akademik Dalam Industri (ADI) anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran JPK turut diberi perhatian kerana model ini rapat dengan Industri sekali gus membantu memastikan kemahiran yang diikuti benar-benar mempunyai padanan dengan peluang pekerjaan yang sebenar.

Dan untuk makluman Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima tawaran daripada Korea untuk menghantar pelajar ke negara tersebut dalam bidang TVET iaitu yang ditawarkan seramai 15 orang dalam bidang Diploma Kejuruteraan Mekanikal selama tempoh pengajian 3 tahun. Jadi Kerajaan sekarang ini membuat penelitian atas tawaran tersebut bersama agensi YAKIN jadi kita bincang kita akan semak dan Insha Allah kita akan hantar untuk pelajar kita untuk menyambung pelajaran di Korea. Cuma syarat dia ngaji sana kerja sana. Jadi hok tulah kita tapi Insha Allah kita akan cuba realisasikan.

Mengenai naiktaraf KIAS kepada universiti penuh ini dalam proses Insha Allah sedikit masa lagi KIAS akan bergerak ke arah itu kita doakan semoga hasrat kita dipermudahkan oleh Allah S.W.T.

Yang Berhormat Pengkalan Pasir mencadangkan kurikulum tahfiz diperbaharui. Hasil dari kajian daripada agensi dan negeri-negeri yang datang membuat kajian ke sekolah tahfiz kita dari sudut kurikulum model pengajaran dan pembelajaran dan beberapa buah negeri telah mengambil kurikulum kita untuk membuka sekolah tahfiz di tempat mereka. Banyak negeri dalam Malaysia ini menggunakan sukatan kita. Dalam masa yang sama juga kita adalah terbaik dan telah menjadi agen perubahan masyarakat kebolehan pelajar tahfiz kita ialah menterjemah makna kepada ayat Al-Quran dan ayat Al-Quran kepada maksud. Makna pelajar kita ni kita baca kot melayu dia boleh royak kot ayat Quran. Baca ayat Quran dia boleh terjemah kepada Bahasa Melayu. Hok tu yang kita bagi tokoh dan paling hebat baru nih kita nak bagi bacaan bersanah sempena graduasi yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang pelajar kita memecah rekod di baca tanpa henti, tanpa salah, 18 jam. 30 juzuk tanpa salah. Yang memeriksa dia ni guru yang semak dia nih 4 ore tak pade sore. Kita bagi anugerah khas Dato' Panglima Perang Menteri Besar kepada pelajar tersebut.

Manakala mereka yang menyebarkan ilmu yang ada contohnya pelajar kita yang dapat tawaran ke US pada satu tahun tu maka bila berada di sana dengan ilmu hafazan yang ada dia dapat mengetuai halaqat bacaan Al-Quran untuk pelajar-pelajar Asia. Inilah kemampuan Pelajar kita, begitu juga bila saya pergi mesyuarat di USM Pengarah USM kata setakat pelajar tahfiz pelajar sekolah arab masuk ni berubah suasana di USM dan mana-mana hospital pun nak buat cara mengendalikan pesakit mengikut syarie ikut syarak dia mari ke hospital USM. Sebab Pegawai Agama pertama yang bertugas ialah yang sekarang ni Ahli Parlimen Pengkalan Chepa juga bekas pelajar kita. Begitu juga ada doktor, ada ahli farmasi sekarang ini menjadi pengkuliah Maghrib di serata tempat di negeri Kelantan kita. Jadi itulah kehebatannya. Ada doktor Al-Hafiz doktor bertugas di Sabah anak buah kita dalam suasana dia ni seorang Penjawat Awam dia juga menyertai pertandingan hafazan supa baru inilah

Musabaqoh, Tilawah dan dia memperolehi Naib Johan di Peringkat Kebangsaan dia ni doktor dan mewakili Malaysia ke peringkat Antarabangsa di Oman Jordan. Makna dia boleh jaga lagi bacaan Al-Quran dia tu. Hasil daripada pendekatan pendidikan holistik yang dilaksanakan ini kita dapat melihat bagaimana sistem pendidikan YIK telah melahirkan ramai professional dalam pelbagai bidang yang bukan sahaja cemerlang dari segi kerjaya tetapi juga membawa bersama mereka nilai-nilai Islam adat dan akhlak yang tinggi. Mereka menjadi kudrat yakni teladan kepada masyarakat yang membuktikan kejayaan model pendidikan model Islam yang menyeluruh di Negeri Kelantan.

*Pergi ke pekan membeli rotan
Rotan dibeli buat anyaman
Perbahasan diakhiri dengan penggulungan
Segala pandangan jadi pedoman.*

*Anak dara memetik kenanga
Kenanga di susun di atas para
Andai ada silap dan sengketa
Maaf di pohon kepada semua.*

Wallahua'lam

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Pengerusi Pertanian Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau. Dipersilakan Yang Berhormat.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله

وصحبه أجمعين

Pertamanya saya ingin menjunjung kasih ke hadapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan di atas Titah Perasmian dalam Persidangan pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Sebagaimana yang telah dizahirkan dalam Titah Perasmian dunia hari ini sedang berhadapan dengan landskap gelombang yang semakin mencabar. Ketidaktentuan ekonomi perubahan iklim yang ekstrem serta ketegangan geopolitik dan krisis peperangan ketika ini memberi kesan langsung kepada kestabilan rangkaian bekalan keterjaminan makanan dan kos sara hidup rakyat.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi –tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Perasmian khususnya yang menyentuh perihal sektor pertanian negeri dan keterjaminan makanan. Kerajaan negeri memandang serius segala pandangan, teguran dan cadangan yang dikemukakan sepanjang Perbahasan. Setiap input yang telah diberikan akan diteliti secara menyeluruh sebagai asas untuk memperkukuh dasar dan pelaksanaan program pembangunan negeri khususnya dalam sektor strategik pertanian dan keterjaminan makanan memastikan kesejahteraan rakyat. Keperluan bekalan makanan yang secukupnya sebagai keselamatan makanan *food security* semakin menjadi perhatian ketika dunia dilanda krisis semulajadi atau buatan manusia yang menggugat pengeluaran rantai bekalan makanan.

Ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang keperluan bantuan atau pakej rangsangan khusus daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat khususnya para petani, penternak dan nelayan melebihi krisis yang sedang dihadapi ini.

Untuk makluman sidang Dewan sekalian, melalui Portfolio Pertanian Industri Agro Makanan Komuniti bersama pihak UPEN Negeri Kelantan juga jabatan-jabatan serta agensi-agensi berkaitan telah mengambil inisiatif awal mengadakan mesyuarat khusus berkaitan dengan isu bekalan dan harga makanan berhubung dengan krisis geopolitik dan perubahan iklim pada 12 April 2026 yang lepas. Hasil mesyuarat tersebut semua jabatan dan agensi berkaitan pertanian sudah memulakan langkah segera yang perlu diambil bagi mengurangkan impak dan kesan dari krisis ini. Begitu juga Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum ini telah bersetuju untuk menggunakan peruntukan sedia ada bagi membantu para penternak bagi program khas Agihan Bantuan Makanan Ternakan Biofiq Al-Falah berjumlah RM200,000 kepada para penternak di Negeri Kelantan.

Untuk makluman sidang Dewan juga pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama dengan pihak Penggawa dan para Penghulu seluruh negeri Kelantan sedang bergerak melaksanakan Bancian Ternakan Ruminan Negeri Kelantan 2016 untuk dapatkan data yang terkini bilangan penternak dan populasi ruminan lembu, kerbau kambing, biri-biri dan sebagainya untuk memudahkan kita menyediakan bantuan yang selayaknya.

Menyentuh perihal bantuan sejahtera tani di Negeri Kelantan sebenarnya saban tahunlah Kerajaan Negeri melalui pertimbangan hemat dan cermat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memikirkan kemaslahatan para petani, penternak dan rakyatnya. Tiap-tiap tahun ada sokmo Insha Allah cadangan pelaksanaan bantuan Sejahtera Tani 2026 sebenarnya sudah ada dalam penelitian Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga telah diteliti bersamalah oleh Ahli Majlis Mesyuarat bersama dengan Yang Mulia Dato' Kaya Perkasa, Setiausaha Kerajaan Negeri juga bersama dengan Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan

Negeri duk tengok-tengoklah bagaimana kita boleh membantu para petani, penternak dan nelayan dan mereka yang terkesan dengan impak global tadi.

Insha Allah lah kita akan dengarlah mungkin ada khabar gembira yang akan disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti Insha Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Galas ada menyentuh mengenai pihak Negeri memohon peruntukkan daripada Persekutuan untuk memastikan pengairan dan juga keperluan asas infra Pertanian khususnya padi di Negeri Kelantan. Ini adalah satu perkara yang sudah semestinya kerana Negeri dan Persekutuan adalah memikul tanggungjawab bersama memastikan *food security* ini dapat berjalan dengan baik dan semestinya Negeri dengan Persekutuan ini seperti anak dengan ayah. Sekiranya ada sesuatu yang perlu dipohon mestilah kita memohon kerana bila mana peruntukkan ini turun kebbaikannya adalah untuk semua pihak termasuk pihak Kerajaan Persekutuan yang sekarang ini mensasarkan SSR pengeluaran padi beras ini sehingga 75% seandainya infra asas pertanian di Kelantan tidak lengkap bagaimana Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Keterjaminan Makanan memastikan sasaran 75% akan tercapai kerana Kelantan bersama Negeri SG4 iaitu Kedah, Terengganu dan Perlis sebenarnya sebagai periuk nasi negara. Yang setakat ini 4 negeri ini menyumbang lebih 70% bekalan beras tempatan negara.

Alhamdulillah jadi perlu sangatlah Kelantan diberi tumpuan untuk menyiapkan lebih banyak infra-infra asas pertanian di bawah KADA, IADA Kemasin Semarak dan bersama dengan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan juga JPS Jabatan Pengairan dan Saliran yang membantu bersama-sama dengan bajet yang besar sebenarnya untuk menyiapkan infra-infra ini.

Menurut Persatuan Persaudaraan Pesawah Malaysia ringkasannya PESAWAH petani mempunyai keupayaan terhad untuk menyerap peningkatan kos membajak dan juga menuai melebihi 50%. Dan kos keseluruhan termasuk baja dan racun sehingga 65% yang akan

meningkatkan risiko kelewatan musim penanaman juga pengurangan keluasan tanaman dan mungkin akan berlakulah kemerosotan atas pengeluaran hasil padi tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Chetok dan Yang Berhormat Gaal atas pandangan yang konstruktif berkaitan pembangunan pertanian dan keterjaminan makanan Negeri ini. Chetok ada menyentuh perihal hiliran dengan memperkasakan industri hiliran pertanian bagi meningkatkan nilai tambah hasil pertanian dari bahan mentah kepada produk berjenama dan berorientasikan pasaran.

Juga perihal pemerksaan dan penyelarasan agensi termasuk juga pemerksaan Rong Chenok Agro Valley sebagai model rujukan pertanian bersepadu untuk memacu keterjaminan makanan dan juga transformasi sektor pertanian negeri. Terima kasih di atas pandangan tersebut yang mana pihak Kerajaan telah mula mengorak langkah sejak begitu lama dengan sentiasa bekerja dengan Portfolio Pelaburan, Perindustrian Dan Perdagangan di bawah Yang Berhormat Dato' Mejar Anizam dalam memperkasa industri hiliran ini. Pembangunan kilang-kilang kecil pusat-pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil tani sedang giat dibangunkan mengikut potensi dan juga persiapan usahawan-usahawan yang mana portfolio saya dengan Portfolio Pelaburan, Perindustrian Dan Perdagangan ini bergerak bersama-sama membantu usahawan IKS dan sebagainya untuk produk-produk hiliran ini menjadikan produk-produk tempatan ini boleh dipasarkan di pasaran yang lebih meluas.

Juga sebenarnya kita telah menyusun strategi bersama dengan keterlibatan invest Kelantan ECRDC dan pelbagai agensi berkaitan bagi memperhebat pembangunan usahawan seluruh negeri Kelantan. Alhamdulillah pada ketika ini kita dapat lihat Rong Chenok Agro Valley telah mula menunjukkan impaknya dalam pembangunan modenisasi contoh sektor pertanian negeri. Semoga ia disokong dan dibangunkan menjadi salah satu gedung pengeluaran makanan negeri Insha Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Gaal menyentuh beberapa perkara penting dalam sektor pertanian khususnya di Pasir Puteh iaitu di Kelantan Bio Valley di Gong Datuk Gaal yang mana Kerajaan Negeri melalui anak syarikat PMBK iaitu Kelantan Biotect Coporation Sdn. Bhd membangunkan banyak projek-projek pertanian di Gong Datuk ini dan juga isu kilang makanan ternakan sebenarnya ia adalah salah satu flagship projek keutamaan Kerajaan Negeri yang akan membantu para penternak mendapatkan pellet makanan ruminan ataupun penternakan dengan harga yang lebih baik kerana dapat dihasilkan dan dikilang tempatan dengan bahan-bahan semulajadi tempatan yang boleh mengurangkan kos pengangkutan import daripada negeri-negeri lain pallet ternakan ini. Dan sebidang tanah Kerajaan telah dikenalpasti di Pasir Puteh yang boleh menempatkan sebuah kilang ternakan makanan dan pihak KPKB Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad sedang berusaha untuk merealisasikan pembinaan kilang ini dengan memohon dana daripada pihak Kementerian dan juga daripada MOF Kementerian Kewangan untuk membantu Kerajaan Negeri dan juga agensi supaya keperluan rakyat ataupun penternak ini dapat kita beri kebajikan mereka dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kita juga melihat beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh secara umum tentang keperluan kerajaan negeri menyusun strategi dan memandang serius kepada Negeri Kelantan yang merupakan jelapang makanan negara. Insha Allah semua pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membuat perbahasan akan diperhalusi dan diambil tindakan yang sewajarnya di bawah Jawatankuasa yang saya sama-sama dengan jabatan dan agensi menguruskannya. Moga-moga pandangan tersebut adalah untuk kebaikan kita bersama.

*Bendang dan sawah anugerah Allah,
Danau padi hasilkan semua sumber makanan,
Petani peladang bertawakal berserah kepada Allah,
Diesel naik imput harga meningkat itulah cabaran dan cobaan.*

Sekian, terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Seterusnya saya mempersilakan Dato' Timbalan Menteri Besar Pengerusi Pembangunan Wilayah, Sumber Asli Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang. Dipersilakan Yang Berhormat...

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، وَنَشْكُرُهُ عَلَى نِعَمِهِ الَّتِي لَا تُعَدُّ وَلَا تُحْصَى، وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَسْتَغْفِرُكَ، وَنَتُوبُ إِلَيْهِ.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato' yang dihormati sekalian saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas ruang dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan menjunjung kasih Titah

Diraja pada persidangan Dewan Negeri Kelantan kali ini, bagi pihak Kerajaan Negeri.

Saya juga tidak ketinggalan bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua untuk menjunjung kasih atas Titah Pemangku Raja yang kita dapati sarat dengan panduan keprihatinan serta penegasan yang jelas dan tuntas terhadap keperluan memperkukuh tadbir urus, mempertingkatkan kecekapan pentadbiran, memacu pembangunan negeri secara mampan serta menjamin kesejahteraan rakyat Kelantan secara menyeluruh dan juga berterusan.

Titah tersebut merupakan satu amanah besar yang perlu dijunjung dan diterjemahkan dengan penuh kesungguhan oleh seluruh jentera pentadbiran. Sepertimana yang telah dititahkan, saya ingin ambil sebahagiannya kekuatan sesebuah negeri bermula dengan kecekapan pentadbirannya. Justeru, Titah Baginda Beta ingin menegaskan bahawa kepentingan tadbir urus yang cekap, berintegriti dan telus hendaklah sentiasa menjadi teras dalam setiap urusan rasmi kerajaan. Para penjawat awam hendaklah terus memperkukuh integriti, meningkatkan produktiviti serta memastikan penyampaian perkhidmatan awam dilaksanakan secara cekap dan berkesan.”

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Sesungguhnya Titah Ucapan ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri dan juga yang tepat dengan satu hadith Nabi S.A yang sentiasa kita junjung dan kita ulang-ulangkan dalam Kompleks Kota Darulnaim ini iaitulah

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Sesungguhnya Allah itu amat kasih dan sayang cinta kepada seseorang yang apabila dia melakukan satu-satu kerja dilakukan dengan penuh teliti, penuh tanggungjawab sempurna dan bersungguh-sungguh.

Sehubungan dengan tu, Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa seluruh penjawat awam dan pegawai di semua peringkat hendaklah melaksanakan amanah dengan penuh disiplin, komitmen dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Setiap tugas perlu dilaksanakan dan diselesaikan dengan cepat, cekap, tepat pada masanya dan berlandaskan prinsip integriti yang tidak boleh dikompromi.

Maka tidak sepatutnya ada lagi rungutan orang ramai tentang sebarang bentuk kelemahan tadbir urus kelewatan yang tidak munasabah dalam satu satu urusan atau sikap sambal lewa dalam melaksanakan tugas. Semua kita diberikan amanah dan kita perlu sedar bahawa setiap keputusan dan tindakan akan dinilai bukan saja dari sudut pencapaian dan juga dari segi kejujuran dan kesungguhan dalam memikul tanggungjawab dan akhirnya kita akan berhadapan dengan hisab Allah S.W.T di hari akhirat.

*Merbah tempua menari di taman,
Singgah seketika di dahan meranti
Titah baginda kami junjungkan
Penuh setia di laman hati.*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kesemua 21 orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan ini, tidak kira dari pihak Kerajaan ataupun Pembangkang dengan diberikan pelbagai pandangan, teguran yang membina demi memperkukuhkan lagi pentadbiran serta kesejahteraan rakyat.

Percayalah bahawa semua teguran-teguran cadangan-cadangan itu tidak sia-sia. Ahli-Ali Yang Berhormat datang dengan persediaan dan sudah tentu ia akan dinilai dan tidak akan dikesampingkan. In Shaa Allah Ia menggambarkan bahawa ia mencerminkan komitmen tinggi Ahli-Ahli Yang Berhormat pada memastikan setiap dasar dan pelaksanaan

Kerajaan sentiasa relevan berkesan serta berpaksikan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh portfolio saya dan juga portfolio Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan juga Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Utiliti. Dan Insha Allah saya akan mengambil kesempatan untuk sedikit mungkin mengulas, atau menjawab atau menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Saya menyentuh beberapa perkara yang menjadi keutamaan dalam portfolio saya antaranya Yang Berhormat Pasir Tumbuh telah membangkitkan mengenai kecekapan pengurusan penghulu. Dan ini sebenarnya telah pun saya jawab panjang lebar dalam sesi soalan lisan.

Alhamdulillah sepanjang tahun ini Urus Setia Penghulu telah melaksanakan beberapa program dan kursus pemerkasaan, antaranya:

- Kursus Induksi Penghulu Baharu 2026
- Kursus "Leadership Trust"
- Kursus dan Bengkel Kemahiran Artificial Intelligent (AI)
- Kursus Pemerkasaan Pengurusan MPKK
- Seminar dan Bengkel Pengurusan Kebajikan dan Ekonomi MPKK
- Program Pemerkasaan Ekonomi dan Kebajikan MPKK termasuk kepada masyarakat Orang Asli di Gua Musang

Kesemua inisiatif ini dilaksanakan secara tersusun dan berterusan dengan matlamat untuk memperkukuh keupayaan, meningkatkan tahap profesionalisme serta memantapkan integriti penghulu dan kepimpinan di peringkat akar umbi, agar lebih cekap, lebih responsif dan berkesan dalam mengurus hal ehwal masyarakat, di samping memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, inklusif dan juga berimpak tinggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Seterusnya, Yang Berhormat Chetok dan Yang Berhormat daripada Galas telah membangkitkan berkenaan perkembangan beberapa projek pembangunan strategik di negeri ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan serta Pihak Berkuasa Tempatan sedang menggerakkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sebenarnya secara holistik, tersusun dan berfasa, khususnya dalam membangunkan bandar-bandar baharu serta pusat pentadbiran strategik di beberapa jajahan utama.

Tanpa menafikan ada kelewatan dalam hal-hal tertentu khususnya yang disebutkan oleh YB Galas itu sentiasa dalam perhatian tetapi ada perkembangan. YB insha Allah akan dilaporkan nanti.

Alhamdulillah, dalam suasana ekonomi yang mencabar, minat pelabur terhadap potensi negeri Kelantan kekal positif dan memberangsangkan. kerajaan negeri sentiasa mengamalkan pendekatan yang proaktif, terbuka serta mesra pelabur dengan memberikan kerjasama yang baik, di samping memastikan setiap cadangan pelaburan diteliti secara berhemah, berintegriti dan selaras dengan kepentingan jangka panjang negeri serta kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini saya ingin menyentuh sedikit sebelum saya meneruskan ucapan saya, selain dari YB Chetok, YB Semerak ada menyentuh tentang negeri mesti bersikap pelabur. Terima kasih dan Alhamdulillah setelah kita mengamati pelabur-pelabur yang datang dan kita menimbang permintaan-permintaan mereka maka dalam mesyuarat EXCO yang baru kita telah memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa yang sangat penting. Jawatankuasa ini di pengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Mulia Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Tengku Kaya Perkasa iaitulah untuk kita melihat secara menyeluruh sebenarnya sistem yang kita amalkan dalam negeri begitu juga dengan fi sekiranya ada di semua peringkat daripada peringkat kita di Kota Bharu sampailah

kepada Pejabat Tanah dan kenaan-kenaan tertentu caj-caj tertentu agar ianya kompetitif. Dan dalam hal ini kita bandingkan dengan negeri-negeri yang lain supaya pelabur tidak membeza-bezakan ataupun tidak membanding-bandingkan dan kalau boleh kita ingin kalau boleh rendah daripada negeri-negeri yang lain agar ianya boleh menarik pelabur ke Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya ingin menyambung berkenaan dengan perkembangan Bandar Baru dan sebagainya. Antaranya, di kawasan Ketereh melalui inisiatif Perbandaran Islam, dua pusat pertumbuhan baharu sedang dipacu iaitu Bandar Baharu Buloh Poh dan juga Bandar Baharu Kok Lanas, yang kini berada di peringkat penilaian kertas cadangan pelabur oleh INVEST Kelantan, sebagai langkah memastikan pelaburan yang benar-benar berkualiti, berdaya maju dan mampan dan kita rasakan 2 buah bandar baru yang sedang kita rancang ini boleh dilaksanakan kerana ianya adalah berdekatan dengan Bandar Kota Bharu sebagai limpahan perkembangan dan kemajuan juga berdekatan dengan Bandar Baru Tunjong dan masih lagi dalam laluan ECRL, Insha Allah.

Manakala bagi pembangunan Bandar Tumpat Perdana dan Pusat Pentadbiran Baharu Kuala Krai, usaha berterusan sedang dipergiat untuk mengenalpasti serta menarik pelabur-pelabur berpotensi, sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan yang lebih seimbang, inklusif dan menyeluruh di setiap jajahan.

Dalam masa yang sama, penyusunan semula Zon Bebas Cukai Rantau Panjang turut dilaksanakan dengan beberapa penambahbaikan teknikal terhadap pelan susun atur, bagi memastikan keserasian dengan keperluan semasa serta penyelarasan dengan cadangan pembangunan bandar sempadan di bawah inisiatif Kementerian Ekonomi. Dan sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Kelantan ini adalah antara perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga yang dibincangkan sewaktu kita membincangkan berkenaan

dengan pembangunan bersama pegawai jajahan dan juga pegawai-pegawai tinggi di Pasir Puteh.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pembangunan Tok Bali pula dirangka secara komprehensif berasaskan Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2035 (Penggantian) dengan wawasan untuk menjadikan Tok Bali sebagai sebuah bandar maritim, pelabuhan dan juga pusat pelancongan yang berdaya saing, sekali gus merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri dalam persekitaran fizikal yang lengkap dan berkualiti tinggi. Bagi merealisasikan hasrat ini, Rancangan Kawasan Khas Tok Bali 2045 telah disediakan sebagai pelan tindakan menyeluruh yang merangkumi pelan susun atur, pelan pengurusan, fasa pelaksanaan, kos serta pendekatan pembangunan, melibatkan keluasan 16,810.62 hektar yang merangkumi beberapa mukim di jajahan Pasir Puteh dan juga Dan ini sekali gus menjawab cadangan dan juga persoalan yang telah Bachok yang dibangkitkan oleh Gaal semalam.

Antara komponen utama ialah pembangunan Tok Bali Supply Base seluas 320 hektar yang berfungsi sebagai pelabuhan industri dan berpotensi menjadi terminal petrokimia. Pembangunan Fasa 1 telah siap sepenuhnya, manakala Fasa 2 kini mencapai sekitar 50 % dan dijangka siap pada tahun 2027. Kemasukan syarikat-syarikat utama seperti Chevron, PPJO dan Hibiscus Malaysia yang telah memindahkan operasi ke fasiliti ini jelas mengukuhkan kedudukan Tok Bali sebagai hab industri maritim yang semakin berkembang.

Selain itu, pembinaan Pejabat Polis Marin telah siap dan kini dalam proses mendapatkan kelulusan CCC. Projek Tok Bali *Integrated Fisheries Park* yang memfokuskan kepada pembangunan industri perikanan moden pula sedang dalam pelaksanaan dan kini mencapai sekitar 30 peratus kemajuan. Dalam sektor perumahan, pembangunan Residential Tok Bali melibatkan keluasan 45.3 ekar turut berjalan dengan baik, dengan Fasa 1A sebanyak 500 unit rumah PRIMA telah pun siap, manakala fasa seterusnya dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2028.

Komponen asas seperti pelabuhan, zon industri dan taman perikanan telah mula beroperasi atau hampir siap sepenuhnya, manakala beberapa projek berskala besar sedang berada dalam fasa pelaksanaan. Ini menunjukkan bahawa Tok Bali kini berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh dan berpotensi besar untuk muncul sebagai pusat ekonomi maritim utama di Pantai Timur dalam tempoh yang terdekat, Insha Allah.

Kesemua langkah ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen tinggi kerajaan negeri dalam merangka pembangunan yang strategik, berdaya saing dan berimpak tinggi, di samping terus memperkukuh keyakinan pelabur, merencanakan pertumbuhan ekonomi serta memastikan manfaatnya dapat dirasakan secara langsung oleh rakyat Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Sebenarnya sudah banyak bandar-bandar baru yang telah dapat kita realisasikan tapi kalaulah boleh saya cadangkan supaya bandar-bandar baru ni tidak dinamakan bandar baru kerana ia tidak mencerminkan perkembangan. Bandar Machang apabila kita besarkan jadi Bandar Baru Machang, kemudian 20 tahun lagi besarkan lagi Bandar Baru Machang. Sudah 3 bandar tapi tetap juga Machang. Pasir Mas, Bandar Pasir Mas, ... Beberapa kilo daripada situ ada Bandar Baru Bandar Baru Pasir Mas. Kemudian beberapa kilo ada di buat Bandar Baru Pasir Mas. Tetap juga Pasir Mas. So macam kita tidak ada perkembangan bandar. Ada 2 bandar sahaja, Machang dan Pasir Mas. Saya setuju umpamanya di Tanah Merah. Ada bandar Tanah Merah kemudian tidak jauh daripada situ ada satu bandar baru tak dinamakan Bandar Baru Tanah Merah tapi diberi nama lain. Kita sudah ada penambahan bandar. Jadi selepas ini apabila ada bandar baru yang dibuat, gunalah nama lain dan carilah nama yang agak manis di dengar. Machang baru-baru ini kita buka satu bandar baru dan kita tidak letak lagi nama Bandar Baru Machang. Berapa bandar baru nan kita ada di Machang? Kita bagi setakat ini mungkin peringkat sementara dulu, Bandar Mentara Machang. Jadi di Machang sekurang-kurangnya ada 2 bandar. Machang dan Bandar Seri Mentara, bukan lagi hanya satu bandar sahaja.

Dan satu lagi saya cakap dengan Dato' PKN, nama-nama jalan ni saya mintalah supaya mungkin pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Jajahan dan Daerah dan sebagainya cuba lihat nama-nama yang diberikan. Biarlah Nampak kan ada kesungguhan jangan ambil mudah. Satu lorong dibuat dilorong sana ada seorang yang bernama Nusi. Maka diletakkan nama jalan itu Jalan Nusi. Saya lalu di antara Machang dengan Pasir Puteh. Sebelah kanannya ada Taman Air Panas di depannya ada satu lorong baru. Diletakkan nama Lorong Depan Taman Air Panas. Ada satu lorong Yang Berhormat Dato' PKN dia bagikan nama kepada saya. Apa nama lorong tadi? Ada satu lorong diletakkan tar dan dinamakan lorong itu panjang namanya Lorong Tepi Tempat Basuh Kereta. Lorong tepi tiang api, Lorong Depan Kubur. Kubur ni ada 4 segi mana satu depan? Jadi saya rasa la elok kalau dilihat nama-nama sebegini tunjukkan satu kesungguhan bukan saya kata tak sungguh tapi cuba cari nama supaya senang untuk kita cari alamatnya dan juga manis didengar kita orang Melayu manis orangnya sifat untuk mendengar perkataan-perkataan tersebut la sama juga kalau di tempat saya di Temangan itu sudah sampai masanya beberapa buah kampung untuk kita lihat kembali agar nama-nama yang dikira kurang senang didengar kita ubah kepada yang lebih senang didengar.

Nama yang mungkin orang luar boleh terjemahkan sebagai lucu kita ubahkan kepada nama baru yang lebih bersifat kesederhanaan, kematangan...Dato' MB sebut Kampung Pek [SAMBIL GELAK] kita tak ada masalah la kita di Machang kita faham tak dok masalah. Itu bila sebut Kampung Pek kita tahu tempatnya di mana. Tapi ada orang yang sensitif, bila kita sebut dia ehh... sebab cara dia fikir macam tu. Dia kira nak terjemah kot tuh. Jadi kita tutup la ruang. Begitu la juga dengan nama binatang-binatang yang mungkin lembu. Kalau di Selangor Batang Berjantai cantik namanya indah pada pandangan tapi ada orang yang terjemah sebegini dan Kerajaan Selangor tukar kepada Bandar Bestari kebetulan ada Universiti di situ Bestari Jaya dan sebagainya.

Jadi saya rasa elok la mungkin kita fikir sebegini tuan-tuan. Ni pantun untuk EXCO Pertanian, sebelum saya terlupa iya...

*Semalam bawang bersama melon,
Hari ini nenas dihulur,
Baik sungguh budimu Tuan,
Esok kiranya madu pula.*

[KETUKAN MEJA OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT]

MB sebut madu baru ni ya...

YB Nenggiri adinda saya YB Nenggiri terima kasih kerana bagi saya yang ditanyakan oleh YB Nenggiri itu menggambarkan ingin tahu dan saya boleh menjelaskan lagi berhubung dengan apa yang saya telah jelaskan dalam Sidang yang lepas berhubung dengan CTT catuan tebangan. Walaupun begitu ada 2 perkara iaitulah yang pertama berhubung dengan Orang Asli.

Kerajaan Negeri Kelantan ingin menegaskan bahawa pengurusan kawasan Hutan Simpan Kekal termasuk di Nenggiri dilaksanakan secara terancang, berlandaskan undang undang, serta mengambil kira kepentingan alam sekitar, pembangunan negeri dan kebajikan masyarakat setempat termasuk juga termasuklah masyarakat Orang Asli.

Di kawasan Nenggiri dan sekitarnya, terdapat beberapa penempatan masyarakat Orang Asli dalam Hutan Simpan Kekal seperti di Pos Rekom, Pos Simpor, Pos Tohoi dan Pos Gob yang melibatkan kampung kampung kecil termasuk Kg. Jader Lama, Kg. Jader Baru, Kg. Dangdut mungkin sesuai juga kita fikirkan...Kg. Dangdut, Kg. Penat, Kg. Simpor dan Kg. Rekom. Kerajaan Negeri mengiktiraf kewujudan komuniti ini serta hubungan tradisi mereka dengan kawasan hutan.

Aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli seperti pertanian kecil dan pengambilan hasil hutan adalah sebahagian daripada sumber sara hidup mereka. Kerajaan negeri tidak menafikan keperluan ini, sebaliknya mengambil pendekatan untuk memastikan aktiviti tersebut dapat diurus secara lebih tersusun, sah dan mampan demi kelangsungan jangka panjang.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan sebenarnya kita sentiasa bekerjasama rapat dengan JAKOA bagi menyelaraskan keperluan masyarakat Orang Asli supaya aktiviti ekonomi mereka dapat dilaksanakan secara sah, tanpa menjejaskan fungsi Hutan Simpan sebagai kawasan perlindungan sumber asli.

Isu Tanah Adat Orang Asli adalah isu yang kompleks dan melibatkan dasar di peringkat nasional kerana di Kelantan tidak sebegitu. Sehubungan itu, kerajaan negeri mengambil pendekatan berhati-hati, berhemah dan berlandaskan undang-undang dalam menimbang setiap tuntutan, agar keseimbangan antara hak komuniti, kepentingan negeri dan kelestarian alam sekitar dapat dicapai.

Kerajaan negeri sentiasa terbuka kepada pandangan mana-mana pihak termasuk NGO. Walau bagaimanapun, setiap isu perlu dinilai secara fakta dan menyeluruh, serta ditangani melalui saluran rasmi bersama agensi berkaitan seperti JAKOA bagi memastikan penyelesaian yang adil dan tidak bersifat persepsi semata-mata.

Berhubung dengan pemberian konsesi Ladang Hutan di kawasan Nenggiri, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan melaksanakan pengeluaran lesen secara terkawal melalui dua kaedah utama iaitu Catuan Tebangan Tahunan yang disebutkan yang saya jelaskan. Itu memerlukan kepada lesen yang kita pohon kepada Majlis Tanah Negara. Begitu juga dengan Kawasan Pembangunan seperti Ladang Hutan, utiliti, empangan dan juga lombong. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip pengurusan hutan secara mampan. Dua-duanya adalah sebenarnya mematuhi piawai dan juga mematuhi peraturan.

Kerajaan Negeri telah meluluskan projek pembangunan Ladang Hutan seluas 189,766.60 hektar dengan pematuhan kepada ketetapan Majlis Tanah Negara. CTT tetap juga CTT dan kita tidak menggunakan sepenuhnya kebenaran yang dibenarkan. Tapi berkenaan dengan yang kaedah kedua ini pun juga kita guna bukan bermaksud kita tidak guna sepenuhnya CTT tapi kita langgar dengan cara lain, tidak. Dua-duanya mengikut peraturan.

Pelaksanaan projek ini adalah dalam zon yang telah dikenal pasti serta selari dengan dasar perhutanan negara dan pelan strategik industri perikanan yang menekankan kelestarian sumber.

Isu yang dibangkitkan oleh ADUN Nenggiri adalah kurang tepat kerana ia mengaitkan pengusahasilan kayu secara umum dengan keseluruhan Kawasan Pembangunan. Untuk penjelasan, pengusahasilan kayu di bawah Catuan Tebangan Tahunan ataupun (CTT) hanya melibatkan kawasan tertentu yang ditetapkan setiap tahun dan dikawal secara ketat mengikut pelan pengurusan hutan.

Manakala Kawasan Pembangunan pula merangkumi komponen yang lebih luas seperti Ladang Hutan, utiliti, empangan dan lombong, yang tidak semuanya melibatkan aktiviti pembalakan semasa. Oleh itu, keluasan yang dirujuk tidak boleh disamakan secara langsung dengan kawasan sebenar pengusahasilan kayu.

Kesemua aktiviti ini dilaksanakan dalam kawasan Hutan Simpan Negeri Kelantan termasuk Hutan Simpan Nenggiri secara terkawal, berfasa dan tertakluk kepada peraturan serta pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa.

Sehingga kini, pembangunan Ladang Hutan telah dilaksanakan meliputi 136,923.93 hektar di tiga jajahan hutan dengan kadar penubuhan sebanyak 60%. Baki 40 % sedang dilaksanakan dengan pematuhan sepenuhnya kepada syarat Penilaian Impak Alam Sekitar bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pelaksanaan ini turut melalui semakan dan kerjasama dengan Jabatan Audit Negara. Setiap maklumbalas dan pengesahan lapangan telah diambil kira bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada prosedur. Sehingga tahun 2025, sebanyak 81,929 hektar atau 60 % Ladang Hutan telah berjaya ditubuhkan.

Secara keseluruhannya, Yang Berhormat pembangunan Ladang Hutan ini bukan sahaja menyumbang kepada hasil negeri secara mampan, malah memberi manfaat langsung kepada penduduk setempat termasuk masyarakat Orang Asli melalui peluang pekerjaan, peningkatan

pendapatan dan pembangunan infrastruktur secara lebih tersusun di kawasan Nenggiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Di sebutkan juga Yang Berhormat Gaal ada isu berkenaan dengan kelewatan pengeluaran lesen penjualan dan pemindahan kayu getah. Baru-baru ini ada dilaporkan sebenarnya Kita beberapa kali ada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar sendiri pun berjumpa dengan persatuan kemudian saya juga berjumpa dengan persatuan.

Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus selia hal ehwal berkaitan pengeluaran serta pemindahan hasil hutan termasuk kayu getah, selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Berdasarkan rekod, purata pengeluaran Lesen Pemindah (Borang 5) bagi pengusahasilan kayu getah dalam tempoh satu bulan adalah sebanyak 55 buah lesen sebulan dan saya baru dimaklumkan oleh Yang Amat Berusaha Pengarah Jabatan Hutan Kelantan untuk April sahaja setakat ini kita sudah pun meluluskan 66 lesen. Dan dalam tempoh 14 hari bekerja cepat sebenarnya sebagaimana dalam Garis Panduan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2025 dan Bil. 1 Tahun 2026 yang telah dibuat penambahbaikan hasil daripada libaturus antara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan saya dengan Ahli-Ahli Persatuan yang mana kita mengambil kira rungutan dan pandangan dari pelbagai pihak termasuklah pengusaha dan juga pemain industri berkaitan Kayu Getah di Negeri Kelantan. Penambahbaikan ini turut melibatkan ringkasan proses serta pengurangan tempoh bagi pengeluaran kayu getah di Negeri Kelantan dengan syarat.

Baru-baru ini dibangkitkan dengan syarat kita ini pastikan bahawa dokumen hendaklah lengkap. Kalau semua dokumen hendaklah lengkap Insha Allah mengikut amalan kita dalam masa 14 hari saja lesen dapat

dikeluarkan. Apapun kenapa antaranya yang paling penting adalah geran, geran mesti ada sebab kita nak memastikan bahawa getah itu dipindahkan dengan pengetahuan dan juga izin daripada pemilik. Kita bimbang kalau tidak ada geran mungkin berlaku kesilapan ataupun pencerobohan dan sebagainya sebab itulah faktor geran itu yang utama. Kalau tidak ada geran pemilik yang sebenar ia tidak dapat diproses dan inilah yang berlaku baru-baru ini.

Walaupun penambahbaikan telah dibuat, mungkin masih berlaku kelewatan di beberapa tempat tapi anggaplah kes terpencil seumpama ini dan juga Insha Allah kita akan mengambil tindakan susulan bagi mengenalpasti sebab berlaku kelewatan seterusnya mengatasi masalah yang berbangkit.

Bagi menggulung perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, izinkan saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif, responsif dan berstrategi dalam mendepani cabaran ekonomi semasa, khususnya dalam memastikan kelangsungan serta pemerkasaan usahawan tempatan di tengah ketidaktentuan geopolitik global.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan pelaksanaan Skim Kredit Mikro sebagai satu intervensi strategik berimpak tinggi yang berteraskan konsep *qard... qarduhassan*. Skim ini menawarkan pembiayaan antara RM3,000 hingga RM10,000 dengan tempoh bayaran balik yang fleksibel antara tiga hingga lima tahun. Bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan dana berjumlah RM1 juta sebagai pemangkin utama.

Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan dan iltizam kerajaan negeri dalam memperluas akses pembiayaan kepada golongan usahawan IKS, khususnya mereka yang berdepan kekangan untuk mendapatkan kemudahan melalui saluran perbankan konvensional. Dengan pendekatan yang lebih anjal dan mesra usahawan, skim ini membuka

ruang kepada mereka yang kekurangan dokumen kewangan, berpendapatan tidak tetap serta tidak mempunyai cagaran.

Sebagai langkah pemantapan pelaksanaan, satu sesi taklimat telah diadakan pada 6hb April 2026 melibatkan Pusat Khidmat DUN, yang dihadiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN serta wakil-wakil PKD, bagi memastikan kefahaman yang menyeluruh serta penyelarasan yang berkesan di peringkat pelaksanaan.

Lebih membanggakan, bagi fasa awal pelaksanaan, institusi kewangan yang terlibat telah melaporkan pencapaian kutipan bayaran balik sebanyak 100% bagi tempoh dua bulan pertama tahun 2026. Amanah ini menunjukkan bahawa ada tanggungjawab di pihak peminjam. In baru 2 bulan yang pertama kita mengharapka ianya berterusan sehingga akhir bayaran bulanan yang terakhir Insha Allah. Prestasi cemerlang ini menggambarkan tahap disiplin dan komitmen tinggi dalam kalangan penerima, di samping mengukuhkan keyakinan terhadap keberkesanan dasar Kerajaan Negeri dalam membina ekosistem keusahawanan yang berdaya tahan dan mampan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya menjawab menggulung bagi pihak 2 orang EXCO lain mungkin mengambil sedikit masa. Bagi menjamin kebajikan penaja dan peniaga kecil, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan hampir RM150,000 untuk menaja seramai 900 penerima di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) melalui PERKESO bagi tempoh dua belas bulan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperluas perlindungan sosial kepada golongan usahawan mikro agar lebih terlindung, berdaya tahan dan bersedia menghadapi sebarang risiko ketika menjalankan aktiviti ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan isu bekalan air yang dibangkitkan oleh Kuala Balah adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa kawasan yang masih lagi bergantung kepada sistem bekalan air bergranviti melalui air yang ditandak yang dibangunkan secara komuniti dan lain-lain agensi. Pada masa ini jumlah keseluruhan kawasan tandak air komuniti masih dalam peringkat pengumpulan data dan pengesahan daripada jabatan yang berkaitan.

Namun tindakan telah diambil oleh pihak JSAN kerja-kerja ukur dan pewartaan kawasan tandak air komuniti di jajahan Jeli telah ditetapkan sebagai salah satu petunjuk prestasi utama JSAN, KPI JSAN menunjukkan kesungguhan bagi memperkukuh tadbir urus sumber air memastikan penggunaan yang lebih teratur dan berlesen serta menjamin kelestarian dan keselamatan bekalan air kepada penduduk secara berterusan. Untuk tujuan tersebut JSAN telah diperuntukkan RM100,000 daripada Kerajaan Negeri daripada peruntukkan *Ecological Fiscal Transfer* atau EFT untuk tujuan ini bagi tujuan untuk melakukan kerja-kerja ukur itu ya.

Selain itu sistem bekalan air deh Air Kelantan Sdn. Bhd (AKSB) di kawasan berkenaan turut sebenarnya berdepan dengan isu teknikal apabila satu jejari daripada 3 jejari telaga sedia ada telah mengalami kerosakan kerana ini menjejaskan kapasiti pengeluaran air dan seterusnya menyebabkan bekalan air yang rendah kepada penduduk setempat khususnya semasa musim kemarau dan musim perayaan yang lalu.

Dalam menangani situasi ini pihak AKSB sedang melaksanakan usaha membaikpulih muka saut sedia ada bagi meningkatkan keupayaan sistem dalam menampung permintaan bekalan air bersih. Projek baik pulih dijangka siap dalam masa terdekat dan diharap dapat memperbaiki tahap bekalan air kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan JSAN telah memperuntukkan sejumlah RM2juta bagi pembangunan sumber air alternatifnya sebagai langkah menangani isu bekalan air di kawasan terlibat.

Sehubungan dengan itu setiap aduan dan permohonan diterima akan dinilai dari aspek teknikal oleh JSAN bagi membolehkan pengesyoran kelulusan dibuat untuk penggunaan peruntukan tersebut secara berfokus dan juga berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Mengkebang menyentuh tentang REE dan diharapkan agar supaya dipercepatkan pengeluaran REE dan justeru kita akan mendapat hasil yang cepat juga begitulah lebih kurang dan juga mencadangkan supaya dalam industri hiliran ataupun di istilahkan sebagai Nanti akan ada syarikat-syarikat yang datang ke Kelantan membuka kilang-kilang umpamanya super... dan sebagainya di Kelantan. Memang itulah sebenarnya yang kita harapkan berlaku. Walaubagaimanapun kita masih lagi terikat dengan beberapa peraturan Kerajaan Persekutuan yang mana setakat ini kita melakukan sebaik mungkin prosedur yang ada di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Umpamanya sebagai contohnya 2 minggu yang lepas saya telah dilaporkan oleh 2 buah syarikat yang datang secara *fullforce* bersama dengan pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan melaporkan yang mana 2 kawasan yang kita luluskan untuk 2 syarikat ini apa yang telah mereka lakukan dan dalam masa yang sama kita menjanjikan apa yang ada dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri akan kita percepatkan.

Walaupun begitu ianya tetap tertakluk kepada polisi dan dasar Kerajaan Persekutuan apa lagi yang melibatkan mineral yang sebenarnya yang agak kontroversi dalam keadaan kita berhadapan dengan geopolitik yang ada di dalam dunia secara global pada hari inilah. Insha Allah bagaimanapun kita ada alternatifnya setakat hari ini secara sahnya hanya ada satu syarikat yang boleh memproses dalam negara dan juga mengeksport ke luar dan kita sedang mencuba kaedah tersebut.

Dan berhubung dengan syarikat besar datang untuk membuka kilang-kilang seumpamanya itulah harapan kita. Walaubagaimanapun setelah kita berbincang dengan beberapa syarikat ini didapati mereka ingin melihat dulu kualiti REE yang kita ada kualitinya belum dapat kita berikan sehingga ia dikeluarkan dalam masa yang sama mereka ingin melihat volume setakat mana kita boleh berikan kepada mereka sebab nak *set up factory* ataupun pelan ataupun nak buat sebuah kilang yang berteknologi tinggi memerlukan kepada perbelanjaan yang besar. Oleh sebab itu mereka ingin melihat adakah ianya berbaloi dengan pelaburan yang mereka lakukan dan itu sebenarnya mengambil masa yang lama.

REE dalam Negeri Kelantan ini mungkin kita tidak dapat beri semua kepada mereka dan mungkin tidak mencukupi dari sudut volumenya dan kita nak minta daripada Terengganu nak minta daripada Kedah nak minta daripada Perak dan sebagainya. Mereka juga ada cita-cita untuk mengadakan kilang dalam negeri mereka sendiri. Itulah sebenarnya yang sedang mereka hadapi buat waktu ini.

Terima kasih walaubagaimanapun kepada Yang Berhormat daripada Mengkebang, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai penutup penggulungan ini, saya merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perbahasan yang sarat dengan pandangan bernas dan cadangan konstruktif. Segala yang dibahaskan akan terus diteliti dan diterjemahkan dalam kerangka tadbir urus yang berintegriti, telus dan berakauntabiliti. Kalau saya boleh berikan tema kepada sidang kita kali ini ialah sidang akauntabiliti dan juga integriti.

Titah Diraja yang dizahirkan menjadi paksi halatuju pentadbiran negeri, satu amanah kepimpinan yang menuntut pelaksanaan secara berstrategi, berdisiplin dan berteraskan nilai-nilai syariah. Kerajaan Negeri kekal komited untuk memastikan setiap dasar dan inisiatif digerakkan secara menyeluruh, berpaksikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan keberkatan Ilahi.

Dengan penuh takzim, patik menjunjung kasih atas Titah Diraja serta mempertegaskan iltizam untuk melaksanakannya dengan sebaiknya.

Semoga segala usaha ini dipandu dan diberkati Allah SWT ke arah merealisasikan aspirasi

بَلَدَةٍ طَيِّبَةٍ وَرَبِّ غَفُورٍ

Surah Saba ayat 15

*Petang redup di hujung desa,
Burung hinggap di atas para;
Titah Diraja dijunjung kasih sepenuh masa,
Negeri berkat, rakyat sejahtera.*

Sekian, terima kasih.

وبالله توفيق والهداياه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar untuk membuat Penggulangan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله وصحبه

أجمعين

ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ

Surah Al-Balad Ayat 17

Maksudnya:-

Selain dari itu dia menjadi orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar dan berpesa-pesan dengan kasih sayang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi junjung kasih ke hadapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan atas limpah berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas bagi tahun 2026. Sesungguhnya Titah Ucapan Tuanku akan terus menjadi panduan dan pedoman kepada Kerajaan Negeri ke dalam rencana pembangunan serta memakmurkan negeri Kelantan.

Sepanjang sesi perbahasan ini, seramai 21 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian, dan daripada jumlah tersebut, 9 Ahli Yang Berhormat telah secara langsung menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio Menteri Besar.

Secara kesimpulannya, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menzahirkan kecaknaan dan keprihatinan yang amat mendalam terhadap aspek pentadbiran negeri, pembangunan ekonomi, pengurusan tanah, infrastruktur serta kebajikan rakyat. Hal ini adalah seiring dengan Titah Diraja Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan yang menekankan aspek kesejahteraan rakyat untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sikap responsif tersebut selari dengan firman Allah S.W.T yang saya bacakan dalam mukaddimah ucapan sekejap tadi agar saling berpesan sesama orang-orang yang beriman khususnya dalam konteks berkerajaan ini. Pesanan yang berkait secara langsung adalah *وتواصوا بالمرحمة* iaitu saling berpesan dengan kasih sayang.

Apabila berbahas tentang soal keterjaminan makanan dan daya tahan hidup rakyat, ia termasuk dalam konteks saling berpesan dengan kasih

sayang supaya memberikan belas kasihan, ihsan kepada golongan yang memerlukan atau pun meringankan bebanan yang ditanggung dan memenuhi keperluan asas hidup rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pasir Tumboh dan beberapa lagi Ahli Yang Berhormat menyentuh berkaitan federalisme, peranan ICU JPM serta cadangan pakej rangsangan ekonomi. Kerajaan Negeri menegaskan komitmen untuk terus mengamalkan pendekatan federalisme yang matang dan konstruktif.

Hubungan dengan Kerajaan Persekutuan termasuk ICU JPM sentiasa diperkukuh bagi memastikan setiap projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberi manfaat maksimum kepada rakyat negeri ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melaksanakan penyelarasan secara berstruktur melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Kelantan, yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Besar dan YB Menteri dari Kerajaan Persekutuan. Platform ini menjadi medan penting dalam menyelaraskan dasar, keutamaan serta pelaksanaan projek antara kedua-dua pihak.

Di peringkat pelaksanaan pula, penyelarasan diteruskan melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, bagi memastikan projek dilaksanakan secara berkesan dan sebarang isu dapat diselesaikan dengan segera.

Menjadi harapan kerajaan negeri agar semua agensi baik peringkat negeri mahupun Persekutuan, agar sentiasa bekerjasama bagi kepentingan rakyat dan selaras dengan semangat federalisme yang termaktub dalam perlembagaan negara.

Galas telah membangkitkan berkaitan Laporan Audit berkenaan dengan prestasi anak syarikat Kerajaan GLC. Pertama, status hutang anak syarikat kepada syarikat induk. Mekanisme suntikan modal kepada anak syarikat merupakan amalan biasa bagi menyokong kelangsungan operasi dan pembangunan perniagaan.

Melalui sokongan tersebut, anak syarikat berupaya menjana keuntungan serta seterusnya memberi pulangan dan sumbangan kepada syarikat induk. Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih teratur dan berdisiplin, syarikat telah ditetapkan jadual pembayaran balik secara berjadual terhadap suntikan modal yang diterima.

Kedua, syarikat berstatus Penggulungan dan Dorman. Berdasarkan Laporan Audit Tahun 2024, terdapat sejumlah 11 syarikat dormant di bawah Kumpulan PKINK. Daripada jumlah tersebut, sebahagian syarikat telah digulungan, sebahagiannya masih dalam proses penggulungan, manakala selebihnya akan diaktifkan bagi tujuan perniagaan lain pada masa hadapan.

Hakikatnya, ada yang untung dan ada yang rugi itulah perniagaan. Tetapi sebenarnya yang untung jauh mengatasi yang rugi. Banyak kita untung cuma kalau saya isytihar nanti ramai pula nak minta [SAMBIL GELAK]. Musim-musim ni nih jadi kita pun ada yang kita nak bagi cuma tak nak umum untung banyak mana. Tapi banyak hok untung YB Alhamdulillah. Keseluruhannya, kewujudan syarikat-syarikat berkenaan tidak menimbulkan sebarang beban kewangan yang material kepada PKINK mahupun Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Isu-isu berkaitan KESEDAR dan tanah peneroka KESEDAR yang dibangkitkan oleh Melor, Nenggiri dan juga Galas, menzahirkan ada beberapa isu berbangkit yang tertunggak dan belum selesai.

Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Tanah KESEDAR [KETUKAN MEJA OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT] bagi membincangkan serta mencari penyelesaian menyeluruh terhadap isu-isu yang berbangkit, khususnya berkaitan pemberimilikan tanah kepada para peneroka. Jadi kita sama-sama cari jalan untuk selesai masalah rakyat.

Dalam pada itu juga, Mengkebang membangkitkan mengenai pembahagian strategik Zon Ekonomi Terancang. Pada dasarnya

Perancangan Negeri Kelantan adalah berasaskan Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 (RSN Kelantan 2040), disokong oleh Rancangan Tempatan (RTJ) setiap jajahan dan Rancangan Khas Kawasan (RKK) merupakan kerangka perancangan guna tanah yang menyeluruh, berhierarki dan saling melengkapi. Ia berfungsi sebagai panduan rasmi pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar negeri. Adapun zon ekonomi terancang yang Mengkebang bangkitkan itu sebenarnya telah pun terkandung dalam rancangan-rancangan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Chempaka menyentuh berkait sistem penyampaian Kerajaan dan pendekatan *no wrong door policy*. Secara umumnya, pentadbiran ini di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha meningkatkan sistem penyampaian di semua peringkat jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Negeri mahu pun jajahan. Sebagai contohnya, kalau kita hendak berkahwin, jangan pula ke pejabat Kastam, nanti akan dikenakan cukai. Tetapi hendaklah ke Pejabat Agama, barulah boleh sempurnakan urusan perkahwinan. Kalau ada masalah boleh rujuk kepada EXCO Agama.

Walaupun pendekatan tersebut tidak digunakan secara formal, namun praktis pelaksanaannya tetap dijalankan, di mana setiap jabatan diberi peringatan dan kesedaran untuk saling memahami skop serta fungsi jabatan lain. Matlamat kita jelas iaitu untuk memastikan setiap permasalahan rakyat dapat diselesaikan dengan mudah dan segera. Nabi S.A bersabda:-

يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ

بَشِّرُوا وَلَا تُنَفِّرُوا

Permudahkan jangan menyusahkan”.. jadi kita kena mudahkan urusan rakyat kita selagi tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan kena mudah. بِشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا berikan berita gembira jangan kita melarikan orang beri berita menyebabkan orang lari orang tak suka jangan.

Chempaka juga membangkitkan cadangan kajian pelaksanaan skim Contract For Service (CFS) yang diamalkan di dalam pentadbiran. Secara prinsipnya, Skim Contract Of Service (COS) dan Contract For Service (CFS) mempunyai asas-asas kewujudannya yang tersendiri.

Walaubagaimana pun, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kebajikan Penjawat Awam Kerajaan terpelihara kerana seluruh Penjawat Awam sama ada berstatus tetap atau kontrak adalah tulang belakang kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Seterusnya, Pengkalan Pasir menyentuh pemisahan kuasa antara Ketua Jajahan dan YDP PBT. Perkara ini ada dilaksanakan di beberapa negeri lain. Insya-Allah, kita akan buat kajian yang menyeluruh terhadap cadangan ini.

Akhir sekali, Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap nasib rakyat yang terkesan akibat ketidaktentuan ekonomi global ketika ini, khususnya melibatkan golongan petani serta pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menjadi tulang belakang ekonomi negeri.

Justeru, sukacita saya mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat berjumlah RM2 juta, [KETUKAN MEJA] yang akan disalurkan secara bersasar, iaitu RM1 juta kepada golongan petani bagi memperkukuh sektor agromakanan dan RM1 juta kepada pengusaha IKS bagi merangsang pertumbuhan serta kelangsungan perniagaan mereka. [KETUKAN MEJA]

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan rakyat terus terbela, di samping memperkukuh daya tahan

ekonomi negeri dalam menghadapi cabaran semasa. Mekanisme penyaluran insentif ini akan dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Sekian dahulu ucapan penggulungan saya.

وبالله توفيق والهداياه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan –

“BAHAWA DEWAN INI MEMBUAT KETETAPAN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN JUNJUNG KASIH DI ATAS TITAH UCAPAN DIRAJA YANG TELAH DITITAHKAN OLEH YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA KEPADA DEWAN INI PADA HARI ISNIN 02 ZULKAEDAH 1447 H BERSAMAAN DENGAN 20HB APRIL 2026 MASIHI.”

Sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERTITAHKAN YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”**

Dipersetujui.

Cadangan Yang Pertama diterima dan diluluskan.

Alhamdulillah, Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Saya dengan ini berhasrat untuk menangguhkan Persidangan. Persidangan Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada esok 23hb April pada jam 9.00 pagi.

Marilah kita sama-sama menangguhkan Persidangan pada petang ini dengan membaca tasbeih kafarah dan Surah Al-Asr.

Persidangan Dewan ditangguhkan.

HARI KEDUA 22 APRIL 2026

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA 4.30 PETANG DAN
AKAN BERSAMBUNG SEMULA PADA JAM 9.00 PAGI ESOK.**

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[05 ZULKAEDAH 1447H / 23HB APRIL 2026]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB DATO' UST HJ TUAN SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING
5.	YB DATO' UST HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
6.	YB TUAN UST HJ MOHD ASRI BIN MAT DAUD <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
7.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL

8.	YB DATO' HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>D.J.M.K, J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
9.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD <i>J.M.K</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
10.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M., A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
11.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.J.M.K, D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
12.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K., D.J.M.K. ,S.M.K., J.P.</i>	PASIR PEKAN
13.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
14.	YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>D.J.M.K, J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
15.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
16.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K., A.K.</i>	PANTAI IRAMA
17.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
18.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>J.M.K, A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
19.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	CHETOK

20.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH S.M.K.	WAKAF BHARU
21.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN S.M.K	DABONG
22.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
23.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN J.M.K.	KELABORAN
24.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD A.K.,J.S.M.	MELOR
25.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD J.S.M.	GUAL PERIOK
26.	YB TUAN NIK BHRUM B NIK ABDULLAH A.S.K.	CHEMPAKA
27.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
28.	YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
29.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
30.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
31.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN A.K.	BUNUT PAYONG
32.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN D.P.T.J.	PALOH
33.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.	KUALA BALAH
34.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
35.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL S.M.K.	SALOR
36.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
37.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING

38.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
39.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
40.	YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI <i>D.S.M. (Melaka)</i>	NENGGIRI
41.	YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
42.	YB DATO' HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	GALAS

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

1.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
2.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
3.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK

HARI KETIGA 23 APRIL 2026

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ
BIN TENGKU FEISSAL
[SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.J.M.K. (Kelantan)

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K, D.P.S.K.(Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
A.S.K.

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2026
PADA 02, 03, 04, DAN 05 ZULKAEDAH 1447H BERSAMAAN
20HB, 21HB, 22HB, DAN 23HB APRIL 2026 /**

=====

SETIAUSAHA :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Persidangan Kali Pertama, Bagi Tempoh Penggal Keempat, Dewan Negeri Kelantan, **Hari Ketiga**.

الفاتحه ...

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa.

[SAMBIL BERDIRI]

**II - PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI
KEDUA BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA DEWAN
NEGERI KELANTAN YANG KELIMABELAS.**

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, soalan-soalan yang diberitahu. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat jawapan mulut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya mempersilakan Yang Berhormat Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon jawapan kepada soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah mekanisme pemantauan yang ditetapkan Kerajaan Negeri bagi memastikan Belanjawan 2026 dilaksanakan mengikut skop, kos dan garis masa, serta tindakan terhadap projek yang lewat atau gagal capai sasaran?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat Kuala Balah yang mengemukakan soalan. Firman Allahu Taala:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: *Dan juga mereka yang diredhai oleh Allah itu ialah seorang yang apabila mereka berbelanja, mereka tidak boros dan juga mereka tidak bakhil. Sebaliknya perbelanjaan mereka secara sederhana berhemah, pertengahan di antara keduanya yakni di antara boros dan bakhil.*

Kerajaan negeri khususnya melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi memainkan peranan utama sebagai penyelaras dan pemantau pelaksana program dan projek-projek utama negeri di bawah Belanjawan 2026 supaya menepati sasaran dan objektif yang telah ditetapkan. Perbelanjaan bajet 2026 diuruskan secara berhemah dengan mengambil kira impak dan kesan jangka pendek dan juga kesan jangka panjang. Kedudukan kewangan semasa serta ekonomi negara yang berdepan dengan ketidakpastian. Kerajaan negeri memantau secara

lebih dekat pelaksanaan projek-projek pembangunan yang bersifat kepentingan rakyat dan segera supaya dapat memberikan kesan secara terus kepada rakyat melalui pelaksanaan semakan semula keutamaan projek, kajian impak projek dan kos kewangan projek.

Projek-projek ini akan dikawal selia melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Koordinasi dan Program Khas (BKPK). Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pula berperanan sebagai urusetia pemantauan projek pembangunan negeri dengan berapa mekanisme yang telah ditetapkan seperti pelaporan berkala bulanan, pemantauan menerusi lawatan tapak secara berkala dan mekanisme tindakan terhadap projek lewat atau gagal sasaran melalui agensi pelaksana.

Sekiranya sesuatu projek menunjukkan kelewatan atau gagal mencapai sasaran yang telah ditetapkan, kerajaan negeri akan mengambil tindakan secara berperingkat dan tegas melalui agensi pelaksana. Antaranya termasuk pengeluaran surat teguran rasmi serta arahan supaya pelan pemilihan, pelan pemilihan dikemukakan lengkap dengan garis masa pelaksanaan yang jelas. Projek berkenaan juga akan dipantau dengan lebih kerap melalui mesyuarat khas dan juga lawatan tapak bagi memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan mengikut jadual yang dipersetujui. Sekiranya kelewatan berpunca daripada kecuaian atau kegagalan pihak kontraktor, tindakan kontraktor seperti penggunaan LED akan dilaksanakan selaras dengan syarat perjanjian dalam keadaan yang lebih serius dan menjejaskan kepentingan awam. Kerajaan negeri berhak menamatkan kontrak dan melantik kontraktor baru tertakluk kepada peraturan kewangan dan tatacara perolehan yang berkuatkuasa.

Secara keseluruhannya pendekatan pemantauan oleh kerajaan negeri bukan sekadar berbentuk laporan tetapi melibatkan libat urus berterusan penyelarasan rentas jabatan serta introvensi awal bagi memastikan pelaksanaan Belanjawan 2026 menepati skop, kos dan garis masa yang telah diluluskan. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Amat Berhormat, Dato' Panglima Perang. Soalan tambahan saya ialah dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu begini, apakah langkah-langkah mitigasi misalnya. Untuk memastikan belanjawan kita mengikut perkara ataupun perkara yang telah ditetapkan? Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih YB Kuala Balah di atas soalan tambahan sekejap tadi. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa suasana ekonomi global pada ketika ini tidak menentu yang boleh menyebabkan perancangan awal kerajaan turut menerima kesan dari segi perbelanjaan dan pelaksanaan program. Oleh yang demikian, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dalam menghadapi situasi tersebut. Iaitu pertama, tadbir urus kewangan berdisiplin iaitu memastikan setiap perbelanjaan negeri diurus dengan penuh integriti, cekap dan berhemah bagi menjamin kemampanan fizikal. Dalam Quran disebut, cara pengurusan dan siapa yang patut menguruskan kewangan ini.

إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Ada dua sifat. Yang pertama, Al-Qawiy. Al-Qawiy makna berkelayakan. Professional dalam sesuatu bidang. Ini bidang kewangan kena lantik orang professional. Yang kedua, Al-Amin. Ada sifat amanah. Professional pun kalau tidak amanah, tak jadi juga. Ini yang heboh, tapi kita tak tahu lah sebenar apa yang berlaku, orang yang diberi amanah tentang persoalan kewangan termasuklah soal duit zakat. Jadi ini kalau betul lah. Saya tak tahu betul atau tidak. Tapi kalau betul ini cukup-cukup mendukacitakan kita lah, sebab apa nama ni, duit zakat ini duit golongan tertentu, dia ada asnaf dia.

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ

Ada lapan golongan, ini fuqara'-fuqara' ni, mufakir lah.

وَالْمَسْكِينِ

Orang miskin. Fuqara' ni kedudukan dia lebih lemah berbanding dengan orang miskin. Sebab tu Allah Taala sebut fuqara' dulu. Fuqara' ni maknanya orang yang pendapatan dia, perolehan dia berbanding dengan keperluan dia, keperluan dia tak dapat dipenuhi dengan pendapatan yang dia dapat. Sebagai contoh, dia perlu kewajipan dia, dia belanja hok wajib. Sepuluh ringgit sehari. Itu contoh lah, tapi apa yang dia dapat tujuh ringgit jah. Maknanya dia tok cukup lah. Tu fuqara'.

Orang miskin ni boleh jadi dia, keperluan dia sepuluh ringgit dan pendapatan dia sepuluh ringgit. Jadi kais pagi, makan pagi. Kais petang, makan petang tuh. Jadi kalau tidak ada sifat Al-Amin, siapa pun, termasuklah kita yang diberi amanah mentadbir negeri pun, kalau takdak dua sifat ni memang tak boleh.

إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Jadi tadbir urus kewangan berdisiplin iaitu memastikan setiap perbelanjaan negeri diurus dengan penuh integriti, cekap dan berhemah bagi menjamin kemampunan fizikal. Kedua, bajet berimpak tinggi dengan memberi fokus kepada projek dan inisiatif yang memberi pulangan nilai maksimum serta manfaat langsung pada rakyat. Kita Kelantan walaupun kita ni tidak negeri kaya dan selalu orang sebut kita ni negeri miskin tapi takpo. Miskin pun takpo lagi, jangan fakir jah. Tapi walaupun kita dikatakan miskin tetapi untuk membantu rakyat, semalam kita telah luluskan segera RM2 Juta walaupun mengikut sesetengah orang RM2 Juta ni sikit tapi bagi kita bukan lagi kaya ni banyak lah. Tapi tak apa lah, orang-orang tua sebut, kalau kita bagi banyak tu tanda ada, kalau kita bagi sikit tanda ingat. Jadi hok kemarin tu tanda ingat lah, tanda ingat.

Ketiga, kerjasama persekutuan dan negeri melalui pengukuhan hubungan dan *synergy* antara kerajaan negeri dan persekutuan bagi melancarkan pelaksanaan projek pembangunan nasional di peringkat

Negeri Kelantan. Kita ni, saya selalu sebut, kerajaan negeri ni anak, ibarat anak. Kerajaan persekutuan ni ayah. Jadi anak dengan ayah ni, kita kena berunding lah dan ini lah yang kita amalkan sebenarnya daripada dulu lagi yang kita amalkan. Dan Alhamdulillah saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang beri layanan Kelantan ini sama seperti negeri-negeri lain. Bahkan setengah negeri kata Kelantan ni kadang-kadang diberi layanan lebih, itu orang negeri lain lah kata. Kita tak tahu, tapi takpo lah. Kita sama takpo, kalau lebih koho takpo. Koho takpo. **[YB Ketawa Kecil]**

Jadi sebab kita Kelantan ni kita ketinggalan lama dah. Jadi kita nak kejar dia, jadi adalah wajar setiap permohonan dan keperluan rakyat Kelantan dipertimbangkan segera oleh kerajaan persekutuan dan saya ucap terima kasih. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Salor.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang. Kita dalam belanjawan lepas, kita ada sebut bahawa pertambahan pelaburan lebih daripada RM1 Billion saya difahamkan dan saya sendiri ada sarankan dalam perbahasan lepas supaya peluang-peluang ini kita pastikan tidak terlepas kepada pihak luar. Cuma soalan tambahan saya bagaimana ataupun adakah terdapat sebarang mekanisme ataupun dasar di pihak kerajaan negeri untuk pastikan peluang ini diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan terutamanya kepada GLC negeri sendiri. Supaya mereka lebih kompeten dan lebih, apa ni, dapat menambah pendapatan peringkat GLC tempatan lah. Ok terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Salor di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Adalah menjadi dasar kerajaan negeri untuk mengutamakan penglibatan syarikat berkaitan Kerajaan GLC dalam pelaksanaan pelbagai program dan projek pembangunan selaras dengan kepakaran, bidang tumpuan dan keutamaan strategi setiap GLC. Sebagai contoh, sektor pertanian dan bioteknologi diterajui oleh Kelantan Biotech Corporation dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad yang berperanan sebagai pemangkin pembangunan industri bioteknologi dan agro berasaskan inovasi di negeri ini. Sektor digital dan teknologi maklumat diperkukuh melalui peranan Infraquest dan Kelantan ICT Gateway sebagai agensi sehenti dan rakan strategik kerajaan negeri dalam merancang, menyelaraskan serta memantau pembangunan ICT dan ekonomi digital. Sektor perlombongan dan sumber mineral dilaksanakan melalui syarikat seperti PMBK Az-Zahab, Caston yang terlibat dalam aktiviti perlombongan mineral. Dan aktiviti hiliran berkaitan tenaga, sektor tenaga hijau dan utiliti digerakkan oleh kerajaan Kelantan Utilities Mubarak Holdings yang menerajui pelaburan strategik dalam bidang tenaga hijau, pengurusan sisa, air bersih dan teknologi lestari.

Kesemua GLC ini turut mengetuai Jawatankuasa Portfolio EXCO mengikut sektor masing-masing bagi memastikan penyelarasan dasar pelaksanaan keberkesanan pelaksanaan serta mekanisme impak pembangunan ekonomi negeri. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya persilakan Galas.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor dua. Terima kasih.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah permohonan Lesen Mendulang Emas Kecil yang telah diluluskan semenjak ia dibuka awal tahun ini.]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Galas ya. Sejak pembukaan Januari 2026. Sebanyak 493 lesen mendulang emas kecil, pada awal tahun ini ya telah diproses, telah diterima ya 493 dan sedang diproses serta dinilai berdasarkan syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan sebelum sebarang kelulusan diberikan. Setakat ini jumlah permohonan diluluskan yang telah disiap diproses adalah sebanyak 333 permohonan dan sebanyak 54 permohonan telah diambil oleh pemohon. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Dato' Speaker terima kasih. Saya nya ambil kesempatan nak ucap tahniah lah kepada kerajaan di atas kelulusan lesen mendulang yang difahamkan tadi 333 telah pun lulus. Soalan tambahan saya ialah, hasil daripada pemantauan yang dibuat oleh pihak kerajaan, adakah semua penerima lesen ini mendulang secara aktif? Dan yang keduanya royalti, adakah kita tetapkan ataupun ambil ataupun kenaan royalti dan jika ada, berapakah jumlah royalti yang telah dikutip setakat ini? Terima kasih.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada Galas di atas soalan tambahan ya. Sebenarnya Alhamdulillah rakyat rasa gembira dan seronok apabila dilibatkan sekali

dengan aktiviti ekonomi berdasarkan kepada mineral terutamanya emas yang mana melombong emas adalah sesuatu yang memerlukan kepada modal yang sangat besar dan rakyat tidak mampu untuk berbuat demikian.

Walaubagaimanapun, kerajaan sangat menyedari bahawa secara kecil-kecilan sebab sebelum ini pun sudah ada aktiviti mendulang secara kecil-kecilan tetapi Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan hendak memastikan bahawa ianya dibuat secara *legal* mengikut perundangan dan kita dapat mengawal supaya kita dapat menentukan keselamatan pendulang dan sebagainya dalam masa yang sama sekurang-kurangnya kerajaan dapat tahu ya sejauh mana, seramai mana dan banyak mana yang rakyat dapat. Di atas pertanyaan daripada Galas tadi ya, apabila rakyat mendulang, rakyat memohon dan kita telah mengeluarkan 54 lesen yang telah diambil walaupun kita telah meluluskan 33 kita tidak dapat nak pastikan secara jelas adakah mereka aktif ataupun tidak sebab kebanyakan daripada mereka sebenarnya bukan secara sepenuh masa mendulang tetapi secara *part-time* sahaja dan kita telah, setakat ini memberikan kebenaran kepada dua syarikat untuk membeli daripada pendulang-pendulang ini. Kenapa? Kerana juga kita nak pastikan ianya mengikut peraturan dan tidak mempergunakan dan untuk tujuan tersebut setakat ini kita masih lagi belum dapat menerima satu jumlah setakat mana pendapatan yang rakyat dapat daripada hasil mendulang itu ya, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Kelaboran. Maaf. Dipersilakan Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tahniah kepada kerajaan negeri kerana telah berjaya buka lesen untuk pendulang-pendulang kecil. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kerajaan boleh memastikan perluasan lesen mendulang emas kecil ini dilaksanakan secara terkawal

yang tidak menjejaskan sungai, tebing sungai dan memastikan penguatkuasaan kepada pendulang ini dapat dibuat secara terkawal lah. Terima kasih.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih Gaal. Kita ada satu enakmen ya. Enakmen mineral yang di dalam itu ada dijelaskan berkenaan dengan perkara-perkara bagi memastikan alam sekitar tidak terjejas dan sebagainya. Maka kerajaan negeri bagi memastikan setiap lesen mendulang emas dikeluarkan tertakluk kepada syarat teknikal yang sangat ketat termasuk penetapan kawasan yang dibenarkan, kaedah kerja serta pematuhan kepada garis panduan alam sekitar.

Selain itu syarat-syarat khusus untuk turut dinyatakan dalam lesen mendulang dan dipaparkan dalam lesen itu bagi memastikan pematuhan, dalam lesen itu dipaparkan syarat-syarat dimana letaknya kawasan yang dibenarkan mendulang dan dalam masa yang sama juga diberi petunjuk bahawa kawasan ini sebenarnya ada potensi mineral iaitu lah emas bagi membantu para pelesen untuk fokus kepada mendulang itu.

Pemantauan berterusan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan bersama agensi teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan aktiviti mendulang dijalankan secara terkawal dan tidak menjejaskan sungai, tebing serta ekosistem setempat. Kita mengenakan memberikan syarat lesen dan sebagainya sebenarnya ia bukan sekali-kali bermaksud kita ingin berniaga dengan rakyat, tidak...tetapi untuk memastikan keselamatan rakyat pendulang, dalam masa yang sama juga untuk memastikan ekosistem dan juga alam sekitar terjaga. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Pantun sikit pagi ni...

*Burung Terbang Di Awan Biru,
Hinggap Sebentar Di Pohon Sena,
Jika Tekun Menimba Ilmu,
Mohon Jawapan Soalan Nombor Tiga.*

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah intervensi khusus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi sekolah-sekolah yang dikenal pasti berprestasi rendah, termasuk mekanisme pemantauan pelaksanaannya?]

YB USTAZ DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita tok jawab dengan pantun lah, kita jawab *direct*. Intervensi khusus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi sekolah-sekolah yang dikenalpasti berprestasi rendah ialah yang pertamanya intervensi akademik berfokus iaitu kita menempatkan guru-guru ataupun menempatkan guru-guru berpengalaman ataupun guru cemerlang bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan izin PDP dan juga melaksanakan kelas tambahan klinik subjek kritikal dan juga program lonjakan akademi dan juga kita mengadakan bengkel teknik menjawab peperiksaan serta pemantauan berkala oleh Pegawai Akademik YIK.

Jadi kalau kita tengok kepada prestasi peperiksaan baruni, keputusan peperiksaan YIK meningkat. Ketiga-tiga jenis peperiksaan. SMU, SPM dan juga STAM dan yang paling menarik, sekolah-sekolah yang dipanggil sekolah rakyat. SMUA bantuan juga berjaya mencapai keputusan peperiksaan pelajarannya dalam SPM baruni 10A, bukan kata Maahad jah

boleh, tapi SMUA pun mampu pelajar-pelajar dia mencapai keputusan yang cemerlang.

Yang keduanya, kempen kesedaran dan juga promosi sekolah, pelaksanaan kempen kesedaran melalui pemasangan *banner* dan hebahan media bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sekolah YIK dan juga kita mengadakan sesi penerangan dan promosi di sekolah-sekolah rendah sebagai usaha menarik kemasukan pelajar baru dan ini kita mendapat kerjasama daripada BBC Kelab Penyokong Kerajaan. Terima kasih. Terima kasih daun keladi, kalau boleh nok lagi. Lebih lagi.

Yang ketiga, pendekatan ziarah dan libat urus ibubapa dengan kita mengadakan lawatan ke rumah pelajar sasaran khususnya yang berisiko keciciran ataupun berprestasi rendah dan juga mengadakan sesi libat urus bersama ibubapa bagi mengenalpasti punca masalah dan merangka pelan sokongan bersama dan juga mengadakan program motivasi pelajar dan juga ibubapa secara berkala.

Yang keempatnya, insentif dan bantuan kebajikan memberi insentif yuran bagi pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dan juga bantuan pakaian seragam atau keperluan asas persekolahan, kito wi pakaian dan juga sokongan kewangan bersasar melalui dana kebajikan YIK dan sumbangan pihak berkaitan. Ni juga kita mendapat bantuan daripada YAKIN yang menaja, banyak menaja pelajar-pelajar kita yang ibubapa yang kurang berkemampuan. Jadi bagi memastikan intervensi ini berkesan, kerajaan negeri melaksanakan mekanisma pemantauan seperti berikut.

Yang pertama, penetapan prestasi utama KPI bagi setiap sekolah yang terlibat. Yang keduanya, laporan berkala oleh pihak sekolah kepada YIK. Yang ketiga, lawatan pemantauan dan penilaian impak oleh Pegawai Akademik. Dan yang keempatnya mesyuarat penambahbaikan susulan bagi menilai keberkesanan tindakan yang diambil. Jadi hasil laporan yang sampai kemasukan pelajar ke sekolah YIK pada tahun ini meningkat, selain daripada peperiksaan-peperiksaan juga meningkat. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pasir Tumboh.

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih kepada Kerajaan yang telah pun menjawab soalan saya nombor tiga tadi. Dan saya nak ucap tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' EXCO Pendidikan di atas kerja kuatnya yang menyebabkan Yayasan Islam Kelantan mendapat kejayaan yang paling cemerlang pada tahun 2025. Dan saya juga ingin mengucapkan sekali lagi lah tahniah kepada YB Melor kerana dapat *posting* yang paling tinggi dalam dewan ini. **[Kedengaran para YB menepuk meja]**

Hampir 100,000. Seratus ribu lebih mengenai isu orang naik muto. Tahniah kedua-duanya. Soalan tambahannya ialah, sejauh manakah kerajaan negeri melihat TVET sebagai intervensi utama bagi pelajar yang kurang cenderung kepada akademik di sekolah berprestasi rendah?

YB USTAZ DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Pasir Tumboh ni cakna kepada YIK lah. Alhamdulillah Kerajaan Negeri melalui TVET sebagai satu laluan penting, bukan sampingan lah. TVET ni penting dan berpotensi besar untuk dijadikan intervensi kepada pelajar yang kurang cenderung kepada aliran akademik khususnya di sekolah berprestasi rendah.

Namun begitu, setakat ini pelaksanaannya di peringkat sekolah masih belum diteroka secara menyeluruh kerana pada masa ini hanya dua sekolah sahaja yang menjalankan program TVET dan pelaksanaannya pula masih di peringkat awal. Antara usaha yang telah bermula ialah melalui pentauliahan program kemahiran di bawah penyelarasan Majlis TVET Negeri Kelantan bersama pusat latihan seperti kita wujudkan di Kelantan. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), KIASDEC serta rangkaian Institusi Pondok dan Tahfiz.

Antara program yang telah mendapat pentaauliah ialah Program Operasi Pengeluaran Tanaman. EXCO Pertanian banyak bantu, banyak di pondok-pondok dan juga di sekolah termasuk pelaksanaannya di Maahad Muhammadi Gua Musang yang telah mendapat sijil pada baru ni.

Disamping itu, pendekatan akademik dalam industri iaitu ADI turut membuka ruang supaya latihan kemahiran dapat diselaraskan dengan keperluan sebenar industri. Walaupun majoriti institusi TVET berada di bawah seliaan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri tetap menggunakan ruang dan kuasa yang ada untuk membina peluang latihan kepada anak-anak Kelantan walaupun secara kecil sebagai contoh Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Beta Hulu menunjukkan pencapaian baik di peringkat YIK. Jabatan Pembangunan Kemahiran, duk kkeney ko sekolah ni lah. Jadi In Shaa Allah 13hb ni saya panggil Jabatan Pembangunan Kemahiran Kuala Lumpur untuk sama-sama berbincang bagaimana kita nak menafaatkan anak-anak kita yang hebat dapat hafal Quran dan juga mahir dapat tauliah dengan TVET.

Namun pelaksanaan TVET di sekolah itu masih bersifat sampingan dan belum memenuhi keperluan pensijilan sepenuhnya kerana kekangan masa sebab pelajar ni kena hafal Quran setahun tujuh juzuk, lima tahun khatam. Kekangan masa pembelajaran serta tumpuan kepada tahfiz. Maahad Muhammadi Gua Musang pula baru sahaja memulakan langkah itu. Justeru kerajaan negeri melihat TVET bukan sekadar pilihan sampingan tetapi sebagai laluan yang perlu diperkukuh secara berperingkat melalui Majlis TVET Negeri Kelantan agar pada masa hadapan ia benar-benar menjadi intervensi yang berkesan kepada pelajar yang memerlukan laluan kemahiran. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Boleh sekali ni bangun...

Apa ni nak balas pantun Pasir Tumboh.

*Pagi Ceria Mentari Berseri,
Burung Berkicau Di Dahan Tinggi,
Hari Terakhir Kita Berada Disini,
Semoga Kenangan Terindah Terpahat Di Hati.*

Soalannya, memandangkan Kelantan melaksanakan pemantauan kurikulum dua kali setahun. Jadi saya nak tanya sejauh manakah kerajaan negeri bersedia untuk membangunkan pengkalan data yang berpusat yang mampu memberi amaran awal ataupun *early warning system* bagi sekolah-sekolah yang menunjukkan *trend* menurun prestasi sebelum berakhirnya tahun berikut? Terima kasih.

YB USTAZ DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Gual Ipoh atas soalan yang cukup baik. Jadi sehingga kini Kerajaan telah melaksanakan Program Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) untuk semua sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan bagi memastikan data pengajian dan juga peperiksaan seperti berikut, kita mengadakan ujian pengesanan satu, ujian pengesanan dua, peperiksaan pertengahan tahun dan juga peperiksaan percubaan.

Walaubagaimanapun sistem ini boleh ditambah baik atau dipertingkatkan kemampuannya untuk menganalisis data pelajar yang lebih besar dan saya juga sedang membangunkan satu sistem digital, ke arah sekolah digital iaitu berpusat untuk kita memantau prestasi akademik para pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan. In Shaa Allah kalau benda ini menjadi kenyataan, lebih mudah lagi untuk kita memantau prestasi anak-anak kita di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

*Hari Lebaran makan ketupat,
Mohon jawapan soalan empat.*

Terima kasih.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan bagi membantu anak-anak muda terutamanya dari segi kemahiran supaya mereka boleh berdikari untuk mencari rezeki dengan kemahiran yang dipelajari.]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Jelawat atas soalan. Kerajaan negeri menyedari bahawa cabaran utama anak-anak muda hari ini bukan sekadar mendapatkan pekerjaan tetapi memiliki kemahiran yang membolehkan mereka berdikari, menjana pendapatan sendiri dan juga menjadi penyumbang kepada ekonomi negeri. Atas asas ini pendekatan kerajaan negeri bukan bersifat *one-off* ataupun bermusim tetapi berasaskan pembangunan kemahiran yang berstruktur diiktiraf dan mempunyai laluan kerjaya yang jelas.

Pertama, kita mengadakan kursus dan latihan kemahiran berasaskan keperluan industri. Kerajaan negeri melalui urusetia belia dan sukan telah melaksanakan pelbagai kursus kemahiran yang termasuk adalah Kursus Teknologi Maklumat IT dan *Digital Scale*. Kursus Gunting Rambut dan Kemahiran Dandan dan kursus-kursus lain. Kursus-kursus kemahiran teknikal dan keusahawanan mikro dimana kursus ini

memberi fokus kepada kemahiran yang boleh terus menjana pendapatan sama ada melalui pekerjaan ataupun perniagaan sendiri.

Yang kedua, Diploma Kemahiran yang diiktiraf ataupun dengan kerjasama strategik Program TVET. Lebih penting Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak hanya menawarkan kursus asas tapi telah mengadakan kerjasama strategik dengan TVET-tech USIM dalam pelaksanaan Program Kejurulatihan Bina Insan Negara di mana program ini merupakan Diploma Kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran JPK di bawah keseliaan Kementerian Sumber Manusia dan juga menggunakan piawaian sistem pensijilan Kemahiran Malaysia SKM ataupun JKM. Ini bermakna anak-anak muda Kelantan bukan sahaja menerima sijil penyertaan tetapi memperoleh kelayakan yang sah di peringkat nasional meningkatkan kebolehpasaran dan juga mobiliti kerjaya mereka.

Yang ketiga, Kelantan Used Digital-Preneur. Ini adalah salah satu inisiatif untuk membangunkan usahawan digital dan In Shaa Allah pelancaran ataupun program sulung akan diadakan dalam bulan 6 atau bulan 7 ini yang masih dalam peringkat perancangan In Shaa Allah dan In Shaa Allah melalui program ini anak-anak muda kita, belia kita akan menjadi usahawan digital yang berjaya dan melalui proses *networking*, *mentoring* dan juga In Shaa Allah sedikit suntikan dana belia niaga. Jadi yang seterusnya adalah model latih, bimbing, sandar iaitu pendekatan kerajaan negeri merangkumi tiga fasa utama. Pertama, Latihan Kemahiran, memberikan kompetensi teknikal dan *softskill*.

Yang kedua, bimbingan serta *mentoring*. Peserta tidak dibiarkan selepas tamat kursus. Mereka dibimbing dari sudut pembangunan sahsiah, disiplin kerja dan pengurusan diri. Yang ketiga, laluan berdikari. Peserta digalakkan untuk bekerja dalam industri, menjadi jurulatih komuniti dan juga memulakan perniagaan mikro berasaskan kemahiran. Kita mahu melahirkan belia yang bukan sekadar *job seeker* tetapi *job creator*.

Makna selepas mereka berjaya dalam kursus mendapat kemahiran dan sebagainya, mereka berjaya dalam perniagaan mereka dan akhirnya

mereka memberi peluang kerjaya ataupun kerja kepada rakan-rakan sebaya di kampung dan juga di bandar. Selaras dengan agenda Pembangunan Belia Negeri, inisiatif ini juga adalah selaras dengan agenda Pembangunan Belia Negeri yang menekankan Pembangunan Kompetensi iaitu Al-Qawiy, Pembinaan Integriti dan Akhlak Al-Amin. Pengurangan kebergantungan kepada bantuan semata-mata dan juga mobiliti sosial melalui kemahiran. Kerajaan negeri percaya bahawa kemahiran adalah benteng sosial apabila anak-anak muda mempunyai kemahiran pendapatan, mereka lebih stabil dari sudut ekonomi, sosial dan juga emosi. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Banyak program kemahiran telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan saya ucap tahniah cuma soalan tambahan saya, apakah mekanisme ataupun indikator kejayaan yang digunakan oleh pihak kerajaan dalam mengukur ataupun menilai keberkesanan program kemahiran yang telah dilaksanakan? Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Jelawat atas soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menilai keberkesanan program kemahiran kerajaan negeri menggunakan beberapa indikator utama yang bersifat *output* dan juga *outcome*. Antaranya kadar kebolehpasaran peserta sama ada mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan selepas tamat latihan. Maksudnya bila tamat latihan, untuk memastikan mereka mendapat pekerjaan di mana-mana institusi ataupun mereka memulakan perniagaan sendiri.

Yang kedua, peningkatan pendapatan peserta, manakala hok tadi baru nok start, hok ni hok start doh, sudah ada asas dia, kita tambah kemahiran

dia dan kita nak selepas mereka menjalani latihan bersama kita ni akhirnya mereka mendapat pendapatan tambahan daripada, berbanding sebelum ini. Tahap kesinambungan penglibatan iaitu sejauh manakah peserta terus aktif dalam bidang yang dilatih maknanya kalau dia gi latihan gunting rambut, maknanya kita mengharapkan selepas mereka mengikuti kursus tersebut mungkin mereka boleh buka kedai gunting ataupun mereka bekerja dengan mana-mana kedai gunting yang lain.

Bilangan besar yang berjaya menjadi usahawan kecil termasuk yang mampu berdikari tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Makna selepas mereka mengikuti kursus yang kita jalankan dan dengan sedikit suntikan dana akhirnya mereka boleh menjadi usahawan yang mikro, yang tidak bergantung lagi kepada bantuan kerajaan.

Selain daripada itu, melalui sistem ekosistem seperti Kelantan Future Leaders, kerajaan negeri juga sedang membangunkan pendekatan berasaskan data dan pemantauan berterusan bagi menilai perkembangan peserta secara sistematik. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Speaker. Daripada jawapan tadi kita dapat dengar mengatakan bahawa di negeri kita ni pelbagai jenis latihan telah diberikan kepada belia-belia di peringkat negeri ada di JAHEAIK, di UKEKWA sendiri daripada segi jahitan, gunting rambut dan sebagainya. Jadi daripada latihan-latihan yang telah dibuat tersebut, saya nak tanya daripada pihak kerajaan sendirinya, bagaimanakah kita di peringkat kerajaan ni nak memastikan bahawa latihan kemahiran yang telah diberikan itu sebenarnya benar-benar membawa kepada peluang pekerjaan dan keusahawanan sebab bukan semata-mata tinggal latihan, sijil macam tu saja. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Chempaka. Secara umumnya apabila kita mengambil ataupun mengadakan memilih sebarang kursus ataupun pengendali kursus, kita memastikan pendekatan yang jelas iaitu setiap latihan dilaksanakan mempunyai *linkage* terus daripada industri dan peluang ekonomi sebenar. Itu lah kadang-kadang kita beri latihan kemahiran ataupun program penempatan pekerjaan sebagainya dan mereka mempunyai *link* ataupun selepas mereka menamatkan latihan, mereka akan terus dapat bekerja.

Antaranya adalah yang kita jalankan program penempatan pekerjaan industri yang mana memberi pengalaman kerja sebenar kepada peserta sebelum memasuki pasaran pekerjaan, hok ni kita mengadakan kerjasama dengan UTM dan bila peserta menjalani latihan, mereka mendapat sijil daripada UTM maknanya semasa kursus pun dia dah dapat elaun, bila tamat kursus mereka mendapat sijil dan akhirnya mendapat pekerjaan dalam industri dengan sijil yang mereka ada.

Reka bentuk kursus yang bersifat *hands-on* ataupun *demand relevant* selari dengan keperluan pasaran seperti bidang makanan dan perkhidmatan maknanya kursus-kursus yang kita pilih tu adalah yang ada permintaan supaya akhirnya bila mereka tamat kursus, mereka mempunyai peluang pekerjaan.

Yang ketiga penyediaan *platform* sokongan seperti *townhall* usahawan yang menghubungkan peserta dengan agensi-agensi pembiayaan dan peluang perniagaan maknanya bila kita buat kursus ataupun *townhall* tadi kita melibatkan juga agensi-agensi kewangan yang akhirnya peserta ni dapat *networking* dan juga dapat maklumat tentang peluang-peluang kewangan.

Dan yang keempat, penerapan elemen projek *output* sebenar di mana peserta bukan hanya belajar tetapi menghasilkan produk ataupun berkaitan yang boleh di komersial kan. Maknanya selepas mereka menjalani latihan, mereka mendapat ataupun menyediakan produk yang

vibal untuk dimasuk dalam pasaran so pendekatan ini memastikan latihan diberikan bukan sahaja teori tetapi terus membawa pada peluang pekerjaan dan juga keusahawanan yang realistik. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

*Bonus diberi kepada semua,
Mohon jawapan saya soalan nombor lima.*

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam memelihara dan memperkasa aktiviti sosio-budaya, institusi Agama serta peranan masjid dan surau sebagai pusat pembangunan komuniti di DUN Pulai Chondong.]

YB TUAN USTAZ HAJI MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong di atas persoalan yang berkaitan dengan inisiatif dan juga apa agenda yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam memperkasakan aktiviti sosial budaya dan juga peranan institusi Agama dan khususnya di Pulai Chondong. Dan untuk maklumannya, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi Pembangunan Islam, JAHEAIK, Jabatan Mufti, Pendakwaan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah dengan sokongan padu daripada Majlis Agama Islam dan Majlis Istiadat dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri

Kelantan sentiasa mengadakan program-program untuk memperkasakan institusi-institusi agama dan masjid di Negeri Kelantan Darulnaim. Di semua lah. Di semua jajahan-jajahan yang ada di dalam Negeri Kelantan ini tidak ketinggalan.

Kalau di Pulau Chondong sendirinya umpamanya program penerangan undang-undang syariah supaya masyarakat jelas dan faham apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam pelaksanaan syariah telah dilaksanakan, boleh dikatakan semua masjid mukim di Pulau Chondong tidak terkecuali, satu masjid pun. YB Pulau Chondong boleh semak di mana umpamanya ini yang terkini antara tahun 2025 lah yang kita laksanakan di Masjid Mukim Tok Jelawat, Masjid Mukim Joh, Masjid Mukim Belukar, Masjid Mukim Galang, Madrasah Haji Jusoh Kampung Buntut Tok Mekteh Labok, Surau Annur PPR Bukit Belah, Masjid Keputeraan Maahad Tahfiz.

Semua ini telah diadakan penerangan Undang-Undang Islam dan Syariah Islam supaya masyarakat komuniti setempat yang ada itu boleh hadir untuk mendengar apakah yang telah dilaksanakan oleh peringkat kerajaan negeri dan selain daripada itu program-program untuk komuniti setempat dengan kerjasama pelbagai NGO termasuk lah sebelum ini program kerjasama dengan JAKIM, santapan rohani guru-guru KAFA di Masjid Mukim Pulau Chondong pada Mac 2024 dan juga forum-forum bicara Ad-Din dan forum-forum tentang hari-hari kebesaran Islam yang lebih mensasarkan kepada komuniti setempat termasuklah peringkat anak-anak muda dan program-program yang melibatkan pembasmian gejala sosial seumpama telah dilakukan di Masjid Maahad Syamsul Maarif Lelaki pada 25hb Oktober 2025 yang lalu supaya juga di komuniti pelajar-pelajar sekolah umpamanya mendapat taklimat yang jelas tentang bagaimana hal ehwal isu-isu yang terkini dari sudut yang perlu dikekang ataupun perlu dihindarkan masuk di dalam anak-anak muda ataupun di tempat-tempat institusi pendidikan dan juga institusi pengajian dan Bahagian Dakwah Halaqah di Negeri Kelantan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga mengadakan program-program untuk menghidupkan masjid ini dengan tadarus-tadarus dan untuk makluman sepanjang Ramadan yang lalu diadakan tadarus Al-

Quran di Pulau Chondong saja 13 masjid telah diadakan tadarus Al-Quran dan dengan tazkirah sebelum daripada berbuka puasa masjid di Pohon Jati JPM, Masjid Surau Lama, Kerawang, Masjid Laha, Masjid At-Taqwa, Masjid Batu Kedai, Madrasah Kenanga, Madrasah Taman Redha, Surau Hijau Kampung Belukar, Masjid Keputeraan, Masjid Takil dan ini antara yang disenaraikan dan ada madrasah-madrasah lain lagi di dalam DUN Pulau Chondong termasuklah diadakan peringkat Dhuha dan muslimat ini diadakan solat tasbeih pada jam 9:30 pagi pada setiap Ramadan dan ada 9 tempat telah diadakan oleh peringkat muslimat di Bahagian Dakwah Halaqah termasuk Khatam Quran Perdana Muslimat pada Mac 2026 yang lalu.

Maknanya rancak program-program, aktiviti-aktiviti di jajahan masing-masing. Ini contoh di DUN Pulau Chondong dan di DUN-DUN yang lain pun sama lah institusi masjid dan juga institusi-institusi pendidikan tarbiyah yang ada di dalam jajahan masing-masing. Jadi kesempatan ini saya nak rakamkan ucapan terima kasih lah kepada agensi-agensi yang menggerakkan pembangunan Islam dan kita telah lancarkan *shariah life* ini untuk digerakkan ke lapangan dan institusi sudah tentu lah JAHEAIK, Jabatan Mufti dengan sokongan padu daripada MAIK dan semua agensi-agensi agama termasuklah Ketua-Ketua Jajahan yang merupakan pengerusi pembangunan Islam yang telah memberi sokongan yang penuh kepada usaha-usaha ni. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pulau Chondong.

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO yang menjawab soalan yang telah saya ajukan. Cuma saya lihat, saya biasa sebut dalam kuliah saya, kita nampak di masjid ni golongan yang paling ramai menghadiri ataupun mengimarah masjid adalah orang-orang tua lah. Biasa saya sebut orang yang insurans tak terima dah. Anak-anak muda ni tidak begitu ramai kerana saya ada pengalaman bersama dengan

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ke Aceh. Saya lihat di Aceh, masjid-masjid dipenuhi oleh anak-anak muda. Jadi kena pikirkan usaha-usaha untuk memastikan kebetulan ada rombongan daripada sekolah mana saya tak tahu lah pada pagi ni.

Soalan tambahan saya, apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh masjid di Kelantan sebagai contoh dan boleh dijadikan panduan sebagai pusat pembangunan komuniti terutama kepada anak-anak muda? Sekian, terima kasih.

YB TUAN USTAZ HAJI MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Pulai Chondong di atas soalan tambahan tersebut. Data terkini menunjukkan bahawa anak-anak muda ini juga memenuhi di tempat-tempat ibadat di masjid, di surau kerana kita lihat sekarang ini Alhamdulillah imam-imam telah pun meng-*upgrade* program-program dan aktiviti dengan kreativiti yang tersendiri memang apa anak-anak muda mempunyai kesedaran yang tinggi di Negeri Kelantan Darulnaim.

Baru-baru ini Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan apabila mengumumkan statistik pembayar zakat, untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, pembayar zakat baru 2025 dimana 2025 ini sejarah, zakat kita dapat RM354,000,000 yang tertinggi dalam sejarah Negeri Kelantan ini dimana pembayar baru nya ialah 63% terdiri daripada anak muda berusia 29 hingga 39 tahun, 20 hingga 39 tahun. **[Kedengaran para YB menepuk meja]**

Kesedaran yang tinggi di peringkat anak-anak muda. Ini satu data yang tinggi dan saya nak ucap terima kasih kepada imam-imam yang sekarang ini juga mereka mengikuti arus perdana dengan mereka juga mempromosikan anak-anak muda supaya mendekati institusi-institusi masjid ini. Saya buat contohkan Masjid Muhammadi lah, Masjid Jamek Muhammadi Kota Bharu rancak dengan program anak-anak muda di mana contohnya, telah diadakan himpunan anak muda bermotor, solat jemaah Maghrib, solat Isyak baca surah Al-Mulk kemudian anak-anak muda pemilik EX-5 berkumpul dan 2,000 lebih anak-anak muda pemilik

EX-5 ini boleh berkumpul di Masjid Muhammadi, selepas mereka solat, mereka berkumpul lah di dataran dan mereka disantuni disitu kerana aktiviti-aktiviti yang dicetuskan ini menarik dan memberi, menarik minat mereka untuk hadir ke masjid. Contohnya program yang dilakukan oleh Masjid Muhammadi, Masjid Jamek Muhammadi saya difahamkan, imam dia ada ke disini?

Ya tahniah antara program nya dilakukan Program *Night Run* maknanya ini juga peminat-peminat sukan *running* ni dia akan hadir sekiranya di masjid-masjid anjurkan Program *Night Run*, Subuh *Run*, Masjid Muhammadi dianjurkan ini. Antaranya Subuh *Run* ini bermula pada 4:30 pagi lagi, bermula dengan larian disudahi dengan Qiamullai solat Subuh jadi, dapat dikumpulkan 1,000 anak muda. Anak muda yang *running* ni dia tidak yang hok insurans dah ni. **[YB ketawa kecil]**

Hok ni ni yang insurans *cover* lagi 1,000 lebih hadir. Begitu juga dengan *Night Run* dan Kempen Solat Subuh Macam Solat Jumaat, kita tengok ini bukan saja semua masjid telah buat di Negeri Kelantan Darulnaim dan di Masjid Muhammadi pernah mengumpulkan 5,000 lebih orang jemaah dan 60%, 50% lebih, 60% nya adalah di kalangan anak-anak muda, anak-anak muda. Begitu lah juga dengan pertandingan *e-sport* yang dianjurkan mengumpulkan sehingga 500 peserta dan kebanyakannya adalah anak-anak muda termasuklah juga contohnya di masjid. Di Masjid Jamek Sultan Ismail Petra di Kubang Kerian contohnya, terdekat ini 2 Mei 2026, Masjid Jamek Sultan Ismail Petra Kubang Kerian akan menganjurkan Program Mega Pelikat *Run* 2026. *Run* pakai kain pelikat, lagumana? Haha Jubah *Run* ke apa. Jadi ini sekali dengan karnival lah.

Mereka akan adakan Program-Program Rakyat untuk menyantuni rakyat, ada *check* kesihatan percuma, *auto-show* vespa, pemilik-pemilik vespa boleh berkumpul di dataran, ada memanah dan dilibatkan juga *influencer-influencer* termasuklah akan dihadirkan Ex-Treble TRW Kapten Pia, Daud Su, Farhan Ben Ten dan lain-lain dan dijangkakan 3,000 akan hadir dan sudah tentu lah 50% lebih itu akan dihadiri oleh belia anak-anak muda. Ini dengan kerjasama NGO Sihate dan peringkat kerjasama masjid lah.

Termasuklah aktiviti-aktiviti yang diadakan, aktiviti memanah, aktiviti silat, macam di Masjid Ismail Petra ni dia ada kelas seni pertahanan diri, silat gayung warisan setiap petang Khamis diadakan disamping program-program kuliah pengajian yang saya tak sebut. Yang tu memang sudah al-maklum Minaddin bin Darurah, Kelas Pengajian Tafsir, kelas yang ni memang wajib dah. Saya sebut ini program-program yang telah pun di *upgrade* oleh imam-imam untuk menarik golongan anak muda. Jadi golongan ini, anak muda hadir untuk mengikuti bersama program-program sebegitu dan bila cuti sekolah akan ada kem yang dianjurkan oleh masjid sebelum daripada ni cuti sekolah kita tengok NGO, program-program, institusi pengajian yang adakan.

Sekarang ni masjid bila cuti sekolah pun adakan kem juga. Dan lebih daripada biasanya 200 hingga 300 penyertaan di kalangan anak-anak muda. Sama ada di peringkat menengah ataupun di peringkat sekolah rendah. Jadi ini menarik kerana dalam pembentukan anak-anak muda ini mereka perlu digerakkan dengan tadi bagaimana syariah, itu mesti memasuki diri mereka *live* dihadirkan dengan elemen-elemen yang baik.

Untuk makluman juga, dalam beberapa hari yang lepas, 3 hari yang lepas di jeriji besi di dalam penjara di Pusat Pemulihan Akhlak Machang di bawah dalam Temangan ya, di Pusat Pemulihan Akhlak Machang telah keluar dua orang hafiz Al-Quran 30 Juzuk. Bayangkan. **[Kedengaran tepukan meja para YB].**

Ini inisiatif daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang telah pun menubuhkan Maahad Tahfiz Al-Furqan seramai 28 orang yang ada ni dua orang telah berjaya. Satu orang tu dia hafal dalam tempoh 1 tahun 8 bulan 14 hari saja. Dan baruni telah diberi penghargaan, Yang Berhormat Mulia Tengku Temenggong Kelantan sebagai YDP MAIK hadir memberikan penghargaan yang besar ini dan salah seorang nya mendapat insentif huffaz daripada MAIK.

Orang muda walaupun mereka, ya lah ada tersalah melakukan kesilapan-kesilapan tetapi walaupun duk di dalam penjara, boleh jadi baik.

وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا

Nabi kata, *"Dan iringi lah yang jahat itu dengan kebaikan, nescaya akan hilang yang jahat itu."*

Walaupun dia pernah melakukan kesalahan-kesalahan tetapi kebaikan itu dibuat di Negeri Kelantan ini. Alhamdulillah dapat lahir hafiz 30 Juzuk dalam penjara, siapa sangka? Ya, ini ada berlaku di dalam negara kita dan Negeri Kelantan kita dan 2,3 hari lepas saja majlis ini diadakan dan ini mencetuskan satu fenomena bahawa memang kita kena bentuk rakyat kita ini dengan suasana-suasana keislaman, didikan-didikan syariat islam ini supaya melebar luas termasuk apatah lagi di institusi-institusi masjid yang kita adakan termasuk lah di masjid-masjid yang lain saya buat contoh dua tadi dan boleh dikatakan anak-anak muda sekarang ini, kalau buat kelas Al-Quran, Tafsir Al-Quran memang anak-anak muda yang hadir, anak-anak tua tu ada juga, tapi anak-anak muda ramai. Pusat Tarannum Al-Quran JAHEAIK anak-anak muda di Pusat Tarannum apa, masjid-masjid yang buka, anak-anak muda.

Dan saya ambil kesempatan ini juga untuk ucap tahniah pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 1447/2026 yang diadakan di Negeri Terengganu pada tahun ini di mana Hafazan Kategori Juzuk 1-10 Negeri Kelantan Darulnaim mendapat Johan iaitulah Siti Sofiyah Binti Mohd Zainuri dengan 94.65%. Tahniah dia dapat Johan dan yang lelakinya dapat Naib Johan Abdul Karim Mohamad Azrae 98.08%. Tinggi peratusnya tapi yang Johan tu tinggi lagi.

Jadi maksudnya ada wakil daripada Kelantan, ini semua anak muda yang telah mewakili Negeri Kelantan dan memberi imej yang baik kepada kerajaan negeri. Jadi dengan ini dinyatakan bahawa statistik dan data-data terkini memang anak-anak muda mula mendekati dan mencari satu jalan untuk, bagaimana mengubati keadaan diri masing-masing dan mereka juga menjumpai bahawa itu adalah tempat institusi ibadat. Jadi, anak-anak, pakat-pakat puak-puak kita Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua-semua sekali yang berada dalam Dewan yang mulia ini, kita pakat mempermainkan khususnya tarik anak-anak muda supaya mereka

terlibat dengan institusi-institusi, rapat dengan institusi-institusi ibadat khususnya masjid dan surau.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Wakaf Bharu.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebelum soalan tambahan, dalam kesempatan ini saya ucap tahniah kepada EXCO Agama yang telah memainkan peranan untuk mendidik terutamanya di kalangan anak-anak muda hal solat dan sebagainya. Dan berbagai-bagai aktiviti anak muda, masjid mesra anak muda. Jadi, anak muda ni kita perlu santuni termasuk apa yang berlaku di *airport*. Jadi anak muda kadang-kadang teruja. Jadi bila teruja, dia cuba nak merasai tapi bila dilarang terus dia tak buat. Jadi kita cuba jangan perbesar-besarkan sebab kita kena santuni anak-anak muda. Anak-anak muda ni, anak muda Kelantan, anak muda yang bermaruah. **[Kedengaran para YB menepuk meja]**

Soalan tambahan saya, apakah perkembangan terkini berkait kajian solat Negeri Kelantan yang telah dibuat di peringkat negeri? Sekian, terima kasih.

YB TUAN USTAZ HAJI MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih kepada Wakaf Bharu di atas soalan tambahan itu. Itu berkait dengan kajian solat ya. Ya, memang Kerajaan Negeri Kelantan telah melihat bahawa perkara utama antara yang perlu difikirkan dan diberi perhatiannya ialah isu solat lima waktu di dalam negeri ini. Kita meyakini bahawa sekiranya solat lima waktu ini apabila dipenuhi, takdak yang tuang solat, maka In Shaa Allah gejala-gejala tidak baik ini dia dapat

dikurangkan dan dapat disifarkan sekiranya berjaya betul-betul. Jadi sebab itu, kita minta supaya pihak-pihak yang berautoriti untuk membuat kajian khas tentang solat lima waktu di Negeri Kelantan Darulnaim ini. Ada ke tak yang tak tunai solat lima waktu? Kita nak tahu.

Kajian ini dilaksanakan di 45 DUN di 14 kawasan ya dan telah pun bermula pada bulan September, bulan Oktober khususnya pada 2025 yang lalu dan In Shaa Allah, Jun 2026 ini siap. Jun 2026 ni kita dapat tahu sekiranya ada yang tidak solat lima waktu. Jadi In Shaa Allah kita doakan supaya ada lah dan ada lima tahap kajian yang telah dibuat. Iaitu lah kajian rintis yang mana ada 121 responden jumlah *sample* yang kita telah keluarkan. Dan kajian ini sebenarnya untuk nilai kesesuaian *instrument* yang apa sebelum daripada kajian sebenar. Yang ni sudah lepas. Dan sekarang ini tahap peninjauan. Tahap yang keduanya ialah tahap peninjauan di mana tahap ini melibatkan 1,500 borang soal selidik. Ini bermula daripada bulan Februari yang lalu dan In Shaa Allah bulan Mac selesai. Jadi ini sudah selesai dan masuk sekarang ni April ialah tahap penambahbaikan.

Tahap penambahbaikan ini dia melibatkan 3,000 borang kaji selidik. Ini berdasarkan penambahbaikan taburan penduduk dan juga kita akan kenalpasti kelemahan-kelemahan di dalam tahap yang kedua untuk kita pastikan kaji selidik itu betul-betul berlaku dengan baik. Jadi ini In Shaa Allah pada April ini dapat diselesaikan dan tahap penyempurnaan ini tahap yang keempat ini akan diedar 1,800 borang soal selidik yang akan menyempurnakan keseimbangan tahap semua sekali lah. Jadi ini dijangka Mei akan selesai dan tahap lima penyediaan laporan.

Yang ni In Shaa Allah penyediaan laporan akhir ini dia akan melibatkan semakan oleh ahli-ahli penyelidik serta pengesahan oleh penilai luar yang apa, yang berautoriti sebelum dimuktamadkan jadi In Shaa Allah yang ini akan selesai pada Jun nanti. Bila selesai nanti In Shaa Allah akan kita kemukakan secara rasmi bagaimana untuk menyelesaikan isu solat lah. Jadi ini kajian pertama yang ada di peringkat kerajaan negeri yang kita lakukan untuk pastikan dalam sebuah negeri tu ada ke tidak rakyat yang tidak solat lima waktu. Minta-minta takdok dah. Dok tapi kajian ini kita

buat adalah semata-mata menjadi kayu ukur kepada apa-apa kes yang berlaku dalam negeri.

Kes apa-apa yang tidak baik dia sebenarnya berpunca daripada sini, daripada solat ini. Jadi sebab itu lah kajian ini dibuat dan In Shaa Allah bila siap Jun nanti kita doakan sama-sama supaya dapat keputusan yang terbaik. Tak baik pun kita kena selesaikan secara bersama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jajahan semuanya akan dipanggil untuk diberi taklimat bagaimana untuk selesaikan kelapangan dalam *shariah life* nanti untuk membasmi perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam negeri, negara kita. Terima kasih.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker. Pohon jawapan saya soalan nombor enam.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, tahap kejayaan pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman denda terhadap perbuatan membuang sampah secara tidak bertanggungjawab di seluruh Kelantan selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) serta inisiatif kebersihan KPKT termasuk jumlah individu yang telah dikenakan denda.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih pada Yang Berhormat Kota Lama atas soalan berkaitan dengan penguatkuasaan kebersihan di Negeri Kelantan inisiatif juga dan juga 12 kompaun telah dikeluarkan. Penguatkuasaan merupakan salah satu objektif utama di bawah Dasar Kelantanku Bersih yang telah berakhir pada tahun, penghujung tahun lepas lah.

Bagaimana telah disebutkan di dalam perbahasan semalam oleh Yang Berhormat ADUN Bunut Payong tapi ambo tak sempat nak buat penggulungan dan In Shaa Allah ambo akan masukkan penggulungan di dalam jawapan untuk soalan nombor lapan, Kota Lama. Penguatkuasaan adalah salah satu objektif berdasarkan Kelantanku Bersih dan ambo mohon izin daripada Dato' Speaker untuk membacakan sepintas lalu mengenai Dasar Kelantanku Bersih.

Lima objektif yang utama. Yang pertama, kesedaran. Sikap masyarakat kita telah capai objektif ini kita telah mengadakan pelbagai gotong-royong perdana di Peringkat DUN, Peringkat Parlimen, Peringkat Komuniti, RKT, Persatuan Surau dan semua sekali lah. Antara jenama-jenama gotong-royong kita iaitu RIAS riadah sambil kutip sampah, air suki aiskrim untuk kanak-kanak, *PLOGGING plug-in-jogging*, GORO gotong-royong sebagainya. Itu untuk meningkatkan kesedaran pengetahuan, amalan kebersihan dalam masyarakat dan ke arah budaya bersih sihat selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam.

Objektif yang kedua dasar ialah amalan kitar semula. Meningkatkan amalan kitar semula di kalangan komuniti dan masyarakat untuk kelestarian alam sekitar kita telah adakan pelbagai Program 3R. Kita telah adakan Program *Used Cooking Oil* kita adakan program di setiap *drive-thru* di lokasi *centre* dan juga program-program bengkel untuk muslimat iaitu menukarkan sabun apa ni, minyak terpakai kepada sabun.

Dasar objektif ketiga kitaran ekonomi. Menggalakkan inisiatif kitaran ekonomi, sekular ekonomi dan konsep sisa sebagai sumber. Kita di tapak pusat telah berjaya menukarkan sampah kepada pendapatan, *waste-to-wise*. Antaranya kita telah adakan ayat MRF *Material Recovery Facility* kita telah asingkan sampah-sampah sehingga menjadi *compose* dan

menghasilkan plastik, bahan-bahan metal dan juga bahan-bahan plastik dan kita juga adakan *love remind* di tapak Beris Lalang dan juga BSF *Black Solder Fly*.

Dan juga objektif keempat aktiviti kebersihan. Memantapkan kerjasama dan pelaksanaan aktiviti kebersihan bersama agensi masyarakat penduduk NGO. Antara program besar kita adakan PKAH. Program Komuniti Alam Hijau telah mendapat penyertaan daripada hampir 50 buah sekolah daripada Jabatan Pendidikan Negeri dengan penyertaan hampir 80,000 pelajar seluruh Kelantan kita adakan Anugerah Kelantanku Bersih pada semua yang terlibat PBT, sekolah-sekolah NGO, komuniti dan akhir sekali iaitu tajuk kita penguatkuasaan dan kita adakan pemasangan CCTV secara berperingkat di semua PBT. Dasar ini, objektif ini untuk memperkasakan tadbir urus pengurusan sisa pepejal, polisi, pengawasan dan penguatkuasaan secara bersepadu supaya lebih cekap dan berkesan.

Dan penguatkuasaan kita telah berjaya mengubah naratif rakyat Kelantan yang mana kalau kita saman pemungut sampah 100% menyokong tindakan penguatkuasa berbanding kita kompaun mereka yang melanggar syarat, membina bangunan, mereka yang menjaja tepi jalan kita kompaun akan di kondem oleh rakyat. Jadi kalau sampah ni, kita saman kompaun dok, 100% komen *netizen* tu walaupun *cyber trooper* dia menyokong, makna tiada alasan di kalangan rakyat kita untuk menafikan usaha-usaha PBT untuk menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang bersih, indah dan ceria.

Dan berbalik kepada penguatkuasaan, ada dua akta utama lah di Malaysia yang diberi punca kuasa untuk memastikan Negara Malaysia dan semua negeri-negeri menjadi negeri yang bersih itu Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Yang kedua, Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam, ada beza yang ketara antara dua akta ni. Yang kita pakai sekarang ni 171 bagi negeri akta gunapakai 672 telah dihuraikan semalam. Bezanya ketara iaitu Akta 171, satu Akta Tradisional. Maknanya dah lama tidak dipinda.

Yang pertama, dari segi hukuman. Hukuman maksimum Akta RM2,000 berbanding 672 RM100,000. Penjara daripada 5 tahun 171, 672 5 tahun dan Akta 171 lebih kepada pengurusan domestik di kalangan komuniti berbanding dengan 672 dia lebih kepada pengurusan-pengurusan melibatkan industri perumahan-perumahan dan juga bandar-bandar yang terancang. Itu beza utama antara dua akta ni lah.

Dan untuk inisiatif-inisiatif dan mekanisma penguatkuasaan sebagaimana soalan, pihak berkuasa menggunakan pelbagai kaedah untuk memastikan kebersihan terjaga. Antaranya pasukan khas dan juga operasi berjadual kita ada *taskforce* untuk menjaga kebersihan di tempat-tempat yang terpilih dan juga operasi berjadual oleh penguatkuasa. Operasi ini dia banyak lah operasi ni bukan hanya kebersihan tapi kita ada operasi apa ni, Operasi Lesen, Operasi Isyarat Lesen, kita ada Operasi Bangunan Haram, kita ada Operasi Penjaja Kecil, kita ada Operasi Tutup Aurat, kita ada Operasi Hiburan dan pelbagai operasi lagi antaranya operasi untuk kebersihan. Saya ambik satu begitu saja lah.

MPKB-BRI contohnya mengadakan operasi tiga kali seminggu khas untuk kebersihan dengan fokus kepada premis perniagaan bagi memastikan antaranya menyediakan tong sampah yang mencukupi, kedai ni dia keno sedia sendiri tong.

Yang kedua, penggunaan teknologi CCTV mekanisma nya MPKB-BRI memasang 18 unit CCTV berhampiran tong-tong sampah yang terpilih lah atau di kawasan-kawasan tertentu lah untuk mengesan pembuangan sampah haram terutama sekali sampah-sampah yang di buang secara pukal dok, dio bubuh peti sejuk dalam tong sapoh kecil, dio keto buruk dio bubuh jugok. Ni antara sampah pukal dan juga *illegal dumping*, sampah-sampah haram. Ya. Dio duduk di Ketereh, dio buang depe MPKB sapoh tu, tok buang di Ketereh, tong ada. Tu antara sampah-sampah haram lah. Dan PBT lain juga mengadakan operasi masing-masing dan juga memasang CCTV di kawasan-kawasan *hotspot* masing-masing, cuba kita tengok dalam *facebook*, ada PBT yang *upload* kesalahan-kesalahan untuk diberikan kesedaran kepada semua rakyat supaya jangan membuang sampah, kita ada rakaman dan tahap kejayaan pelaksanaan.

Tahap kejayaan berbeza mengikut PBT. Saya ambil sub saja yang cemerlang iaitu Majlis Daerah Machang. Machang telah mendapat anugerah lah tahun lepas melaporkan tahap kejayaan yang tinggi iaitu sebanyak 80% dan saya percaya Machang telah banyak berlaku perubahan, nok cari sapoh pun takdok doh Mache Ioni. In Shaa Allah. Dan kalau pagi-pagi tu dia ada choley duk *round* dale bandar tepi-tepi jalan utama, geng choley ni bukan OKU, dio kutip sapoh. Sapoh-sapoh yang terjatuh ataupun ditinggalkan oleh RORO dan sebagainya. Antara masalahnya kekangan utama, kesukaran mendapatkan bukti yang kukuh untuk mengeluarkan kompaun terhadap pelaku. Ni antara kekangan kita walaupun kita ada CCTV, CCTV kita ni tidok napok jelas. Dok, tok napok jelas nombor *plate*, contohnya dok. Nombor *plate* pun kade-kade dio guno keto oghe lain. Dio guno keto jiran dio. Jadi, kita nok buat kompaun tu susah lah.

Secara keseluruhannya, penguatkuasaan dijalankan secara berkala untuk memastikan masyarakat mematuhi peraturan ditetapkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 171 dan undang-undang kecil berkaitan kita. 171 walaupun dia ada klausa PBT untuk menjaga kebersihan tetapi pelaksanaan ni lebih kepada UUK, undang undang kecil kebersihan dan juga undang-undang kecil kebersihan di komuniti masing-masing lah. Kalau UUK ni dia punya kompaun antara RM50 ke RM500 lah biasa. Walaupun peruntukan membenarkan sehingga RM2,000 tapi biasa PBT hanya menekankan RM50 kepada RM500 sebagai apa ni, sebagai punitif lebih kepada kita bagi pengajaran kepada mereka yang membuang sampah dan statistik, statistik kompaun dan individu yang dikenakan kompaun berbeza antara PBT dan ambo ambil beberapa PBT sebagai rekod kompaun dikenakan atas kesalahan sampah dan dari CCTV saya ambil data tahun 2025. 2026 ni kita dapat data yang lengkap. Antaranya MPKB-BRI mengeluarkan kompaun sebanyak 177 kompaun dan bilangannya berjumlah 85,518 CCTV. Seterusnya Ketereh MBKP 10 kompaun, jumlah kompaun RM5,000 dan Gua Musang 16 kompaun berjumlah RM8,000 dan ada antara PBT yang kurang berkompaun tetapi lebih banyak memberikan notis amaran antaranya Pasir Mas. Notis sebanyak 33 notis Kuala Krai 16 notis dikeluarkan.

Itu antara apa ni, statistik kompaun notis dikeluarkan bagi memastikan rakyat kita patuh kepada untuk menjaga kebersihan dan akhirnya saya ingin menyimpulkan bahawasanya sekiranya kita ingin menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang betul-betul bersih, betul-betul indah dan betul-betul ceria, kita terpaksa membuka ruang rundingan untuk menggunakan Akta 672 kerana objektif akhir kita iaitu penguatkuasaan dengan kita kekal *status-quo* 171 kawalan negeri kekal sampah bawah kita tetapi penguatkuasaan akan sentiasa lemah kerana kadar kompaun yang amat rendah berbanding 672 sampai RM100,000. Satu-satu tidak dapat mengendali kes-kes sampah-sampah industri di keluar tadi lah, kilang-kilang, kedai-kedai komersial kita hanya ada peruntukan sehingga RM2,000 sahaja.

Dan juga *option* kedua kita terima pakai 672, kita terima je atas pusat, takdok hal kei, dok sebab penguatkuasaan kuat. Boleh penjara lima tahun denda sampai RM100,000 tapi akan hilang sebahagian kuasa negeri. Pengompaun tu oghe daripada pusat lah mari, buke penguatkuasa kita. Tokleh kecek kkiro. Dan juga *option* ketiga kita naik taraf Akta 171 meminta Kerajaan Pusat supaya menaikkan kadar kompaun sehingga RM500,000 untuk digunapakai di negeri-negeri yang tak terima Akta 672 supaya hukuman dia setara untuk kita naikkan kadar denda UUK kita sehingga RM10,000 ataupun RM20,000. Kita naik taraf 171, kita boleh kekalkan kuasa autonomi negeri. Dan dalam masa sama kita kena tingkatan peruntukan kepada PBT untuk mengambil lebih ramai petugas kebersihan membuat perolehan jentera-jentera baru dan terkini dan juga untuk kita menjalankan kempen-kempen dalaman supaya layak dapat meningkatkan apa ni, tahap kebersihan di kawasan masing-masing.

Akhirnya isu kebersihan bukan lagi isu kesedaran semata-mata, kita kempen habis reng doh. Dan tahun ni pun dengan tahun lepas untuk tempoh penguatkuasaan *enforcement* tetapi isu penguatkuasaan yang tegas tanpa penalti yang setimpal kita hanya mengurus sampah sampai bila-bila. Bukan menyelesaikan masalah. Sekian saja.

YB DATO' SPEAKER :

Silakan Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Mulai 1 Januari 2026, KPKT melaksanakan perintah khidmat masyarakat bagi kesalahan membuang sampah kecil dan garis panduan ini bertarikh 31 Mac menunjukkan bahawa PBT dan negeri boleh melaksanakan khidmat masyarakat ini melalui Akta A1773 denda dia sampai RM2,000 hingga RM10,000.

Jadi soalan saya adalah, apakah kekangan kita untuk melaksanakan kesemua yang kita nak lakukan tu terutama tadi yang sebut tadi CCTV tu, adakah rancangan kita untuk *upgrade* CCTV kita ataupun menambah lagi penguatkuasaan untuk kita turun ke bawah?

Dan soalan saya yang kedua adalah, berhubung dengan hasrat negeri menimbangkan penerimaan Akta 672 ni disebut EXCO, bilakah unjuran keputusannya dan pelaksanaannya kerana bagi saya dia membantu pengurusan kebersihan di tempat kita selain daripada sampah industri tadi dia juga membantu kita mengurus sampah di hari biasa dan terutama di musim perayaan yang menjadi sungutan rakyat kita. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih pada Kota Lama atas dua soalan tambahan. Yang pertama, mengenai pemakaian pindaan Akta 171 iaitu Seksyen 124 untuk pelaksanaan hukuman, dia panggil khidmat masyarakat. Negara maju telah mengambil inisiatif awal, dia buat awal lagi, jadi istilah dia panggil, istilah dia *name and shame*, kita *name and shame* kepada dengan izin pesalah, kita namakan dan kita malukan dan ini adalah satu inisiatif yang dicadangkan di peringkat parlimen telah diluluskan iaitu kita jatuhkan hukuman, majistret akan jatuhkan hukuman kepada pesalah yang dibuktikan bersalah perlu menjalani khidmat masyarakat selama 12 jam

dalam tempoh 6 bulan dengan pengawasan pegawai dilantik oleh mahkamah setelah dipastikan pesalah, sempurna mental dan fizikal, tidak OKU dan kanak-akan akan dikawal bawah Akta Kanak-Kanak lah.

Kita MMK telah meluluskan secara dasar untuk menggunakan akta tersebut untuk bawa ke dalam dewan untuk meminda kesalahan ini kerana ia melibatkan tiga akta utama. Akta 171, Akta 131 Parit, Jalan dan Bangunan, Akta 133 Perancangan Bandar dan Desa. In Shaa Allah pah kita bawa ke dewan, kita terima cuma untuk kenakan akta untuk kenakan hukuman ke masyarakat, perlu buat pendakwaan, perlu dibuka IP, kertas siasatan ada siasatan pendakwaan dibuktikan bersalah baru lah dijatuhkan hukuman khidmat masyarakat selama 12 jam. Itu jalan terakhir. Kita pun telah masuk ke fasa terakhir penguatkuasaan. In Shaa Allah kita sama-sama menyokong dasar kerajaan pusat untuk jadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih dan kita negeri, negeri yang bersih. Itu respon daripada akta lah.

Yang kedua, mengenai 672 semalam saya dah sentuh sedikit sebanyak 672, kita pun dah beberapa kali buat perbahasan Akta 672, akta yang mana sepatutnya diwajibkan pada semua negeri untuk melaksanakan dasar keberkesanan negara 2019 saya sebut semalam. Walaubagaimana kita ada kekangan tadi lah, kita akan terima tapi kuasa kita akan kurang. Kalau kata syarikat S buka, penguatkuasa dia kenakan denda kepada rakyat RM50,000. Rakyat akan marah pada YB, dia akan marah pada PBT, dia marah pada negeri sedangkan yang mendenda tu bukan kita. Yang pertama lah.

Aduan dibuat kepada syarikat swasta. Kalau kita terima 672, syarikat yang akan masuk Alam Flora Sdn. Bhd. Alam Flora ni satu syarikat yang berpengalaman dalam pengurusan sisa pepejal tetapi suasana di kampung-kampung, desa-desa bukan menjadi keutamaan. Dia hanya laksana KPI dia, SOP dia untuk dapatkan tuntutan. Kerja-kerja pembersihan setakat ni kita telah hantar surat, minat kita untuk bersama-sama dengan semua negeri-negeri lain pasal 672 tinggal lagi keputusan di peringkat kabinet. Kabinet akan buat kertas kabinet untuk dibentangkan cuma sehari dua ni ambo rasa payah sebab kerajaan pusat

takdok pitih. Kalau terima 672, Pusat akan *subsidise* kita punya kerja-kerja dan nilai tahunan.

Kalau di Kedah 247 Juta, 243 Juta tahun lepas. Di Kelantan ni tak rasminya 200 Juta maka pusat terpaksa keluarkan 150 Juta setahun kepada Kelantan untuk sempurnakan kerja-kerja dan kita tak *free*. PBT kena mencarum kadar semasa kos pembersihan kepada satu akaun, akaun amanah kebersihan dalam kajian kita setiap tahun semua PBT kita kumpul kos pembersihan iaitu 50 Juta lebih kurang. Jadi 50 Juta setahun kita bagi pada akaun pengurusan amanah kebersihan, pusat akan *inject* kepada syarikat, 150 Juta haa tuh. Setakat ni kita tunggu keputusan daripada pusat dan kita sama-sama doa supaya diluluskan lah dok. Kita nok loni jange duk heret-heret tali lah. Kalu kito nok demo duk tarik tali pulok. Jadi lamo pulok. In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Sampah ni satu benda yang isu global lah, dia tidak beranak sampah ni. Isu kebersihan bukan saja dibuat oleh orang awam tapi sampah ni juga banyak berlaku di pasar-pasar malam, pasar-pasar tani yang disumbangkan oleh pengunjung. Tapi bukan saja pengunjung tapi kadang-kadang sampah ni disumbang oleh peniaga tu sendiri. Jadi apakah langkah proaktif yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani isu ini? Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Gaal atas soalan tambahan mengenai pengurusan sampah di pasar-pasar lah. Pasar-pasar antaranya pasar malam dan juga pasar pagi. Ambo ada beberapa contoh inisiatif telah diambil oleh PBT dan ambo nak ambil PBT yang terbaik tahun lepas lah, Machang lah. Untuk makluman dan juga garis panduan kepada semua PBT-PBT supaya dapat

mengambil contoh Machang lah. Ambo ambil kaedah Machang mengendalikan sampah tapak pasar tani, pasar pagi atau pasar malam di Machang lah. Yang pertama, pelaksanaan program pembahagian plastik sampah selama dua bulan untuk mendisiplinkan peniaga-peniaga. Selepas dua bulan tiada lagi plastik sampah disediakan dan peniaga sedia sendiri jadi dia ubah tradisi pasar pagi, pasar malam selama 2 bulan YDP dia wajibkan pembahagian plastik kepada semua peniaga.

Yang kedua, menyediakan tong *roundbin* hok kecil tu di setiap empat gerai untuk kemudahan pengunjung membuang sisa plastik, biar ada *roundbin* dulu.

Yang ketiga, hebahan kepada peniaga untuk memasukkan sampah ke dalam plastik masing-masing oleh anggota penguatkuasa 15 minit sebelum tamat perniagaan, dia guna *speaker* dok haa nok tutup doh ni dok. Jadi pakat-pakat kutip sampah masing-masing.

Empat, setiap pelesen diwajibkan membawa penyapu masing-masing haa bawak nyapuh. Untuk membersihkan lot niaga selepas aktiviti jualan dan wajib urus sampah masing-masing sebelum pulang sehingga bersih.

Yang kelima, mesyuarat berkala dan taklimat bersama persatuan peniaga, jjupo sokmo. Haa dok? Jjupo sokmo. Sebulan sekali ko, wak make, wak minum dengan peniaga. Suko lah peniaga nya.

Yang keenam, pemantauan awal pagi, sebelum *start* pasar pagi dia dan selepas nak habis tamat operasi perniagaan oleh dua anggota penguatkuasa. Dikeliling. Dua oghe keliling. Makna penguatkuasa tok tinggal, ada sokmo.

Yang ketujuh, membuat edaran memo peringatan, *speaker* guno pantau dok, ada memo peringatan setiap bulan ni untuk ajar supaya ubah tabiat. Yang kelapan, pegawai atasan membuat rondaan *spotcheck*, haa DO sediri turun. Dok? Kaba-kaba ada DO. Gelepar la penguatkuasa ni lah.

Yang kesembilan, penguatkuasaan kepada peniaga yang ingkar. Aaa ni *enforcement* di mana peniaga meninggalkan sampah di tapak niaga, notis amaran dan kompaun. Kesalahan pertama, notis amaran. Kesalahan kedua, kompaun. Kesalahan kali ketiga dan berulang, batal, tarik lesen perniagaan.

Kesepuluh, jika semua peniaga ingkar arahan Majlis Daerah Machang penutupan keseluruhan. Tutup selalu ataupun gantung operasi selama tiga bulan, tutup terus dok?

Yang terakhir, petugas kebersihan masuk mengikut waktu yang ditetapkan selepas operasi tamat perniagaan untuk mengutip sampah yang siap dikumpulkan dalam plastik sampah sebagaimana arahan MDM. Jadi petugas ni ambil plastik yang telah berbungkus sampah, bukan yang berterabur gitu dok.

Jadi untuk laksana ni kita kena buat *engagement* dengan para peniaga kena kecek kiro, keno wak minum teh nah. Bagi taklimat, bagi dulu keperluan, didik dia dok, dia ada tabiat kutip sampah setiap habis waktu perniagaan baru lah kita kenakan penguatkuasaan. Kalu degil jugok, kita boleh tutup tiga bulan, dua bulan atau berapa waktu tertentu sebagai menyatakan ketegasan kita supaya semua peniaga bersih, pengunjung pun suko mari, comey dan In Shaa Allah kita dapat menjadikan pasar kita pagi, pasar malam sebagai pasar yang digemari, dikunjungi oleh para pembeli dan tidak mati pasar kita. Wallahua'lam. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pendekatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam pendigitalan sektor pertanian?]

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan daripada Kelaboran. Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkukuh pendigitalan sektor pertanian melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan penggunaan sistem digital, teknologi pintar serta pembangunan kapasiti pengusaha. Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sektor pertanian.

Pertama, penggunaan sistem geotanaman, institusi pemetaan digital yang merekodkan maklumat ladang secara bersepadu termasuk lokasi GPS, jenis tanaman, keluasan serta profil pengusaha. Sistem ini membolehkan perancangan pengeluaran makanan dilakukan secara lebih tepat dan berasaskan data.

Yang kedua, pendigitalan perkhidmatan pertanian. Kerajaan negeri turut melaksanakan pendigitalan perkhidmatan melalui modul e-Pengembangan. Pensijilan MyGap, MyOrganik secara dalam talian serta sistem e-GAM Geran Agropreneur Muda. Langkah ini memudahkan urusan petani serta mempercepatkan penyampaian perkhidmatan.

Yang ketiga, penggunaan teknologi pertanian pintar *smart farming*. Di mana pengusaha digalakkan mengaplikasikan *Internet Of Things (IOT)*. Kecerdasan buatan AI dan sistem fetergasi pintar melalui insentif serta geran padanan seperti Program Geran Agropreneur Muda *Upskill*. Ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan penggunaan input pertanian.

Yang keempat, pembangunan kapasiti pengusaha. Kerajaan negeri juga memberi penekanan kepada pembangunan kapasiti pengusaha ini melalui latihan dan kursus yang berkaitan teknologi digital. Pendekatan ini penting bagi memastikan petani bukan sahaja menerima teknologi tapi mampu menggunakannya secara efektif dalam operasi harian mereka.

Yang kelima, pembangunan *drone* pertanian. Melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, program seperti Al-Falah, *drone* Darulnaim Afdhal telah diperkenalkan bagi melatih juruterbang, *pilot drone* pertanian. Inisiatif ini membuka ruang kepada penggunaan *drone* dalam pemetaan, pemantauan dan semburan tanaman secara lebih efisien.

Yang keenam, kita juga menggunakan rumah cendawan pintar yang diperkenalkan melalui anak syarikat kita KPKB di mana dengan penggunaan IOT, rumah cendawan pintar ini, pengusaha mampu mengawal operasi secara automatik. Ini membuktikan bahawa teknologi digital mampu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja serta meningkatkan hasil pengeluaran.

Yang ketujuh, kita ada model ladang pintar Rong Chenok Agro Valley, Pasir Mas. Ini di bawah pengurusan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan. Di mana perbadanan ini memainkan peranan aktif memperkenalkan penggunaan sensor automasi, sistem pemantauan kelembapan tanah serta teknologi fetergasi pintar di Rong Chenok Agro Valley, Pasir Mas. Malah pembinaan reban ayam tertutup berteknologi tinggi menunjukkan transformasi ke arah pertanian moden dan berskala komersial.

Yang kelapan, dalam aspek pemasaran digital pula, FAMA memperkukuhkan peranannya melalui pendigitalan platform Agro Bazar *Online* (ABO) yang membolehkan petani memasarkan produk secara terus kepada pengguna sehingga Mac 2026, tiga bulan pertama tahun ni. Platform ini telah merekodkan jualan hampir RM2.9 Juta dengan lebih 79,000 transaksi di peringkat nasional.

Kesimpulannya, pendekatan pendigitalan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pemasaran malah memperkukuh daya saing sektor pertanian negeri. Ia juga menjadi asas penting untuk menarik minat golongan belia serta memastikan Kelantan bergerak ke arah pertanian pintar dan mampan juga dapat menghilangkan stigma lama terhadap bidang pertanian yang terkenal dengan stigma 3D, *dirty* = kotor, *dangerous* = bahaya dan *difficult* = susah, bidang pertanian dengan permodenan sektor pertanian ini In Shaa Allah lebih ramai golongan pemuda akan minat dan tidak merasa terbeban dengan sektor yang penting ini. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Kita nampak bahawa pertanian di negeri kita bergerak kearah pendigitalan yang menyeluruh. Soalan tambahan saya, sejauh mana penggunaan teknologi RFID telah dilaksanakan dalam sektor ternakan di negeri ini khususnya bagi bertujuan pengesanan dan pemantauan kesihatan serta kawalan penyakit?

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan Kelaboran. Pendekatan RFID dalam pengurusan ternakan, ni juga benda yang penting lah dalam peringkat permulaan kita perkenalkan. Kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar, telah mula melaksanakan teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID) sebagai usaha memodenkan sistem pengurusan ternakan. Teknologi ini digunakan bagi meningkatkan kecekapan dan aspek daya jejak pemantauan kesihatan serta kawalan penyakit secara lebih sistematik. Penggunaan *microchip* RFID ini melibatkan ternakan seperti Lembu Hibrid Naimbif, kuda serta haiwan kesayangan. *Microchip* ini berfungsi

sebagai pengenalan unit haiwan sekaligus membolehkan rekod kesihatan, vaksinasi dan rawatan dipantau dengan lebih teratur dan berpusat di mana setiap pemasangan *microchip* disertakan dengan rekod dalam buku *passport* yang telah diakses melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan. Ni sistem rekod dan status semasa, juga mudah dengan sistem RFID ni.

Bagi tahun 2025 pelaksanaan ini melibatkan ni kita peringkat pengenalan, baru 127 ekor kuda, 145 ekor lembu hibrid serta beberapa haiwan kesayangan. Ini lah menunjukkan satu perkembangan baik, penggunaan teknologi ini di bidang penternakan di Negeri Kelantan. Secara keseluruhannya teknologi RFID berpotensi memeperkukuh sistem daya jejak ternakan dari ladang ke pengguna, *farm to folk*.

Di samping meningkatkan kawalan penyakit dan keselamatan makanan. Kerajaan negeri akan terus memperluaskan perlaksanaan serta meningkatkan kesedaran kepada para penternak bagi memastikan penggunaan teknologi yang penting ini lebih menyeluruh dan digunakan oleh penternak dan juga jabatan di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila. Semerak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih dan tahniah pada kerajaan kerana telah banyak terlibat dalam membuat pendekatan kepada pendigitalan dalam sektor pertanian. Cuma saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan perikanan pula. Dalam sektor perikanan, apakah kerajaan turut membantu sektor perikanan dalam mendapatkan mereka kepada pendigitalan? Terima kasih.

YB DATO' UST HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan daripada Semerak. Semerak ni dia DUN yang ada pantai. Nelayan agak ramai lah. Ni gambaran kepada kecaknaan seorang YB di kawasan beliau. Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan bagi membantu nelayan meningkatkan kecekapan operasi, hasil tangkapan dan pengurusan sektor perikanan.

Antaranya, *System Face Identification (SFI)* membantu nelayan mengenalpasti lokasi penangkapan ikan menggunakan data *satellite*. Sekaligus mengurangkan kos operasi sehingga 30% dan menjimatkan masa, nak semak dimana ikan berkumpul untuk memudahkan tangkapan.

Yang kedua, sistem e-lesen perikanan. Membolehkan permohonan dan pembaharu lesen dilakukan secara atas talian dalam talian, menjadikan urusan lebih cepat, mudah dan menjimatkan kos. Haa tok payoh bergerak-gerak gi pejabat lah. Boleh buat dumoh.

Yang ketiga, sistem MFVR rekod wisel. Menyelaraskan maklumat wisel dan nelayan untuk tujuan pemantauan dan perkongsian data antara agensi-agensi.

Yang keempat, penggunaan *code* QR digunakan sebagai identifikasi wisel bagi meningkatkan ketepatan data dan memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa.

Yang kelima, ada sistem *e-logbook*. Membolehkan pelaporan aktiviti penangkapan ikan secara masa nyata, *real time*. Membantu analisis data dan perancangan, strategi perikanan negara.

Secara kesimpulannya, program pendigitalan ini sebenarnya berjalan secara menyeluruh lah. Bidang pertanian pun ada, penternakan dan juga perikanan. In Shaa Allah sekiranya teknologi-teknologi ini kita gunakan secara lebih baik dan lebih meluas. Sektor pertanian Negeri Kelantan akan menjadi lebih mampan dan lebih terserlah In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya pohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah dan program yang telah diambil oleh kerajaan sebagai menyahut sambutan Tahun Melawat Malaysia 2026.]

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat ADUN Bunut Payong. Tuan-tuan, puan-puan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat ADUN Bunut Payong bertanya tentang langkah dan program yang sedang dan yang telah diambil oleh kerajaan sebagai menyahut sambutan Tahun Melawat Malaysia 2026. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ini Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan beberapa program melalui dua agensi.

Yang pertama, yang dikenali dengan nama TIC ataupun Pusat Penerangan Pelancongan Negeri. Dan yang keduanya ialah Majlis Kebudayaan dan Kesenian Negeri yang juga dikenali dengan nama singkatnya MKN. Saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk memaklumkan bahawa kerajaan negeri telah bersetuju untuk meluluskan cadangan bagi menjenamakan TIC tadi kepada nama baru. Nama barunya ialah *Tourism* Kelantan. Antara sebabnya ialah TIC tidak menggambarkan perkasaan

kepada agensi ini. Di negeri-negeri seluruh Malaysia boleh dikatakan kesemuanya negeri mempunyai *tourism* negeri masing-masing.

Sedangkan kita satu-satunya Negeri Kelantan ni hok duk pakai TIC *Centre*, Pusat Penerangan Pelancongan bukannya satu gambaran yang memberi tahap keperkasaaan kepada agensi ini so terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah bersetuju dengan langkah ini. Mudah-mudahan Tourism Kelantan akan diperkasakan dengan lebih baik lagi dengan mempunyai tahap perbadanan. In Shaa Allah.

Untuk tujuan mengambil bahagian dalam menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026, kerajaan negeri melalui dua agensi tadi telah menyediakan 64 program bagi tahun ini dan ini melebihi kira-kira 20 program yang dianjurkan pada tahun yang lalu. Program dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta, Majlis Daerah dan juga persatuan-persatuan.

Di antara program yang boleh kita sebut di sini ialah mengenai penyertaan Toursim Kelantan dan juga MKN di dalam misi promosi Kelantan ke luar negeri. Kemudian, penglibatan dalam program Putrajaya *Open Day* pada 29 Januari tahun ini. Dan sambil itu kita juga melibatkan diri dalam MATTA *Fair* bulan April, tahun ini dan juga MAH *Fair Malaysian Association of Hotel* pada Mei tahun ini juga dan Kelantan *Showcase* MARA yang dijadualkan pada bulan Julai 2026.

Selain dari penyertaan dalam program promosi tersebut, antara langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut. Mempergiat promosi digital dan media sosial melalui penghasilan video promosi, kandungan kreatif serta kerjasama dengan pengengaruh, *influencers*, pelancongan bagi memperluaskan capaian pasaran domestik dan antarabangsa.

Yang kedua, menganjurkan acara dan festival pelancongan negeri seperti festival kebudayaan, makanan tradisional, sukan tradisional dan acara-acara lain yang berkaitan dengan *heritage* ataupun warisan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Kelantan sepanjang tahun 2026.

Yang ketiga, memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan negeri, agensi-agensi pelancongan, pusat, pengusaha hotel, penggiat industri kreatif dan komuniti setempat bagi menyediakan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik dan kompetitif.

Yang keempat, menambah baik kemudahan dan infrastruktur pelancongan termasuk papan tanda arah, pusat informasi pelancongan dalam rancangan untuk tidak saja di *airport*, kita ada satu kiosk di *airport*, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tetapi juga di pintu-pintu masuk seperti di Rantau Panjang dan juga di Pengkalan Kubor iaitu dalam perancangan. In Shaa Allah.

Yang kelima, menyediakan latihan dan kursus peningkatan kemahiran kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong bagi memastikan perkhidmatan yang mesra dan profesional dan berkualiti tinggi.

Dan yang keenam, mempromosikan produk pelancongan berasaskan komuniti seperti *homestay*, kraftangan, makanan tradisonal dan eco-pelancongan bagi memperkasakan ekonomi setempat. Mengadakan kempen kesedaran kebersihan dan kelas keadaan di lokasi pelancongan bersama dengan pihak berkuasa tempatan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Silakan Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Tahniah pada pihak kerajaan yang telah menambah program-program sepanjang tahun ini kepada 64 program. Cuma soalan tambahan saya, saya ingin tahu sejauh mana tahap kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam merancang serta melaksanakan inisiatif bagi menjayakan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 khususnya aspek penyelarasan promosi pelancongan, pembaharuan

infrastruktur serta sokongan kepada pemain industri pelancongan di peringkat negeri. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Terima kasih atas soalan tambahan. Hubungan antara kerajaan negeri melalui dua agensi tadi dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan MOTAC khususnya adalah baik dan saya lihat ada peningkatan dari segi keakraban dan sokongan kepada program yang kita anjurkan. Ada yang kita anjurkan bersama dengan agensi MOTAC seperti JKKK Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri, yang ni di bawah MOTAC dan In Shaa Allah dalam bulan Julai nanti, satu program besar-besaran yakni yang bernama *Kelantan Arts and Culture Festival* akan diadakan di Tok Bali di Jeti Tok Bali, Pasir Puteh pada 1 hingga 4 haribulan Julai. Ni antara contoh nya lah ya. Juga MOTAC menyediakan beberapa geran bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha yang menghasilkan produk-produk pelancongan. Geran ini boleh dipohon melalui pejabat MOTAC yang berada di Kuantan. Ini ada satu lagi usaha yang kita cuba untuk membawa balik pejabat MOTAC untuk Wilayah Timur daripada Kuantan ke Kota Bharu.

Permohonan sudah dibuat dan In Shaa Allah dalam pertimbangan. Jadi lebih memudahkan lah usaha pihak pengusaha pelancongan, produk-produk pelancongan untuk berhubung dengan MOTAC. Dan selain daripada itu, promosi yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia, lagi satu agensi di bawah MOTAC. Promosi Malaysia dan juga negeri-negeri ke luar negara pada tahun-tahun yang lalu kita tidak ada kesempatan untuk menyertai promosi ini. Kalau ada pun, jemputan ataupun tawaran kepada kita sangat suntuk masanya untuk kita membuat persiapan sewajarnya tetapi dalam tahun yang lalu dan tahun ini kita diberi notis yang cukup untuk membuat persiapan untuk menyertai misi ke luar negara untuk mempromosi Malaysia dan sekaligus mempromosi negeri.

Biasanya *Tourism Malaysia* menyediakan satu pavilion yang besar dan di mana negeri-negeri yang terlibat boleh mengadakan kiosk masing-masing dalam itu untuk mempromosi produk-produk pelancongan

daripada negeri masing-masing. So kita telah mengambil bahagian dan yang terkini yang telah kita sertai ialah di Berlin yang dianjurkan oleh ITB, ini satu Badan Pelancongan Antarabangsa dan melalui Tourism Malaysia kita dijemput dan kita telah menyertai yang menghasilkan satu perjanjian antara satu syarikat travel agensi Kelate dengan satu syarikat *travel agency* Jepun yang bernilai lebih pada RM2.3 Juta itu. Jadi itulah di antara yang boleh saya sebut menggambarkan hubungan yang baik dan kerjasama yang erat antara MOTAC dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan dewan, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang persidangan ini berlangsung. Mudah-mudahan segala teguran dan buah fikiran yang telah dikemukakan sepanjang perbahasan dua hari ini akan menjadi asbab kepada kemajuan dan pembangunan Negeri Kelantan yang kita kasihi. Marilah kita mengakhiri persidangan kali ini dengan bacaan tasbih kaffarah dan surah Al-'Asr dan persidangan akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11:00 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA SATU TARIKH YANG AKAN
DIBERITAHU KELAK.**
